PROSPEK PELAKSANAAN DAN HALANGAN KANUN JENAYAH SYARIAH II (1993) 2015 KELANTAN

ANUAR AL SADAT BIN HAJI NOOR

DOKTOR FALSAFAH

2025

PHD THESIS

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Prospek Pelaksanaan dan Halangan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 Kelantan

oleh

Anuar Al Sadat bin Haji Noor

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2025

PHD THESIS

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

☐	TERBUKA	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
☐	SEKATAN	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah dari tarikh _____ hingga _____.
☐	SULIT	(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
☐	TERHAD	(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengaku bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut.

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Prof. Madya Dr. Mohd Zain Mubarak

_____ _____

TANDATANGAN CALON TANDATANGAN PENYELIA UTAMA

_____ _____

NO. K/P/NO. PASPORT NAMA PENYELIA UTAMA

TARIKH: TARIKH:

Nota: * Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PROSPEK PELAKSANAAN DAN HALANGAN KANUN JENAYAH SYARIAH II (1993) 2015 KELANTAN

ABSTRAK

Kanun Jenayah Syariah II (KJS II) (1993) 2015 merupakan satu enakmen untuk mewujudkan peruntukan bagi kesalahan Jenayah Syariah Hudud, Qisas dan Takzir serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Undang-undang ini diperbuat oleh Badan Perundangan Negeri Kelantan. Tindakan Kerajaan Negeri Kelantan meluluskan KJS II (1993) 2015 bertujuan untuk dilaksanakan di negeri Kelantan sebagai memenuhi tuntutan Syariat Islam. Walau bagaimanapun usaha ini telah menimbulkan pelbagai reaksi dan tindakan daripada pihak Kerajaan Persekutuan, badan-badan perundangan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sama ada muslim atau bukan muslim. Pelbagai alasan dinyatakan berdasarkan hujah tersendiri sama ada berteraskan perlembagaan, suasana masyarakat, logik akal, suasana iklim dunia kini dan lain-lain. Rentetan daripada itu timbul konflik berpanjangan sehingga kini tanpa ada titik noktah dan penyelesaian. Justeru, kajian ini bertujuan mencari jalan penyelesaian terutamanya terhadap Kerajaan Negeri Kelantan dan pihak berkuasa yang berkaitan dengan aspek kebolehlaksanaan menurut Perlembagaan Malaysia (Persekutuan dan Negeri). Kajian ini turut menganalisis kemampuan Kerajaan Negeri melibatkan agensi-agensi pelaksana seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK), Mahkamah Syariah Kelantan, Jabatan Penjara Malaysia dan lain-lain. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melaksanakan pendekatan kajian fenomena setempat. Manakala kaedah utama pengumpulan data ialah melalui temu bual mendalam, kajian dokumen dan pemerhatian. Temu bual mendalam dijalankan terhadap 32 informan yang terlibat secara langsung dalam mengkaji, menggubal, melaksanakan dan menguatkuasakan KJS II (1993) 2015 di semua peringkat sama ada negeri atau Persekutuan. Hasil kajian menunjukan pihak Kerajaan Negeri Kelantan khususnya, menghadapi kekangan besar dalam aspek perundangan dan juga prasarana untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015. Pelaksanaannya berdasarkan kerangka perundangan negara yang memerlukan kerjasama semua pihak di peringkat persekutuan dan negeri unuk direalisasikan. Kerajaan negeri juga perlu memainkan peranan yang lebih aktif untuk memastikan kemampuan untuk melaksanakan kanun ini dipersiapkan dalam semua aspek. Kajian ini mengemukakan dapatan dan cadangan yang jelas mengenai isu kebolehlaksanaan dalam kerangka perundangan negara pada hari ini dalam usaha pihak kerajaan negeri melaksanakan KJS II (1993) 2015.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

IMPLIMENTATIAN PROSPECT AND OBSTACLES OF ISLAMIC CRIMINAL CODE II (1993) 2015 KELANTAN

ABSTRACT

Syariah Criminal Code II (1993) 2015 is an enactment for Shariah offences such as Hudud, Qisas, Ta'zir and related matters. The law was enacted by the Kelantan State Legislature. The action of the Kelantan Government's appproval of SCC II (1993) 2015 is intended to be implemented in the State of Kelantan to fulfill the demands of Islamic law. However, the Kelantan State government's efforts to implement SCC II (1993) 2015 have provoked diverse reactions from various parties, including the Federal Government, legislative bodies, and both Muslim and non-Muslim NGOs. These parties based their arguments on a range of factors, including constitutional principles, societal norms, rational logic, the current global climate, and other. This has provoked a prolonged conflict that remain without any point or solution. This study mainly aims to find a solution for the parties involved, particularly the Kelantan State Government and the authorities directly involved in the implementation of SCC II (1993) 2015, by examining its feasibility in terms of the Malaysian Constitution at both Federal and State levels. This study also aims to asses the capacity of the Kelantan State government, which involves implementing agencies such as Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK), Kelantan Syariah Court, Malaysian Prisons Department, and others. This study adopts a qualitative method by implementing local phenomenon, the primary method of data collection is the in-depth interview, using document study and observation methods. A total of 32 participants were interviewed; the participants were directly involved in the study, formulation, implementation, and enforcement of SCC II (1993) 2015 at both state and Federal levels. The findings of this study show that the Kelantan State Government, in particular, faces significant constraints in terms of legislation and infrastructure in implementing SCC II (1993) 2015 within the state. This study also highlight that cooperation from all parties at the Federal and State levels is essential to achieve this goal. Without such collaboration, the implementation of SCC II (1993) 2015 cannot be realized based on the current national legal framework. Regardless of the different views, all parties must adhere to the existing constitutional framework. Any effort, whether to amend the Federal Constitution and it must be complied with, whether to amend the Federal Constitution or to take alternative steps, must align with the principle the Constitution. Simultaneously, the Kelantan State Government must play a more pro ative role in preparing itself to implement this code effectively in all aspects. Furthermore, this study presents clear findings and recommendations regarding the feasibility non-feasibility of SCC II (1993) 2015 within the existing framework of Malaysia. The findings presented in this study are expected to assist and provide an opportunity for the Kelantan State Government to implement the SCC II (1993) 2015 more effectively.

PHD THESIS
KELANTAN

PENGHARGAAN

Alhamdullilah, puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam untuk Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga dan sahabat handai Baginda. Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dianugerahkan kekuatan fizikal dan mental untuk saya menyiapkan kajian ini.

Setinggi penghargaan diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak selaku penyelia utama dan juga Prof. Madya Dr. Nur Azuki bin Yusuff selaku penyelia bersama kerana sentiasa membantu dan membimbing saya serta memberikan nasihat membina dalam menyiapkan kajian ini. Segala jasa dan budi yang dicurahkan amat dihargai. Penghargaan juga kepada semua kakitangan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang telah menyemai budi dalam menyiapkan kajian ini.

Kepada semua informan setinggi penghargaan kerana telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang saya menyiapkan kajian, antaranya YB. Dato' Amar D' Raja Mohd Ammar bin Abdullah (TMB), YB. Sohibul Samahah Dato' Kaya Perba Mufti Negeri Kelantan, YAA Dato' Aria D' Raja Ketua Hakim Syarie Kelantan, Prof. Datuk Dr. Shamrahayu bt. A. Aziz, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Hj. Abdul Majid, YBrs. Tuan Mohd Hafiz bin Daud, YDH CP Dato' Haji Hasanuddin bin Hassan, Peguam cara & Peguam bela Hj. Ahmad Jailani bin Abdul Ghani dan lain-lain.

Penghargaan teristimewa dan doa terindah buat *almarhum* ayahanda Haji Noor bin Yusoff, *almarhum* mentua Hj. Che Omar bin Mohammad, *almarhumah* Hajjah Che Yam bt. Mohammad atas segala didikan dan tunjuk ajar dalam kehidupan sebagai anak/menantu dan sebagai anggota masyarakat. Buat bonda yang tercinta, Siti Aminah bt. Abdullah terima kasih atas asuhan dan didikan sehingga inilah diri 'kita' hari ini. Buat isteri tercinta Che Hartini bt. Haji Che Omar (Peguam cara & Peguam bela), penghibur setiap saat, peneman setiap tempat dan rintangan, terima kasih atas sokongan kembara kehidupan ini, buat anakanda @ sahabat sejati penerus legasi, Ameer Al Sadat (Pegawai Tadbir Agama) dan Afiq Al Sadat (Peguam) terima kasih atas sokongan kalian berdua kerana mengajar erti sebuah kehidupan dalam kembara ilmu ini.

Terima kasih jua buat keluarga *Wakaf An-Nur* atas sokongan dan 'bebelan' terindah sehingga saya dapat menyempurnakan kajian ini. Buat sahabat baik @ COACH YABhg. Dato' Haji Wan Adzlan bin Wan Othman (JP) terima kasih kerana sudi menjadi mentor hidup sosial dan badminton. Terima kasih buat sahabat ilmu dan guru YB. Senator Dato' Setia Haji Mohd. Naim bin Mokhtar (Menteri Agama), buat sahabat Noorlailawati bt. Mamat (TPO), Raimi Iziana bt. Abdullah, Nik Rahani bt. Nik Jaafar, Ahmad Khairul Anwar b. Mohamed Hanif, Baba Hj. Muhammad Izzuddin b. Muhammad Rosman dan semua kakitangan Bahagian Halal JAHEAIK diucapkan terima kasih jua atas segala bantuan dan pertolongan dalam menyempurnakan kajian ini.

Akhirnya, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam penghasilan kajian ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga Allah SWT mencucuri limpah rahmat yang berpanjangan di dunia dan akhirat, *Aamiin*.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN TESIS		ii
ABSTRAK		iii
ABSTRACT		iv
PENGHARGAAN		v
ISI KANDUNGAN		vi
JADUAL TRANSLITERASI		xi
SENARAI SINGKATAN		xiii
SENARAI JADUAL		xiv
SENARAI RAJAH		xv
BAB 1		16
1.1	Pengenalan	16
1.2	Latar belakang Kajian	16
1.3	Permasalahan Kajian	30
1.4	Persoalan Kajian	39
1.5	Objektif Kajian	40
1.6	Kepentingan dan Sumbangan Kajian	40
1.7	Batasan Kajian	41
1.8	Definisi Istilah Dan Operasional	42
1.9	Penutup	48
BAB 2		49
2.1	Pengenalan	49
2.2	British dan Undang-Undang Islam	49
2.3	Kedatangan Islam Ke Kelantan	50

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2.4 Sejarah Pelaksanaan Undang-Undang Islam Di Kelantan 52
2.5 Perundangan Islam di Malaysia Menurut Perlembagaan 53
2.6 Sejarah Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan 58
2.7 Hudud dan Kerajaan Negeri Kelantan PAS 67
2.8 Penyelidikan dan Penulisan Berkaitan Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 71
2.9 Penutup 75
BAB 3 77
3.1 Pengenalan 77
3.2 Reka Bentuk Kajian 77
3.3 Sampel Kajian 78
3.4 Pemilihan Informan 79
3.5 Latar Belakang Informan 81
3.6 Lokasi Kajian 84
3.7 Sumber dan Kaedah Pengumpulan Data 85
3.7.1 Kajian Kepustakaan 86
3.7.2 Kaedah Temu Bual 87
3.7.3 Kaedah Pemerhatian 89
3.7.4 Data Kajian Kepustakaan / Dokumen 91
3.7.5 Data Temu Bual 92
3.7.6 Analisis Data 94
3.8 Persembahan Data dan Dapatan 96
3.9 Kesahan dan Kebolehpercayaan 97
3.9.1 Pemeriksaan Transkrip 98
3.9.2 Pengesahan Informan 98
3.9.3 Penilaian Pakar dan Rakan Sejawat 98

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

3.10 Penutup 99

BAB 4 100

4.1 Pengenalan 100

4.2 Hal Ehwal Islam Dalam Perundangan Negara 100

4.2.1 Kedudukan dan Status Agama Islam; Malaysia Negara Islam Dan Bukan Negara Sekular 100

4.2.2 Perkembangan Politik Islam di Malaysia 106

4.2.3 Rang Undang-undang Persendirian Pindaan Akta 355 109

4.2.4 Mahkamah Sivil Berbidang Kuasa Mengesahkan Undang-Undang Islam Negeri 110

4.2.5 Agama Islam Urusan Negeri Perkara 74 (Hal Perkara Undang-undang Persekutuan dan Negeri) 113

4.2.6 Islam dan Melayu Berpisah Tiada 121

4.2.7 Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 Tidak Berperlembagaan 122

4.2.8 Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Klausa Tidak Menyentuh Hukum Hudud) 135

4.2.9 Kekangan Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam Atas Nama Hudud 137

4.2.10 Ancaman Doktrin Struktur Asas (BSD) dan Campur Tangan Mahkamah Sivil ke atas Mahkamah Syariah 139

4.3 Isu Politik dalam Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 143

4.4 Agensi-Agensi Terlibat Dalam Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 145

4.4.1 Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan 147

4.4.2 Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) 151

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.4.3 Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan (JKSK) 162
4.4.4 Kementerian Kesihatan Malaysia (Hospital) 165
4.4.5 Polis Diraja Malaysia (PDRM) 166
4.4.6 Jabatan Penjara Malaysia 167
4.5 Program Ke Arah Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 167
4.6 Isu dan Persoalan berkaitan KJS II (1993) 2015 dalam Kalangan Masyarakat 172
4.6.1 Benarkah Hukuman KJS II (1993) 2015 & Hudud Zalim? 172
4.6.2 Benarkah Hukuman Sebat Melanggar Hak Asasi Manusia? 174
4.6.3 Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 dalam Negara Berbilang Bangsa dan Agama 179
4.6.4 Pendirian Pelbagai Pihak Terhadap Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan 181
4.6.5 RUU 355 Bukan Ancaman Terhadap Hak Bukan Muslim 195
4.6.6 Tekanan Antarabangsa (Brunei) 196
4.7 Pindaan RUU 355 Selari Dengan Syarak 223
4.8 Pindaan RUU 355 Sejajar Dengan Waktu 226
4.9 KJS II (1993) 2015: Memartabatkan Institusi Mahkamah Syariah Di Malaysia 229
4.10 Perbezaan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Dengan Mahkamah Majistret - Kadar Hukuman 233
4.11 Pindaan KJS II (1993) kepada KJS II (1993) 2015 235
4.12 Analisis Dapatan 235
4.13 Penutup 238

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAB 5 241

5.1 Pengenalan 241

5.2 Rumusan Kajian 241

5.3 Implikasi Kajian 246

5.4 Cadangan Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 Di Kelantan 250

5.5 Cadangan Penyelidikan Lanjutan 255

5.6 Sumbangan Kajian 256

BIBLIOGRAFI 258

LAMPIRAN A 275

PHD THESIS

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	’	سأل	sa’ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	ḥ	حديث	ḥadīth
خ	kh	خالد	khālid
د	d	ديوان	dīwān
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	raḥman
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarāb
ش	sh	شمس	shams
ص	ṣ	صبر	ṣabr
ض	ḍ	ضمير	ḍamīr
ط	ṭ	طاهر	ṭāhir
ظ	ẓ	ظهر	ẓuhr
ع	‘	عبد	‘Abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qāḍī
ك	k	كأس	ka’s
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمار	mizmar
ن	n	نوم	nawm
ه	h	هبط	habaṭa
و	w	وصل	waṣala
ي	y	يسار	yasār

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Vokal Pendek			
Huruf Arab	**Huruf Latin**	**Contoh Asal**	**Contoh Transliterasi**
ـَ	A	فَعَلَ	Fa‘ala
ـِ	I	حَسِبَ	Ḥasiba
ـُ	U	كُتِبَ	Kutiba

Vokal Panjang			
Huruf Arab	**Huruf Latin**	**Contoh Asal**	**Contoh Transliterasi**
ـَ ا، ى	Ā	كاتب، قضى	Kātib, Qadā
ـِ ي	Ī	كريم	Karīm
ـُ و	Ū	حروف	Ḥurūf

Diftong			
Huruf Arab	**Huruf Latin**	**Contoh Asal**	**Contoh Transliterasi**
ـَ وْ	Aw	قول	Qawl
ـَ يْ	Ay	سيف	Sayf
ـِ يّ	Ī	رجعي	Raj‘ī
ـُ وّ	ū	عدو	‘Adū

Pengecualian

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada ‘a’ bukan kepada ’. Contoh: أكرب, transliterasi: akbar bukan ’akbar.
2. Huruf Arab ة (tā’ marbūṭah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain, ditransliterasi kepada ‘t’. Contohnya: وزارة التعليم, transliterasi: wizārat al-ta’līm, bukannya wizārah al-ta’līm. Tetapi seandainya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, tā’ marbūṭah ditransliterasi kepada h.

Bil.	Contoh	Transliterasi
1.	المكتبة الأهلية	Al-Maktabah al-Ahliyyah
2.	قلعة	Qal‘ah
3.	دار وهبة	Dār Wahbah

SENARAI SINGKATAN

JAHEAIK	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan
MAIK	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
KJS	Kanun Jenayah Syariah
KJS II	Kanun Jenayah Syariah 2 (1993)
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
YB	Yang Berhormat
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
RUU	Rang Undang-Undang
YAA	Yang Amat Arif
YA	Yang Arif
PKK	Penolong Kanan Komessioner
YDH	Yang Di Hormati
PDRM	Polis Diraja Malaysia
JPM	Jabatan Penjara Malaysia
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
UMNO	United Malay National Organisation
Penal Code	Kanun Keseksaaan
KIAS	Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
PP	Perlembagaan Persekutuan
DUN	Dewan Undangan Negeri
OYDS	Orang Yang Disyaki
OKT	Orang Kena Tuduh
OKT	Orang Kena Tahan

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

SENARAI JADUAL

NO		MUKA SURAT
3. 1:	Maklumat Informan Kajian	82
3. 1	(sambungan): Maklumat Informan Kajian	83
4. 1:	Jadual Pertindihan Kesalahan Yang Terdapat Dalam Kanun Keseksaan dan Undang-undang Jenayah Islam	125
4. 1	(sambungan): Jadual Pertindihan Kesalahan Yang Terdapat Dalam Kanun Keseksaan dan Undang-undang Jenayah Islam	126
4. 2:	Jumlah Anggota Penguatkuasa Undang-Undang Syariah Kelantan (JAHEAIK) Tahun 2022	153
4. 3:	Jumlah Anggota PDRM Kelantan Tahun 2017	154

PHD THESIS

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

SENARAI RAJAH

NO		MUKA SURAT
1. 1	Kerangka Konseptual Kajian	42
3. 1:	Proses Pengumpulan Data	91
4. 1:	Struktur Semasa Mahkamah Syariah Kelantan KJS (1985)	206
4. 2:	Struktur Mahkamah Syariah Khas KJS II (1993) 2015	207

PHD THESIS

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Agama Islam merupakan risalah untuk setiap zaman dan generasi. Ia bukannya risalah yang tertakluk kepada zaman dan masa tertentu seperti mana keadaan risalah para nabi sebelum Nabi Muhammad ﷺ. Pada masa dahulu setiap nabi diutuskan untuk jangka masa yang tertentu sehinggalah jangka masa tersebut tamat, maka Allah SWT mengutuskan nabi yang lain. Sebaliknya Nabi Muhammad ﷺ merupakan Rasul yang terakhir dan penutup segala Nabi. Al-Quran merupakan wahyu daripada Allah SWT dan tiada kitab suci yang lain selepas al-Quran. Al-Quran merupakan petunjuk yang lengkap dan menyeluruh kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan. Islam secara umumnya dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu akidah, syariah dan akhlak.

Kajian ini melibatkan aspek syariah yang terbahagi kepada dua iaitu *'ibādah* dan *mu'āmalah*. Muamalah pula terbahagi kepada lima bahagian, iaitu *Idārah Mālīyah* (Pengurusan Harta), *Aḥwāl Shakhṣīyah* (Hal Ehwal Keluarga), *Munākahāt* (Perkahwinan), *Jinā'ī* (Jenayah), *Siyāsah Shar'iyyah* (Politik dan Pemerintahan). Bahagian *Jinā'ī* terbahagi kepada tiga iaitu qisas, hudud dan ta'zīr. Kesalahan di bawah hudud terbahagi kepada tujuh bahagian iaitu murtad, zina, qazaf, minum arak, mencuri, merompak dan *bughāh*.

1.2 Latar belakang Kajian

Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 Kelantan lahir daripada kemenangan besar PAS yang mula memerintah Kelantan pada tahun 1990. Kerajaan Kelantan yang dipimpin

oleh YAB Dato' Nik Abdul Aziz b. Nik Mat sebagai menteri besar telah menetapkan Dasar Membangun Bersama Islam sebagai hala tuju dalam pentadbirannya. Rentetan daripada itu lahirnya KJS II (1993) 2015 bagi memenuhi tuntutan agama dan janji-janji pilihanraya untuk melaksanakan hudud di Kelantan.

Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015[1] merupakan suatu enakmen yang digubal dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan malah turut diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Kanun ini diwujudkan berdasarkan fasal (3) Perkara 39 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kelantan (Bahagian Yang Pertama)[2]. Enakmen ini terpakai kepada setiap orang Islam yang *mukallaf* bagi kesalahan berkaitan tatalaku atau kelakuan yang diketegorikan sebagai jenayah dalam agama Islam yang dilakukan oleh umat Islam di Kelantan dan tertakluk kepada Akta Mahkamah Syariah (1965) 1984. Enakmen ini mengandungi kesalahan jenayah syariah hudud, qisas dan takzir seperti berikut;

i) Kesalahan hudud, iaitu *sāriqah*, *hirābah*, zina termasuk liwat, qazaf, syurb dan irtidad atau riddah. Hukuman bagi kesalahan hudud ini telah ditetapkan oleh al-Quran dan al-Sunnah.

ii) Kesalahan qisas, iaitu kesalahan menyebabkan kematian atau kecederaan anggota badan seseorang yang mana hukumannya disebut sebagai hukuman qisas, telah ditetapkan oleh al-Quran atau al-Sunnah. Kesalahan takzir iaitu kesalahan selain daripada kesalahan hudud atau kesalahan qisas. Hukumannya ditetapkan oleh Badang Perundangan Negeri dan dijatuhkan mengikut budi bicara mahkamah.

Jika sekiranya tidak mencukupi syarat-syarat bagi dikenakan hukuman hudud atau qisas di atas mengikut ketetapan syarak, maka kesalahan itu di kategorikan sebagai

[1] Selepas ini dikenali dengan KJS II (1993) 2015
[2] Warta Kerajaan, Diterbitkan dengan Kuasa, Jilid.68, No. n18, 27 Ogos 2015, Tambahan No. 3

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

kesalahan takzir dan bolehlah dikenakan dengan pertimbangan mahkamah bicara. KJS (II) (1993) 2015 ini mempunyai 6 bahagian iaitu;

1. Bahagian I (Kesalahan-kesalahan Hudud) Seksyen 5-23
2. Bahagian II (Qisas) Seksyen 24-38
3. Bahagian III (Keterangan) Seksyen 39-47
4. Bahagian IV (Pelaksanaan Hukuman) Seksyen 48-55
5. Bahagian V (Am) Seksyen 56-62 dan
6. Bahagian VII (Mahkamah) Seksyen 63-71.

Kanun Jenayah Syariah II (1993) telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri Kelantan pada tahun 1993 dan sekali lagi diluluskan pada tahun 2015 selepas dibuat beberapa pindaan atau penambahbaikan dan dipanggil Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015. Namun, sejak diluluskan dan mendapat perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, kanun ini masih belum dapat dilaksanakan. Menurut IN8 yang merupakan Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Kelantan, KJS II (1993) 2015 ialah suatu enakmen yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan jenayah yang boleh dihukum dengan hukuman hudud, qisas, takzir dan perkara- perkara yang berkaitan dengannya. Ia terpakai kepada semua orang Islam yang mukalaff yang melakukan kesalahan ini di dalam Negeri Kelantan. KJS II (1993) 2015 berbeza dengan KJS (1985) kerana KJS (1985) hanya memperuntukkan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum dengan takzir dan terhad kepada bidang kuasa asal 3, 5 dan 6, iaitu tiga tahun penjara, RM5000.00 dan enam sebatan. Manakala KJS II (1993) 2015 memperuntukkan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum dengan hudud, qisas dan takzir yang melibatkan hukuman kecederaan kepada anggota badan, sebatan, tempoh pemenjaraan yang panjang termasuklah pelaksanaan hukuman mati.

Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri Kelantan semasa zaman YAB Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat sebagai Menteri Besar Negeri Kelantan. Pada tahun 2015 sewaktu YAB Dato' Ahmad bin Yaakob menjadi Menteri Besar Kelantan, KJS(II) 1993 ini sekali lagi dibawa ke Dewan Undangan Negeri Kelantan untuk diluluskan dengan beberapa pindaan. Walaupun begitu, ia masih belum dapat dilaksanakan sehingga sekarang kerana masih terdapat beberapa halangan yang tidak dapat diselesaikan sejak tahun 1993. Antara isu utama yang menjadi halangan pelaksanaannya ialah berkaitan bidang kuasa antara negeri dan persekutuan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

Masyarakat Malaysia mula didedahkan dengan KJS II (1993) 2015 dan Hudud apabila hasrat pelaksanaan hudud disuarakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan pada awal tahun 1990-an. Pelaksanaan hudud telah menjadi suatu agenda perjuangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang telah memerintah Kelantan sejak tahun 1990-an hingga sekarang dan terus diperdebatkan sehingga ke hari ini. Malah, perkara ini menjadi suatu polemik dan mengundang pelbagai pandangan dan perbincangan sama ada positif atau negatif apabila KJS II (1993) 2015 diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Kerajaan Negeri Kelantan telah berusaha keras untuk memartabatkan undang-undang Islam di Negeri Kelantan khasnya dan di Malaysia amnya. Justeru, penggubalan KJS II (1993) 2015 ini merupakan satu langkah *siyāsah shar'iyyah* yang lahir daripada dasar Kerajaan Negeri Kelantan, iaitu "Membangun Bersama Islam" selepas PAS memerintah Kelantan pada 21 Oktober 1990. Dasar ini merupakan satu janji yang ditawarkan kepada rakyat dalam manifesto pilihanraya kesembilan dan disifatkan satu slogan *siyāsah shar'iyyah* ke arah merealisasikan pelaksanaan Islam secara komprehensif (Mohd. Azhar Abdullah, 2015). Objektif penggubalan KJS II (1993) 2015 ialah:-

(1) Merealisasikan sistem pentadbiran Islam secara syumul atas keyakinan mencari keredaan Allah SWT.

(2) Menjamin keutuhan *maqāṣid shar'iyyah* meliputi agama, nyawa, akal, keturunan dan harta yang dipertanggungjawabkan ke atas pemerintah.

(3) Mencegah, mengawal dan memulih jenayah secara dalaman dan luaran berdasarkan pendekatan Islam, sekaligus menjamin kehormanian dan ketamadunan ummah.

Pada tahun 1993 kerajaan negeri Kelantan telah menubuhkan panel penggubal KJS II (1993) yang terdiri daripada mufti, hakim, peguam, ahli akademik, polis, penjara dan pakar perubatan. Manakala keseluruhan kerja-kerja berkaitan pelaksanaan KJS II (1993) dipantau secara langsung oleh YAB Menteri Besar Kelantan. Jawatankuasa induk penggubalan enakmen ini dipengerusikan oleh YB Dato' Abdul Halim Ab. Rahman, iaitu Timbalan Menteri Besar Kelantan pada ketika itu. Ahli jawatankuasa penggubalan pula terdiri daripada YAA Dato' Hj. Daud bin Muhammad (Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan), Dato' Abu Bakar Abdullah Kutty (Ketua Pendakwa Syarie) sebagai setiausaha, Dato' Muhamad Shukri bin Muhamad (Mufti Negeri Kelantan), Tuan Haji Wan Mutalib Embong (Peguam), Tuan Haji Harun bin Taib (Ulama PAS), Tuan Syed Ibrahim bin Syed Ab. Rahman, Prof. Ahmad bin Ibrahim (Pensyarah Undang-Undang UIA), Prof. Dr. Mahmud Saedon bin Awang Othman (Pensyarah Undang-Undang UIA) dan Tun Mohamed Salleh Abas (Mantan Ketua Hakim Negara).

YAB Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan KJS II (1993) pada 7 Oktober 2011 semasa beliau masih menjadi Menteri Besar Kelantan. Tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk menggerakkan kembali usaha ke arah pelaksanaan KJS II (1993). Kerja-kerja penambahbaikan KJS II (1993) telah dibuat pada tahun 2014 dan hasilnya Kerajaan

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Negeri Kelantan telah berjaya meluluskan KJS II (1993) 2015 pada bulan Mac 2015. Secara ringkasnya KJS II (1993) 2015 merupakan pindaan kepada KJS (II) 1993. Maka keseluruhan peruntukan dalam KJS II (1993) 2015 dibina berdasarkan roh KSJ (II)1993 sama ada ia dikekalkan, diubah suai atau dimansuhkan.

Hasil daripada usaha Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 telah mencetuskan satu kerjasama 'politik' atau 'persaudaraan' atas nama Islam di antara Kerajaan Persekutuan yang diterajui oleh UMNO dengan Kerajaan Negeri Kelantan yang diterajui oleh PAS. Kedua-dua parti politik Melayu ini sudah sekian lama 'bermusuhan' dalam banyak perkara termasuklah perselisihan pendapat mengenai pelaksanaan undang-undang Islam di Kelantan. Akhirnya, kerjasama ini telah membawa kepada tertubuhnya jawatankuasa bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan yang bertujuan untuk menyelaraskan cadangan pelaksanaan KJS II (1993) 2015.

Jawatankuasa Penyelaras Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 bersama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Kelantan terbentuk melalui penubuhan jawatankuasa khas yang dipantau secara langsung oleh Kerajaan Negeri Kelantan yang diketuai YB Dato' Mohd Amar bin Abdullah, iaitu Timbalan Menteri Besar Kelantan. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) bertindak sebagai urusetia dan diketuai oleh Pengarahnya sendiri. Pelaksanaan draf KJS II (1993) 2015 dipecahkan kepada dua bahagian iaitu tiga jawatankuasa peringkat negeri dan satu jawatankuasa peringkat persekutuan seperti mana berikut;

(i) Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh YB Dato' Mohd Amar Abdullah, Timbalan Menteri Besar Kelantan. Jawatankuasa ini merupakan jawatankuasa tertinggi yang berfungsi memantau dan menyelaras seluruh perjalanan dan tindakan KJS II (1993) 2015.

(ii) Jawatankuasa Sekretariat Tetap yang dipengerusikan oleh YB Dato' Takiyuddin bin Hassan. la berperanan menggerakkan seluruh jentera pelaksana termasuk mesyuarat, penerangan, promosi bengkel, seminar, kolokium dan lain-lain. Jawatankuasa ini dianggap sebagai anggota badan yang menjadi jentera yang menggerakkan semua jawatankuasa lain.

(iii) Jawatankuasa Pindaan Rang Undang-Undang KJS II 2015 yang dipengerusikan YAA Dato' Aria D'Raja Hj. Daud bin Mohamad (Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan). Peranan utama jawatankuasa ini adalah untuk merangka draf kanun itu sendiri, melibatkan kerja-kerja menyemak, menambah baik dan memurnikan draf kanun tersebut.

(iv) Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Jenayah Syariah peringkat Persekutuan yang dipengerusikan oleh Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman. Pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang bertindak sebagai urus setia kepada jawatankuasa ini.

Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di antara Kerajaan Persekutuan dan Kelantan ini dirasmikan oleh YB Dato' Seri Jamil Khir bin Bahrom, iaitu Menteri Jabatan Perdana Menteri, pada 17 Julai 2014 di Bilik Mesyuarat JAKIM, Putrajaya bersama YB Dato' Mohd Amar bin Abdullah, iaitu Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan. YB Dato' Mohd Amar bin Abdullah menegaskan tiada sebarang agenda sulit antara PAS dan UMNO di sebalik persefahaman kedua-dua parti itu mengenai isu hudud. Menurutnya, tindakan PAS berkompromi dan berkerjasama dengan UMNO hanyalah untuk merealisasikan pelaksanaan KJS II (1993) 2015 yang tertangguh selama 20 tahun yang lalu. Seramai enam orang mewakil Kerajaan Negeri Kelantan yang diketuai oleh YAA Dato' Aria D'Raja Hj. Daud bin Muhammad (Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan), Dr. Mohd Azhar bin Abdullah (Pensyarah KIAS/

Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan), Dr. Zulqarnain bin Lukman (Peguam bela dan Peguam cara), Ahmad Termizi bin Abdullah dan Nik Bahrum bin Nik Abdullah (Peguam bela/peguam cara dan peguam syarie) dan Hisyam bin Fauzi (Peguam bela dan peguam syarie). Jawatankuasa ini berperanan untuk menetapkan hala tuju, meneliti pembahagian kuasa antara persekutuan dan negeri, mengenal pasti halangan- halangan perundangan dan memberikan sebarang cadangan serta penyelesaian konkrit kepada kedua-dua belah pihak dalam usaha memartabatkan undang-undang Jenayah Syariah secara menyeluruh di Malaysia[3].

Menurut Pengerusi Persatuan Peguam Syarie Kelantan (PPSK) Che Hartini Haji Che Omar, pendedahan mengenai KJS II (1993) 2015 sama ada melalui media masa, seperti media cetak atau eletronik dan sebagainya telah menarik minat masyarakat untuk mengkaji dan mendalami tentang KJS II (1993) 2015 ataupun hudud, sama ada muslim atau bukan muslim. Sejak tahun 1993 hingga 2020, pelbagai forum, wacana, ceramah dan dialog intra-agama dilakukan. Lebih menarik lagi apabila parti politik baik pihak pembangkang, mahupun kerajaan menyuarakan pendapat dan pendirian mereka. Hal ini telah berjaya menarik perhatian seterusnya meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang hukum hudud. Namun realitinya suara ahli politik tidak mewakili dan tidak mencerminkan hakikat sebenar kerana mereka bercakap atas kepentingan politik yang mewakili kumpulan tertentu dan bukannya mewakili keseluruhan pandangan penyokong. Hakikatnya pandangan masyarakat masih belum diketahui secara jelas dan mereka masih kabur tentang kebolehlaksanaan KJS II (1993) 2015. Secara umumnya terdapat beberapa aspek perdebatan tentang hudud yang

[3] Minit mesyuarat Bil. 1/2014. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak empat kali, iaitu dua kali di pejabat JAKIM Putrajaya dan dua kali di Kota Bharu, Kelantan

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

berlaku ini berupaya mempengaruhi persepsi dan pemahaman masyarakat awam seperti mana berikut;

i. Kedudukan Hukum Hudud Dari Segi Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan Persekutuan secara harfiah tidak menghalang pelaksanaan undang-undang Islam termasuklah hudud, walaupun ada peruntukan yang menyatakan mana-mana undang-undang yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan terbatal setakat yang berlawanan. Namun Perkara 76A masih lagi memperuntukkan kuasa kepada parlimen untuk membenarkan badan-badan perundangan negeri menggubal apa-apa undang-undang yang berada di bawah bidang kuasa Persekutuan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan (jika ada). Perlembagaan Persekutuan juga dengan jelas menyatakan Islam ialah agama bagi Persekutuan, ia memberikan kefahaman bahawa Islam ini meliputi pelbagai aspek sama ada undang-undang, sosial, politik dan sebagainya. Dalam hal ini, Shamrahayu sebagai pakar dalam hal ehwal Perlembagaan Malaysia menyatakan[4],

> "*Secara jelas dan nyata, tidak terdapat mana-mana peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan yang menghalang pelaksanaan hukuman Islam atau hudud sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak. Islam sebagai agama Persekutuan, sebagaimana yang dijamin oleh Perkara 3(1) sudah cukup kuat untuk menjadi asas pelaksanaan syariat Islam sebagai undang-undang dalam ruang lingkup yang dibenarkan.*"
>
> (Shamrahayu A.Aziz, 2016)

Justeru, kajian ini melihat tafsiran tentang Islam sebagai agama persekutuan perlu difahami dengan tepat agar bermanfaat untuk umat Islam di negara ini. Senarai negeri di bawah Jadual Sembilan menerangkan bidang kuasa yang diperuntukkan di

[4] Seminar Peguam Syarie II, Diskusi Eksklusif RUU 355 dan Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) 2015 Realiti Dan Cabaran oleh Prof. Madya Dr. Shamrahayu binti Abdul Aziz, Felow Utama Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Berlangsung pada 18 September 2016 bertempat di Bangunan SPRM Kelantan.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

bawah kerajaan negeri dan didapati tidak menyentuh tentang hudud. Namun begitu, penghalang pelaksanaan hukuman hudud ialah Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984 (AMS 1984) yang menghadkan bidang kuasa hukuman oleh mahkamah syariah negeri-negeri. Di bawah akta ini, mana-mana kesalahan jenayah yang diperuntukkan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri (EKJS) tidak boleh melebihi peruntukan denda maksimum RM 5,000.00, tiga tahun penjara dan enam kali sebatan. Lantaran itu semua peruntukan kesalahan jenayah di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah tidak boleh melebihi had yang dibenarkan oleh Akta Mahkamah Syariah 1984 tersebut. Inilah yang sebenarnya menjadi halangan terbesar untuk mahkamah syariah menjatuhkan hukuman seperti hudud melibatkan kesalahan seperti persetubuhan luar nikah (menyamai zina), qazaf dan minum minuman yang memabukkan yang telah sedia ada di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah negeri-negeri. Dalam erti kata lain, kesalahan berkenaan tidak dapat mengenakan hukuman hudud kerana mahkamah tiada bidang kuasa berbuat demikian. Justeru, selagi bidang kuasa di bawah Akta Mahkamah Syariah (1984) ini tidak dipinda atau ditambah, maka selagi itu hukuman dalam KJS II (1993) 2015 tidak dapat dilaksanakan.

Sejarah membuktikan bahawa Islam merupakan agama yang dianuti oleh Raja-raja Melayu dan majoriti penduduk asal negeri-negeri Tanah Melayu. Pada ketika itu, negeri-negeri Tanah Melayu telah pun mengguna pakai undang-undang Islam dalam pentadbiran negeri masing-masing. Sebagai contoh, Melaka melalui Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka adalah berdasarkan hukum syarak. Di negeri Perak pula, Undang-Undang 99 juga digubal berdasarkan prinsip hukum syarak manakala negeri-negeri lain seperti Terengganu, Kelantan dan Kedah turut mempunyai pengaruh agama Islam dalam sistem pentadbiran masing- masing. Dengan kata lain, Islam telah diterima sebagai cara hidup masyarakat tempatan yang meliputi aspek perundangan, ekonomi dan sosial ketika itu. Pengamalan agama Islam dengan cara

sedemikian telah membuat pihak penjajah Inggeris akur dan menerima hakikat bahawa Islam merupakan satu-satunya agama yang diiktiraf sebagai agama bagi negeri- negeri Tanah Melayu (Mahamad Naser Disa, 2015). Justeru, hal ini menunjukkan bahawa agama Islam memiliki kedudukan yang paling tinggi berbanding dengan agama-agama yang lain. Pengiktirafan tentang kedudukan istimewa Islam tersebut telah diterjemahkan melalui kes *Ramah Lwn Laton* apabila Mahkamah Rayuan negeri-negeri Melayu Bersekutu memutuskan bahawa Islam merupakan "*The law of the land*"[5]: Kata-kata Hakim Acton dan Thorne dalam kes *Ramah vs Laton*;

> "*Bahawa Undang-undang Islam bukanlah undang-undang asing, bahkan ianya adalah undang-undang negeri ini (law of the land). Oleh itu ia perlu diberi pengiktirafan oleh mahkamah...*[6]"

Pengiktirafan yang diberikan kepada Islam sebagai Agama Negara turut diterjemahkan melalui persetujuan yang dicapai oleh semua bangsa dan etnik yang menghuni Tanah Melayu untuk menerima peruntukan Perkara 3(1) dalam Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan berkenaan mengangkat Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Bagi meneruskan kedaulatan Raja-Raja Melayu dan agama lain di Tanah Melayu, Perkara 3(2) turut dimasukkan untuk menjamin hak-hak, keistimewaan, dan prerogatif raja-raja di negeri-negeri Tanah Melayu sebagai Ketua Agama Islam.

> Perkara 3 (2);
>
> *Di dalam tiap-tiap Negeri selain Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Agama Islam di Negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan, tertakluk kepada Perlembagaan itu, segala hak, keistimewaan, prerogative dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam tidaklah tersentuh dan tercacat: tetapi dalam apa-apa perbuatan amalan atau ucapan yang berkenaan dengannya Majlis Raja- Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau ucapan itu patut diperluaskan ke seluruh*

[5] (1927) 6 FMSLR 128
[6] Kes RAMAH V. LATON [1927] 6 FMSLR 116

PHD THESIS

Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua Agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.

ii. Kritikan Terhadap Undang-undang Hudud Kelantan Dan Terengganu

PAS apabila memerintah negeri Kelantan dan Terengganu, mereka telah meluluskan Kanun Jenayah Syariah masing-masing dan mendapat perkenan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Namun begitu, kedua-dua enakmen ini telah mendapat kritikan yang hebat daripada banyak pihak sebagaimana berikut:

a) Hukuman Kuno dan Ketinggalan Zaman (primitif)

Hudud didakwa sebagai suatu bentuk hukuman yang zalim dan tidak berperikemanusiaan dan tidak sesuai dilaksanakan pada zaman moden ini apatah lagi dalam sebuah negara yang berbilang kaum serta agama. Kenyataan ini kerap dikeluarkan oleh pemimpin politik dan mereka yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan Islam. Hukuman rejam kepada penzina disifatkan sebagai primitif (Mahathir Mohammad, 1994)[7].

b) Hudud Merendahkan Martabat Wanita

Hudud dianggap merendahkan martabat kaum wanita oleh pertubuhan bukan kerajaan yang berjuang untuk kepentingan wanita iaitu *Sisters In Islam* (SIS) yang mendakwa bercanggah dengan beberapa peruntukan asal yang tertulis dalam al-Quran dan hadis. Hal ini telah menimbulkan keraguan tentang kesesuaian peruntukan-peruntukan lain dengan semangat dan maksud sebenar hukum syarak. Enakmen Jenayah Syariah Hudud, Qisas dan Takzir yang diluluskan oleh Kerajaan Terengganu pada tahun 2002 adalah melanggar prinsip keadilan yang diutamakan oleh Islam, *Sisters In Islam* (SIS)

[7] Kenyataan Tun Mahathir Mohammad kepada wartawan di Nilam Puri, Kelantan pada 3 Mac 1994 menerusi pautan laman web ms-my.facebook.com/BEKAMVIP/posts/1365944576828293/

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

menimbulkan persoalan mengenai pendekatan siasatan berkaitan kes rogol, beban pembuktian yang perlu dilakukan oleh mangsa. Mereka berpandangan ini merupakan kezaliman, diskriminasi dan prejudis terhadap kaum wanita. Sebagai contoh peruntukan Seksyen 46 (2) menyebut tentang kehamilan seorang wanita tanpa suami boleh menjadi bukti bahawa zina telah berlaku kecuali dibuktikan sebaliknya. Terdapat beberapa lagi peruntukan yang dikritik kerana kabur, tidak jelas, terlalu ringkas dan sebagainya (Ratna Osman, 2011).

Hakikatnya, jika majoriti masyarakat Malaysia yang faham tentang hudud sebagai hukum Allah SWT yang ditetapkan dalam al-Quran dan Sunnah tidak akan menolak hukum hudud sekiranya peruntukan yang digariskan dalam undang-undang berkenaan jelas dan dilihat adil kepada semua. Sebagaimana yang pernah diulas oleh Abdullahi Ahmed an-Naim[8], Professor di Emory Law School di Amerika Syarikat pernah menyuarakan bahawa:

> "*The crucial question to my mind, is not whether a muslim is committed to the fundamentals of Islam.. because this is a sentiment shared by the vast majority of Muslims but rather how to implement that commitment in concrete policy and legal terms today*."
>
> Peters, Rudolph (2006)

Terjemahan:

> "*Soalan yang paling kritikal dan penting dalam pemikiran saya ialah bukannya perkara sama ada muslim itu komited terhadap perkara-perkara asas dalam Islam, termasuk pelaksanaan undang-undang Islam, tetapi apa yang dikongsi bersama oleh kebanyakan muslim hari ini ialah bagaimana suatu komitmen yang kukuh untuk melaksanakan undang-undang Islam dalam istilah perundangan moden sekarang ini*."

c) Fahaman dan Tafsiran

[8] Dilahirkan pada tahun 1946, beliau ialah kelahiran Sudan dan merupakan seorang cendikiawan Islam yang tinggal di USA dan mengajar di Universiti Emory. Beliau juga adalah Professor Charles Candler (Undang-Undang) di Universiti Emory.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Terdapat beberapa perkara yang masih belum jelas dan memerlukan pentafsiran yang praktikal dan realistik bagi maksud pelaksanaan dan suasana semasa. Contohnya tafsiran muhsan[9], kadar harta yang dicuri dalam mata wang Malaysia, rasional hukuman rejam dan sebagainya. Huraian atau ilustrasi kepada setiap peruntukan seksyen masih belum ada dan ini menyebabkan peruntukan itu agar sukar untuk dipraktikkan oleh hakim.

iii. Reaksi Masyarakat Bukan Islam Terhadap Hudud

Polemik berterusan timbul mengenai persoalan adakah orang bukan Islam juga tertakluk kepada hukuman Hudud. Ada pandangan yang menjelaskan bahawa mereka tidak tertakluk di bawah Undang-undang Hudud, begitu juga dengan RUU 355 (Hadi Awang, 2016). Secara umumnya boleh dikatakan bahawa tidak ada pihak daripada bukan Islam yang bersetuju dengan pelaksanaan hukum hudud di negara ini. Parti-parti politik seperti Malaysia Chinese Association (MCA) yang mendakwa mewakili masyarakat Cina mengatakan pelabur akan meninggalkan Malaysia dan negara bakal berhadapan dengan kemusnahan jika hukum hudud dilaksanakan (Harakah Daily, 2011). Pihak Majlis Peguam Malaysia pula awal-awal lagi telah melaungkan bahawa bahawa Undang-undang Hudud menyalahi Perlembagaan Persekutuan. Parti DAP (Democratic Action Party) juga terus terang menolak hukum hudud dan setiausaha partinya iaitu Karpal Singh pernah mengatakan "*over my dead body*" apabila merujuk kepada cadangan pelaksanaan hudud di Malaysia.

Walau bagaianapun, terdapat juga pihak bukan Islam yang mengambil jalan tengah dan menyokong pelaksanaan hukuman hudud terhadap orang Islam sahaja. Presiden Catholic Bishops' Conference of Malaysia, Dr. Paul Tan Chee Ing pernah

[9] *Muhsan* bermaksud pesalah itu sudah berkahwin dengan sah dan telah menikmati persetubuhan dalam perkahwinan itu, maka pesalah itu dinamakan *muhsan.*

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

berkata bahawa adalah baik agar bukan Islam tidak menentang undang-undang di kalangan orang Islam jika mereka (orang Islam) mahu melaksanakannya. Pada masa yang sama, beliau menuntut agar orang bukan Islam diberi *"a cast-iron guarantee that it will not be implemented on us*" (Harakah Daily, 2011).

iv. Kesediaan Prasarana Latihan Sumber Manusia dan Logistik

Bagi menjayakan pelaksanaan hukuman Hudud, persediaan diperlukan untuk mewujudkan Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah dan Undang-undang Keterangan Syariah yang menyeluruh agar tatacara penyiasatan, kaedah pembuktian, kesaksian dan sebagainya dapat menjadi panduan kepada pihak yang secara langsung akan terlibat dalam proses menegakkan keadilan ini. Setakat ini, aspek ini juga masih belum diberikan perhatian lanjut. Kajian ini bertujuan untuk merungkai kebolehlaksanaan dan ketidakbolehlaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan khasnya dan di Malaysia amnya dalam pelbagai aspek sebagaimana dinyatakan di atas.

1.3 Permasalahan Kajian

Sejak dua puluh tahun kebelakangan ini proses Islamisasi dan politik Islam telah mengalami perkembangan di pelbagai peringkat di dalam negara. Agenda Islamisasi ini menjadi 'rebutan' di antara kerajaan yang diterajui oleh dua parti utama yang memerintah iaitu Barisan Nasional dan juga PAS. Barisan Nasional (UMNO) yang pernah menerajui kerajaan pusat dikatakan mengambil pendekatan liberal dan sederhana dalam isu islamisasi bagi mengutarakan imej sebuah kerajaan yang liberal, moden dan sederhana dalam kalangan negara berpenduduk majoriti orang Islam. Manakala Kerajaan Negeri Kelantan yang dikuasai PAS sejak tahun 1990 mempotretkan imej Islam yang dikatakan agak fundamental berbanding UMNO.Walau bagaimanapun, PAS dilihat lebih konsisten dengan agenda islamisasi pelaksanaan

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

syariat Islam (undang-undang Islam) biarpun ditentang dan dikatakan ekstrem terhadap pendekatan yang diambil.

Kesungguhan dan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 telah mendapat tindak balas daripada pelbagai lapisan masyarakat, malah telah mengundang ulasan daripada tokoh-tokoh politik, agama, ahli akademik dan lain-lain di Malaysia. Hasrat Kerajaan Kelantan ini telah menimbulkan beberapa cabaran dari aspek politik, kesediaan kerajaan negeri dan juga perundangan. Dalam aspek politik, antara individu yang memberi pandangan terhadap hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan hudud ialah Dato'Seri Dr. Mahathir bin Mohamad melalui sepucuk surat rasmi dari Pejabat Perdana Menteri Malaysia kepada Menteri Besar Kelantan Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat yang menyatakan seperti berikut;

> "*Kerajaan Pusat tidak berhajat untuk bersubahat dengan PAS bagi melaksanakan ketidakadilan semata-mata untuk kepentingan politik dan sokongan oleh orang yang telah dikaburi matanya. Kerajaan Malaysia yang sentiasa dan terus mempertahankan ajaran dan nilai-nilai Islam tidak dapat membenarkan Kerajaan PAS menjalankan sesuatu yang bercanggah dengan prinsip keadilan yang ditekankan oleh Islam sendiri. Jika PAS cuba juga untuk menguatkuasakan undang-undang yang diciptanya yang sudah jelas bercanggah dengan prinsip keadilan dalam Islam, maka kerajaan Pusat akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap Kerajaan PAS demi menjaga maruah dan ketinggian martabat Islam dan penganut-penganutnya*"

Kandungan surat tersebut menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri harus dipertanggungjawab jika berlaku huru-hara atau ketidakstabilan politik, perpecahan dalam kalangan umat Islam dan kegelisahan rakyat apabila hukum hudud dilaksanakan. Rakyat pasti menyoal pelaksanaan hukum tersebut sama ada menguntungkan atau menyebabkan perpecahan, pertentangan dan ketidakstabilan politik. Tambahan pula tidak semua negara Islam mengamalkan hukum Hudud, bahkan ada negara bukan Islam lebih makmur tanpa hukuman tersebut.

Kemakmuran dan kestabilan negara adalah amat penting dalam apa jua keadaan, pelaksanaan hudud mampu menyelesaikan banyak masalah. Program pendidikan adalah penting dalam usaha untuk melaksanakan hudud, ianya hendaklah bermula diperingkat awal lagi. Kerajaan Kelantan berhak untuk laksanakan hudud kerana majoriti rakyat Kelantan adalah Islam, mana-mana pihak yang tidak menyokong Hudud kerana mereka tidak faham tentang keindahan undang-undang jenayah Islam. Kanun Keseksaan boleh diterima oleh masyarakat kerana masyarakat telah dididik bahawa undang-undang daripada barat adalah baik (Mohamed Azam Mohamed, 2014). Saranan dan pendapat ini sesuai dengan sirah Rasullulah ﷺ, baginda menekankan kepada pendidikan akhlak dan iman selama 13 tahun selepas diangkat menjadi Rasul. Apabila berhijrah ke Madinah barulah secara perlahan-lahan Rasullulah ﷺ melaksanakan undang-undang *jināyāt* dan sebagainya.

Lim Kit Siang (2015), Penasihat dan Mantan Pengerusi Parti DAP telah membuat perbandingan dengan negara Jordan dan Mesir yang jelas mempunyai jumlah penduduk beragama Islam yang ramai namun tidak melaksanakan Hudud[10]. Selain itu, media massa terutamanya akhbar pro kerajaan dilihat banyak memainkan isu KJS II (1993) 2015 ini dari kaca mata politik dengan mengaitkan hudud sebagai agenda dan modal PAS untuk meraih undi dan simpati rakyat, sekali gus memenangi pilihanraya umum. Justeru, timbullah label Hudud PAS dan bukan *Hududullah*[11] yang hendak dilaksanakan. Ini sudah pasti menimbulkan polemik dalam kalangan pelbagai pihak, baik yang berlatar belakang agama mahupun tidak. PAS dituduh memperalatkan agama

[10] Kit Siang menyampaikan perkara ini ketika berceramah di atas pentas PAS di Kota Bharu. Rujuk akhbar Berita Harian, (Nasional) pada hari Khamis bertarikh 14 Mei 2015 menerusi tajuk *"Kit Siang Guna Pentas PAS Pertikai Hudud"* dan ditulis oleh Nor Fazlina Abdul Rahim (nfazlina@bh.com.my).

[11] Kerajaan Kelantan telah mengubah perkataan hudud kepada *hududullah* yang menjadi program sambutan Hari Hududullah setiap tahun peringkat negeri Kelantan. Ia bertujuan untuk menjelaskan dan memberikan gambaran bahawa hudud yang diluluskan oleh DUN Kelantan itu merupakan hukum hudud Allah SWT yang berteraskan wahyu Allah SWT dan bukannya hudud PAS, sebagaimana yang dipolitikkan oleh pihak-pihak tertentu.

PHD THESIS

sebagai modal politik manakala UMNO ingin lari daripada mengambil risiko yang dilihat tidak Islamik dengan berdolak-dalih tentang pendirian sebenar mereka. Kesemua ini dilihat mampu mempengaruhi persepsi dan pemahaman rakyat yang sedang dibelenggu dengan pelbagai masalah kehidupan seharian sama ada politik, ekonomi dan sosial. Isu ini telah mengundang pelbagai pandangan daripada masyarakat umum, sama ada secara emosi atau secara ilmiah. Menurut seorang pengamal undang-undang, Hudud dan Qisas Terengganu telah banyak diperbincangkan dalam kalangan masyarakat dengan pandangan pro atau kontra, persoalannya adakah pihak-pihak yang memberi pandangan itu jujur kerana Allah, mempunyai pengetahuan yang cukup berkaitan hukum hudud atau mereka mempunyai agenda tersendiri bagi kepentingan pihak-pihak tertentu. Pertikaian mengenai Hudud ini sekirannya dapat diketepikan boleh mendatangkan sesuatu yang baik untuk masyarakat memahami hukum hudud. Masalah yang timbul ialah pertembungan di antara orang-orang politik berkaitan Hudud ini telah menimbulkan banyak kekeliruan kepada masyarakat (Salleh Buang 2007).

Manakala dari sudut kesediaan Kerajaan Kelantan untuk pelaksanaan KJS II (1993) 2015 beberapa orang tokoh agamawan dan ahli akademik telah melontarkan pandangan kepada kerajaan negeri Kelantan, sama ada melalui media atau secara bersemuka dalam pertemuan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2012 di JAHEAIK. Antaranya Mufti Kerajaan Negeri Perlis Dr. Mohd Asri Zainul Abidin yang menyatakan bahawa buat masa sekarang Kerajaan Negeri Kelantan tidak berada dalam suasana yang begitu kondusif untuk melaksanakan hudud. Hal ini disebabkan beberapa faktor iaitu:

1. Suasana negara yang tidak stabil, seperti masih banyak kecurian berlaku kerana kesusahan dan kemiskinan serta kurang peluang pekerjaan.

2. Sistem pentadbiran mahkamah syariah dan pejabat agama yang tidak memudahkan orang ramai sedangkan perzinaan banyak berlaku kerana susah untuk mendapat kebenaran berkahwin.

Undang-undang jenayah Islam adalah berlandaskan Syariah, namun dalam konteks pemahaman dan penggubalan ia berlandaskan pemahaman manusia, Justeru tidak dapat lari daripada sebarang kelemahan kerana sifat manusia itu ada kelemahan dan kekurangan. Pemahaman dan penafsiran manusia adalah berbeza dalam kontek ilmu dan tempat. Sikap berhati-hati adalah diperlukan dalam memahami dan menafsirkan hukum syariah, tidak boleh sewenang-wenangnya membuat penafsiran dan ulasan serta mengambil mudah terhadap sebarang hukum yang akan dilaksanakan. (Mahmood Zuhdi, 2015)

Jika ditinjau pelaksanaan hudud di sesetengah negara seluruh dunia, Sudan dan Somalia dilihat gagal dalam pelaksanaan hudud kerana berlaku sabotaj. Manakala Brunei masih baharu untuk dinilai dan peluang untuk Brunei untuk berjaya adalah besar kerana kuasa pemerintahan beraja yang tidak berubah walaupun sekarang ini telah mendapat tentangan daripada negara barat, Arab Saudi boleh dianggap berjaya kerana kuasa pemerintah iaitu sistem beraja. Bagi menentukan kejayaan pelaksanaan hudud ini sistem sokongan seperti hakim yang efisyen dan keupayaan sistem mahkamah perlu diutamakan.

Bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Islam), Dato' Dr. Asyraf Wajdi Ahmad Dusuki (2015) menjelaskan bahawa perlu difahami bahawa RUU Kanun Jenayah Syariah yang dibentangkan di DUN Kelantan bukan hanya melibatkan hukuman hudud sahaja, tetapi juga melibatkan hukuman takzir dan qisas, dengan maksud bahawa hudud ialah sebahagian daripada kandungan RUU tersebut, iaitu zina, qazaf, minum arak, mencuri, merompak dan murtad. Justeru menjenamakan

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

RUU tersebut dengan undang-undang hudud dilihat tidak tepat bahkan boleh mengelirukan. Walau apapun pendirian parti, sebagai orang Islam kita wajib beriktikad dari segi akidah bahawa hukum hudud, qisas dan takzir merupakan hukum-hukum Allah SWT yang disyariatkan. Namun, ini tidak bererti RUU Jenayah Syariah ini ma'ṣūm atau tiada kesilapan sehingga tidak boleh langsung dikritik terutamanya dalam aspek pelaksanaanya. Di Malaysia, hudud dipopularkan atas politik sejak 1960 selepas merdeka. PAS sentiasa menyuarakan hasrat memperkenalkan undang-undang hudud. Perjuangan yang dilakukan oleh PAS ini banyak membuka ruang kepada masyarakat untuk memahami hudud dan tidak menolak dengan sewenang-wenangnya. PAS telah memainkan peranan yang amat penting dalam memperkenalkan hudud dan antara sebab PAS menerima sokongan juga adalah kerana perjuangan PAS berkaitan hudud (Shamrahayu A. Aziz, 2015).

Manakala dalam aspek perundangan negara, biarpun KJS II (1993) 2015 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan namun tidak mudah untuk negeri Kelantan melaksanakannya berdasarkan kepada kerangka perundangan negara. Perlembagaan Persekutuan menerusi Senarai 1 (Senarai Persekutuan), Senarai 2 (Senarai Negeri) dan senarai 3 (Senarai Bersama) di bawah Jadual Kesembilan telah membuat pembahagian bidang kuasa secara berasingan dan yang berkongsi di antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Kerajaan PAS Kelantan telah menerima pelbagai pandangan dan saranan terhadap pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Ada yang berpandangan KJS II (1993) 2015 boleh dilaksanakan dan ada juga yang berpandangan sebaliknya. Pada peringkat awal pemerintahan PAS di Kelantan, Kerajaan PAS Kelantan percaya dan telah menerima pandangan bahawa KJS II (1993) 2015 boleh dilaksanakan kerana ia berada di bawah bidang kuasa negeri seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan,

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Jadual Kesembilan (Senarai II), iaitu Senarai negeri. Namun, pandangan kedua yang menyatakan bahawa KJS II (1993) 2015 ini tidak dapat dilaksanakan di Kelantan juga mempunyai alasan dan rasionalnya. Hal Ini berlaku kerana terdapat akta-akta yang bersangkutan dalam sistem perundangan dan mahkamah Malaysia yang menghalang dan menegah pelaksanaan tersebut.

Kerajaan Negeri Kelantan sewaktu meluluskan KJS II (1993) percaya ia di bawah bidang kuasa negeri sepenuhnya sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan di Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual kesembilan. Kerana hal-hal berkaitan agama Islam berada di bawah bidang kuasa negeri. Walau bagaimanapun untuk menggubal enakmen tersebut di bawah bidang kuasa negeri melalui Dewan Undangan Negeri (DUN) tetapi kelulusan untuk melaksanakan enakmen tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan melalui kelulusan yang diberikan oleh parlimen. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bidang kuasa Jenayah Syariah melalui Akta Mahkamah Syariah (1965) *pindaan* 1984 (Bidang kuasa Jenayah), *pindaan* di sini adalah; hukuman penjara atau denda ke atas orang Islam sahaja, hukuman penjara daripada 6 bulan kepada 3 tahun penjara, hukuman denda daripada RM 1,000.00 kepada RM 5,000.00, juga mengadakan hukuman sebat tidak melebihi 6 kali sebatan atau gabungan mana-mana hukuman (Mohd Sabree Nasri, 2018).

Menurut Asyraf (2015), tindakan Kerajaan PAS Kelantan membawa RUU 355 ke parlimen ini dikatakan telah melangkaui keputusan Jawatankuasa Teknikal Persekutuan mengenai hudud yang ditubuhkan secara bersama antara Kerajaan Negeri Kelantan dengan Kerajaan Persekutuan bagi menilai pendekatan terbaik untuk melaksanakan hudud. Jawatankuasa Teknikal Persekutuan yang dipengerusikan oleh bekas Ketua Hakim Syarie Negara, Tan Sri Sheikh Ghazali telah mengesyorkan *road*

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

map yang dipersetujui bersama untuk menumpukan terlebih dahulu pelaksanaan undang-undang jenayah yang terletak di bawah kuasa negeri melibatkan empat jenis hukuman, iaitu zina, qazaf, minum arak dan murtad. Cadangan Jawatankuasa Teknikal ini berteraskan kepada realiti struktur perundangan negara yang belum memungkinkan hudud dilaksanakan secara keseluruhannya. Kerajaan PAS Kelantan sepatutnya terlebih dahulu membawa kanun ini ke parlimen untuk meminda beberapa perkara termasuk Akta Mahkamah Syariah (1965) 1984 (*Bidang Kuasa Jenayah*) atau Akta 355 dan Perkara 76A yang memperuntukkan kuasa parlimen bagi memperluas kuasa perundangan agama di negeri-negeri. Selain itu adalah lebih elok jika terlebih dahulu dibawa kepada Majlis Raja-Raja Melayu untuk dapat perkenan kerana Majlis Raja-Raja Melayu yang bertanggungjawab dan mempunyai kuasa penuh dalam hal ehwal agama Islam sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perincian mengenai hudud juga menuntut kepada ijtihad-ijtihad baharu yang mengambil kira aspek perubahan tempat dan zaman bagi mengelakkan dan mencetuskan fitnah terhadap agama Islam dan penganutnya. Manakala dalam konteks penerimaan dan penolakan daripada orang bukan Islam berkaitan dengan Hudud ini, beliau menjelaskan dan menimbulkan persoalan bahawa sejak bila umat Islam di negara ini seolah-olah perlu menyembah dan meminta perkenan orang bukan Islam apabila hendak melaksanakan ibadah atau sesuatu yang menjadi tuntutan agama mereka.

Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ini memerlukan banyak kajian dan jalinan kerjasama dalam semua aspek serta tidak boleh berdiri sendiri tanpa sokongan daripada semua peringkat. Shamrahayu Abd. Aziz (2015) menyatakan dalam melaksanakan hukum hudud, kita memerlukan undang-undang prosedur dan dalam perbicaraan kes hudud kita memerlukan undang-undang keterangan. Kedua-dua jenis undang-undang ini boleh diluluskan oleh badan perundangan berkaitan. Penguatkuasaan hudud perlu

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

dilakukan oleh agensi penguatkuasa yang layak dan mampu. Namun sekiranya di peringkat Persekutuan, penyiasatan dilakukan oleh pasukan polis manakala pejabat peguam negara pula melaksanakan tanggungjawab yang berkaitan dengan pendakwaan dan seterusnya perbicaraan di Mahkamah Sivil. Bagi proses penyiasatan dan pendakwaan ini, sekatan atau halangan perundangan tidak begitu ketara. Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3 dan 20 Akta Polis, tugas penguatkuasaan undang-undang yang sah beroperasi adalah di bawah tanggungjawab polis dan tanggungjawab Pejabat Peguam Negara sebagaimana kehendak Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

Jika diteliti sama ada di peringkat negeri Kelantan mahu pun Persekutuan, tidak banyak kajian yang telah dibuat tentang pelaksanaan undang-undang jenayah syariah atau hudud. Dalam konteks negeri Kelantan, ia disebut Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 atau singkatannya KJS II (1993) 2015. Kajian dan penulisan yang terdapat dalam kalangan masyarakat hari ini kebanyakannya bersifat akademik untuk bacaan dan rujukan di pusat-pusat pengajian, sama ada di peringkat menengah atau pengajian tinggi. Hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 di Kelantan telah mengundang penyelidik untuk membuat kajian secara mendalam tentang kebolehlaksanaan dalam konteks Kelantan khususnya dan Malaysia amnya. Kajian-kajian sebelum ini tidak memberikan penekanan dan perbincangan yang mendasar tentang pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan.

Berdasarkan perbahasan di atas, kajian ini dilihat penting bagi menganalisis prospek pelaksanaan dan halangan KJS II (1993) 2015 ini. Kajian ini dibuat merentasi sempadan politik kepartian dan masyarakat bagi mencari jawapan terhadap isu-isu dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu Kerajaan Negeri Kelantan untuk menambah baik sebarang kelemahan dalam usaha

persediaan untuk memikul tanggungjawab besar ini. Tambahan pula penyelidik adalah merupakan pegawai yang sedang berkhidmat di sebuah agensi pelaksana KJS II (1993) 2015, iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) Penyelidik didedahkan dengan banyak isu dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaaan KJS II (1993) 2015, isu kemampuan dan kesediaan Kerajaan Kelantan dalam banyak aspek, seperti keupayaan pegawai, infrastruktur, kakitangan, jalinan kerjasama antara agensi pelaksanan, hal-hal ini adalah suatu perkara yang belum dibuat kajian dan zahirnya tidak melambangkan keadaan sebenar dari sudut kesediaan pihak-pihak yang terlibat, disamping isu lain seperti perundangan dan politik.

Kajian ini menjelaskan keistimewaan dan kebaikan undang-undang Islam yang diwahyukan oleh Allah SWT. Kajian ini juga untuk memberikan gambaran dan kedudukan sebenar KJS II (1993) 2015 kepada para pemimpin Kerajaan Negeri Kelantan, ahli-ahli politik, para pegawai kerajaan dan agensi-agensi pelaksana untuk melihat kedudukan undang-undang Islam dalam konteks Perlembagaan Malaysia serta mengenal pasti langkah-langkah bagi mengatasi halangan-halangan yang timbul dalam usaha pelaksanaan KJS II (1993) 2015.

1.4 Persoalan Kajian

1.4.1 Adakah Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 boleh dilaksanakan di Kelantan dalam konteks Perlembagaan Persekutuan.

1.4.2 Apakah cabaran utama serta halangan-halangan dalam usaha Kelantan melaksanakan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015.

1.4.3 Apakah tahap persediaan dan kemampuan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015.

1.4.4 Bagaimanakah penyelesaian untuk merealisasikan pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015.

1.5 Objektif Kajian

1.5.1 Menjelaskan kebolehlaksanaan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 di Kelantan dalam konteks Perlembagaan Persekutuan.

1.5.2 Menganalisis cabaran dan halangan yang akan berlaku dalam pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015.

1.5.3 Menilai tahap persediaan dan kemampuan Kerajaan Negeri Kelantan dalam pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015.

1.5.4 Menghasilkan cadangan penyelesaian dalam pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 supaya dapat direalisasikan.

1.6 Kepentingan dan Sumbangan Kajian

Kajian ini penting bagi menilai kembali strategi dan perancangan pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan, termasuk semua pihak, seperti Kerajaan Negeri Kelantan, Kerajaan Persekutuan, ahli-ahli politik, pengamal perundangan, agensi pelaksana, pelajar dan orang awam. Antara kepentingan lain kajian ini adalah:

i. Kepentingan kajian ini kepada Kerajaan Negeri Kelantan adalah untuk mengetahui perkara yang berkaitan bidang kuasa yang sebenar dalam pelaksanaan undang-undang Islam, terutamanya Kanun Jenayah Syariah.

ii. Kepentingan bagi Kerajaan Persekutuan ialah dapat mengetahui dan memperhalusi peruntukan undang-undang yang sedia ada dalam konteks senarai negeri dan Persekutuan, kerana banyak salah tafsir yang mengelirukan

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

rakyat sebelum ini, terutamanya kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dan juga kedudukan undang-undang Islam.

iii. Memberi kefahaman mengenai peruntukan undang-undang berkaitan pelaksanaan KJS II (1993) 2015 dan juga menjelaskan sama ada isu pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ini merupakan isu agama, isu politik atau isu bidang kuasa dan perundangan.

iv. Untuk mengetahui tentang ruang-ruang ijtihad yang lebih luas, dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015, sama ada menjadi keutamaan atau sebaliknya dalam sebuah negara Islam.

v. Menjelaskan hakikat sebenar dari sudut kemampuan, kefahaman dan aspek infrastruktur dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015.

vi. Memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang kedudukan KJS II (1993) 2015 yang sebenarnya untuk menghapuskan ketakutan orang bukan Islam terhadap undang-undang Islam.

vii. Kajian ini akan menjadi bahan rujukan kepada mana-mana pihak dalam mencari solusi ke arah pelaksanaan KJS II 1993 (2015) dan dalam masa yang sama kajian ini juga bertujuan untuk mengangkat martabat Mahkamah Syariah di Kelantan khususnya, di seluruh Malaysia amnya, sebagaimana titah raja-raja Melayu sebagai ketua agama di negeri- negeri.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini menumpukan isu pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan bermula tahun 1993 sehingga 2020. Skop kajian melibatkan aspek kebolehlaksanaan dari sudut Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa sama ada Dewan Undangan Negeri dan

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Dewan Rakyat (Parlimen), isu kefahaman, kemampuan, persediaan dan halangan. Keupayaan atau kebolehlaksanaan dari segi perundangan ialah berkaitan dengan bidang kuasa negeri dan Persekutuan dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015.

Kajian ini melihat sudut kefahaman agensi pelaksana seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK), pengamal undang-undang, Mahkamah Syariah Kelantan, agensi-agensi yang terlibat dalam pelaksanaan sama ada negeri atau Persekutuan, ahli-ahli politik dan orang awam berkaitan KJS II (1993) 2015. Manakala aspek kemampuan pelaksanaan pula berkisar tentang kemampuan kerajaan negeri seperti sumber tenaga atau kakitangan, kemudahan infrastruktur, kepakaran dan kerjasama dengan agensi-agensi terlibat. Secara ringkasnya kerangka konseptual kajian adalah sebagaimana Rajah 1.1 berikut;



Rajah 1. 1 Kerangka Konseptual Kajian

1.8 Definisi Istilah Dan Operasional

i. Kanun Jenayah Syariah II (1993)

Satu Enakmen untuk melaksanakan Undang-Undang Jenayah Syariah, enakmen ini dinamakan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan melalui pemberitahuan dalam warta. Enakmen ini mengandungi Kesalahan-kesalahan Hudud, Qisos.

ii. Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015

Suatu enakmen bagi mengadakan peruntukan bagi kesalahan jenayah Syariah Hudud, Qisas dan Takzir serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Enakmen ini adalah Enakmen yang dibuat penambahbaikan dan pindaan daripada enakmen KJS (II) 1993 dan Enakmen ini telah diperkenankan oleh KDYMM Al-Sultan Kelantan. Dalam kajian ini KJS II (1993) 2015 adalah merupakan perkara atau instrumen yang amat penting, kerana ianya adalah merupakan tajuk atau bahan bagi kajian ini dan ianya merupakan rujukan yang paling utama.

iii. Hudud

Hudud adalah merupakan kesalahan-kesalahan yang dinyatakan dalam Seksyen 5 yang mana hukumannya, disebut sebagai hukum Hudud, telah ditetapkan oleh *al-Qur'ān al-Karīm* dan *al-Sunnah*. KJS II (1993) 2015 adalah merupakan hukum Hudud yang telah di*taqnin*kan atau diperundang-undangkan secara sah mengikut tatacara badan perundangan negeri.

iv. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK)

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, sebuah jabatan yang bertanggungjawab dalam menguruskan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan. Dalam kajian ini, JAHEAIK adalah merupakan jabatan yang penting dan utama kerana di bawahnya terdapat Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah yang menjadi badan pelaksana dalam proses menguatkuasakan KJS II (1993) 2015. JAHEAIK juga adalah merupakan setiausaha kerja kepada Jawatankuasa Teknikal KJS II (1993) 2015 Hudud negeri Kelantan.

v. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) merupakan institusi yang menguruskan Hal Ehwal Kehakiman Syariah di Malaysia. Dalam Kajian ini JKSM menjadi rujukan

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

utama mengenai pelaksanaan KJS II (1993) 2015 berkaitan pentadbiran mahkamah syariah di Malaysia. Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie Malaysia (JKSM) adalah merupakan antara informan utama yang ditemu bual dalam kajian ini.

vi. Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan (JKSK)

Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan (JKSK) merupakan Jabatan yang bertanggungjawab membicarakan kes-kes jenayah syariah yang terkandung dalam Kanun Jenayah Syariah Kelantan (1984), seperti khalwat, zina, minum arak dan lain-lain. Dalam kajian ini JKSK adalah badan yang akan menafsirkan Kanun Jenayah Syariah dan menjatuhkan hukuman terhadap kesalahan tersebut. JKSK juga adalah salah satu badan yang melaksanakan dan menguatkuasakan KJS II (1993) 2015 di Kelantan.

vii. Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan

Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan adalah sebuah jabatan yang bertanggungjawab membuka kertas pendakwaan terhadap pesalah yang ditangkap di bawah Kanun Jenayah Syariah (1984). Ketua Pendakwa adalah berkuasa penuh untuk mendakwa ataupun tidak mendakwa dalam sesuatu kes mengikut petimbangannya. Dalam kajian ini Jabatan Pendakwa Syarie Kelantan merupakan jabatan yang bertanggungjawab untuk mendakwa pesalah di bawah KJS II (1993) 2015 yang akan dilaksanakan kelak.

viii. Polis Di Raja Malaysia (PDRM)

Polis di Raja Malaysia sebagai sebuah institusi di bawah Kerajaan Pesekutuan yang bertanggungjawab menjaga ketententeraman dan keamanan melalui penguatkuasaan undang-undang persekutuan seperti Kanun Keseksaan. Dalam kajian ini, PDRM berperanan membantu anggota Penguatkuasa Syariah dalam menguatkuasakan KJS II (1993) 2015, tertakluk kepada kelulusan Bukit Aman dan Kerajaan Persekutuan.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

ix. Jabatan Penjara Kelantan

Jabatan Penjara Kelantan adalah sebuah jabatan yang berada di bawah senarai Persekutuan mengikut Perlembagaan Persekutuan. Jabatan Penjara Kelantan menerima perintah untuk menempatkan atau memenjarakan pesalah yang telah dijatuhkan hukuman penjara/ diperintah oleh Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah. Dalam kajian ini, Jabatan Penjara Kelantan di Pengkalan Chepa akan menerima perintah untuk memenjarakan orang yang telah dihukum oleh Mahkamah Bicara Syariah Khas dan Mahkamah Rayuan Syariah Khas Kelantan mengikut Seksyen 66 dan 67 (KJS II (1993) 2015) sekiranya mendapat kebenaran daripada Kerajaan Persekutuan.

x. Hakim

Hakim merujuk kepada Hakim Mahkamah Sivil atau Hakim Mahkamah Syariah. Dalam konteks kajian ini, Hakim yang dirujuk mengikut tafsiran Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan No.3 (1982) *pindaan* (2006), seorang Hakim yang dilantik di bawah perenggan 7(1)(a) Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Kelantan. No. 3 (1982) dan juga Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015, Seksyen 69.

xi. Mahkamah Syariah

Mengikut tafsiran Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Kelantan No.3 (1982) iaitu melibatkan Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan. Dalam Kajian ini Mahkamah Syariah adalah institusi yang bertanggungjawab membicarakan kes-kes di bawah Kanun Jenayah Syariah (1985) Kelantan. Mahkamah Bicara Syariah Khas dan Mahkamah Rayuan Syariah Khas akan bertanggungjawab membicarakan kes-kes atau kesalahan-kesalahan di bawah KJS II (1993) 2015.

xii. Akta Mahkamah Syariah (1965) 1984 (AMS) @ AKTA 355

Akta Mahkamah Syariah (AMS) (1965) 1984 (*Bidang Kuasa Jenayah*) juga dikenali sebagai AKTA 355 merupakan suatu akta yang dibuat oleh Parlimen untuk memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Akta ini menghadkan hukuman maksimum iaitu lima ribu ringgit, tiga tahun penjara dan enam kali sebatan. Dalam konteks kajian ini, AMS (1965) 1984 adalah merupakan 'penghalang' utama kepada pelaksanaan KJS II (1993) 2015 kerana had hukuman di bawah KJS II (1993) 2015 melangkaui had yang dibenarkan dan diperuntukkan oleh AMS (1965) 1984.

xiii. Yang Amat Arif (YAA)

Yang Amat Arif adalah gelaran kepada Ketua Hakim, samada Ketua Hakim Sivil atau Ketua Hakim Mahkamah Syariah. Dalam konteks kajian ini YAA adalah merujuk kepada Ketua Hakim Mahkamah Syariah Kelantan atau Ketua Hakim Syarie Malaysia. Di Kelantan YAA Ketua Hakim adalah orang yang bertanggungjawab menjaga dan mentadbir Mahkamah Syariah dan memastikan KJS II (1993) 2015 akan terlaksana kelak.

xiv. Yang Arif (YA)

Yang Arif adalah gelaran kepada hakim-hakim mahkamah tinggi Syariah Kelantan. Dalam konteks kajian ini YA adalah hakim mahkamah tinggi yang akan mengendalikan kes-kes Mahkamah Bicara Syariah Khas dan juga Mahkamah Tinggi Syariah sekarang.

xv. Timbalan Pengarah Operasi (TPO)

Timbalan Pengarah Operasi (TPO) adalah gelaran jawatan kepada Timbalan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (Gred 54). Pegawai yang bertanggungjawab

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

dalam semua operasi berkaitan penguatkuasaan di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan. Dalam kajian ini, ianya merujuk kepada ketua pegawai operasi yang bertanggungjawab terhadap perjalanan penguatkuasaan KJS II (1993) 2015 di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan.

xvi. Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan Persekutuan adalah merupakan undang-undang utama dan tertinggi di Malaysia, ianya mengandungi 183 perkara, merupakan satu dokumen undang-undang bertulis yang telah dibentuk berasaskan dua dokumen terdahulu iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan tahun 1957. Dalam konteks kajian ini ia merupakan rujukan utama berkaitan pelaksanaan KJS II (1993) 2015.

xvii. Kanun Keseksaan @ Penal Code (PC)

Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574) adalah akta yang digubal bagi membolehkan seseorang ini diseksa atas kesabitan jenayah yang berjalan di Mahkamah Sivil. Dalam konteks kajian ini ia merujuk kepada pertembungan di antara KJS II (1993) 2015 dengan Kanun Keseksaan @ Penal Code.

xviii. Kementerian Kesihatan Malaysia (Hospital)

Dalam konteks kajian ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (Hospital) bertanggungjawab kepada hal ehwal berkaitan pelaksanaan hukuman di bawah KJS II (1993) 2015 seperti potong tangan atau anggota-anggota badan yang lain.

xix. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), satu badan berkanun di bawah KDYMM Al-Sultan Kelantan, bertanggungjawab dalam menentukan

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

perkembangan dan mengurus hal ehwal agama Islam di Kelantan di samping JAHEAIK. Dalam kajian ini MAIK merujuk kepada badan yang menyemak dan mengesahkan KJS II (1993) 2015 menepati syarak melalui Jawatankuasa atau Jemaah Ulamak yang dipengerusikan oleh YB. Sahibul Samahah Mufti Kerajaan Negeri Kelantan.

xx. Polis Syariah

Polis Syariah adalah anggota penguatkuasa Undang-Undang Jenayah Syariah di bawah JAHEAIK. Ia merujuk kepada mana-mana anggota penguatkuasa agama Islam JAHEAIK yang bertanggungjawab menerima maklumat, menyiasat, menangkap atau menahan orang disyaki melakukan jenayah di bawah KJS II (1993) 2015. Polis Syariah inilah anggota yang akan menguatkuasakan kanun tersebut di Kelantan dengan bantuan pihak-pihak tertentu.

1.9 Penutup

Bab pendahuluan ini telah membincangkan latar belakang, penyataan masalah, persoalan, objektif dan signifikan kajian bagi menjelaskan kepentingan kajian ini dilaksanakan berkaitan KJS II (1993) 2015. Secara umumnya bab ini memberi gambaran dan justifikasi penting mengenai hala tuju dan matlamat kajian yang dijalankan. Bab seterusnya iaitu bab kedua akan membincangkan sorotan literatur yang menyentuh tentang konsep dan kajian berkaitan dengan KJS II (1993) 2015.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini menyelusuri sejarah perkembangan Undang-undang Jenayah Islam melibatkan hukuman Hudud, Qisas dan Takzir. Turut disentuh mengenai kepentingan dan keistimewaan hukuman ini dalam memelihara kemaslahatan dan keamanan dalam kalangan masyarakat. Selain mengemukakan pandangan sarjana Islam terdahulu dan kontemporari mengenainya, bab ini juga menjelaskan sejarah pelaksanaan undang-undang Islam di Kelantan pada zaman pemerintahan kesultanan Melayu Islam Kelantan, peranan para umarak dan ulama Kelantan dalam pelaksanaan Undang-undang Islam di Kelantan dan perkembangan Kanun Jenayah Syariah Kelantan. Bab ini diakhiri dengan sorotan kajian-kajian lepas berkaitan pelaksanaan undang-undang Islam di Kelantan khususnya Kanun Jenayah Syariah dan Hudud.

2.2 British dan Undang-Undang Islam

Mahmood Zuhdi Abd Majid & Abdul Razak Mahmud & Nik Safiah Karim (2012) menjelaskan bahawa J.S. Mason[12], apabila memulakan kerjanya pada 15 Julai 1909 di Kelantan, beliau telah mengemaskini pentadbiran mahkamah syariah di sebabkan banyak aduan berhubung dengan aspek pentadbirannya. Berdasarkan Kelantan Annual Report (1910) J. Mason telah mengambil pelbagai tindakan tanpa mengambil kira Perjanjian 1910 yang telah menghadkan campur tangan pihak luar dalam hal ehwal agama Islam. Beliau bertekad untuk mengambil bidang kuasa Mahkamah Syariah

[12] J.S Mason (James Scott Mason) adalah penasihat British di Kelantan bagi Sultan Muhammad 1V mulai Julai 1909, J.S Mason menguasai pentadbiran Mahkamah Tinggi, Jabatan Polis dan juga Pejabat Tanah. (https://prezi.com > penasihat British di Kelantan.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

terhadap pusaka. Malah, J.Mason juga menyatakan pendapatnya bahawa tidak perlu wujud Mahkamah Syariah dan memadai seorang kadi sahaja yang memutuskan pembahagian pusaka. Mana-mana kes pusaka juga boleh diputuskan oleh hakim mahkamah adat. Walaupun tindakan ini tidak direstui oleh Sultan, namun J. Mason tetap dengan agendanya menggubal Enakmen Pusaka Kecil (*The Succession to Small Estates Enactment, 1910, No.17 of 1910*. Enakmen ini dianggap sebagai usaha pertama pentadbiran Inggeris menghadkan bidang kuasa Mahkamah Syariah kepada kes harta pusaka bernilai 500 ringgit dan ke bawah serta memindahkan kes yang melebihi nilai tersebut kepada pegawai tanah[13]. Pada masa yang sama, undang-undang berdasarkan prosedur barat diperkenalkan dengan alasan mengemaskinikan pentadbiran undang-undang negeri.

2.3 Kedatangan Islam Ke Kelantan

Negeri Kelantan telah menerima kedatangan Islam sebelum tahun 577 *Hijrah* (1181) dan pada tahun tersebut telahpun wujud Kerajaan Islam Kelantan. Penemuan wang dinar di bekas tapak Kota Istana Kubang Labu Kota Bharu pada tahun 1941 *Masihi* merupakan bukti kedatangan Islam di bumi Kelantan (Muhammad Hussein Khal'i Awang, 1970). Perkembangan agama Islam di Kelantan semenjak abad ke-12 begitu pesat, diikuti oleh pengislaman Pattani telah menjadikan negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia sebagai pusat pertumbuhan dan kebangkitan Islam. Kemunculan pondok-pondok di Kampung Sena, Teluk Manok dan Pauh Bok di Pattani dan juga Pondok Tok Pulau Manis di Terengganu pada abad ke-16 dan 17 telah menjadikan Pantai Timur sebagai pusat pengajian Islam yang termashyur di Tanah Melayu (Mohd Fadli Ghani, 2011).

[13] Lihat Enactment, No. 17 of 1910.

Menurut Mohd Fadli Ghani (2011) dalam bukunya berjudul *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam* menyebut antara ulama terawal mengembangkan Islam ialah Sheikh Ismail pada abad ke-14 di Kampung Tok Longhe (Tok Long Ismail) Tanah Merah. Selain itu seorang ulama dari India bernama Syed Hussein Jamadil Kubra dan adiknya Syed Thanauddin telah tiba di Bukit Panau pada tahun 1349 yang mengembangkan Islam melalui perkahwinan mereka dengan puteri raja Kelantan. Sewaktu Long Yunus menjadi Sultan Kelantan, beliau telah menghantar anak angkatnya Sheikh Abdul Halim belajar di Mekah pada abad ke-18. Selain menjadi penasihat sultan, Sheikh Abdul Halim turut membuka pusat pengajian Islam dan pada waktu itu juga muncul pondok pengajian di Pulau Chondong dan Tabal.

Peranan ulama dalam pentadbiran negeri Kelantan berkembang seiring dengan pertumbuhan institusi pengajian yang berpusat di Masjid Besar Kota Bharu melalui penubuhan Mahkamah Qadi dan institusi Mufti. Bermula dengan pelantikan Syed Ja'afar (Engku Hakim) sebagai Qadi Besar pada zaman Sultan Long Senik Mulut Merah, diikuti dengan pelantikan mufti pertama iaitu Sheikh Wan Abdul Rahman Muda Wan Othman. Undang-undang Islam yang dikuatkuasakan berdasarkan kitab *Bughyat al-Mustarshidin*[14] dan *Mu'in al-Hukkam*[15] melalui mahkamah balai semenjak zaman Sultan Muhammad I (1830-1837) dan diperkukuhkan lagi pada zaman Sultan Ahmad, Sultan Mohamad III dan Sultan Mansor. Ketika pemerintahan Sultan Mohamad IV (1900-1920), Undang-undang Siam dan Undang-undang Inggeris mula dikuatkuasakan oleh penjajah melalui Perjanjian Inggeris-Siam 1902 yang menyebabkan kedudukan undang-undang Islam terjejas dan semakin terhakis (Mohd Fadli Ghani, 2011).

[14] Merupakan sebuah kitab fiqh yang menghimpunkan ringkasan dari berbagai fatwa para ulamak mazhab Syafi'i yang muta-akhirin. Usaha penyusunan kitab ini dilakukan oleh Sayyid 'Abdur Rahman bin Muhammad bin Husin bin Umar Ba'alawi al-Hadhrami (1250-1320). Seorang tokoh ulamak mazhab Syafii yang terkenal dan mufti bagi negeri Hadhramaut, Yaman.

[15] This book is a handbook of Islamic law procedure. It was written in the 15th century by Ali ibn Khalil al-Tarabulsi a Hanafi jurist in jurusalem. Dar Al-Qalam, Damuscus.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2.4 Sejarah Pelaksanaan Undang-Undang Islam Di Kelantan

Syariat Islam berkembang dengan pesat di Negeri Kelantan pada zaman pemerintahan Sultan Muhamad I (1801-1836 M). Baginda mengambil berat terhadap perkembangan dan peranan agama Islam dengan melantik Syeikh Abdul Halim[16] sebagai penasihat. Kemangkatan Sultan Muhamad I pada 1836 dan diganti oleh Sultan Muhamad II (1836-1886) menyaksikan pelaksanaan syariat Islam melibatkan hukuman hudud, qisas dan takzir dengan dibantu oleh mufti selaku Ketua Hakim dan Qadi sebagai peguam syarie (Abdul Halim Ahmad, 1984).

Menurut Daud Muhammad (2004) yang merupakan Ketua Hakim Syarie Kelantan, agama Islam telah berkembang pada zaman pemerintahan sultan-sultan terdahulu sehinggalah berlaku campur tangan penjajah dengan memperkenalkan undang-undang barat ke dalam sistem perundangan semasa. Sebagai contohnya enakmen tahun 1910 yang membataskan bidang kuasa mahkamah syariah yang ada di Kota Bharu pada masa itu. Penjajah telah mengenepikan undang-undang Islam secara berperingkat melalui enakmen yang berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang mahkamah syariah kepada hal ehwal kekeluargaan Islam sahaja.

Di sebalik campur tangan penjajah, sejarah pelaksanaan undang-undang Islam di Kelantan terus berkembang antaranya melalui penubuhan mahkamah syariah. Undang-undang mahkamah syariah bermula sejak tahun 1909 apabila Undang-undang Mahkamah Syariah No. 5 Tahun 1909 yang dikenali dengan *Peraturan Berkuatkuasa*. Selanjutnya Undang-undang No. 18 Tahun 1916 yang berhubung dengan nikah cerai menggantikan Undang-Undang No. 5 Tahun 1909. Seterusnya dalam tahun 1938, tiga lagi undang-undang diperkenalkan iaitu Undang-undang No. 21 berhubung dengan

[16] Lihat Abdul Halim Ahmad, *"Pendidikan Islam di Kelantan"* Khoo Kay Kim (penyelenggara), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1984, hal. 39-40.

peruntukan kesalahan bagi mereka yang melanggar Agama Muhammadiah, Undang-undang No. 22 berkaitan dengan nikah cerai orang-orang Islam dan Undang-undang No. 31 berkaitan dengan nafkah. Pada tahun 1953 dilaksanakan pula undang-undang Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Mahkamah Qadhi No. 1 Tahun 1993 (Daud Muhamad, 2004). Bagi memudahkan rakyat membuat sebarang tuntutan berkaitan undang-undang Islam di mahkamah Syariah, dua mahkamah syariah ditubuhkan selain daripada Mahkamah Syariah Kota Bharu, iaitu Mahkamah Syariah Pasir Puteh dan Mahkamah Syariah di Batu Mengkebang, Kuala Krai. Mahkamah-mahkamah ini diberi bidang kuasa yang sama dengan Mahkamah Syariah Kota Bharu kecuali tidak boleh memutuskan kes harta pusaka yang nilainya lebih daripada RM 2,000.00. Kini terdapat sebanyak 12 mahkamah rendah Syariah merangkumi seluruh jajahan di Kelantan.

2.5 Perundangan Islam di Malaysia Menurut Perlembagaan

Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan hal ehwal berkaitan pentadbiran dan perundangan Islam. Dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan, agama Islam merupakan urusan negeri. Tertakluk di bawah kuasa negeri melalui Badan Perundangan Negeri (Dewan Undangan Negeri) sebagai penggubal undang-undang berkaitan hal ehwal Islam sebagaimana dalam Senarai Negeri, Jadual Kesembilan dengan Sultan atau Raja sebagai Ketua Agama Islam negeri berkenaan. Walaupun begitu, atas kapasiti sebagai ketua agama negeri, raja-raja atau sultan boleh membenarkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mewakilinya melalui Majlis Raja-Raja boleh memperluas sebarang perbuatan, amalan atau upacara berkaitan Islam ke seluruh Negara (Shamrahayu A. Aziz, 2016). Kedudukan ini boleh difahami daripada peruntukan perkara 3 (2) yang menyatakan sebagaimana berikut:

Di dalam tiap-tiap Negeri selain Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua agama Islam di Negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan, tertakluk kepada Perlembagaan itu, segala hak, keistimewaan, prerogative dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua agama Islam, tidaklah tersentuh dan tercacat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluaskan ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.

Ekoran daripada kedudukan Islam merupakan sebahagian daripada urusan bagi negeri-negeri dan tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan negeri, maka dalam struktur pembahagian kuasa perundangan antara Persekutuan dan negeri-negeri, Perkara 74 menyebut dalam tajuknya: (Hal Perkara Undang-Undang Persekutuan dan Negeri).

1. *Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang- undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana perkara lain, parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa- apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama, (iaitu Senarai Pertama atau Ketiga yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan)*

2. *Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.*

3. *Kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan oleh Perkara ini boleh dijalankan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Perlembagaan ini mengenai mana-mana perkara tertentu.*

4. *Jika ungkapan am dan juga ungkapan khusus digunakan pada memperihalkan mana-mana perkara yang disebut satu- persatu dalam senarai-senarai yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan maka keluasan ungkapan am itu tidak boleh dikira sebagai dihadkan oleh ungkapan khusus itu.*

Sejajar dengan peruntukan Perkara 74 ini, Perlembagaan Persekutuan mengadakan Jadual Kesembilan yang dibahagikan kepada tiga senarai utama seperti berikut:

1. Senarai I (Senarai Persekutuan) yang menyenaraikan perkara-perkara di bawah bidang kuasa perundangan bagi Persekutuan;
2. Senarai II (Senarai Negeri) yang menyenaraikan perkara-perkara di bawah bidang kuasa perundangan negeri, dan
3. Senarai III (Senarai Bersama) yang menyenaraikan perkara-perkara yang berada di bawah bidang kuasa kedua-dua, Persekutuan dan negeri- negeri. Di samping tiga senarai utama ini terdapat Senarai IIA dan Senarai IIIA yang masing-masing membuat peruntukan berkaitan Senarai tambahan untuk Sabah dan Sarawak.

Perkara 76A Perlembagaan Persekutuan menjelaskan, parlimen mempunyai kuasa untuk membuat sebarang undang-undang di bawah senarai Persekutuan, parlimen juga boleh memberi kuasa atau kebenaran kepada mana-mana badan perundangan negeri untuk membuat sebarang undang-undang yang berada dibawah senarai Persekutuan, sama ada dengan syarat atau tidak. Sebagaimana diperuntukkan;

> *(1) Dengan ini ditegaskan bahawa kuasa parlimen untuk membuat undang-undang mengenai sesuatu yang disebut satu persatu dalam Senarai Persekutuan termasuklah kuasa untuk membenarkan Badan-badan Perundangan Negeri-Negeri atau mana-mana daripadanya, tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan (jika ada) yang dikenakan oleh parlimen, untuk membuat undang-undang mengenai kesemua atau mana-mana bahagian perkara itu.*

Jika dirujuk kepada perkara 74, ia meletakkan Islam secara eksekutif di bawah kuasa negeri dan penggubalan undang-undang dibuat dalam Dewan Undangan Negeri. Badan Perundangan Persekutuan, iaitu parlimen tidak mempunyai kuasa membuat

undang-undang berkaitan perundangan Islam di negeri-negeri (kecuali Wilayah Persekutuan). Dewan Undangan Negeri pula tidak boleh membuat undang-undang yang disenaraikan dalam Senarai Persekutuan. Sekiranya Dewan Undangan Negeri membuat undang-undang mengenai perkara-perkara tersebut (kecuali sekiranya dibenarkan oleh parlimen melalui 76A) maka undang-undang tersebut boleh diisytihar sebagai tidak sah. Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan menyatakan:

> *"Kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan Undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubung dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, masa kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri, adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam. Pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan prosedur Mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu".*

Peruntukan di atas berkaitan dengan undang-undang kesalahan terhadap perintah agama Islam, prosedur bagi pelaksanaan undang-undang berkaitan kesalahan syariah yang dibicarakan di mahkamah syariah serta bidang kuasa mahkamah syariah. Apabila diteliti terdapat lapan perkara penting yang perlu diperhalusi dalam membicarakan tentang aspek-aspek berkaitan usul pindaan kepada AKTA 355 seperti berikut;

Pertama : Negeri-negeri dijamin dengan kuasa dan bidang kuasa berkaitan dengan undang-undang Islam; Hukum Syarak dan Undang-undang Peribadi dan Keluarga.

Kedua : Hukum Syarak, Undang-undang Peribadi dan Keluarga terletak di bawah bidang kuasa negeri dan seterusnya dilaksanakan di mahkamah Syariah.

Ketiga : Badan Perundangan Negeri diberikan kuasa untuk menggubal atau mewujudkan kesalahan dan hukuman Syariah mengikut perintah agama Islam.

Keempat : Badan Perundangan Negeri juga diberikan kuasa untuk mewujudkan mahkamah syariah bagi mengendali semua perkara berkaitan agama Islam.

Kelima : Badan Perundangan Negeri tidak boleh menggubal kesalahan dan hukuman ke atas perkara-perkara yang berada dalam senarai Persekutuan.

Keenam : Undang-undang negeri mengenai kesalahan dan hukuman Syariah hanya terpakai ke atas orang-orang Islam sahaja.

Ketujuh : Parlimen diberikan kuasa untuk menggubal peruntukan berkaitan bidang kuasa mahkamah atas perkara berkaitan kesalahan.

Kelapan : Oleh kerana parlimen diberikan kuasa untuk menggubal peruntukan berkaitan bidang kuasa mahkamah Syariah berkaitan kesalahan, maka mahkamah mempunyai bidang kuasa ke atas kesalahan setakat yang diberikan oleh Undang-undang Persekutuan sahaja.

Berdasarkan perkara di atas dapat difahami bahawa bidang kuasa negeri-negeri berkaitan hal ehwal Islam adalah jelas dan tidak dapat dinafikan. Justeru, Parlimen tidak boleh dalam apa jua keadaan menggubal undang-undang berkaitan Islam walaupun

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

dalam perkara yang berkesampingan (*incidental matters*) dalam perundangan. Parlimen pula hanya boleh menggubal undang-undang mengenai Islam bagi wilayah-wilayah Persekutuan sahaja. Perkara ini telah diperjelaskan dalam kes *Mamat bin Daud*[17] di mana beliau telah menjadi imam dan bilal tanpa kebenaran daripada pihak berkuasa agama negeri Terengganu, hal ini telah menimbulkan perpecahan dan menggugat perpaduan masyarakat. Mamat bin Daud telah didakwa di mahkamah di bawah Seksyen 298A. Namun, Seksyen 298A Kanun Keseksaan (Penal Code) telah diistiharkan tidak sah (tidak berperlembagaan; *unconstitutional*) kerana parlimen membuat undang-undang berkaitan agama Islam yang berada di bawah bidang kuasa negeri. Malah dalam keadaan darurat sekalipun hukum syarak tidak boleh diganggu. Hal ini dinyatakan dalam Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

> *Perkara 150 (6A) menyatakan mengenai kedudukan agama Islam dalam keadaan darurat; yang mana parlimen, atau pihak (eksekutif) tidak boleh membuat apa-apa perkara mengenai hukum Syarak hatta ketika darurat sekalipun. Walaupun pihak parlimen atau Eksekutif; (Yang di-Pertuan Agong) boleh membuat apa sahaja undang-undang yang difikirkan perlu bagi tujuan darurat walaupun bertentangan dengan Perlembagaan, mereka tidak boleh membuat apa-apa undang-undang berkaitan undang-undang Islam.*

2.6 Sejarah Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan

Sejarah Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan bermula apabila satu cadangan undang-undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Bil. 1/66 (1977) oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan (MMK). Sehubungan dengan itu Jawatankuasa Khas Pindaan Undang-Undang 1/66 dibentuk kerajaan negeri dan mengundang dua ahli akademik yang merupakan pakar perlembagaan untuk mendapatkan pandangan iaitu Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim[18] dan Profesor Madya

[17] Mamat Bin Daud &ORS v Government of Malaysia [1998] MLJ 119.
[18] Pakar Undang-Undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), Peguam cara dan peguam bela dalam kes Natrah di Singapura.

Dato' Nik Abdul Rasyid Nik Abdul Majid[19]. Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat kali pertama pada 18 Februari 1977 di pejabat kerajaan negeri membincangkan cara dan pendekatan pindaan Undang-Undang 1/66. Hasilnya tertubuh dua jawatankuasa iaiatu Jawatankuasa Kecil Perundangan dan Jawatankuasa Kecil Akhlak. Jawatankuasa Khas Pindaan Undang-undang 1/66 ini juga turut meminta pandangan individu, pertubuhan dan badan-badan tertentu di Kelantan berhubung dengan pindaan yang hendak dicadangkan. Pada Tahun 1976, jawatankuasa khas ini mencadangkan suatu undang-undang yang dikenali dengan Mahkamah Syariah Hal Ehwal Keluarga dan Masyarakat Islam (1976), namun tidak dapat direalisasikan kerana berlaku perubahan kerajaan yang pemerintahan di negeri Kelantan daripada UMNO kepada PAS.

Pada Julai 1980, Jawatankuasa Khas Pindaan Undang-Undang 1/66 ini telah mencadangkan agar hukuman kepada pesalah-pesalah Jenayah Syariah Kelantan dinaikkan daripada RM 1,000.00 kepada RM 3,000.00, tempoh penjara daripada enam bulan kepada tiga tahun dan hukuman sebat sebanyak tiga kali sebatan. Walau bagaimanapun, cadangan ini juga tidak dapat dilaksanakan kerana bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Beberapa siri mesyuarat dan perbincangan telah dilakukan dan hasilnya memutuskan bahawa Undang-Undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam 1/66 itu terlalu umum lalu dipecahkan kepada beberapa enakmen berasingan untuk penambahbaikan dan melicinkan pentadbiran Mahkamah Syariah Kelantan. Maka enam enakmen yang telah digubal dan dilaksanakan di Negeri Kelantan iaitu:

i. Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982
ii. Enakmen Keluarga Islam 1983

[19] Pensyarah Undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA).

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

iii. Enakmen Acara Jenayah Syariah 1983

iv. Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985

v. Enakmen Acara Mal Syariah 1984

vi. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 1991.

Enakmen Kanun Jenayah Syariah (2/85) yang masih dilaksanakan merupakan hasil daripada pecahan Undang-Undang Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan 1/66 yang berkaitan dengan bahagian V, iaitu peruntukan tentang kesalahan-kesalahan (Pusat Kajian Strategi Negeri Kelantan, 2018). Menurut IN6 KJS II (1993) ialah;

> *"Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (RUU) yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan pada tahun 1993 ini dimulai dengan tajuk permulaan dan enam bab berikutnya. RUU tersebut merangkumi tiga kategori, iaitu kesalahan yang boleh dikenakan had, kesalahan yang boleh dikenakan hukuman qisas dan takzir. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan hukuman had yang dimaksudkan dalam RUU ini ialah kesalahan sariqah (mencuri), hirabah (merompak), zina (melakukan persetubuhan haram), qazaf (membuat tuduhan bahawa seseorang itu melakukan zina yang mana tuduhan itu tidak dapat dibuktikan dengan empat orang saksi), syurb (meminum arak atau minuman yang memabukkan) dan irtidad atau riddah (keluar daripada agama Islam). Manakala terdapat dua kesalahan yang dikenakan hukuman qisas, iaitu jenayah yang menyebabkan kematian dan jenayah yang menyebabkan kecederaan. Oleh kerana hudud ini undang-undang Islam, maka di Malaysia ini ianya hendaklah dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah. Masalahnya bidangkuasa Mahkamah Syariah adalah terhad. Setakat menghukum penjara tidak lebih 3 tahun, denda tidak lebih RM5000.00 dan rotan tidak lebih 6 kali, macamana nak laksana hudud. Hudud perlu kepada hukuman mati dan rotan sampai 100 kali. Ini bermaksud walau sehebat mana Hakim Mahkamah Syariah sekalipun atau sebesar dan secantik mana bangunan mahkamahpun, setakat itu sahaja kuasanya. Inilah hakikat kedudukan undang-undang Islam dan Mahkamah Syariah di Malysia. Sangat rendah statusnya dibandingkan dengan undang-undang dan mahkamah sivil".*

Pada tahun 2015, Rang Undang-Undang (pindaan) Kanun Syariah II (1993) sekali lagi diluluskan di Dewan Undangan Negeri Kelantan dan telah mendapat sokongan sebulat suara dari 44 Adun Kelantan. 31 Adun PAS, 12 Adun BN dan seorang

ADUN PKR. Rang Undang-Undang ini dinamakan Kanun Jenayah Syariah II (1993) pindaan 2015 atau Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015. Beberapa pindaan dibuat antaranya daripada "pilihan diberikan kepada bukan Islam untuk menerima pemakaian undang-undang tersebut" kepada "melibatkan orang Islam mukallaf sahaja". Pindaan lain melibatkan kelayakan dan pemberhentian hakim, gaji dan elaun hakim serta penglibatan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN).

Menurut Azhar Abdullah (2015)[20] dalam bukunya *Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 Pengenalan & Hala Tuju* menulis tentang perkembangan KJS II (1993) 2015 yang terbahagi kepada dua peringkat iaitu;

a) KJS II (1993) dibentangkan dan diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan kali ke-3 (Belanjawan) penggal ke empat hari kelima, bertarikh 25 November 1993 dan telah mendapat sokongan 36 ahli dewan undangan Negeri Kelantan dengan nama "ENAKMEN KANUN JENAYAH SYARIAH II (1993) Kelantan".
b) Manakala peringkat kedua KJS II (1993) 2015 yang telah dibuat pindaan dan penambahbaikan yang bertujuan melengkap dan mengharmonikan KJS II (1993). KJS II (1993) sekali lagi diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan ke-13, pada 19 Mac 2015[21] dengan mendapat persetujuan daripada semua ADUN termasuk daripada UMNO dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) dengan nama "KANUN JENAYAH SYARIAH II (1993) 2015". Nama ini digunakan kerana kanun ini berasal daripada "Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1985" yang dikira sebagai induk kepada Undang-undang

[20] Pensyarah KIAS Nilam Puri Kelantan. Beliau merupakan salah seorang yang bertanggungjawab memberikan penerangan kepada masyarakat mengenai KJS II (1993) yang berada di bawah pengurusan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan.

[21] Sepatutnya sidang DUN Kelantan bagi tujuan meluluskan KJS II dijadualkan berlangsung pada 25 Disember 2014. Namun, disebabkan Kelantan telah dilanda bah kuning yang luar biasa, maka sidang DUN ditunda kepada Mac 2015.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Jenayah Syariah Negeri Kelantan. Pada tahun 1993, Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (1993) telah diluluskan dengan menambah bilangan "II (1993)" bagi menunjukkan bahawa ia sebagai enakmen yang kedua daripada Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan (pindaan) No. 2/1985.

Enakmen ini dinamakan "kanun"[22] sahaja dan dibuang perkataan "enakmen" bagi tujuan mengelakkan pengulangan perkataan yang hampir sama antara "enakmen" dan "kanun". Namun pada hakikatnya kedua-duanya mempunyai makna yang sama. Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan (1985) mula berkuatkuasa pada 1 Mac 1986, tarikh penetapan penguatkuasaan itu bersesuaian dengan peruntukan yang diberikan dalam seksyen 1 kanun berkenaan. Dalam seksyen tersebut telah memperuntukkan bahawa kanun ini hendaklah diperkenan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam Warta Kerajaan Kelantan. Enakmen ini telah disiarkan dalam warta kerajaan pada 5 Jun 1986 dan dinyatakan bahawa Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan menetapkan 1 Mei 1986 sebagai tarikh mula berkuatkuasa enakmen ini (Mohd Azhar Abdullah[23], 2015).

Menurut IN12 yang merupakan salah seorang exco kerajaan negeri menyatakan bahawa YAB Ustaz Dato' Ahmad bin Yaakob ketika menjadi Menteri Besar Kelantan telah berjanji untuk meneruskan perjuangan YAB Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat dalam memartabatkan hukum Islam (Hudud) di Kelantan. Beberapa siri ucapan beliau terutamanya dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan yang bersidang pada 13hb Mac 2014, YAB Dato' Ahmad bin Yaakob menyatakan bahawa beliau bersedia untuk bertemu dengan Perdana Menteri Malaysia bagi membolehkan KJS II (1993) 2015

[22] Ringkasan kepada perkataan "Kanun" sahaja telah dipersetujui dalam mesyuarat JK Teknikal Bil. 1/2015 pada 2 Februari 2015.

[23] Seorang hakim Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan / Pensyarah KIAS dan AJK semakan Pindaan Enakmen Undang-Undang Syariah Kelantan

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

dilaksanakan di Kelantan, malah beliau juga bersedia untuk melepaskan jawatan sekiranya gagal untuk melaksanakan KJS II (1993) di Kelantan[24] (Ahmad Yaakub, 2014).

Namun usaha untuk merealisasikan hasrat tersebut sentiasa berdepan dengan cabaran dan halangan. Pihak Kerajaan negeri telah melaksanakan semua perkara berkaitan KJS II (1993) 2015 yang berada dalam bidang kuasanya, cuma perkara-perkara yang berada di bawah bidang kuasa Persekutuan sahaja yang belum diselesaikan kerana di luar skop dan bidang kuasa negeri. Apabila ditanya oleh wartawan tentang kegagalan melaksanakan KJS II (1993) 2015 dalam tempoh yang dirancangkan, beliau menjawab:

> *"...itu apabila kita tidak dapat buat persiapan, sekarang kita telah siap semuanya, kecuali saya tidak dapat siap, pindaan sudah dibuat, dari segi kita telah selesai, cuma menghalangnya, cuma kita tidak dapat buat pindaan 355 itu bukan tanggungjawab kita, jadi bagi ambo selesai, tidak berbangkit.."*[25]
>
> (Ahmad Yaakub, 2014)

Kesungguhan Kerajaan Negeri Kelantan di bawah pimpinan YAB Dato' Ahmad bin Yaakob untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 diteruskan dengan memasukkan pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 dalam Pelan Strategik Kelantan Melangkah Kehadapan - Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan (2016-2025). Perancangan pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ini diletakkan di bawah tonggak KEBERKATAN (Agama dan Dakwah) yang menggariskan perkara berikut:

[24] Sidang DUN Kelantan 2014. https://www.facebook.com/photo.php?fbid=263390507172807&id=199843990194126&set=a.199846193527239

[25] Majlis Pelancaran Promosi KJS II (1993) 2015 dan Himpunan Belia sempena Majlis Sambutan Hari Hududullah di Stadium Sultan Mohd : Pada 27 Oktober 2015 1937H https://www.youtube.com/watch?v=Hx-fDe4i7tA

PHD THESIS

No. 4: Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah (Strategi)

- Memastikan KJS II (1993) 2015 berada dalam tahap terkini dan lebih kemas.
- Memastikan peruntukan KJS II (1993) 2015 dapat dilaksanakan selaras dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah.
- Memastikan pendakwaan dilakukan dengan cekap dan bebas.

Manakala dari segi tindakan pula :

- Meminda Kanun Jenayah Syariah 2/1985.
- Meningkatkan prasarana dan guna tenaga di semua jabatan berkaitan pelaksanaan Undang-Undang Syariah.
- Manakala dalam petunjuk prestasi mensasarkan pelaksanaan KJS II (1993) 2015 direalisasikan dalam masa lima tahun.

Hasrat Kerajaan Negeri Kelantan di bawah YAB Dato' Ahmad bin Yaakob sebagai Menteri Besar ketika untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 telah disemarakkan lagi dengan terbitnya buku perancangan baharu Kerajaan Negeri Kelantan, iaitu *Halatuju Potfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan Melangkah Ke Hadapan (2018-2023).* Pelan ini menyentuh perkara ini di bahagian Pembangunan Islam (Undang-Undang Islam) iaitu:

- Strateginya ialah memperkasa enakmen yang sedia ada, seperti Kanun Jenayah Syariah (I), Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, Enakmen Pentadbiran Keadilan Syariah, menangani penyebaran Agama bukan Islam dan pengasingan Bahagian Penguatkuasaan dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan.

– Memberikan kesedaran pendidikan kepada masyarakat dengan mewujudkan Galeri Undang-Undang Syariah @ Hudud Kelantan, mengaktifkan jawatankuasa penyelidikan Enakmen Negeri.

Walau bagaiamanpun, kajian ini mendapati momentum terhadap pelaksanaan KJS II (1993) ini sedikit perlahan di penghujung era pemerintahan YAB Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat sebagai Menteri Besar Kelantan. Hal ini dilihat berlaku kerana tumpuan yang lebih diberikan kepada konsep negara berkebajikan bersama Pakatan Rakyat (PR). Agenda KJS II (1993) 2015 atau hudud dilihat semakin tersisih akibat tafsiran dalam konsep negara berkebajikan, sebagai satu nilai keamanan dalam negara. Perkara ini disuarakan oleh perwakilan Kelantan iaitu Mohd Apandi bin Mohamad[26] dalam Muktamar Tahunan PAS Ke-57. Beliau menyuarakan bahawa konsep negara berkebajikan yang diperjuangkan PAS dan rakan-rakan pakatan pembangkang[27] berbeza dengan negara kebajikan yang diamalkan oleh negara sosialis dan komunis. Konsep negara berkebajikan dilihat selari dengan acuan Islam dan konsep negara berkebajikan mampu meraih sokongan serta minat masyarakat bukan Islam terhadap Islam (Nazura Ngah, 2011).

Namun begitu isu pelaksanaan hudud ini kembali hangat apabila YAA Dato' Aria D'Raja Ketua Hakim Syarie Kelantan, Hj. Daud bin Muhammad telah membangkitkan isu pelaksanaan KJS (II) 1993 & Hudud dalam ucapannya semasa perasmian bangunan baharu Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan pada 13 Nov. 2013 yang telah disempurnakan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V. Antara petikan ucapan beliau ialah seperti berikut:

[26] Yang Dipertua PAS kawasan Jeli, Kelantan / Mantan Ahli Parlimen PAS Kawasan Jeli.
[27] Pakatan pembangkang ketika itu dikenali sebagai Pakatan Rakyat (PR) yang terdiri daripada PAS, DAP, PKR, SNAP.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

"Hukuman sebat ini sebenarnya, apabila parlimen meminda perlembagaan dan memberi kuasa kepada mahkamah syariah menjatuhkan hukuman sebat, maka bererti kes jenayah syariah boleh disebat sebanyak tidak lebih daripada enam rotan dan boleh dijalankan sebatan seperti kes-kes Mahkamah Sivil atau dalam erti kata lain, rotan yang sama boleh digunakan. Tetapi mahkamah syariah tidak menggunakan rotan dan cara sebatan yang sama dengan sebatan kes sivil, bahkan telah membuat kaedah sebatan sendiri sebagaimana kaedah-kaedah hukuman sebat 1987 dan mula berkuatkuasa pada 1 Mei 1987 dan setelah kaedah ini dikuatkuasakan, kes-kes yang dikenakan hukuman sebat di mahkamah syariah dijalankan sebatan di Penjara Pengkalan Chepa dengan rotan dan cara sebatan yang tersendiri. Tujuan kaedah sebatan ini dibuat ialah untuk memperkenalkan kepada orang ramai rotan yang dibenarkan oleh hukum Syarak untuk disebat kepada pesalah-pesalah Jenayah Syariah dan jika Mahkamah Syariah diberi kuasa sampai seratus rotan pun, tidak akan mencedera dan membinasakan pesalah. Tetapi kadang- kadang ada setengah golongan tidak mengambil berat dan memberi perhatian yang serius dalam perkara seumpamanya ini dan menganggap ia boleh direka oleh sesiapa jua dengan sesuka hati, serta tidak sedar ia adalah hukuman yang ditetapkan Allah. Sebenarnya hakim-hakim Mahkamah Syariah sudah lama bersedia untuk melaksanakan hukuman tersebut"[28]

Kenyataan beliau ini mendapat liputan media dan hangat diperkatakan oleh masyarakat. Ia telah menghidupkan kembali isu pelaksanaan hudud di Kelantan. Ulasan pihak media telah mengundang pelbagai komen daripada pemimpin Kerajaan Negeri Kelantan tentang pelaksanaan hudud. IN10 merupakan seorang hakim di Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan mengatakan kenyataan tersebut telah 'menghidupkan' kembali hasrat yang tidak pernah 'mati' pihak kerajaan negeri untuk melaksanakan hudud. Ekoran itu berlaku beberapa arahan dan inisiatif oleh Kerajaan negeri mengatur gerak kerja dan meletakkan *time frame* dalam pelaksanaan hukum hudud. Usaha untuk melaksanakan Kanun Jenayah Syariah (Hudud) di Kelantan kembali rancak dengan gerak kerja dan persiapan secara berperingkat dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan.

[28] Teks Ucapan Majlis Perasmian Bangunan Mahkamah Syariah Kelantan, pada: 13.11.2013 oleh Ketua Hakim Syarie Kelantan.

Hasilnya, satu jawatankuasa bersama antara negeri dan Persekutuan telah dibentuk melalui kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

2.7 Hudud dan Kerajaan Negeri Kelantan PAS

Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dengan perjuangan dalam menegakkan hukum hudud merupakan sesuatu yang tidak dapat dipisahkan dalam sejarah poitik tanahair. Menurut Mohd Fadli Ghani (2020) iaitu Ketua Lajnah Sejarah dan Arkib Sidang *As-Sābiqūn* PAS, sejak awal penubuhan PAS isu pelaksanaan undang-undang syariah termasuk hudud telah lama diperjuangkan. Malah sewaktu pilihanraya umum 1955, ketika PAS menggunakan simbol '*Tangan Terbuka*', para pemimpin Parti Perikatan telah menuduh isu itu sebagai simbol hukuman potong tangan jika PAS memegang tampuk memerintah. Perkara ini berlanjutan pada tahun 1960an sehingga menjadi salah satu faktor munculnya isu kafir mengkafir ketika itu. Namun begitu, disebabkan oleh isu-isu negara bangsa seperti kemerdekaan, penubuhan Malaysia dan ketuanan Melayu maka isu pelaksanaan hudud tidak begitu menonjol dalam perjuangan PAS.

Isu hudud mula diperkatakan semula penghujung era 1970an apabila Dato' Dr. Haron Din menghasilkan buku *Hudud Dalam Perundangan Islam* pada tahun 1978. Menyusul selepas itu tulisan Ustaz Harun Taib iaitu *Kuasa Perundangan Islam* (1979), *Kuasa Pemerintahan Islam* (1981) oleh Dewan Ulama PAS Pusat, *Islam dan Politik* (1980) karangan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dan *Di Mana Letaknya Negara Islam* (1984) oleh Prof A. Hasjmy. Penghasilan buku dan penulisan ini telah menghangatkan semula perdebatan mengenai undang-undang Islam dan pelaksanaannya di negara ini.

Apabila PAS berjaya menguasai Kelantan pada tahun 1990, isu pelaksanaan hudud ini kembali diketengahkan dan menjadi fokus dalam pemerintahan PAS. Pemimpin PAS, terutamanya kepimpinan PAS Kelantan yang diterajui oleh YAB Dato'

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat mula mengatur gerak kerja untuk melaksanakan hukum hudud. Slogan "*Bersama Kepimpinan Ulama*" dan "*Membangun Bersama Islam*" telah menghangatkan lagi usaha dan promosi ke arah pelaksanaan hukum hudud di Kelantan. Terdapat tulisan dan karya yang dihasilkan oleh kepimpinan ulama PAS dan ahli akademik, sama ada dalam tempoh PAS memerintah Kelantan atau sebelum PAS memerintah Kelantan berkaitan hudud. Antaranya ialah *Undang-undang Jenayah Islam*, Dr. Ahmad Kamaruddin Hamzah (1989), *Hukum Islam di Malaysia*, Prof. Ahmad Ibrahim (1992), *Mengenai Hukum Hudud*, Dr. Wahbah al-Zuhaily yang telah diterjemahkan oleh Yusoff Zaki Yaakob (1992), *Undang-Undang Jenayah Hudud*, Prof Dr. Mahfodz Mohamed (1992), *Undang-Undang Jenayah Islam*, Dr. Faizah Ismail (1991), *Undang-Undang Jenayah Islam: Jenayah Hudud*, Dr. Mat Saad Abdul Rahman (1993).

Gerak kerja kepimpinan PAS Kelantan bersama Kerajaan Negeri Kelantan dalam usaha untuk melaksanakan hudud telah berjaya menghasilkan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (1993). Namun, KJS II (1993) ini telah ditolak oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 14 Julai 1994. Ekoran daripada penolakan tersebut, YB Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, Timbalan Presiden PAS pada waktu itu telah menulis sebuah buku berjudul *Isu Hudud: Abdul Hadi Jawab Mahathir* (1994). Dalam kehangatan penentangan terhadap hudud daripada pihak- pihak yang tidak bersetuju, sekali lagi PAS telah berjaya meluluskan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (*Hudud* dan *Qisas*) Terengganu 1423/2002. Walaupun PAS belum berjaya untuk melaksanakan undang-undang tersebut, namun undang- undang tersebut telah menjadi model rujukan bagi negara Brunei Darulsalam untuk mengubal Perintah Kanun Hukum Jenayah Syariah (2013) dan Aceh juga telah menggubal Qanun Aceh Nomor 6/2014 Tentang Hukum Jinayat Aceh (Fajar Islam Bil-60 Januari-Februari 2017).

Mohd. Azhar Abdullah (2018) mengatakan bahawa kanun hudud dan qisas 1993 di Kelantan adalah yang pertama dalam versi Melayu di Nusantara. Ia ibarat letupan "bom besar" yang mengejutkan ramai daripada lena dan kebekuan pemikiran disebabkan terkurung dalam pemahaman undang-undang jenayah syariah yang sempit seperti isu khalwat dan pondan sahaja. Ia boleh menjadi rujukan kepada pemerintah seperti di Acheh, Brunei dan pengajian undang-undang di universiti.

Dasar 'Membangun Bersama Islam' bertujuan menerapkan Islam secara menyeluruh dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan di bawah kepimpinan Ulama (Wan Nik Wan Yusoff, 2015). Dasar Kerajaan Negeri Kelantan didapati selari dengan dasar perjuangan PAS, iaitu untuk mendaulatkan hukum Islam di bumi Malaysia. Perkara ini termaktub dalam Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Perlembagaan PAS memperuntukkan pada Fasal 7 (*Pindaan 2011*); Hukum dan Kekuasaan:

> *(1) Adapun hukum yang tertinggi sekali dalam pegangan PAS ialah KITABULLAH dan SUNNAH RASUL serta IJMAK 'ULAMAK dan QIAS yang terang dan nyata, dengan tertakluk kepada hukum yang tertinggi itu, kekuasaan PAS adalah dipegang oleh Muktamar Tahunan.*

YAB Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat sebagai Menteri Besar Kelantan (1990-2013) telah cuba untuk melaksanakan undang-undang Islam (hudud) di Kelantan iaitu melalui penggubalan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (1993). Manakala Jawatankuasa Khas Undang-undang Hudud dan Qisas pula telah melantik beberapa orang ahli terdiri daripada pelbagai latar belakang dan kepakaran. Draf Undang-undang Hudud dan Qisas telah disiapkan pada 1991 dan telah diperakui oleh Sahibul Samahah Dato' Kaya Perba Haji Hasbullah bin Haji Hassan, iaitu Mufti Kelantan dan telah disahkan sebagai tidak bertentangan dengan Al-Quran dan hadis. Seterusnya draf ini telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 1993 dengan sokongan

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

sebulat suara daripada semua ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan (Wan Nik Wan Yusoff, 2015).

Walau bagaimanapun, undang-undang hudud dan qisas ini tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat halangan daripada Kerajaan kerana bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan:

> *"Jika mana-mana undang-undang negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan itu hendaklah mengatasi undang-undang negeri dan undang-undang negeri itu adalah tidak sah setakat yang tidak selaras itu"*

Ini menyebabkan usaha untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 tergendala. Namun usaha tetap diteruskan apabila Kerajaan Negeri Kelantan melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) mempromosikan KJS II (1993) 2015 melalui siri penerangan, seminar, konvensyen, ceramah, menerapkan modul penerangan mengenai Kanun Jenayah Syariah (Hudud) dan (Qisas) sebagai salah satu modul kursus pra perkahwinan[29] di Kelantan, sambutan Hari Hududullah pada setiap tahun, taklimat KJS II (1993) 2015 kepada kakitangan kerajaaan, imam-imam dan sebagainya. in. Sebagaimana yang pernah dikatakan oleh YAB Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat;

> *"Kijo-kijo pelaksanaan hukum Islam ni, kita tok leh berhenti, ionya keno jjale sokmo, ibarat enjin kete laa, walaupun tok jjale tapi tetap hidup enjinnyo, dek,dek,dek… bila ore kata o.k, kita pun mmasok gear, tekan minyok, press dan teruh jjale, kerjo-kerjo isle ni kito tok lih stop, walaupun ada halange, cuma kita keno bijok dalam menghadapinyo"*

Beliau juga menyatakan;

[29] Cadangan modul ini adalah daripada Anuar Al-Sadat Haji Noor (Penolong Pengarah Penguatkuasa) JAHEAIK.

"Tuntutan terbesar bagi kita sekarang ini yang terabai ialah menegakkan kedaulatan Allah SWT di dalam perundangan dengan memastikan hukum-hukumnya yang telah dinaskan dengan terang diterima pakai dalam negeri ini dan seterusnya seluruh negara. Meninggalkan kewajipan ini adalah dosa besar di sisi Allah SWT dan kerugian yang besar kepada keselamatan dan keamanan rakyat. Di atas kewajipan inilah kerajaan negeri telah berusaha dengan bersungguh-sungguh merangka satu EKJS (II) 1993 yang saya bentangkan di dewan pada hari ini....."

"Kita buat hudud ini kerana kita yakin lampu hijau (laluan) di hadapan. Tetapi semasa memandu, kita kena jaga-jaga dengan tanda-tanda peringatan di tepi jalan, perangkap had laju dan jangan memotong di double line (garisan berkembar). Tiba-tiba sampai di traffic light (lampu isyarat), lampu telah merah kita kena tekam brek (berhenti) atau walaupun lampu hijau kita tidak boleh pergi juga kerana kena ikut arahan polis. Tapi jangan matikan enjin... biar enjin terus hidup dan tunggu lampu kuning baru kita bersedia dan lampu hijau atau polis tersebut beri laluan"[30]

2.8 Penyelidikan dan Penulisan Berkaitan Pelaksanaan KJS II (1993) 2015

Terdapat beberapa penyelidikan dan penulisan berkaitan pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan khasnya dan di Malaysia amnya oleh pengkaji dalam bentuk tesis, artikel jurnal, buku, rencana akhbar dan lain-lain. Walau bagaimanapun hasil penelitian mendapati sangat kurang penekanan terhadap realiti sebenar isu kebolehlaksanaan KJS II (1993) 2015 khususnya di Kelantan. Justeru, ruang kajian mengenai KJS II (1993) 2015 sangat diperlukan bagi mendalami permasalahan berkaitan berdasarkan perubahan zaman, lanskap politik dan tuntutan semasa yang berlaku.

IN2 iaitu Ketua Hakim Syarie Malaysia / Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia menyatakan pelaksanaan KJS II (1993) 2015 telah menjadi isu nasional dan didebatkan di semua peringkat dalam negara Malaysia, malah juga diperingkat antarabangsa. Maka timbullah pelbagai pandangan dan pendapat mengenai

[30] YAB Dato' Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat (Menteri Besar Kelantan) semasa membentangkan mengenai RUU EKJS (II) 1993 pada 24 November 1993 di DUN Kelantan.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

keperluan, kewajaran dan kewajiban untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015. Hasil usaha gigih Kerajaan PAS Kelantan dalam hal ini maka lahirlah beberapa siri penulisan dan kajian pelbagai bentuk mengenai pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan. Terdapat kajian ilmiah oleh Shukeri Mohamad (2009) mengenai pelaksanaan *Siasah Syaríyyah* di Kelantan bermula tahun 1990-2000 yang melibatkan 1,700 responden orang Islam dan bukan Islam di jajahan Kota Bharu. Hasil kajian mendapati 81.1% responden sangat bersetuju terhadap langkah Kerajaan Kelantan, Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam membasmi kemungkaran[31]. Pengarah Pusat Kajian Strategik Kerajaan Kelantan, Wan Nik Wan Yusoff (2015) pula telah menjalankan kajian di bawah Pejabat Menteri Besar Kelantan bersama Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan melalui sistem pesanan ringkas (SMS) pada 25-31 Mei 2015 bagi meninjau persepsi dan tahap sokongan rakyat Kelantan terhadap inisiatif terbaharu pelaksanaan KJS II (1993) 2015, khususnya selepas kerajaan pusat berjanji untuk membantu Kelantan. Kajian ini mendapati 97.94% responden menunjukkan tahap keyakinan tinggi atas usaha oleh Kerajaan Negeri Kelantan pasca 20 tahun. Manakala 85.84% rakyat Kelantan melahirkan keyakinan terhadap kerjasama antara Kerajaan Kelantan dengan Kerajaan Pusat bagi merealisasikan pelaksanaan yang sekian lama tertangguh. Dapatan juga menunjukkan sebanyak 91.89% responden positif berkaitan persepsi, sikap dan harapan rakyat Kelantan dalam perkara ini sekaligus meyakinkan Kerajaan Negeri Kelantan meneruskan pelaksanaan KJS II (1993) 2015.

Terdapat juga beberapa kajian penting terdahulu berkaitan undang-undang Jenayah Syariah seperti Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid, Phd UM (1993) *Bidang*

[31] Shukeri Mohamad. (2009). Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah di Negeri Kelantan: Kajian dari Perspektif Hukum. Tesis daripada Jabatan Usul Fiqh, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, 157-170, 207-209. BP42 AI UM 2008.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

kuasa Jenayah Dalam Undang-Undang Mahkamah Syariah di Malaysia; Satu Penilaian Dari Aspek Pencapaian Objektif Hukum. Kajian ini membincangkan mengenai undang-undang jenayah syariah di negeri-negeri berdasarkan enakmen yang sedia ada tanpa menyentuh mengenai pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 Kelantan dalam konteks pelaksanaan di negeri Kelantan.

Selain itu, Nuraida Mohamed Nawi (Sarjana Muda) UM (2003) *Pendakwaan Dalam Kes Perbuatan Tidak Sopan: Kajian di Mahkamah Syariah Kota Bharu Kelantan*. Tesis ini memfokuskan perbuatan tidak sopan dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1984) Kelantan, iaitu Sek. 5 (Perbuatan Tidak Sopan) yang dianggap sebagai kesalahan takzir. Kajian oleh Mohd Zaki Zainal Abidin (Sarjana Muda) UM (1995) bertajuk *Wewenang Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri Kelantan Dalam Melaksanakan Hukum Hudud: Satu Penilaian* menjurus kepada Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1993) berkisar tentang kemahuan rakyat dan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan (PAS) untuk melaksanakan hudud, kebaikan hudud dan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1993) Kelantan. Kajian ini tidak menyentuh mengenai kebolehlaksanaan KJS II (1993) 2015 dalam konteks semasa atau berdasarkan Perlembagaan Malaysia[32]. Kajian ini turut menyentuh isu '*political will*' dalam pelaksanaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1993) Kelantan tanpa melihat kepada aspek kemampuan atau persediaan infrastruktur, agensi pelaksana, kepakaran dan lain-lain.

Hamdan Muhammad (PhD) UKM (2012) dalam kajiannya bertajuk *Peranan PAS dalam Menanggani Isu-Isu Agama di Kelantan Terengganu dan Kedah* membincangkan peranan PAS dalam menangani isu-isu agama namun tidak menyentuh soal pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Nasimah Husein (PhD) UM (2014) dengan tajuk

[32] Perlembagaan Malaysia ialah Perlembagaan Pesekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri-Negeri.

Undang-Undang Takzir Di Malaysia hanya membicarakan mengenai takzir sahaja tanpa melanjutkan perbincangan mengenai Hudud dan KJS II (1993) 2015 Kelantan. Selain itu penulisan terbitan YADIM tentang *Pelaksanaan Hudud di Malaysia; Satu Analisis* (2015) merupakan himpunan artikel dan kertas kerja yang dibentangkan dalam beberapa seminar berkaitan pelaksanaan hudud di Malaysia. Rata-rata penulisan ini membincangkan hudud dalam aspek al-Quran dan Sunnah, pelaksanaan menurut mazhab fiqh, hudud daripada aspek perlembagaan, hudud di Brunei dan seumpamanya tanpa memperincikan perbahasan mengenai KJS II (1993) 2015 Kelantan. Sementara itu terdapat satu penulisan terbitan Urusetia Penerangan Kerajaan Kelantan iaitu *Hudud Tuntutan & Tanggungjawab Pemimpin Islam* (2011) berkisar mengenai tentang kewajiban menegakkan Undang-Undang Jenayah Syariah, menjawab keraguan hudud di Kelantan, huraian berkaitan isu-isu politik dan lain-lain. Namun, penulisan ini tidak menyentuh secara mendalam berkaitan persediaan agensi pelaksana dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan. Penulisan oleh Abu Bakar Abdullah (2014) berjudul *Pelaksanaan Undang-Undang Islam Di Malaysia: Masalah dan Penyelesaian* menekankan tentang sejarah pelaksanaan undang-undang Islam sebelum dan selepas penjajahan Inggeris, perbezaan antara undang-undang Islam dengan Undang-Undang Malaysia, penyelesaian masalah politik dan kemasyarakatan dan lain-lain.

Aspek metodologi usul fiqh dan konsep perubahan hukum syarak, perubahan hukum pada masa sahabat, imam mujtahid dalam aspek sosio politik, sosio ekonomi, sosio budaya dan penilaian terhadap hukum Islam semasa merupakan suatu isu penting dan dibincangkan oleh Muhammad Firdaus Nurul Huda (2002) dalam kajiannya bertajuk *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam, Satu Kajian Tentang Metodologi Syariah dan Pelaksanaannya*. Kajian ini tidak menyentuh tentang pelaksanaan KJS II (1993) 2015 dalam konteks Kelantan dan Malaysia. Abdul Halim

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

El-Muhammady (1998) pula menulis tentang *Undang-Undang Jenayah Dalam Islam Dan Enakmen Negeri-Negeri* berkaitan enakmen negeri-negeri dalam konteks jenis-jenis jenayah, hukuman keseksaan, pensabitan jenayah, konsep negara Islam, jenayah Syariah dalam enakmen-enakmen negeri dan lain-lain.

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa penulisan dan kajian di atas timbul hasil daripada hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 di Kelantan. Berdasarkan sorotan literatur yang dibuat ternyata kebanyakannya memfokuskan kepada perkara konsep, skop tertentu dan tidak menyentuh isu pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan secara mendasar dan terperinci. Justeru, menjadi suatu keperluan penting bagi kajian ini dibuat berkaitan prospek pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan ini bagi merungkai permasalahan yang timbul di samping memberi kefahaman yang sesuai kepada pihak tertentu dan masyarakat mengenai polemik ini yang tidak berkesudahan. Kajian ini akan melihat kepada pandangan terbaik, memerhati, mengetahui dan belajar serta menilai, pendapat, sikap tingkah laku, kekuatan, kelemahan dan juga pertembungan kedua-dua pandangan untuk mencari satu jawapan dan cadangan yang lebih adil, saksama dan tidak memihak kepada mana-mana pihak. Kajian ini juga bertujuan untuk menilai sejauh manakah halangan-halangan, persediaan dari segi sumber manusia, kefahaman, infrastruktur dan aspek lain yang ada hubung kait dengan pelaksanaan enakmen tersebut. Selain itu ia bertujuan untuk melihat kemungkinan wujud ijtihad baharu dalam kalangan ulama semasa mengenai pelaksanaan KJS II (1993) 2015 dalam kerangka politik Islam semasa dengan mengambil kira suasana dan pergolakan dunia sekarang.

2.9 Penutup

Bab ini telah menyentuh sejarah pelaksanaan undang-undang Islam di Kelantan dan undang-undang jenayah Islam itu sendiri. Perbahasan panjang lebar berkaitan

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

pelaksanaan KJS II (1993) 2015 melibatkan aspek perundangan dan juga politik telah dikupas sewajarnya. Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 merupakan cita-cita Kerajaan Negeri di bawah teraju pemerintahan PAS demi memartabatkan undang-undang Islam di muka bumi ini. Namun, usaha ini berhadapan dengan pelbagai cabaran dan halangan khususnya dari sudut perundangan. Pelbagai polemik dan perdebatan berlaku di pentas politik dan kerajaan menghangatkan lagi pertelingkahan mengenai kebolehlaksanaan KJS II (1993) 2015 ini secara realiti. Bab seterusnya akan menjelaskan tentang kaedah kajian yang akan digunakan bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai.

PHD THESIS

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan kaedah kajian ini dijalankan terutamanya dalam aspek pengumpulan dan penganalisisan data. Perbahasan dalam bab ini merangkumi tentang reka bentuk kajian, lokasi, informan, sumber dan pengumpulan data. Bab ini juga menerangkan proses penganalisisan data dan aspek berkaitan kesahan serta kebolehpercayaan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian kes. Kajian kualitatif menekankan kepada maksud, pemahaman, proses bersumberkan kepustakaan dan juga lapangan bagi memperincikan dan memahami secara mendasar mengenai sesuatu perkara. Penyelidikan dijalankan dalam latar semula jadi dan penyelidik merupakan instrumen utama dalam pengumpulan data dalam bentuk perkataan, menganalisisnya secara induktif, memberikan fokus kepada makna yang dibuat oleh partisipan atau informan serta dijelaskan dalam bahasa yang ekspresif dan menarik (Othman Lebar, 2009). Smith & Morse (2005) menjelaskan bahawa kajian kualitatif sesuai digunakan bagi mengukur sesuatu yang bersifat subjektif, memiliki konsep yang luar dan sukar untuk dinilai. Manakala Creswell (1998) menjelaskan bahawa kajian kualitatif merupakan suatu proses penyelidikan yang dilaksanakan untuk memahami dan meneroka permasalahan manusia dan sosial. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat mendalam dan terperinci bagi memahami sesuatu isu dan situasi sosial atau individu secara mendalam. Manakala menurut Hindle & Yencke (2004), kajian

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

kualitatif menggunakan pendekatan kajian kes bagi mengkaji tingkah laku, sikap manusia. Berdasarkan kefahaman dan perbincangan di atas, maka kajian ini sesuai dalam bentuk kualitatif menggunakan pendekatan kajian kes bagi mendapatkan gambaran tentang permasalahan dan penyelesaian terhadap isu pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan.

3.3 Sampel Kajian

Sampel kajian bermaksud sebagai sebahagian daripada objek, peristiwa atau individu yang dipilih melalui kaedah tertentu daripada populasi sasaran dikaji dan kenapa mereka dipilih (Majid Konting, 2000). Dalam konteks kajian ini beberapa sampel kajian atau individu dipilih bagi mendapatkan maklumat dan data berkaitan. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan kepada sampel bertujuan. Mereka dipilih kerana terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dan mewakili pihak-pihak yang berkepentingan dalam kajian ini. Antara skop sampel kajian ini adalah seperti berikut;

1. Jawatankuasa KJS II (1993) 2015 di peringkat Negeri Kelantan dan Jawatankuasa bersama KJS II (1993) 2015 bersama pihak JAKIM
2. Pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK). (Merupakan '*front liner*' dan yang menguatkuasakan pelaksanaan KJS II (1993) 2015)
3. Pegawai Mahkamah Syariah Negeri Kelantan / JKSM (Pegawai- Pegawai Syariah). Mereka mengurus dan membicarakan kes-kes atau orang yang disyaki OYDS / ditangkap dan dibicarakan di bawah enakmen tersebut.
4. Anggota penguatkuasa undang-undang Jenayah Syariah Kelantan. (Anggota penguatkuasa yang menangkap, menyiasat dan menjadi saksi dalam kes perbicaraan OYDS yang dituduh di bawah enakmen ini).

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

5. Panel pengubal undang-undang di peringkat negeri terdiri daripada ahli-ahli dewan undangan negeri.

   (Penggubal dan yang membahas dan meluluskan enakmen di Dewan Undangan Negeri Kelantan)

6. Para pengamal undang-undang (peguam cara dan peguam bela). (Bertanggungjawab membela dan mempertahankan anak guam di mahkamah syariah dalam kes yang dibicarakan).

7. Ahli akademik (pakar perundangan syariah & sivil).

   (Pakar rujuk, penasihat, penganalisis terhadap Perlembagaan Persekutuan dan enakmen tersebut).

8. Anggota polis (PDRM).

   (Anggota penguatkuasa yang bertanggungjawab membantu anggota penguatkuasa syariah dalam pelaksanaan atau penguatkuasaan enakmen).

9. Pegawai Penjara Malaysia.

   (Mewakili pihak penjara bagi mengenalpasti kemampuan pelaksanakan mahkamah berkaitan KJS II (1993) 2015. (Bidang Kuasa Penjara).

10. Pegawai Hospital (Kementerian Kesihatan Malaysia).

    (Melibatkan soal etika perubatan dan bertanggungjawab menerima perintah mahkamah dalam kes-kes tertentu seperti kes pencuri yang dijatuhkan hukuman potong tangan dan sebagainya).

3.4 Pemilihan Informan

Kajian ini menggunakan strategi persampelan bertujuan, dan ia dibuat secara terpilih, sengaja dipilih dan bukan secara rawak dan melibatkan jumlah informan yang kecil dan

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

memiliki ciri-ciri yang tertentu serta mempunyai kait rapat dengan tajuk kajian ini. Menurut Barbbie (2010) & Emmel (2013), kaedah persampelan bertujuan untuk memilih informan yang bersesuaian serta mampu untuk mencapai tujuan kajian berdasarkan kepada penilaian penyelidik. Persampelan bertujuan juga sesuai digunakan dalam kajian kualitatif kerana mereka mempunyai maklumat serta mengetahui perjalanan sesuatu fenomena lokasi kajian (Creswell, 2013). Kesediaan sampel untuk ditemu bual serta bersedia berkongsi maklumat yang diperlukan merupakan elemen yang amat penting, inilah yang ditegaskan oleh Patton (2001). Pemilihan informan berdasarkan hubung kait yang jelas terhadap objektif kajian ini. Ini bertujuan untuk mendapat maklumat yang jelas terhadap perkembangan isu dan fenomena yang dikaji bagi tujuan menyempurnakan kajian. Seramai 32 orang informan telah terlibat dalam kajian ini dan antara yang ditemu bual adalah sebagaimana berikut;

i. YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan / Ahli Jawatankuasa KJS II (1993) 2015 (mewakili Kerajaan Negeri Kelantan)
ii. YAA. Dato' Setia Ketua Hakim Syarie Malaysia / Ketua Pengarah JKSM/ Sekarang ini sebagai YB Menteri Hal Ehwal Agama
iii. YB Dato' Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
iv. YAA. Dato' Aria Di Raja Ketua Hakim Syarie Kelantan.
v. YA. Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kelantan.
vi. YA. Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi / Rayuan Syariah Kelantan.
vii. YBrs. Pengarah / Ketua Pendakwa Syarie Kelantan.
viii. YBrs. Timbalan Pengarah (Operasi) JAHEAIK
ix. YBrs. Ketua Penolong Pengarah Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah (JAHEAIK).
x. Anggota Penguatkuasa Undang-Undang Syariah (JAHEAIK).
xi. Datuk Prof. Dr. ShamRahayu bt. A. Aziz (Pakar Perundangan-UIA).

xii. Dato' Prof. Emeritus Dr. Mahmood Zuhdi b. Haji Abd. Majid (UM) (Pakar Fiqah & Undang-Undang Syariah)

xiii. Prof. Dr. Najibah bt. Mohd Zin (Pakar Perundangan-UKM)

xiv. Kakitangan Bahagian Pendakwaan Syariah Kelantan.

xv. YB Sahibul Samahah Dato' Mufti Kerajaan Negeri Kelantan (Pengerusi Jemaah Ulama Kelantan & Ahli Jawatankuasa KJS II (1993) 2015.

xvi. YB Ahli Exco Kerajaan Negeri Kelantan.

xvii. YBrs. Pegawai-Pegawai Agama Jajahan / Qadi-Qadi Jajahan.

3.5 Latar Belakang Informan

Informan yang terlibat dalam kajian ini seramai 32 orang yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan tahap penglibatan, sama ada dalam proses penggubalan KJS II (1993) 2015, peringkat pelaksana (agensi/jabatan), ahli akademik dan lain- lain. Pecahan dari segi informan mengikut tahap penglibatan dan latar sejarah pembentukan KJS II (1993) 2015 adalah seperti berikut:

i. Penggubal / ahli Politik: empat (6) orang,

ii. Ahli akademik: empat (4) orang,

iii. Agensi pelaksana: dua puluh dua (22) orang.

Informan ini terlibat berdasarkan skop jawatan dan kaitan dalam aspek pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Senarai perincian informan kajian dengan menggunakan kod IN adalah seperti Jadual 3.1 berikut:

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Jadual 3. 1: Maklumat Informan Kajian

IN.	JAWATAN	TEMPOH BERKHIDMAT	TARIKH & TEMPOH TEMUBUAL	LOKASI
1	Timbalan Menteri Besar Kelantan	20 Tahun	13.7. 2019 1 Jam 20 minit	Pejabat Timbalan Menteri Besar Kelantan
2	Ketua Pengarah JKSM / Ketua Hakim Syarie Malaysia	3 Tahun	16.4.2019 1 Jam 30 Minit	Pejabat Ketua Pengarah JKSM &
3.	Pengarah JAHEAIK Kelantan	7 Tahun	20.8. 2019 30 Minit	Pejabat Pengarah JAHEAIK
4.	Timbalan Pengarah Operasi JAHEIK	4 Tahun	22.4.2019 1 Jam	JAHEAIK
5.	Ketua Penolong Pengarah Penguatkuasa Undang-Undang Syariah Kelantan	7 Tahun	11.5.2019 1 Jam	JAHEAIK
6.	Exco Kerajaan Negeri Kelantan / Mantan Pensyarah Undang-undang UIA	15 Tahun	20.6.2019 40 Minit	Pejabat EXCO Kota Darul Naim
7.	Ketua Polis Kelantan	4 Tahun	5.6.2020 1 Jam 30 minit	Ibu Pejabat Polis Kelantan
8.	Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Kelantan	20 Tahun	25.6.2019 2 Jam 30 minit	Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan
9.	Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kelantan	15 Tahun	11.7.2019 30 minit	Mahkamah Rendah Syariah
10.	Ketua Pendakwa / Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan	15 Tahun	2.3.2020 50 Minit	Mahkamah Tinggi Syariah
11.	Mufti Kelantan	40 Tahun	14 Disember 2020 50 minit	Pejabat Mufti Negeri Kelantan
12.	Ahli Exco Kerajaan Kelantan	20 Tahun	8.12.2020 40 minit	Pejabat Exco Kota Darul Naim
13.	Pensyarah Undang-Undang (UIA)	30 Tahun	20.5.2019 1 jam 40 minit	Kubang Kerian
14.	Pakar Fiqh/Pensyarah/ Pengerusi Majlis Dakwah Negara	40 Tahun	14 Jun 2020 30 minit	Perbualan Telefon
15.	Pensyarah UM / Pakar Rujuk Undang-Undang Syariah	30 Tahun	15 Jun 2020 30 minit	Perbualan Telefon
16.	Timbalan Pengarah Kesihatan Kelantan	40 Tahun	16 April 2021 40 minit	Perbualan Telefon
17.	Penolong Kanan Komisioner Penjara	20 Tahun	19.5.5.2020 1 jam	Pejabat Pengarah Penjara Kelantan

PHD THESIS

Jadual 3. 2 (sambungan): Maklumat Informan Kajian

IN.	JAWATAN	TEMPOH BERKHIDMAT	TARIKH & TEMPOH TEMUBUAL	LOKASI
18.	Peguam bela, peguam cara & Pengerusi Persatuan Peguam Syarie Kelantan	20 Tahun	20.3.2020 2 Jam	Kg. Chichal Kubang Kerian
19.	Peguam bela, peguam cara & peguam syarie/ AJK LUHAM Malaysia	20 Tahun	24.10.2019 1 Jam	Perbualan Telefon
20.	Pegawai Agama Jajahan Bachok/ Pegawai Penguatkuasa Bachok	15 Tahun	3.4.2020 30 minit	Perbualan Telefon
21.	Pegawai Agama Jajahan Tumpat/ Pegawai Penguatkuasa Agama	15 Tahun	22.7.2020 40 minit	Perbualan Telefon
22.	Pegawai Agama Jajahan Kuala Krai / Machang / Penguatkuasa Agama	15 Tahun	3.8.2020 40 minit	Perbualan Telefon
23.	Penolong Pengarah Kanan Dakwah / Qadhi Jajahan Bachok / Penguatkuasa Agama	17 Tahun	11.6.2019 1 Jam 30 minit	Temu bual & telefon JAHEAIK
24.	Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan	40 Tahun	7.2.2020 1 Jam 20 minit	Kamar Ketua Hakim Tunjung
25.	Pembantu Penguatkuasa Agama	15 Tahun	13.5.2019 1 jam	Pejabat Bahagian Penguatkuasaan
26.	Pembantu Pegawai Penguatkuasa	15 Tahun	13.5.2019 1 Jam	Pejabat Penguatkuasa
27.	Pegawai polis di IPK Kelantan	15 Tahun	3.6.2020 40 minit	Pejabat IPK Kelantan/telefon
28.	Pegawai Penguatkuasa Undang-Undang Islam	10 Tahun	20.8.2020 30 minit	JAHEAIK
29.	Penolong Pengarah (Siasatan)	12 Tahun	12.9.2021 40 minit	Pejabat Penguatkuasa JAHEAIK
30.	Penolong Pegawai Tadbir Pejabat Tanah Pasir Mas	5 Tahun	20.7.2021 30 minit	Perbualan Telefon
31.	Timbalan Menteri Agama /Ahli Parlimen Pengkalan Chepa (PAS)	3 Tahun	24.1.2022 30 minit	JAHEAIK
32.	Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Kelantan	20 Tahun	29.8.2021 40 minit	Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Kelantan (SPN)

PHD THESIS

3.6 Lokasi Kajian

Kajian ini memfokuskan tentang pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di negeri Kelantan setelah Parti Islam Se-Malaysia (PAS) memenangi pilihanraya pada tahun 1990 memerintah negeri Kelantan. Pemilihan dan penentuan lokasi kajian merupakan sesuatu yang penting dalam menentukan skop dan mencapai objektif yang ditetapkan. Dalam kajian ini beberapa jabatan sebagai lokaliti atau organisasi yang dipilih sebagai subjek kajian iaitu:

1. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan & Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Jenayah Syariah (JAHEAIK).
2. Jabatan Pendakwaan Undang-Undang Syariah Negeri Kelantan.
3. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan (JKSNK).
4. Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (KKM)
5. Jabatan Penjara Negeri Kelantan (JPNK)
6. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)
7. Jabatan Mufti Negeri Kelantan (JMNK)
8. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)
9. Ibupejabat Polis Kontinjen Kelantan (IPK) PDRM
10. Kompleks Pentadbiran Kerajaan Kelantan (SUK)

Agensi-agensi di atas dipilih kerana terlibat dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Sebahagiannya merupakan agensi di bawah kerajaan negeri dan sebahagian lain di bawah kerajaan Persekutuan. Agensi-agensi ini juga turut mewakili badan-badan berkaitan agama Islam di seluruh negara, struktur pentadbiran agensi-agensi agama Islam seluruh Malaysia mempunyai persamaan dari segi bidang kuasa iaitu di bawah kuasa negeri masing-masing, Sultan atau Raja sebagai ketua agama bagi negeri-negeri.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Agensi-agensi di bawah Persekutuan mempunyai struktur dan pengurusan yang sama di peringkat Persekutuan, iaitu keputusan dan arahan di peringkat Persekutuan terpakai dan boleh diterima oleh semua negeri mengikut kesesuaian lokaliti sesuatu tempat, walaupun mungkin ada sedikit penambahan dan ubah suai tertentu. Isu yang berlaku di Kelantan ini kelak akan ada hubung kait dengan kedudukan undang-undang Islam di peringkat Persekutuan dan juga negeri.

3.7 Sumber dan Kaedah Pengumpulan Data

Othman Lebar (2014) menjelaskan bahawa kajian dokumen dilaksanakan bagi memahami sejarah dan keadaan persekitaran tempat kajian. Kajian ini menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu melalui kajian dokumen (kepustakaan) yang mengkaji aspek perundangan Islam dan perundangan sivil (perlembagaan), kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian. Kajian dokumen bertujuan untuk melihat tentang kebolehlaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan berdasarkan kemampuan dalam pelbagai aspek. Kaedah temu bual mendalam (*in-depth interview*) dan pemerhatian (*observation*) bertujuan untuk mendapatkan maklumat secara lebih tepat. Pemerhatian pula termasuk penyertaan atau ikut serta dalam beberapa program dan operasi penguatkuasaan serta mesyuarat berkaitan. Pendekatan ini bertujuan untuk menilai dan membuat kesimpulan tentang keadaan persekitaran seperti suasana setempat (keselesaan dan kondusif), kekuatan tenaga manusia, infrustruktur dan lain-lain dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015.

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual mendalam dan pemerhatian kerana ia membolehkan penyelidik berinteraksi dengan berkesan bagi mengenal pasti segala aspek yang terlibat dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ini. Melalui pendekatan ini juga informan boleh mengeluarkan pandangan secara jujur dan tanpa rasa takut untuk memberikan pendapat mereka. Kaedah pemerolehan data melalui dokumen atau

kepustakaan, temu bual dan pemerhatian dapat menghasilkan dapatan yang lebih jelas kuat bagi dalam merungkai permasalahan kajian dan persoalan semasa mengenai pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Kepelbagian sumber data dan informasi amat penting bagi meningkatkan dan mewujudkan kebolehpercayaan sesuatu kajian (Patton (1990). Manakala bagi Miles, Huberman & Saldana (2014) Merriam (2001) dan Creswell (2008), penyelidik boleh memperolehi data melalui pelbagai cara dan kaedah, antaranya ialah menerusi temu bual, kajian kepustakaan, analisis kandungan & bahan dan pemerhatian.

3.7.1 Kajian Kepustakaan

Kajian dokumen atau kepustakaan bertujuan untuk memahami sejarah dan konteks isu yang dikaji. Kajian kepustakaan pula merujuk kepada proses pengumpulan data yang dijalankan di perpustakaan dan badan-badan yang berkaitan (Othman Lebar, 2012). Dalam konteks kajian ini, data dan maklumat diperoleh melalui kitab tafsir al-Quran, kitab hadis, kitab sejarah atau sirah Rasullulah ﷺ, buku-buku karya asli, tesis, jurnal, kertas kerja seminar, kertas penyelidikan, artikal, laporan rasmi agensi kerajaan, laporan mesyuarat jawatankuasa berkaitan, hansard dewan Undangan Negeri dan Parlimen Malaysia. Antara kitab tafsir muktabar yang dirujuk ialah *Tafsir Hamka, Tafsir Ibnu Kathir, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, Tafsir Fī Zilāl al-Qur'ān oleh Syed Qutub, Tafsir al-Tabari*. Manakala kutub hadis pula ialah seperti *Sahih Muslim, Sunan al-Tirmidhi, Sahih Bukhari, Sunan Ibnu Majah* dan lain-lain.

Keaslian sesuatu dokumen juga perlu dinilai dan dipastikan agar tidak timbul isu-isu seperti pilih kasih dan pemalsuan data. Data-data yang dikumpulkan melalui sistem pengekodan dan pengkatalogan bagi memudahkan proses analisis dan interpretasi. Data kepustakaan ini memfokuskan kepada objektif kajian pertama, kedua dan keempat.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

3.7.2 Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual merupakan interaksi bersemuka (*face to face*) sama ada percakapan secara bersemuka atau melalui panggilan menggunakan alat komunikasi. Kaedah temu bual merupakan satu kaedah utama untuk mengumpulkan data dalam penyelidikan kualitatif (Yin, 2014) & (Spencer & Spencer, 1993) dan merupakan data penting bagi kajian ini kerana membolehkan penyelidik memahami dan menerokai isu serta fenomena yang dikaji berdasarkan maklum balas informan yang ditemu bual (Kvale, 2007). Manakala Boyatzis (1998) meyakini kaedah temu bual membolehkan pengkaji mendapatkan kebolehpercayaan dan keesahan sesuatu data dengan tepat.

Othman Lebar (2014) menyatakan kaedah temu bual terbahagi kepada tiga jenis. **Pertama**, temubual berstruktur yang menggunakan soalan-soalan yang telah ditentukan kepada semua peserta. Kaedah temu bual **kedua** ialah temu bual **tidak** berstruktur yang menggunakan soalan terbuka dan memberi kebebasan kepada peserta bertindak balas dan tidak terikat dengan sebarang jawapan alternatif. Kaedah yang **ketiga** pula ialah temu bual separa berstruktur yang melibatkan penjadualan soalan yang digubal terlebih dahulu, tetapi urutan soalan, cara diajukan dan bentuk soalan boleh berubah-ubah bergantung kepada reaksi dan tidakbalas oleh informan. Manakala soalan yang digubal pula boleh ditambah dan dan dikurangkan atas keperluan dan keadaan (Noraini et al., 2010). Pendekatan temu bual separa berstruktur ini digunakan bagi membuka ruang kepada informan untuk menyampaikan apa-apa yang terbuku dalam pemikirannya dan boleh dijadikan maklumat kepada penyelidik yang mungkin tidak terlintas dalam pemikiran penyelidik. Perkara ini juga boleh membantu penyelidik untuk membuat penambahbaikan terhadap maklumat yang akan diperoleh. Kaedah temu bual ini memfokuskan kepada objektif kajian yang kedua, ketiga dan keempat.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Manakala dalam konteks temu bual mendalam (*in-depth interview*) menurut Morris (2015) merupakan suatu bentuk perbualan atau interaksi antara penyelidik dan informan secara mendalam, terperinci dan menyeluruh mengenai sesuatu tajuk yang dipandu secara cermat dan berhati-hati oleh penyelidik. Instrumen yang amat penting dalam kajian lapangan berkaitan temu bual ialah protokol temu bual. Penggunaan protokol temu bual dapat membantu penyelidik menyediakan struktur sesi temu bual yang lebih tersusun di samping dapat mengekalkan tahap fleksibiliti temu bual (Patton M.Q, 2002). Perkara yang ditemu bual dalam kajian ini ialah data berkaitan sejarah KJS II (1993) 2015, kefahaman agensi pelaksana, persediaan agensi pelaksana dan lain-lain. Menurut Krueger (1994) protokol temu bual kebiasaannya mempunyai lima bahagian iaitu soalan pembukaan, soalan pengenalan, soalan transisi, soalan kunci dan soalan penutup.

Menerusi kajian ini, soalan yang dikemukakan kepada informan adalah berbeza mengikut latar belakang dan kepakaran masing-masing. Hal ini berlaku kerana kajian ini melibatkan informan yang mempunyai tahap keterlibataan dan peranan yang berbeza dalam menentukan hala tuju pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Manakala perjalanan temu bual ini mengikut lunas dan tatacara yang betul secara objektif dan berfokus. Justeru, pendekatan yang diambil oleh penyelidik ini telah membolehkan penyelidik meneliti secara mendalam dan terperinci setiap maklumat yang disampaikan oleh informan kajian, sebagaimana saranan (Merriam (2009). Penyelidik juga telah mendapatkan penilaian pakar dan rakan sekerja sebagaimana saranan (Merriam (2001) bertujuan untuk menyemak data dan proses penyelidikan dinilai oleh rakan sekerja atau orang yang pakar dalam penyelidikan. Perkara yang dikaji telah mendapat pengesahan daripada pakar bertujuan bagi menentukan keesahan dan kebolehpercayaan soalan yang

dibina. Protokol temu bual dalam penyelidikan ini telah disemak, diteliti dan disahkan oleh lima pakar dalam penyelidikan termasuk kedua-dua orang penyelia seperti berikut:

1. Profesor Dr. Asyraf bin Abdul Rahman
   Dekan Pengajian Sains Sosial dan Fundamental Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
   Tarikh: 10 Feb. 2017

2. Profesor Madya Dr. Ismail bin Mamat
   Fakulti Ilmu Wahyu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM)
   Tarikh: 2 Feb. 2018

3. YAA Prof. Adjung Dato' Setia Dr. Mohd Naim bin Haji Mokhtar
   Ketua Hakim Syarie / Pengarah JKSM
   Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)
   Tarikh: 18 Feb. 2021

3.7.3 Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian bertujuan untuk melengkapkan dan menyokong data-data yang diperoleh daripada kaedah temu bual (Yin, 2014). Pemerhatian ini tidak terikat kepada tema temu bual sahaja tetapi ia bebas untuk mencari apa-apa ruang dan skop yang bermanfaat kepada penyelidikan, melalui trend, gaya dan pola dalam ruang yang lebih besar (Othman, 2012). Protokol pemerhatian atau *observational protocol* untuk merekodkan data biasa dibuat pada sekeping catatan yang mengandungi dua bahagian, iaitu *descriptive notes* berkaitan maklumat pemerhatian dan *reflective notes* berkaitan tafsiran penyelidik. Ia dinamakan juga sebagai nota lapangan yang mengandungi maklumat demografi seperti waktu, tempat dan tarikh pemerhatian dan temu bual dilakukan. Antara elemen pemerhatian dalam kajian ini ialah aspek infrastruktur, informan, aktiviti/program, perancangan, peruntukan kewangan, kefahaman, interaksi di antara agensi pelaksana dan orang awam (Creswell, 2009).

Antara cabaran melaksanakan pemerhatian di lapangan ialah melibatkan waktu kerja yang tidak menentu seperti ikut serta dalam operasi tangkapan khalwat, minum arak, bersekedudukan, perbuatan tidak sopan, ajaran sesat, yang mana kadang-kadang ia dilakukan pada waktu malam dan hampir subuh yang pastinya agak menyukarkan penyelidik. Selain itu, penyelidik dapat merasakan bahawa informan seperti anggota penguatkuasa undang-undang syariah agak tidak selesa apabila penyelidik ada bersama dalam operasi tersebut. Penyelidik banyak mengutarakan persoalan dan pertanyaan sama ada semasa operasi atau selepas operasi bagi mendapatkan maklumat dan mengesahkan sebarang maklumat berkaitan penguatkuasaan.

Di sebalik kekangan dan halangan dalam menjalankan pemerhatian namun ia banyak membantu penyelidik mendapat gambaran jelas dan aspek yang tidak diperoleh semasa sesi temu bual. Antara perkara yang difokuskan dalam pemerhatian lapangan seperti hal-hal yang berkaitan dengan disiplin dan akhlak, pengurusan kes, kreativiti, personaliti, komunikasi, cabaran, halangan dan lain-lain. Kaedah pemerhatian dijalankan bagi menyokong dapatan berkaitan objektif kajian kedua dan ketiga.

Data kualitatif merupakan data atau maklumat berupa teks atau perkataan yang tidak mempunyai struktur tertentu, serta ia tidak boleh diukur dalam bentuk spesikasi statistik seperti data kuantitatif (Othman Lebar, 2014). Analisis data merupakan proses berterusan dan *non-linear* yang mengatur, menstruktur dan menginterpretasi data terkumpul. Ia merupakan satu proses cantuman dan gabungan dan pengkelasan data serta proses memberikan dan memeriksa makna terhadap kata- kata dan tindakan manusia dan juga apa yang dilihat dan dibaca oleh penyelidik dengan tujuan memahami fenomena yang dikaji.

3.7.4 Data Kajian Kepustakaan / Dokumen

Data kajian kepustakaan / dokumen dalam kajian ini merujuk kepada kitab tafsir al-Quran, hadis, kitab sirah nabawi, kitab-kitab dan buku-buku yang dikarang oleh ulama-ulama besar dan muktabar termasuk ulama dahulu dan ulama kontemporari. Semua kitab ini digunakan sebagai bahan utama dalam penyelidikan. Penyelidik juga merujuk kepada tesis, jurnal, kertas kerja seminar dan penyelidikan terdahulu. Di samping itu rujukan kepada laporan rasmi agensi kerajaan, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), handsad Dewan Undangan Negeri atau parlimen. Penyelidik telah meneliti dan mengaplikasikan sumber utama iaitu al-Quran dan hadis berhubung dengan ruang atau skop penyelidikan ini. Penyelidik juga telah meneliti beberapa pandangan dan kupasan para ulama dahulu dan kontemporari sebelum membuat ulasan dan melahirkan kesimpulan dalam suasana tertentu mengikut objektif penyelidikan. Rajah 3.1 berikut menggambarkan proses pengumpulan data kajian di lapangan.



Rajah 3. 1: Proses Pengumpulan Data

3.7.5 Data Temu Bual

Temubual terhadap informan dilakukan berdasarkan protokol yang ditetapkan dan ia dilakukan secara terbuka bertujuan untuk mengkaji, menerokai serta memahami apa yang disampaikan oleh informan dalam pelbagai aspek, seperti kefahaman, tahap ilmu, perasaan, perbezaan politik dan lain-lain. Dalam proses temu bual ini, ia memerlukan kebijaksanaan penyelidik untuk mengawal dan menentukan hala tuju temu bual berdasarkan tema-tema dan objektif yang ditentukan tanpa mengguriskan perasaan dan hati informan. Dalam proses temu bual ini juga penyelidik menggunakan perakam suara bagi tujuan merekodkan segala butir-butir temu bual dengan izin informan. Tujuan rakaman suara ini dilakukan adalah;

1. Untuk mendengar secara berulang kali bagi memahami data dan maklumat yang diperoleh.
2. Bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada penyelidik untuk mengenali maklumat berdasarkan tema yang ditentukan.

Apa yang dilakukan oleh penyelidik ialah mencatatkan setiap isi dan kandungan semasa temu bual dijalankan secara bersemuka. Selain itu, penyelidik juga disertai oleh seorang peguam yang mempunyai kemahiran dalam perundangan untuk membantu penyelidik dalam mencatatkan dan menulis isi temu bual di samping membuat rakaman semasa temu bual dijalankan. Seusai temu bual dijalankan, penyelidik akan mendengar kembali rakaman tersebut bersama pembantu secara berulang kali untuk memastikan setiap yang ditulis dan disalin itu menepati sebagaimana dimaksudkan informan. Semakan terhadap rakaman itu termasuklah intonasi suara, perkataan atau hujah penekanan, pengulangan perkataan, ketawa, gurau, koma, marah, penegasan dan penafian yang dikeluarkan oleh informan semasa temu bual tersebut dilihat secara positif. Penyelidik juga akan merujuk kepada informan untuk mengesahkan isi

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

kandungan temu bual tersebut, pengesahan ini dibuat sama ada secara bersemuka atau secara perbualan telefon.

Proses temu bual dibuat berdasarkan protokol yang ditetapkan. Temubual berlaku secara perbincangan terbuka dan bebas, meskipun demikian penyelidik tetap mengawal dan menjaga sesi temu bual tersebut supaya tidak melencong ke arah lain yang tiada kaitan dengan tajuk dan tema yang dikaji oleh penyelidik. Penyelidik cuba mengenali, memahami dan menerokai informan dari aspek keilmuan, jawatan dan pangkat, fahaman politik, kefahaman, persepsi dan lain-lain yang berkaitan dengan pelaksanaan KJS II (1993) 2015.

Temu bual dengan informan dibuat dalam bentuk rakaman suara yang kemudiannya dipindahkan dalam bentuk perkataan dan tulisan. Malah sesetengahnya akan dirujuk kembali kepada informan untuk pengesahan. Dapatan atau data daripada temu bual itu akan melalui proses kebolehpercayaan *interrater* atau *interrater reliability* secara subjektif oleh penyelia penyelidikan sebagai penilai atau interrater. Menurut Joan F. Marques & Chester McCall (2005) dalam *The Application of Interreter Realiability as a solidification Instrument in a Phenomenological Study*. The Qualitative Report Vol. 10 No.3, (2005) menyatakan penggunaan kaedah *interrater reliability* atau kepercayaan *interrater* boleh menjadi sebagai alat pengukuhan hasil kajian.

Penyelidik telah melakukan proses menguruskan data ini dengan sendiri tanpa dibantu oleh mana-mana pihak. Hal ini bertujuan untuk penyelidik dapat memahirkan dan dapat membiasakan diri dengan maklumat-maklumat yang dikumpul. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengenal pasti data-data yang diperoleh secara mendalam berdasarkan matlamat kajian dan kedudukan data-data yang disusun mengikut objektif yang ditetapkan.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Penyelidik mempunyai ruang terbuka dan peluang yang besar dalam membuat penyelidikan ini berdasarkan latar belakang penyelidik yang pernah bertugas sebagai Pegawai Agama Jajahan Pasir Mas, Qadhi Jajahan Jeli, Pegawai Penguatkuasa Undang-undang Syariah JAHEAIK, Ketua Pegawai Penyelidikan JAHEAIK, Pendaftar Kanan Perkahwinan, Cerai & Rujuk JAHEAIK, Pegawai Penyiasat Undang-undang Jenayah Syariah JAHEAIK, Pegawai Syariah & Aqidah JAHEAIK dan Ketua Bahagian Pengurusan Halal Malaysia (JAHEAIK). Penyelidik turut terlibat secara langsung dalam program-program berkaitan dengan tajuk kajian ini. Penyelidik juga berupaya untuk mengumpul banyak maklumat bagi memahami isu yang dikaji. Hasil daripada pengalaman dan pengetahuan yang ada pada penyelidik dalam bidang ini dapat membantu penyelidik berinteraksi dengan informan dengan lebih mudah, baik dan berkesan.

3.7.6 Analisis Data

Kajian ini menekankan data daripada kajian dokumen (kepustakaan) dan temu bual. Data yang berasaskan dokumen dan temu bual diurus secara sistematik dan dianalisis mengikut komponen pengumpulan, penguncupan, pengolahan dan kesimpulan. Secara asasnya data kepustakaan dianalisis sebagaimana berikut:

1. Membuat rujukan terhadap sumber utama dan asal.
2. Membuat pengesahan data-data dan perbandingan sumber data dan fakta bagi menentukan kesahihan.
3. Mengelompokkan atau mengkategorikan data atau maklumat mengikut kriteria yang diperlukan.
4. Membuat rumusan daripada perbincangan dan pengolahan data.
5. Melakukan tasfiran dan rumusan daripada data-data tersebut untuk terjemahkan dalam tesis tersebut.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

6. Membuat tafsiran untuk mencari pengertian yang lebih meluas dan menghasilkan suatu generalisasi yang boleh diaplikasikan dalam konteks penyelidikan.

Sementara itu data hasil temu bual disusun atur dan dikategorikan dengan tema-tema tertentu yang berkaitan dengan fokus kajian. Othman Lebar (2014) menggariskan beberapa peringkat awalan analisis data kualitatif sebagaimana berikut:

1. Mengenali dan memahami data dengan cara menyemak, membaca dan mendengar data-data berkumpul.
2. Membuat transkripsi bagi bahan-bahan yang dirakam. Dalam menyiapkan transkripsi, penyelidikan makna turut mengambil perhatian terhadap petunjuk-petunjuk bukan lisan seperti malu, ketawa, tekanan perasaan dan sebarang gerak badan yang boleh memberikan makna terhadap sesuatu yang diperkatakan.
3. Menyusun dan mengindekskan data.
4. Melindungi data-data yang bersifat sensitif

Kajian ini mengambil kira cadangan dan garis panduan yang telah disenaraikan di atas oleh Othman Lebar (2014), iaitu dengan menyemak dan meneliti dapatan termasuklah merujuk dengan informan sebelum ia ditulis. Penyelidik juga telah mengambil maklum mengenai isu-isu sensitif, dokumen yang diklasifikasikan mengikut kategori dan telah membuat pengesahan rasmi dengan pihak berwajib sama ada boleh digunakan dalam kajian ini. Penyelidik telah menyesuaikan analisis data secara manual ini dengan mengambil langkah dan pendekatan yang sama sebagaimana yang dinyatakan oleh Noraini (2010), seperti menulis dan membuat catatan, membuat tapisan data yang bertindan dan sama daripada informan dari segi persamaan dan perbezaan.

Seterusnya di peringkat akhir proses menganalisis, penyelidik menulis laporan terhadap hasil analisis data yang telah dijalankan. Penyelidik telah menggunakan dan mengaplikasikan pandangan Merrian (2001) dan Yin (2014) yang menjelaskan bahawa tiada format khusus dalam membuat laporan kajian kualitatif. Oleh hal yang demikian, penyelidik menggunakan gaya bahasa yang mudah dan santai dalam menyampaikan maklumat yang diperoleh. Penyelidik juga telah menerima pakai cadangan dan saranan yang diutarakan oleh Stake (1995) yang mencadangkan agar kerangka laporan kajian kes yang akan diadaptasikan oleh penyelidik dalam menulis laporan kajian ini seperti berikut:

i. Pengenalan yang menggambarkan latar, peristiwa dan fenomena.
ii. Mengenal pasti isu, tujuan dan metodologi kajian.
iii. Deskripsi lanjut mengenai definisi kes dan konteks
iv. Pengembangan isu-isu untuk memahami kompleksiti sesuatu kes dengan mengaitkan dengan kajian lain.
v. Deskripsi terperinci, dokumen, petikan kata-kata dan proses triangulasi data.
vi. Penutup yang menyatakan nota pengalaman penyelidikan sepanjang melaksanakan kajian.

3.8 Persembahan Data dan Dapatan

Data dan dapatan kajian diperoleh melalui kajian kepustakaan dan temu bual serta pemerhatian. Secara asasnya, susunan dan persembahan data tersebut disusun mengikut tema dan objektif yang ditetapkan oleh penyelidik. Penyelidik mempersembahkan dapatan dan data dalam bentuk *deskriktif dan penceritaan* dalam bahasa yang mudah difahami. Di samping itu juga, penyelidik menggunakan gambar rajah bagi tujuan memudahkan kefahaman dan menjelaskan kedudukan sebenar apa yang dikaji.

Dalam Bab 4 kajian ini membicarakan sepenuhnya berkaitan dengan dapatan kajian kepustakaaan (dokumen) berkaitan dengan teks ilmiah perundangan Islam serta perbincangan mengenai pandangan para ulama silam dan kontemporari. Penyelidik juga memfokuskan kepada teks perundangan sama ada perundangan sivil atau syariah, seperti Perlembagaan Persekutuan, undang-undang negeri Kelantan (Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan) dan enakmen-enakmen Negeri Kelantan.

Manakala dalam Bab 5 pula kajian ini menekankan kepada rumusan kajian secara keseluruhan dengan mendatangkan implikasi kajian, rumusan dan kesimpulan kajian berasaskan kajian kepustakaan dan temu bual. Secara jelasnya, penyelidik mempersembahkan dapatan kajian ini mengikut objektif yang ditetapkan dalam bentuk penceritaan dan pengkisahan. Terdapat juga data yang dipersembahkan dalam bentuk dapatan secara statistik atau perbandingan dalam bentuk nombor berdasarkan hasil daripada maklumat yang diperoleh daripada informan atau jabatan yang berkaitan.

3.9 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Satu aspek penting yang ditekankan dalam kajian ini ialah tentang kesahan dan kebolehpercayaan berkaitan dengan kajian ini berdasarkan metode kajian kualitatif. Kesahan berkait dengan soal ketepatan atau kredibiliti sesuatu deskripsi atau pernyataan yang digambarkan mewakili sesuatu fenomena yang dikaji (Miles & Huberman, 1994 & Othman Lebar, 2014).

Kebolehpercayaan amat sukar dinilai kerana tingkah laku manusia sentiasa berubah-rubah. Justeru, enam langkah yang boleh dilaksanakan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu kajian kualitatif, iaitu triangulasi, pemeriksaan informan, pemerhatian yang lama di lapangan, pemeriksaan rakan sekerja, kolaborasi bersama informan dan bias penyelidik (Merrian, 2001). Sehubungan dengan itu kajian

ini menggunakan beberapa langkah bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan data kajian iaitu pemeriksaan transkrip, pengesahan informan, penilaian pakar dan rakan sejawat.

3.9.1 Pemeriksaan Transkrip

Setiap penyelidik disarankan membuat pemeriksaan kepada setiap transkrip supaya tiada sebarang kesilapan yang ketara. Dalam kajian ini, penyelidik telah memastikan semua transkrip temu bual diolah dengan baik dan sempurna bagi mengelakkan daripada melakukan kesilapan semasa proses mengkaji transkrip tersebut. Penyelidik telah menyemak, meneliti, menekuni dan membaca setiap transkrip atau dokumen yang berkaitan. Manakala dalam hal-hal yang berkaitan dengan perundangan akan dirujuk dan dibincangkan dengan pihak- pihak yang berautoriti dan mahir dalam perundangan terdiri daripada hakim, peguam dan pensyarah perundangan.

3.9.2 Pengesahan Informan

Bagi meningkatkan tahap kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data kualitatif, informan boleh membuat pengesahan terhadap data tersebut (Hubermen & Miles, 2014). Pengesahan informan dilaksanakan dalam kajian ini bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan data temu bual. Informan diminta untuk menyemak dan memberikan ulasan terhadap transkrip temu bual. Ini bertujuan untuk memastikan maksud dan fakta yang diberikan adalah tepat dan tidak tersasar daripada maksud sebenar.

3.9.3 Penilaian Pakar dan Rakan Sejawat

Mengikut pandangan Merriam (2001), penilaian pakar dan rakan sejawat bermaksud penyemakan data dan proses penyelidikan untuk dinilai oleh rakan sejawat atau orang

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

yang pakar dalam penyelidikan atau fenomenan yang dikaji. Prosedur ini telah dilaksanakan oleh penyelidik melalui penilaian dan pengesahan oleh pakar dalam proses pembinaaan protokol temu bual. Soalan yang dibina pula telah disemak oleh tiga orang pakar dan penyelia.

3.10 Penutup

Kajian ini berkaitan dengan pelaksanaan dan halangan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 di Kelantan yang berbentuk kualitatif menggunakan pendekatan kajian kes. Bagi mencapai objektif yang ditetapkan maka tiga kaedah permerolehan data digunakan iaitu temu bual mendalam, kajian dokumen dan pemerhatian ikut serta. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan beberapa kaedah dan tatacara telah digunakan seperti pemeriksaan transkrip, pengesahan informan, pemeriksaan pakar dan rakan sejawat. Bab seterusnya akan membincangkan dapatan dan perbincangan data kepustakaan dan juga lapangan.

PHD THESIS
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini memfokuskan kepada aspek dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan data kepustakaan, temu bual dan pemerhatian. Bab ini menghuraikan dapatan yang diperoleh mengikut susunan objektif kajian sebagaimana yang ditetapkan sebelum ini. Perbincangan bab dapatan ini menjurus kepada isu pelaksanaan dan halangan KJS II (1993) 2015 di Kelantan. Dapatan yang diperoleh disusun mengikut tema dan objektif yang ditetapkan iaitu kebolehlaksanaan KJS II (1993)2015 dalam konteks perundangan, politik, halangan, tahap persediaan dan kemampuan Kerajaan Negeri ke arah melaksanakan KJS II (1993) 2015 di Kelantan.

4.2 Hal Ehwal Islam Dalam Perundangan Negara

Perbincangan mengenai undang-undang Islam berkait rapat dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi dan juga aspek perundangan berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan. Bahagian ini membincangkan beberapa aspek dapatan penting yang memberi gambaran jelas mengenai kedudukan KJS II (1998) 2015 dalam konteks perundangan negara.

4.2.1 Kedudukan dan Status Agama Islam; Malaysia Negara Islam Dan Bukan Negara Sekular

Persoalan adakah Malaysia sebuah negara Islam ataupun tidak menjadi perdebatan yang panjang dan tidak berkesudahan. Dalam hal ini Perdana Menteri Malaysia menyatakan bahawa Malaysia adalah merupakan sebuah negara Islam yang diiktiraf oleh dunia

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Islam, ajaran Islam dan undang-undang syarak telah dilaksanakan di Malaysia dengan mengambil kira keadaan negara yang berbilang bagsa dan agama (Mahathir Mohamad, 2002).

Kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam boleh dirujuk dalam Perkara (3) Perlembagaan Persekutuan iaitu Islam sebagai agama Persekutuan. Namun tiada peruntukan yang menjelaskan mengenai sifat negara sebagaimana seperti Pakistan yang merupakan sebuah negara Republik Islam, begitu juga India yang merupakan negara sekular. Akibat daripada ketiadaan peruntukan yang khusus inilah timbul tanggapan dari sudut tertentu bahawa Malaysia merupakan negara sekular. Sebagai contoh kes *Che Omar Che Soh*[33] yang menunjukkan bahawa negara ini merupakan sebuah negara sekular (Shamrahayu A. Aziz, 2018).

Menurut IN11 apabila ditanya berkaitan hal ini menyatakan definisi negara Islam termasuk dalam kategori perkara *Ijtihādiyyah* dan terdapat pelbagai pandangan ulama mengenai skop dan ciri-ciri negara Islam. Ibn Hajar (t.t) melihat negara Islam kepada tiga komponen iaitu:

i. Tanah yang didiami oleh umat Islam sejak asal dan dipimpin oleh pemimpin Islam.
ii. Tanah yang baharu dibuka oleh orang Islam, melalui peperangan atau persefahaman, bumi asal didiami bukan Islam.
iii. Negara Islam pada asalnya kemudian telah jatuh ke tangan penjajah bukan Islam.

[33] Kes *Che Omar Bin Che Soh v. Public Prosecutor (1998)* 2 MLJ 55. Kes ini didengar oleh lima orang Hakim dan penghakimannya ditulis oleh Tun Salleh Abas. Kekerapan rujukan mengenai kes tersebut dilihat sebagai autoriti bahawa Malaysia merupakan sebuah negara sekular. (Muzakarah Pakar IKIM, Malaysia: Kemelut Negara Islam Negara Sekular) (19 hb, Februari 2013) Islam dan Tafsiran Keperlembagaan oleh Mahkamah Di Malaysia, oleh: Tun Abdul Hamid Mohamad (Mantan Ketua Hakim Negara).

Mana-mana negara yang mempunyai salah satu ciri tersebut maka boleh dianggap sebagai negara Islam. Ibn Qayyim (1980) mengatakan bahawa negara Islam adalah sebuah negara yang didiami oleh majoriti umat Islam dan mestilah melaksanakan undang-undang Islam. Imam al-Syafie menyifatkan negara Islam ialah negara yang dikuasai oleh umat Islam seperti Baghdad dan Basrah (Sa'di, 1968). Imam al-Sarakhsi (1998) pula senada dengan pendapat Imam Hanifi bahawa negara Islam merujuk kepada rakyatnya yang beragama Islam berasa aman beribadat dan dapat melaksanakan aktiviti keagamaan. Pandangan ini dipersetujui oleh ramai ulama kontemporari seperti Muhammad Abu Zahrah (1995), Yusoff al-Qaradawi (2002) dan Wahbah al-Zuhayli (1998).

Selain itu, menurut mazhab Syafie, sebuah negara Islam mestilah memiliki sebahagian daripada ciri- ciri seperti berikut (Khatib al-Sharbini,1994);

1. Undang-undang Islam dilaksanakan sepenuhnya.
2. Umat Islam bebas melaksanakan segala tuntutan syariat tanpa sebarang larangan daripada pihak berkuasa.
3. Pemimpin negara itu mestilah terdiri daripada orang yang beragama Islam.

Jika sebahagian daripada ciri-ciri di atas terdapat dalam sesebuah negara maka boleh dianggap sebagai negara Islam. Terdapat juga pandangan lain yang menegaskan sebuah negara Islam perlu memenuhi dua perkara iaitu pelaksanaan undang-undang Islam seperti hudud dan aspek keamanan yang perlu dinikmati oleh semua umat Islam dan *ahl-dhimmah* yang berada dalam negara tersebut. Sekiranya satu daripada dua perkara ini atau kedua-duanya tidak dapat dilaksanakan, maka negara itu tidak boleh dikategorikan sebagai negara Islam (al-Nabhani, 1980).

Wahbah Al-Zuhayli (2020) dalam *Al-Fiqh Al-Islāmī Wa Adillatuhu* menyatakan negara Islam ialah akur dan patuh pada prinsip tauhid dan berada di bawah pimpinan atau sultan yang beragama Islam serta undang-undang Islam perlu dilaksanakan dengan baik dan teratur, menghormati prinsip-prinsip Islam berkait dengan politik, hak orang awam dan ekonomi. Negara Islam juga ditakrifkan sebagai sebuah negara yang berada di bawah naungan dan pemerintahan sultan atau ketua negara yang beragama Islam. Pada masa yang sama, undang-undang Islam perlu dilaksanakan di dalam negara tersebut termasuk hukum hudud (‘Uthman, 1985). Keselamatan dan keamanan sebuah negara Islam mestilah berpihak kepada umat Islam dan pihak ahl-dhimmah di samping syariat dan undang-undang Islam dapat dilaksanakan dengan aman dan bebas tanpa sebarang tekanan (Abu Zahrah, 1995; ‘Awdah,1404H).

Berdasarkan perbincangan tentang konsep negara Islam di atas, kajian ini mendapati tiada kesepakatan ulama silam mahu pun ulama kontemporari terhadap takrifan dan tafsiran negara Islam secara tepat. Walau bagaimanapun terdapat persamaan tentang ciri-ciri negara Islam pada dasarnya iaitu meletakkan agama Islam di kedudukan penting dalam sistem kenegaraan dan juga politik. Rumusan penting daripada pandangan ulama mengenai sebuah negara Islam ialah seperti berikut;

1. Pemerintah tergolong dalam kalangan umat Islam.
2. Keselamatan dan keamanan berpihak kepada umat Islam.
3. Undang-undang Islam dilaksanakan secara mutlak dan keamanan bagi orang bukan Islam.
4. Melaksanakan syariat dan syiar Islam dengan aman dan bebas.
5. Umat Islam hidup secara aman dan dapat melaksanakan ibadat dengan sempurna dan dijamin keselamatan.

Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan secara jelas menolak sifat sebuah negara sekular melalui kedudukan dan nilai-nilai agama Islam dalam perlembagaan itu sendiri dan juga undang-undang perlembagaan negeri-negeri. Sejarah membuktikan bahawa Tanah Melayu tidak pernah bersifat sekular melainkan isu campur tangan British membawa masuk undang-undang Inggeris melalui pelbagai mekanisme dan keadaan. Setelah mencapai kemerdekaan semua negeri Melayu telah menjadikan Islam sebagai agama bagi negeri dalam perlembagaan negeri masing-masing sekaligus menafikan sifat Tanah Melayu yang dikatakan sebagai sekular (Shamrahayu A.Aziz, 2009). Termaktub di dalam Undang-undang Negeri Kelantan, *Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan*[34]. Seksyen 5 (Agama Negeri) (Undang-Undang Negeri Kelantan, Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan, 2008);

> *"Adalah agama Negeri itu hendaklah Agama Islam sebagaimana yang dahulu-dahulu dipegang dan dijalankan di dalam Negeri:*
>
> *Dengan syarat segala agama lain bolehlah dijalankan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang memegang agama-agama itu di dalam mana-mana bahagian daripada Negeri."*

Kewujudan Islam dalam konteks di Malaysia pada asasnya bermula di negeri-negeri manakala Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia) pula adalah hasil daripada wujudnya gabungan negeri-negeri. Apabila Islam adalah agama rasmi bagi negeri maka Islam merupakan agama rasmi bagi negara. Sewaktu kemerdekaan semua negeri di Tanah Melayu telah menjadikan Islam sebagai agama bagi negeri dalam Perlembagaan undang-undang tubuh kerajaan negeri masing-masing. Perlembagaan Persekutuan tidak menyebut dengan jelas bahawa Malaysia negara sekular malah peruntukan khusus dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan Islam sebagai agama rasmi

[34] Undang-undang ini yang pertama kali diistiharkan sebagai Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Negeri Kelantan (Bahagian Yang Pertama) pada 01 Feb. 1948 dan kemudian Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan (Bahagian Yang Kedua) telah diistiharkan pada 02 Ogos 1956.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

membuktikan bahawa Malaysia bukan sebuah negara sekular. Mengatakan Malaysia adalah negara sekular adalah sesuatu yang tidak berasas, majoriti penduduk Malaysia adalah muslim dan terikat dengan undang-undang Islam, jika sekular itu ditafsirkan sebagai tiadanya nilai-nilai agama yang dilaksanakan oleh kerajaan terhadap rakyat. Justeru, adalah jelas bahawa Malaysia bukan negara sekular kerana majoriti rakyat Malaysia adalah muslim dan terikat dengan undang-undang Islam yang dikuatkuasakan (Shad Saleem Faruqi, 2021).

Perlembagaan Persekutuan memperuntukan Islam sebagai agama rasmi negeri dan persekutuan serta disebut lebih kurang dua puluh kali perkataan "agama" seperti "KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Agama Persekutuan". Sementara itu dalam Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan telah memperuntukkan agama Islam hendaklah menjadi agama rasmi negeri, manakala Ketua Agama Negeri ialah KDYMM Sultan dan Islam bebas serta aman untuk dilaksanakan. Justeru, kajian ini merumuskan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara Islam selama mana hak-hak orang Islam boleh dipertahankan oleh pihak berkuasa meskipun tanpa pelaksanaan undang-undang Islam atau hudud. Namun begitu sebagai suatu syariat yang diturunkan oleh Allah SWT, usaha-usaha ke arah pelaksanaan hudud perlu menjadi hasrat semua umat Islam untuk direalisasikan. Pelaksanaannya mungkin tidak semestinya menggunakan nama hukum hudud tetapi yang lebih penting menepati roh dan prinsip yang disyariatkan olehNya[35]. Lantaran itu, aspek kefahaman dan pendidikan termasuklah persediaan perlu dilaksanakan dengan sepenuh hati dan tanpa henti bagi memenuhi cita-cita murni mendokong syariat Ilahi.

[35] Undang-undang Hudud boleh diterjemahkan atau diserapkan ke dalam undang-undang sivil seperti Kanun Keseksaan (*Penal Code*).

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Penakrifan dan permasalahan mengenai status sebagai negara Islam merupakan perkara *ijtihādiyyah* . Oleh itu perbahasannya terbuka luas mengikut kesesuaian masa, keperluan kepentingan sesebuah negara. Kajian ini turut cenderung kepada pandangan oleh Mufti Kerajaan Kelantan[36] bahawa Malaysia umumnya merupakan sebuah negara Islam walaupun hukum hudud masih belum dilaksanakan sepenuhnya. Namun, usaha pelaksanaan KJS II (1993) 2015 atau hudud perlu diteruskan bagi melengkapi ciri-ciri sebuah negara Islam yang sempurna dengan mengambil kira dinamika politik Islam semasa bagi mengelakkan kegagalan dalam pelaksanaannya kelak.

4.2.2 Perkembangan Politik Islam di Malaysia

Kerajaan Negeri Kelantan semenjak tahun 1993 begitu bersungguh-sungguh untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan halangan. YAB Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat ketika menjadi Menteri Besar pernah mengatakan:

> *"Kerja-kerja Islam ini mesti diteruskan tanpa henti dan tanpa merasa putus asa, walaupun halangan dan ujian yang melanda, namun ia tetap diteruskan"*

Menurut IN12 yang juga merupakan Exco Kerajaan Negeri dan juga ADUN Kemahang, Kerajaan Kelantan serius untuk melaksanakan dasar *Membangun Bersama Islam* termasuk usaha melaksanakan KJS II (1993) 2015 melalui pelbagai inisiatif[37]. Hasrat ini bagi memenuhi tuntutan agama dan bersesuaian dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara. Peranan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dalam menegakkan Undang-undang Islam bertunjangkan tiga rukun utama iaitu Tarbiyyah,

[36] YB SS Dato' Haji Muhammad Sukri bin Mohammad merupakan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan merangkap Pengerusi Jemaah Ulama Negeri Kelantan (MAIK) dan Ahli Jawatankuasa KJS II (1993) 2015

[37] Melaksanakan program UMI, (Ubudiyyah, Masuliyah dan Itqon). Program itu bertujuan untuk memberikan kefahaman berkaitan Islam kepada kakitangan Kerajaan Kelantan, termasuklah penerangan mengenai Kanun Jenayah Syariah secara berterusan. Penggubalan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) 2019 bagi menggantikan Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985.

PHD THESIS

Dakwah dan Harakah. PAS meletakkan Islam sebagai dasar perjuangan parti seperti yang terkandung dalam Perlembagaan PAS (Fasal 3). Ia bukan sekadar Islam secara spiritual tetapi memenuhi maksud sebenar *al-din* yang mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia. Merujuk kepada Perlembagaan PAS, Fasal 5 menyebut:

i. Memperjuang membentuk masyarakat dan pemerintahan yang melaksanakan nilai, kehidupan dan hukum yang menuju keredaan Allah.
ii. Mempertahankan kesucian Islam, kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Matlamat asas perjuangan PAS untuk memastikan Islam dilaksanakan di negara ini dengan memperjuangkan dasarnya dalam setiap lapangan sama ada melalui usaha dakwah, tarbiyyah dan politik atau pilihanraya agar konsep Islam yang syumul difahami dan direalisasikan dalam segenap urusan kehidupan masyarakat dan Negara (Muhammad Najhan Abdul Halim, 2016). Perjuangan PAS dalam melaksanakan Undang-Undang Islam telah dijelaskan oleh IN1 yang merupakan Timbalan Menteri Besar Kelantan/Timbalan Pesuruhjaya I PAS Kelantan / Naib Presiden PAS Malaysia menyatakan:

> *"Persoalan pelaksanaan Undang-undang Jenayah Syariah & Hudud adalah suatu yang tidak dapat dipisahkan dalam perjuangan PAS, ia termaktub dalam perlembagaan PAS, hasrat dan cita-cita PAS ini tidak pernah terhakis dalam apa jua keadaan, terbukti dengan penggubalan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Hudud, Qisas dan Ta'azir) sama ada di Kelantan atau di Terengganu, walaupun mendapat tentangan dan kritikan dari pelbagai pihak. PAS tidak akan berganjak dan undur ke belakang daripada melaksanakan hukum hudud semata-mata kerana tidak mendapat persetujuan daripada rakan-rakan pembangkang, alasannya enakmen itu telah pun diluluskan sejak 1993. Pelaksanaan hudud tidak mencabuli parti itu dengan sekutunya kerana undang- undang itu sudah sekian lama wujud dan baginya DAP yang perlu meninggalkan pakatan jika tidak bersetuju dengan keputusan PAS.*

"Sekarang ini jumlah ahli parlimen ialah 222[38], untuk meminda Akta 355 memerlukan majoriti mudah, iaitu

112 orang, jumlah ahli parlimen Islam ialah 140. Sekiranya ahli parlimen beragama Islam ini berfikir dan menimbang atas asas agama bukan asas parti, bukan asas politik, ini bukan isu politik PAS, ini tanggungjawab kita sebagai orang Islam. Cuma PAS yang menggerakkan, disebabkan tidak ada orang yang menggerakkannya tetapi dari segi rasa tanggungjawab, itu tanggungjawab semua orang Islam. Maka atas asas inilah kita PAS minta supaya wakil rakyat Islam boleh menyokong pindaan yang kita cadangkan ini, untuk membolehkan KJS II (1993) 2015 ini berjalan, kena ada dua perkara. Pertama kena ada pindaan terhadap Akta 355. Kedua, kena ada kelulusan parlimen di bawah Perkara 76A (1) Perlembagaan Persekutuan, iaitu membolehkan negeri melaksanakan undang-undang di bawah bidang kuasa parlimen. Contohnya mencuri dan merompak yang sekarang ini di bawah Kanun Keseksaan, itu bukan bidang kuasa negeri" (Mohd Amar Abdullah, 2015).

Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V (2015) telah menzahirkan sokongan terhadap pelaksanakan hudud di Kelantan, sebagaimana titah Baginda[39].

"Beta difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan berhasrat untuk membawa rang undang-undang persendirian bagi meminda Akta 355 dan Peruntukkan 76A (1) Perlembagaan Persekutuan yang membolehkan Kelantan melaksanakan Kanun Jenayah Syariah, semoga beroleh kejayaan dengan sokongan semua pihak".

Petikan di atas membuktikan perkenan Sultan tentang hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015. Baginda juga mengharapkan semua pihak sama ada negeri dan Persekutuan memberikan kerjasama dalam menjayakan hasrat ini.

[38] Bilangan Ahli Dewan Rakyat adalah tertakluk kepada Fasal (1) Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan iaitu seramai 222 orang yang dipilih melalui sistem pilihanraya.

[39] Titah Sultan Muhammad V sempena Istiadat Pembukaan dan Persidangan Dewan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kelantan Ketiga Belas Tahun 2015. (16 Mac 2015) – Handsard Dewan Undangan Negeri Kelantan (2015) / Nor Fazlina Abdul Rahim (2015) BH, Selasa 17 Mac 2015.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.2.3 Rang Undang-undang Persendirian Pindaan Akta 355

Hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melihat KJS II (1993) 2015 dapat dilaksanakan di Kelantan telah menggerakkan PAS untuk membawa Rang Undang-Undang Persendirian Pindaan Akta 355 ke Parlimen. Ini merupakan suatu usaha pihak pembangkang yang tidak pernah berlaku sebelum ini namun PAS mengambil risiko tersebut walaupun jalannya berliku dan mencabar. Prof. Dr. Shamrahayu A. Aziz menjelaskan[40], Parti Islam Se-Malaysia (PAS) akan membawa usul rang undang-undang persendirian ke Parlimen bagi meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 pindaan 1984 bagi membolehkan KJS II (1993) 2015 dilaksanakan. Oleh itu, ia memberikan gambaran kepada rakyat bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Parti Islam Se Malaysia (PAS) itu bagi membolehkan kerajaan Kelantan melaksanakan KJS II (1993) 2015 yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan. Rang Undang-Undang Persendirian berkaitan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (*Pindaan*) 2016 ini telah banyak mengundang pelbagai perbahasan berkaitan persoalan perundangan terutamanya Perlembagaan Persekutuan dan juga perbincangan politik. Apakah yang akan berlaku sekiranya rang undang-undang ini dibahaskan dan seterusnya diluluskan oleh parlimen? (Shamrahayu A. Aziz, 2016).

Bagi menjelaskan persoalan ini, kajian ini melihat sekiranya pindaan Akta 355 diluluskan di parlimen ia akan melibatkan suatu proses yang masih panjang. Ini kerana undang-undang Islam di bawah kuasa negeri dan perlu mengikuti proses penggubalan undang-undang melalui badan perundangan negeri masing-masing. Negeri tidak terikat

[40] Kertas Kerja (Diskusi Eksklusif) RUU 355 dan Kanun Jenayah Syariah II (1993). Realiti & Cabaran. Seminar ini dianjurkan oleh Persatuan Peguam Syarie Kelantan (PPSK) bertempat di Bangunan SPRM negeri Kelantan.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

secara mutlak untuk terus menerima pakai pindaan Akta 355 iaitu meningkatkan kadar hukuman bagi kesalahan di bawah Kanun Jenayah Syariah negeri.

Peruntukan mengenai undang-undang Islam di Malaysia secara umumnya di bawah enakmen khusus di setiap negeri seperti Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, Enakmen Undang-Undang Jenayah Syariah, Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah dan seumpamanya. Setiap undang-undang yang digubal di negeri-negeri mestilah melalui proses berdasarkan peraturan dan ketetapan negeri. Peraturan ini mestilah dipatuhi bagi memastikan kesahan dari sudut perundangan. Dalam kata lain, kedudukan institusi di raja dan sistem pentadbiran agama Islam yang bercirikan kenegerian dan adat mestilah diambil kira.

4.2.4 Mahkamah Sivil Berbidang Kuasa Mengesahkan Undang-Undang Islam Negeri

Mahkamah Sivil mempunyai kuasa mutlak dan muktamad dalam mentafsirkan Perlembagaan Persekutuan termasuklah dalam menentukan sama ada KJS II (1993) 2015 sah ataupun tidak. Sehingga kajian ini dibuat belum ada sebarang keputusan oleh Mahkamah Sivil yang menyatakan bahawa KJS II (1993) 2015 tidak sah. Namun begitu, pernah berlaku saman yang dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi Kota Bharu Kelantan untuk mengistiharkan KJS II (1993) Kelantan sebagai tidak sah kerana kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu tidak mempunyai sebarang kuasa perundangan meluluskan apa-apa undang-undang jenayah. Oleh itu, Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Negeri Terengganu dan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (1993) didapati tidak sah. Walau bagaimanapun, saman yang dikemukakan oleh Datuk Zaid Ibrahim[41] dalam kes ini telah ditarik balik. Beliau berpandangan bahawa pengubalan undang-undang (Kanun Jenayah Syariah) ini tidak

[41] Datuk Zaid bin Ibrahim merupakan mantan Menteri Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri. Beliau merupakan pengasas dan presiden pertama bagi Persatuan Peguam-Peguam Islam Malaysia.

menepati tatacara proses bagaimana undang-undang dibuat oleh badan perundangan sama ada persekutuan atau negeri.

Banyak andaian dan ulasan telah dilontarkan oleh pelbagai pihak berhubung dengan kesahan dan kebolehlaksanaan KJS II (1993) 2015 berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Perkara 4 (1) (Undang-Undang Utama Persekutuan) menjelaskan:

> *"Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu".*

Justeru, bagi menentukan kesahan sesuatu undang-undang yang dibuat oleh parlimen atau badan perundangan negeri perlu diputuskan oleh mahkamah terlebih dahulu, sebagaimana telah dicadangkan oleh IN19 berasaskan Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 4(3).

Dalam konteks KJS II (1993) 2015 ini mantan Ketua Hakim Negara Tun Abdul Hamid Mohamad (2015)[42] mempersoalkan enakmen yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui Dewan Undangan Negeri (DUN) sebelum mendapat kebenaran daripada Kerajaan Persekutuan (Parlimen). Persoalan di sini apakah enakmen yang diluluskan itu sah ataupun tidak dari sudut perundangan. Pendekatan kerajaan negeri yang bertindak demikian merupakan suatu strategi untuk mendapat kelulusan daripada kerajaan Persekutuan sebagaimana dinyatakan oleh IN24 iaitu Ketua Hakim Syarie Kelantan:

> *"..Kita buat dulu..lulus dulu.. lepas tu gak Kerajaan Persekutuan akan lulus laaa mugo kita buat dah.. tektik kita la niii…."*

[42] Kertas kerja Seminar Pelaksanaan Hudud di Malaysia; Sejarah Dan Masa Depan anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya oleh Abdul Hamid Mohamad bertajuk "Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam (Hudud, Qisas, Taa'zir) Di Malaysia - Prospek Dan Cabaran". Abdul Hamid Mohamad merupakan mantan Ketua Hakim Negara.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Dalam kata lain ia merupakan satu "*helah*", iaitu dengan membuat undang-undang itu dahulu dan kemudian mendapatkan kebenaran Parlimen di bawah Perkara 76A(1). Strategi ini dibuat dengan harapan kerajaan Persekutuan akan memberikan kebenaran kerana ia telah pun diluluskan di badan perundangan negeri Kelantan. Selain itu kajian ini melihat apa yang dilakukan oleh kerajaan Kelantan pada waktu itu berasaskan kepada pandangan pihak tertentu bahawa KJS II (1993) 2015 boleh dilaksanakan kerana di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Namun, pandangan tersebut bercanggah daripada realiti sebenar sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Menurut IN1 tindakan Kerajaan Kelantan menggubal dan meluluskan Rang Undang-Undang KJS II (1993) 2015 pada tahun 1993 itu berdasarkan kepada beberapa pandangan daripada pakar perundangan antaranya Prof. Dr. Aziz bin Bari. Kerajaan Kelantan boleh dan berhak untuk melaksanakan KJS II (1993) kerana ia berkaitan hal ehwal Islam dan merupakan bidang kuasa negeri. Manakala YAA Dato' Aria Di Raja Haji Daud Muhamad, Ketua Hakim Syarie Kelantan pada waktu itu juga berpandangan KJS II (1993) boleh dilaksanakan tanpa kebenaran Kerajaan Persekutuan kerana ia merupakan bidang kuasa negeri berkaitan hal ehwal Islam (Mohd Amar Abdullah, 2019). Sebagai rumusannya dalam hal ini, pandangan Tun Abdul Hamid Mohamad dilihat lebih kuat apabila mengatakan KJS II (1993) tidak sah dan batal atas sebab-sebab yang berikut:

i. Badan Perundangan Negeri membuat undang-undang itu sebagai satu undang-undang yang terletak di bawah senarai negeri sedangkan sebahagian daripada kesalahan-kesalahan itu ialah undang-undang jenayah yang terletak di bawah Senarai Persekutuan. Sehingga ke hari ini, Jadual Kesembilan tidak dipinda untuk meletakkan kesalahan-kesalahan itu di bawah Senarai Negeri.

ii. Jika parlimen memberikan kebenaran sekalipun, kesalahan-kesalahan tersebut kekal sebagai undang-undang jenayah yang terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil dan bukan kesalahan- kesalahan di bawah Senarai Negeri. Hal ini demikian kerana jadual Kesembilan tidak dipinda untuk memindahkan kesalahan-kesalahan itu daripada Senarai Persekutuan kepada Senarai Negeri. Oleh sebab kesalahan-kesalahan itu kekal sebagai undang-undang Jenayah dan pemakaiannya tidak boleh dihadkan kepada orang Islam sahaja. Itu melanggar peruntukan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan[43].

iii. Parlimen tidak atau belum memberikan kebenaran kepada Badan Perundangan Negeri Kelantan untuk membuat undang-undang mengenai kesalahan-kesalahan tersebut. Malah jika diberi kebenaran sekalipun ia tidak akan menjadikannya suatu undang-undang yang sah kerana ia telah dibuat tanpa bidang kuasa.

iv. Bagi kesalahan-kesalahan yang terletak di bawah Senarai Negeri (seperti zina dan meminum minuman yang memabukkan), ia melanggar peruntukan Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965.

Perlu juga dinyatakan bahawa kesalahan i hingga iv terpakai juga kepada kesalahan- kesalahan qisas dan ta'zir dalam Rang undang-undang itu. Dalam kata lain, ia juga tidak sah atas alasan-alasan yang sama. (https://www.tunabdulhamid.my, (2019).

4.2.5 Agama Islam Urusan Negeri Perkara 74 (Hal Perkara Undang-undang Persekutuan dan Negeri)

[43] Perkara 8 Kesamarataan (1): Semua orang sama di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi negara dan perlu dipatuhi oleh semua pihak sebagaimana Perkara 4 (Perlembagaan Persekutuan). Sebagaimana sedia maklum bahawa Islam merupakan urusan negeri dan pentadbiran Islam dalam sesebuah negeri bersifat kenegerian dan terikat dengan sistem beraja. Menurut Perkara 3 Perlembangaan Persekutuan (Agama Bagi Persekutuan)

> *(1) Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.*

Pentadbiran hal ehwal Islam menjadi hak negeri-negeri dan Persekutuan tidak boleh campur tangan dalam urusan tersebut hatta ketika darurat sekalipun (Shamrahayu, 2017). Namun begitu, persoalan yang ditimbulkan ialah kenapa KJS II (1993) 2015 tidak dapat dilaksanakan di Kelantan. Jawapan terhadap persoalan tersebut ialah, pelaksanaan KJS (1993) 2015 terhalang kerana ia bertentangan dengan Akta 355 (Bidang kuasa Jenayah Mahkamah Syariah) yang menetapkan hukuman (3,5,6), iaitu tiga tahun penjara, denda RM5,000.00 dan enam kali sebatan atau gabungan hukuman tersebut.

Hal ehwal agama Islam termasuklah pelaksanaan undang-undang Islam merupakan urusan negeri sebagaimana diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Persoalannya, kenapa negeri perlu terikat dengan Akta Mahkamah Syariah (1965) 1984 yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan sedangkan ia merupakan bidang kuasa negeri. Apakah Persekutuan telah mengambil hak dan mencampuri urusan negeri dalam hal ehwal Islam? Perkara yang ditimbulkan juga ialah raja-raja Melayu merupakan ketua agama negeri. Ketua agama Islam negeri Kelantan ialah Sultan Kelantan dan KJS II (1993) 2015 dan telahpun diperkenan oleh Sultan Kelantan. Justeru, apakah perkenan Sultan itu tidak sah? Kajian ini melihat bahawa hal ehwal Islam, sama ada berkaitan pentadbiran dan perundangannya telah dinyatakan dalam

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Perlembagaan Persekutuan. Dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan, agama Islam merupakan urusan negeri.

Badan Perundangan Negeri (Dewan Undangan Negeri) sebagai penggubal undang-undang berkaitan dengan Islam, sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Pesekutuan, Perkara 74 (Hal Perkara Undang-Undang Persekutuan dan Negeri).

> *(1) Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang- undang yang diberikan kepadanya oleh mana- mana perkara lain, parlimen boleh membuat undang- undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama, (iaitu Senarai Pertama atau Ketiga yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan)*
>
> *(2) Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana- mana Perkara lain, Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang- undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam senarai Negeri, (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.*
>
> *(3) Kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan oleh Perkara ini boleh dijalankan tertakluk kepada apa- apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Perlembagaan ini mengenai mana-mana perkara tertentu.*
>
> (4) *Jika ungkapan am dan juga ungkapan khusus digunakan pada memperihalkan mana-mana perkara yang disebut satu-persatu dalam senarai-senarai yang dinyatakan dalam jadual Kesembilan maka keluasan ungkapan am itu tidak boleh dikira sebagai dihadkan oleh ungkapan khusus itu.*

Sultan merupakan Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri dan boleh membenarkan Yang di-Pertuan Agong untuk mewakilinya melalui Majlis Raja-Raja memperluaskan sebarang perbuatan, amalan atau upacara berkaitan Islam ke seluruh Negara (Shamrahayu A. Aziz, 2017). Kedudukan ini boleh difahami daripada peruntukan Perkara 3(2) yang menyatakan sebagaimana berikut:

Di dalam tiap-tiap Negeri selain Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Agama Islam di Negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan, tertakluk kepada Perlembagaan itu, segala hak, keistimewaan, prerogative dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam, tidaklah tersentuh dan tercacat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluaskan ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua Agama Islam membenarkan Yang di- Pertuan Agong mewakilinya.

Kedudukan Islam merupakan sebahagian daripada urusan bagi negeri-negeri dan tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan negeri, dan juga tertakluk kepada pembahagian kuasa perundangan antara Persekutuan dan negeri-negeri. Perlembagaan Persekutuan mengadakan Jadual Kesembilan. Jadual Kesembilan ini dibahagikan kepada tiga senarai utama seperti berikut.

i. Senarai I (senarai Persekutuan) yang menyenaraikan perkara- perkara di bawah bidang kuasa perundangan bagi Persekutuan;
ii. Senarai II (senarai Negeri) yang menyenaraikan perkara- perkara di bawah bidang kuasa perundangan negeri, dan
iii. Senarai III (senarai bersama) yang menyenaraikan perkara- perkara yang berada di bawah bidang kuasa kedua-dua pihak iaitu Persekutuan dan negeri-negeri. Di samping tiga senarai utama ini terdapat Senarai IIA dan Senarai IIIA yang masing- masing membuat peruntukan berkaitan senarai tambahan untuk Sabah dan Sarawak.

Perkara 76A memberikan kuasa kepada parlimen untuk membenarkan badan-badan perundangan negeri-negeri atau mana-mana daripada badan perundangan negeri tersebut untuk membuat undang-undang mengenai perkara yang tersenarai dalam Senarai I (Senarai Persekutuan). Perkara 76A menyatakan:

(1) *Dengan ini ditegaskan bahawa kuasa parlimen untuk membuat undang-undang mengenai sesuatu yang disebut satu persatu dalam Senarai Persekutuan termasuklah kuasa untuk membenarkan Badan-badan Perundangan Negeri-Negeri atau mana-mana daripadanya, tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan (jika ada) yang dikenakan oleh parlimen, untuk membuat undang-undang mengenai kesemua atau mana-mana bahagian perkara itu.*

Sekiranya dirujuk kepada perkara 74, ia seolah-olah meletakkan Islam secara eksekutif di bawah kuasa negeri yang mana penggubalan undang-undang berkaitannya hendaklah dilakukan oleh Dewan Undangan Negeri. Badan Perundangan Persekutuan, iaitu parlimen tidak mempunyai kuasa dan seterusnya tidak boleh membuat undang-undang berkaitan perundangan Islam di negeri-negeri (kecuali Wilayah Persekutuan). Sekiranya parlimen membuat undang-undang berkaitan Islam (kecuali bagi Wilayah Persekutuan) maka undang-undang itu boleh diisytiharkan tidak sah. Dewan Undangan Negeri pula tidak boleh membuat undang-undang yang disenaraikan dalam Senarai Persekutuan. Sekiranya Dewan Undangan Negeri membuat undang-undang mengenai perkara-perkara tersebut (kecuali sekiranya dibenarkan oleh parlimen melalui 76A) maka undang-undang tersebut boleh diisyitahar sebagai sah. Sementara itu butiran 1 Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan menyatakan:

"Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Hukum Syarak dan Undang- undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut Agama Islam, termasuk Hukum Syarak yang berhubung dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, masa kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya dalam negeri, adat Melayu; zakat, fitrah dan Baitulmal atau hasil Agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam. Pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut Agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan

dan prosedur mahkamah syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang Persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu".

Peruntukan di atas merupakan perkara yang berkaitan undang-undang kesalahan terhadap perintah agama Islam, prosedur bagi pelaksanaan undang-undang berkaitan kesalahan syariah yang dibicarakan di mahkamah syariah serta bidang kuasa mahkamah syariah. Apabila dianalisis peruntukan tersebut, terdapat lapan perkara penting yang perlu diperhalusi dan perlu diambil maklum dalam membicarakan tentang aspek-aspek berkaitan usul pindaan kepada AKTA 355, iaitu:

Pertama : Negeri-negeri dijamin dengan kuasa dan bidang kuasa berkaitan dengan undang-undang Islam; Hukum Syarak dan Undang-undang Peribadi dan Keluarga.

Kedua : Hukum Syarak, Undang-undang Peribadi dan Keluarga terletak di bawah bidang kuasa negeri dan seterusnya dilaksanakan di Mahkamah Syariah.

Ketiga : Badan Perundangan Negeri diberikan kuasa untuk menggubal atau mewujudkan kesalahan dan hukuman Syariah mengikut perintah agama Islam.

Keempat : Badan Perundangan Negeri juga diberikan kuasa untuk mewujudkan mahkamah syariah bagi mengendali semua perkara berkaitan Agama Islam.

Kelima : Badan Perundangan Negeri tidak boleh menggubal kesalahan dan hukuman ke atas perkara-perkara yang berada dalam senarai Persekutuan.

Keenam : Undang-undang negeri mengenai kesalahan dan hukuman syariah hanya terpakai ke atas orang-orang Islam sahaja.

Ketujuh : Parlimen diberikan kuasa untuk menggubal peruntukan berkaitan bidang kuasa mahkamah atas perkara berkaitan kesalahan.

Kelapan : Oleh kerana parlimen diberikan kuasa untuk menggubal peruntukan berkaitan bidang kuasa mahkamah syariah, berkaitan kesalahan, maka mahkamah hanya mempunyai bidang kuasa ke atas kesalahan setakat yang diberikan oleh undang-undang Persekutuan sahaja (Shamrahayu A. Aziz, 2016)

Berdasarkan lapan perkara di atas, dapat dirumuskan bahawa perkara pertama yang perlu diberikan perhatian ialah bidang kuasa negeri-negeri berkaitan hal ehwal Islam kelihatan jelas dan tidak dapat dinafikan. Ini membawa maksud bahawa Parlimen tidak boleh dalam apa jua keadaan menggubal undang-undang berkaitan Islam, walaupun Islam hanyalah satu perkara yang berkesampingan (*incidental matters*) dalam perundangan. Parlimen hanya boleh menggubal undang-undang mengenai Islam untuk wilayah-wilayah persekutuan sahaja. Perkara ini telah jelas dalam kes *Mamat bin Daud*[44] yang mana Seksyen 298A (Kanun Keseksaan)[45] telah diisytiharkan tidak sah (tidak berperlembagaan atau *unconstitutional*) kerana Parlimen membuat undang-undang mengenai Islam iaitu perkara yang berada dalam bidang kuasa negeri.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem Persekutuan, pembahagian kuasa antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri telah dinyatakan dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan, Jadual kesembilan (Senarai II) senarai negeri.

[44] *Mamat Bin Daud & ORS v Goverment of Malaysia* [1988] 1 MLJ 119.

[45] Seksyen 298A. (KK): Menyebabkan, dsb., di atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan atau perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat atau memudaratkan, dsb., pemeliharaan keadaan hormoni atau perpaduan.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Hal ini juga merupakan amalan terdahulu dan juga menurut kehendak raja-raja yang merupakan sebagai satu pihak dalam perjanjian pembentukan Negara Malaysia[46]. Justeru, hal ini perlu dihormati dan dipatuhi demi menjaga keharmonian masyarakat dan keluhuran Perlembagaan.

Namun dalam keadaan tertentu, Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang berkaitan perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Contohnya, Butiran 1 (Senarai Negeri) pada jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah tertakluk kepada Undang-Undang Persekutuan. Peruntukan ini boleh menjadi justifikasi kepada parlimen menentukan bidang kuasa jenayah berkaitan hukuman bagi Mahkamah Syariah. Peruntukan ini secara tidak langsung telah menjadikan Islam sebagai satu perkara yang boleh digubal oleh badan perundangan Persekutuan walaupun sebenarnya Islam merupakan urusan sesebuah negeri.

Justeru, kajian ini melihat ada ruang kepada pihak-pihak yang berkepentingan membawa perkara ini ke Mahkamah Sivil untuk diputuskan termasuklah berkaitan campur tangan Persekutuan dalam menentukan perjalanan hal ehwal Islam di sesebuah negeri. Perlembagaan jelas menyatakan tentang pembahagian kuasa antara Persekutuan dan negeri berkaitan hal ehwal Islam. Namun, dari segi amalan di Malaysia ia tidak berlaku, dan campur tangan Persekutuan dalam hal ehwal Islam tetap berlaku dari dahulu hingga sekarang. Persoalan yang boleh ditimbulkan ialah, apakah kewujudan Akta 355 itu Ultra Vires dengan Perlembagaan Persekutuan? Walau bagaimanapun, biarlah mahkamah yang menentukan persoalan ini.

[46] Raja-raja Melayu merupakan ketua negeri dan ketua agama bagi negeri masing-masing. Setiap sultan diberikan kuasa oleh perlembagaan untuk mentadbir hal ehwal agama Islam di negeri masing-masing. Pembahagian kuasa kerajaan negeri dan persekutuan selaras dengan kuasa dan kedaulatan sultan di negeri masing-masing yang melafazkan sumpah menjaga agama Islam ketika ditabalkan menjadi sultan. Islam merupakan urusan autonomi setiap negeri.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Menurut IN19, kewujudan Akta Mahkamah Syariah (1965) 1984 (Bidang Kuasa Jenayah) yang digubal di peringkat Persekutuan itu boleh dipersoalkan dan dipertikaikan tentang kesahannya. Kewujudan akta ini seolah-olah bertentangan atau ultra vires dengan Perlembagaan Persekutuan sebagaimana diperuntukkan dalam perkara 74, (Hal perkara Undang-undang Persekutuan dan Negeri), diperuntukkan dalam jadual kesembilan Senarai II (Senarai Negeri), iaitu hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri. Apakah Mahkamah Syariah ini bukan hal ehwal Islam? Persoalannya, kenapa parlimen atau Persekutuan membuat Akta Mahkamah Syariah 1965 *pindaan* 1984? Ini sesuatu yang *unconstitutional* atau tidak berperlembagaan. Kerajaan negeri boleh dan disarankan untuk membawa perkara ini ke mahkamah, bagi menentukan kesahannya. Pembahagian kuasa antara Persekutuan dan negeri sudah jelas sebagaimana diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Namun secara realitinya tidak dapat dinafikan masih banyak yang diperdebatkan dan terdapat campur tangan Mahkamah Sivil terhadap Mahkamah Syariah. Hal ini terjadi kerana terdapat tafsiran perlembagaan dan perundangan yang berbeza oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

4.2.6 Islam dan Melayu Berpisah Tiada

Melayu dengan Islam adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Menurut Perlembagaan Persekutuan Perkara 160, Melayu ditakrifkan sebagai "*Orang Melayu itu mestilah beragama Islam*". Mantan Ketua Hakim Negara, Salleh Abbas (1986) dalam buku beliau berjudul *Traditional Element of Malaysia Constitutions: Its Development (1957-1977)* menjelaskan bahawa Melayu dan Islam merupakan dua unsur yang bercantum dan tidak boleh dipisahkan untuk tujuan undang-undang dan Perlembagaan. Orang Melayu ditakrifkan dalam Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan sebagai:

"Seorang yang menganut agama Islam, yang lazim bertutur bahasa Melayu mengamalkan Adat Istiadat Melayu dan berasal dari Tanah Melayu".

Proses pembangunan dan perkembangan Islam di Tanah Melayu (Malaysia) telah bermula semenjak sebelum merdeka lagi, iaitu semenjak Islam mula bertapak di Tanah Melayu. Perlembagaan Persekutuan, Artikal 160 jelas menyebut tentang tiga elemen bangsa Melayu iaitu beragama Islam, bertutur Bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Ketiga-tiga elemen ini dirangkum bersama sebagai tunjang dan kekuatan yang saling mengikat dan tidak boleh dipisahkan. Sekiranya dipisahkan dan diganggu. ia mencabuli Perlembagaan Persekutuan. Adalah menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan:

"Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, tetapi tertakluk kepada peruntukan Perkara 40 dan peruntukan Perkara ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjalankan fungsinya di bawah Perlembagaan ini dan undang undang persekutuan mengikut apa-apa cara yang perlu untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak dan untuk memastikan perizaban bagi orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak apa- apa kerkadaran yang difikirkan munasabah oleh Yang di-Pertuan Agong daripada jawatan dalam perkhidmatan awam (selain perkhidmatan awam sesuatu negeri) dan daripada biasiswa, danasiswa dan keistimewaan pendidikan atau latihan yang seumpamanya atau kemudahan khas lain yang diberikan atau diadakan oleh Kerajaan Persekutuan dan, apabila apa-apa permit atau lesen dikehendaki oleh undang-undang persekutuan bagi mengendalikan apa-apa pertukangan atau perniagaan, maka, tertakluk kepada peruntukan undang- undang itu dan Perkara ini, daripada permit dan lesen itu."

4.2.7 Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 Tidak Berperlembagaan

Pelbagai pihak melihat isu pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ini mengikut tafsiran dan fahaman mereka sendiri. Sebagai contoh terdapat pandangan yang menyatakan bahawa KJS II (1993) 2015 tidak berperlembagaan atau tidak sah seperti yang disebut oleh

Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak, langkah untuk membentangkan RUU AKTA 355 (*pindaan*) 2016 adalah sesuatu yang tidak wajar dan ianya merupakan suatu pelanggaran Perlembagaan Persekutuan, Artikal 8 (Amar, 2019). Merujuk dalam situasi politik dan persepsi parti bukan Islam seperti DAP, Lim Guang Eng dalam sebuah wacana anjuran Berita Harian pada 2012 menyatakan, KJS (II) 1993 tidak ada dalam Perlembagaan, justeru DAP tidak bersetuju dengan hukum hudud sebagaimana UMNO juga tidak bersetuju (Lim Guang Eng, 2012).

Berdasarkan kenyataan di atas dapat difahami bahawa mereka menganggap KJS II (1993) 2015 tidak berperlembagaan dan tidak sah. Walau bagaimanapun, menurut IN2 Ketua Hakim Syarie Malaysia ada menjelaskan:

> *"Persoalan KJS II (1993) 2015 sah atau tidak, bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atau tidak, itu tidak timbul,.. selagi ianya tidak dicabar di Mahkamah Sivil dan tiada keputusan yang menyatakan bahawa KJS II (1993) 2015 tidak sah dan berlawanan dengan Perlembagaan Persekutuan, ianya masih sah di sisi Perlembagaan Persekutuan. KJS II (1993) 2015 Kelantan telah mengikuti proses yang betul dalam penggubalan dan kelulusan sesuatu undang-undang, iaitu melalui Dewan Undangan Negeri Kelantan dan juga telah mendapat perkenan al-Sultan Kelantan. Maka sehingga ke hari ini undang-undang tersebut adalah sah kerana belum ada apa-apa perintah mahkamah yang menyatakan ianya adalah tidak sah. Datuk Zaid Ibrahim merupakan seorang peguam berpengalaman, mantan Ahli Parlimen Kota Bharu dan juga mantan Menteri Undang- Undang Malaysia, pernah mencabar KJS II (1993) di mahkamah tetapi telah menarik balik kes tersebut, maka tiada penentuan boleh dibuat oleh mahkamah. Manakala isu kesalahan dalam KJS II (1993) 2015 yang meliputi kesalahan sariqah, hirabah, qisas yang redundant atau bertindih dengan Kanun Keseksaan mungkin menimbulkan isu kerana hukumannya melebihi yang dibenarkan Akta 355. Namun, jika dilihat dari sudut pertindihan kesalahan dalam KJS II (1993) 2015 dengan Kanun Keseksaan tersebut, sepatutnya ia tidak menjadi isu, kerana sebelum ini dalam kesalahan liwat ianya tidak menjadi isu, kesalahan liwat termaktub dalam kedua-dua undang-undang tersebut, sama ada Penal Code / kanun keseksaan atau KJS".*

Pertindihan kesalahan dalam KJS II (1993) 2015 dengan Kanun Keseksaan, sepatutnya tidak menjadi sebarang masalah dan isu, pertindihan ini telah lama berlaku

dan ia telah berjalan dengan hormani sebelum daripada Kerajaan Negeri Kelantan meluluskan KJS II (1993) 2015. Pertindihan tersebut boleh dilihat dalam peruntukan di bawah sebagaimana berikut; Peruntukan dalam Kanun Keseksaan: Seksyen 377A (Persetubuhan yang bertentangan dengan aturan *tabii*).

> *"Mana-mana orang yang melakukan perhubungan seks dengan seseorang lain dengan memasukkan zakarnya ke dalam dubur atau mulut seseorang lain itu dikata melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii".*

Kanun Keseksaan juga memperuntukkan, Seksyen 377B (Seksaan kerana melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan *tabii*).

> *"Barang siapa dengan sengaja melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan sebat".*

Kesalahan liwat terdapat dalam Kanun Jenayah Syariah (1985) Kelantan (Seksyen 14):

> *"Sesiapa yang dengan sengaja melakukan perbuatan liwat yang tidak boleh dikenakan hukuman had mengikut hukum Syarak adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM5000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan disebat enam kali".*

Manakala dalam Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 Kelantan juga memperuntukkan kesalahan liwat (Seksyen 14):

> *"Seorang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan seorang lelaki lain, atau seorang lelaki yang melakukan persetubuhan melalui dubur dengan seorang wanita adalah melakukan liwat"*

Hukuman bagi kesalahan liwat yang diperuntukkan dalam Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 (Seksyen 15 (1), tertakluk kepada subseksyen (2);

"Mana-mana orang yang melakukan kesalahan liwat hendaklah dihukum dengan hukuman yang sama seperti yang ditetapkan bagi zina."

(3) Seorang suami yang melakukan kesalahan liwat ke atas isterinya hendaklah dihukum dengan ta'zir.

Sekiranya dilihat daripada peruntukan-peruntukan di atas, sama ada dalam Kanun Jenayah Syariah negeri-negeri dan juga Kanun Keseksaan, didapati seseorang yang melakukan kesalahan liwat atau persetubuhan luar tabii tertakluk kepada dua undang-undang, iaitu Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Kanun Jenayah Syariah (1985) Kelantan, KJS II (1993) 2015 Kelantan, juga ada dalam enakmen jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. Justeru, pertindihan kesalahan dan hukuman dalam kedua-dua undang-undang tersebut sebelum ini didapati tidak bercanggah dengan Perlembagaan dan telah diterima baik serta diamalkan di Malaysia sejak sekian lama. Justeru, sebarang peruntukan yang bertindih di antara Kanun Keseksaan dan KJS II (1993) 2015 yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan juga sepatutnya tidak menjadi isu dan perbahasan di semua peringkat. Selain daripada kesalahan liwat, terdapat juga kesalahan-kesalahan lain yang bertindih dalam Kanun Keseksaan dan KJS II (1993) 2015. Pertindihan tersebut sebagaimana Jadual 4.1 berikut:

Jadual 4. 1: Jadual Pertindihan Kesalahan Yang Terdapat Dalam Kanun Keseksaan dan Undang-undang Jenayah Islam

SEKSYEN (Kanun Keseksaan)	**KANUN KESEKSAAN**	**UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM**	**SEKSYEN KJS II (1993) 2015**
Bab IV	Kesalahan Terhadap Negara	*Bughah*	Seksyen 26-33
Seksyen 302-304 A	Kesalahan Mematikan Orang dan menyebabkan kematian	*Qatl*	Seksyen 34-38
Seksyen 323-338	Kecederaan	*Jurh*	Seksyen 12
Seksyen 376	Rogol	Zina	Seksyen 12
Seksyen 377	Mengadakan hubungan jenis dengan binatang	*Ityan al-Bahimah @ Bukan manusia*	Seksyen 17 KJS (1) 2019

Jadual 4. 2 (sambungan): Jadual Pertindihan Kesalahan Yang Terdapat Dalam Kanun Keseksaan dan Undang-undang Jenayah Islam

SEKSYEN (Kanun Keseksaan)	KANUN KESEKSAAN	UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM	SEKSYEN KJS II (1993) 2015
Seksyen 377A	Persetubuhan luar Tabii	Liwat dan *Musahaqah*	Seksyen 14
Seksyen 379-382	Mencuri	*Sariqoh*	Seksyen 6
Seksyen 392-402	Rompak	*Hirabah*	Seksyen 9

Akta Mahkamah Syariah (1965) 1984 (*Bidang Kuasa Jenayah*) telah menghadkan bidang kuasa mahkamah Syariah. Seksyen 2 Akta ini telah memperuntukkan bahawa:

"Mahkamah syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganuti Agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun- rukun Agama Islam oleh orang- orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis: Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa- apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM 5,000 atau sebatan tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut".

Akta inilah yang sering digunakan oleh pihak-pihk yang tidak bersetuju terhadap pelaksanaan KJS II (1993) 2015. KJS II (1993) 2015 telah memperuntukkan hukuman yang melampaui had yang dibenarkan oleh Akta Mahkamah Syariah (1965) 1984. Turut diperkatakan bahawa sesetengah kesalahan dalam KJS II (1993) 2015 Kelantan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, iaitu Kanun Keseksaan. Pertindihan peruntukan kesalahan dan hukuman antara KJS II (1993) 2015 dengan Kanun Keseksaan ialah di Bahagian II (Qisas), melibatkan hukuman bunuh, iaitu jenis-

jenis kesalahan menyebabkan kematian. KJS II (1993) 2015 Seksyen 25 (Perbuatan menyebabkan kematian manusia terbahagi kepada tiga jenis):

- *Qatl al 'amd;* (dengan niat)
- *Qatl Syibhi al 'amd;* (membunuh seperti dengan niat)
- *Qatl al-khata';* (membunuh tanpa niat).

Seksyen 26. KJS II (1993) 2015

> *(1) Mana-mana orang yang menyebabkan kematian seseorang dengan melakukan suatu perbuatan dengan niat untuk menyebabkan kematian atau kecederaan badan yang pada kebiasaannya memadai atau mungkin akan menyebabkan kematian, atau dengan melakukan suatu perbuatan dengan pengetahuan bahawa perbuatannya itu adalah sebegitu sekali berbahaya hingga mungkin sekali menyebabkan kematian adalah melakukan qatl 'amd.*
>
> *(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu perbuatan dengan niat atau dengan pengetahuan bahawa perbuatannya mungkin akan menyebabkan kematian, telah menyebabkan kematian mana-mana orang yang kematiannya dia tidak berniat untuk menyebabkan atau tidak tahu mungkin akan menyebabkan kematian, adalah juga melakukan qatl-al 'amad.*

Hukuman *Qatl al -'amd*

> *27. (1) Kecuali seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen (2) mana-mana orang yang melakukam qatl- 'amd hendaklah dihukum bunuh sebagai hukuman qisas.*

Kewujudan peruntukan di bawah KJS II (1993) 2015 bagi kesalahan seperti mencuri, membunuh, merompak, liwat dan lain-lain sepatutnya tidak menjadi isu walaupun bertindih dengan Kanun Keseksaan. Kesalahan liwat atau hubungan luar tabii telah lama wujud dalam enakmen jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia. Kesalahan hubungan luar tabii dan liwat ini juga wujud di bawah Kanun Keseksaan. Malah perundangan ini berkuatkuasa tanpa ada pertikaian. Namun terdapat seperti

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

tafsiran “baharu” berkaitan isu KJS II (1993) 2015 yang dianggap bertindih dengan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan. Jika dirujuk kepada kes terdahulu sebagaimana dalam kes liwat Dato’Seri Anwar Ibrahim pada tahun 1998 yang dituduh melakukan jenayah seks luar tabii atau liwat didedahkan di Mahkamah Tinggi. Kes ini telah dibicarakan di Mahkamah Sivil dan bukannya di Mahkamah Syariah sedangkan kesalahan hubungan seks luar tabii atau liwat juga diperuntukkan dalam Kanun Jenayah Syariah Negeri Selangor. Justeru, tidak timbul soal pertindihan peruntukan kesalahan kerana kes-kes sebelum ini berjalan seperti biasa tanpa ada pertikaian. Terdapat beberapa kesalahan di bawah Kanun Jenayah Syariah yang bertindih atau wujud persamaan dengan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan yang telah sedia maklum oleh banyak pihak terutamanya pengamal undang-undang dan juga ahli-ahli akademik.

Pada tahun 1988, (Perkara 121) Perlembagaan Persekutuan telah dipinda dengan menyebut di fasal (1A) iaitu mahkamah tinggi sivil tidak boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa dalam bidang kuasa mahkamah syariah. Sebelum pindaan dibuat terdapat banyak kes di mana Mahkamah Sivil telah membuat keputusan dalam kes bidang kuasa Mahkamah Syariah dan adakalanya telah mengubah keputusan yang telah dibuat di Mahkamah Syariah (Ahmad Ibrahim, 1999). Walau bagaimanapun, Perkara 121 (1A) tidak menjadi alasan muktamad untuk Mahkamah Sivil tidak mencampuri urusan Mahkamah Syariah. Negara pernah dikejutkan dengan satu penghakimann yang telah dibuat oleh Mahkamah Persekutuan pada 25 Februari 2021 yang memutuskan bahawa Seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Selangor (1995) tidak berperlembagaan dan tidak sah. Seksyen 28 ini adalah kesalahan persetubuhan luar tabii yang selama ini dibicarakan di Mahkamah Syariah Selangor.

Penghakiman yang telah dibuat oleh Mahkamah Persekutuan itu bukan sahaja memberikan kesan kepada Seksyen 28 di Selangor tetapi juga negeri-negeri lain yang

mempunyai peruntukan yang sama. Keputusan Mahkamah Persekutuan itu boleh dikatakan telah memadamkan kuasa Dewan Undangan Negeri untuk menggubal kesalahan liwat kerana ia adalah di bawah bidang kuasa parlimen. Keadaan ini akan mewujudkan ruang untuk kesalahan-kesalahan jenayah syariah seperti judi, minum minuman memabukkan, sumbang mahram dan lain-lain dicabar di Mahkamah Sivil. Tindakan Mahkamah Persekutuan dalam hal ini memberikan isyarat jelas bahawa apa-apa kesalahan yang terdapat dalam KJS II (1993) 2015 Kelantan yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan adalah tidak berperlembagaan dan tidak sah (Zainul Rijal Abu Bakar, 2021).

Keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut adalah tersasar daripada latar sejarah dan nilai Islam yang sebenar kerana menyatakan bahawa Kanun Keseksaan wujud terlebih dahulu daripada kesalahan liwat yang diperundangkan. Berdasarkan sejarah, Kanun Keseksaan diambil daripada Kanun Keseksaan India dan digubal dalam Negeri- negeri Bersekutu Melayu pada 1936. Namun, Kanun Keseksaan melalui Akta 574 hanya menjadi kesalahan liwat pada 1989 sedangkan undang-undang Islam telah terlebih dahulu wujud di Malaysia sejak sebelum penjajahan lagi. Ia jelas terbukti dengan penemuan Batu Bersurat Terengganu, Undang-Undang 99 Perak dan Undang-Undang Johor. Oleh itu, pandangan yang menyatakan bahawa Kanun Keseksaan wujud lebih awal, ia tersasar daripada fakta sejarah (Zainul Rijal Abu Bakar, 2021). Dalam hal ini parti PAS menggesa semua pihak menghormati dan tidak mencabar undang-undang negeri kerana bimbang sesuatu keputusan yang terpaksa dibuat badan kehakiman atas desakan tidak wajar akan membawa kepada implikasi tidak bermanfaat kepada negara dan rakyat jelata[47] (Takiyuddin Hassan, 2021).

[47] Pautan laman sesawang www. gemilang daily. com (2022)

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Kajian mendapati isu pertindihan peruntukan kesalahan dalam Kanun Keseksaan dengan Kanun Jenayah Syariah negeri-negeri tidak sepatutnya menjadi alasan dan penghalang kepada pelaksanaan undang-undang Jenayah Islam di negeri-negeri. Kedudukan Islam sebagai agama Negara dan pengurusan hal ehwal Islam di bawah bidang kuasa negeri-negeri perlu difahami oleh semua pihak. Pihak berkuasa wajar mentafsirkan Perlembagaan Negara berdasarkan roh Islam, sesuai dengan Islam sebagai agama Negara dan bukannya berasaskan latar belakang pengajian undang-undang sivil yang diambil dari luar. Tafsiran dan pemahaman Perlembagaan yang berbeza oleh banyak pihak telah menimbulkan banyak perdebatan dan pertikaian dalam kalangan masyarakat di semua peringkat.

Perlembagaan Persekutuan (Perkara 4) memperuntukkan bahawa perlembagaan ialah *Supreme Law of The Federation*. Peruntukan ini jelas menyatakan bahawa undang-undang tertinggi di dalam negara ialah Perlembagaan Persekutuan. Justeru, Parlimen dan Dewan Undangan Negeri tidak boleh melangkaui kuasa menggubal yang diperuntukkan oleh Perlembagaan. Sebarang undang-undang yang diluluskan selepas Malaysia mencapai kemerdekaan dan didapati tidak konsisten dengan Perlembagaan akan dianggap tidak sah. Persoalan yang timbul, apakah Perlembagaan Persekutuan yang menyebabkan KJS II (1993) 2015 tidak sah dan seterusnya tidak boleh dilaksanakan? Adakah ia tidak sah dan tidak boleh dilaksanakan sekiranya KJS II (1993) 2015 itu didapati bercanggah dengan Perlembagaan? Sebaliknya, adakah KJS II (1993) 2015 boleh dilaksanakan dalam sistem yang sedang diamalkan di negara ini jika ia selaras dengan Perlembagaan? Adakah Perlembagaan Malaysia itu bersifat sekular? Jika diteliti, tiada sebarang peruntukan secara jelas menolak keseluruhan sumber undang-undang Islam. Begitu juga tiada peruntukan berkaitan sifat sekular dalam Perlembagaan. Maka tidak boleh menyatakan bahawa Perlembagaan menolak atau

menghalang penggunaan prinsip Islam yang boleh dimanfaatkan (Shamrahayu A. Aziz, 2014).

Hal Ehwal Islam merupakan urusan negeri sebagaimana telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Justeru, kerajaan Persekutuan tidak boleh mencampuri urusan Islam di negeri walaupun dalam apa jua keadaan. Sebagaimana yang pernah berlaku sewaktu pelaksanaan darurat kerana penularan wabak COVID-19[48]. Pengistiharan Proklamasi Darurat ini berdasarkan Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan (Mohd Fadhli Mohd Sulaiman, 2021). Walaupun negara dalam keadaan darurat, hal ehwal Islam Islam tetap diserahkan kepada negeri-negeri. Justeru, negeri mempunyai hak untuk melaksanakan hal-hal yang berkaitan dengan ehwal Islam. Persoalannya apakah kewujudan Akta 355 (*Bidang kuasa Jenayah Mahkamah Syariah*) itu sah? Apakah kewujudannya boleh dikira mencabuli Perlembagaan Persekutuan? Persoalan ini timbul kerana Persekutuan telah mencampuri urusan hal ehwal Islam negeri-negeri. Justeru, berdasarkan kefahaman ini maka disarankan kepada negeri-negeri agar membawa isu kewujudan Akta 355 (*Bidang kuasa Jenayah Mahkamah Syariah*) yang telah digubal dan diluluskan di parlimen ke mahkamah sivil untuk diputuskan, sama ada sah ataupun tidak.

Mahkamah Syariah ditubuhkan berdasarkan kepada Perlembagaan yang memberikan kuasa kepada negeri-negeri untuk mentadbir undang-undang Islam sebagai undang-undang diri atau *Personal Law*, berdasarkan Jadual Kesembilan, Senarai 2 butiran 1. Penubuhan mahkamah syariah berdasarkan enakmen negeri-negeri dan mempunyai kuasa berkaitan kesalahan ke atas orang-orang Islam sahaja.

[48] Yang di-Pertuan Agong ketika itu telah memberikan perkenan supaya Pengisytiharan Proklamasi Darurat dilaksanakan di seluruh negara sebagai langkah pro aktif untuk membendung gejala wabak COVID-19. (Astro Awani, Januari 12, 2021, 01:27).

Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 terhadap orang yang bukan Islam memerlukan pindaan Perlembagaan. Perlembagaan Persekutuan, Butiran 1 Senarai II (Senarai Negeri) Jadual Kesembilan, Dewan Undangan Negeri mempunyai kuasa tentang:

> *"Pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan"*

Dengan adanya peruntukan ini, beberapa kesalahan dalam KJS II (1993) 2015 berada dalam undang-undang Persekutuan dan sukar untuk diletakkan dalam undang-undang negeri. Butiran I menyebut bahawa Mahkamah syariah:

> *"Tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang- undang Persekutuan".*

Walaupun belum ada tafsiran mahkamah mengenai frasa perlembagaan tersebut tetapi peruntukan inilah Akta Mahkamah Syariah (1965) 1984 (*Bidang Kuasa Jenayah*) yang meletakkan bidang kuasa Mahkamah Syariah berkaitan hukuman kepada tiga tahun penjara, RM 5,000.00 denda dan enam sebatan telah digubal oleh parlimen. Akta ini merupakan halangan nyata bagi mahkamah syariah dalam pelaksanaan hudud. Hakikatnya, jika diteliti hukuman kesalahan seperti judi, bunuh, zina, merompak, mencuri itu telah disebut oleh Allah SWT dalam al-Quran, maka ia juga sepatutnya dianggap sebagai satu juzu' daripada jenayah syariah. Perlembagaan Persekutan Perkara 3 menyebut:

> *"Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama- agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan"*

Tafsiran '*Islam agama bagi Persekutuan*' telah lama menjadi perdebatan dalam kalangan ahli akademik dan pengamal undang-undang. Hal ini memberikan kesan yang amat besar terhadap kedudukan Islam dan perundangan Islam di Malaysia. Banyak

tafsiran yang menyatakan bahawa Islam yang dimaksudkan itu semata-mata untuk tujuan upacara adat istiadat rasmi, seperti bacaan doa dalam upacara rasmi kerajaan. Salah satu tafsiran berkaitan hal ini oleh Tun Suffian bin Hashim iaitu;

> *"Agama bagi Malaya itu hendaklah agama Islam. Pengakuan dasar ini tidaklah akan bermakna sebarang tegahan ke atas warga Negara yang bukan beragama Islam pada menganut dan membuat ibadat mengikut agama masing-masing dan tidaklah membawa pengertian bahawa Negara ini bukannya sebuah Negara keduniaan (sekular)* (LA Sheriden & H.E Groves, 1987)

Tafsiran ini telah menjadi sandaran kepada pihak-pihak tertentu untuk menyatakan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara sekular. Ini telah menimbulkan isu yang tidak berkesudahan mengenai status Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan usaha pelaksanaan hukum Islam. Mahamad Naser Desa (2007) menjelaskan dalam buku beliau yang berjudul Cabaran-cabaran Memperkukuhkan Kedudukan Islam dalam Perlembagaan, beliau menyatakan bahawa tafsiran yang dibuat oleh YA Hakim Mohd Noor Abdullah dalam kes *Meor Atiqurrahman vs Fatimah Bte Sihi* [2000] 5 MLJ 375, mengenai kedudukan Perkara 3 (1) yang menyatakan bahawa, Islam ialah '*way of life*' merangkumi kehidupan berpolitik, ekonomi, undang-undang, Islam ialah agama bagi Persekutuan yang memberi maksud Islam sebagai *Ad-deen* yang merangkumi semua aktiviti kehidupan manusia dari lahir sehingga mati sebagaimana ditetapkan oleh Allah dan boleh diterima oleh semua agama lain.

YA Hakim bicara menjelaskan, berkaitan dengan kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, Islam adalah agama yang istimewa dalam negara mengatasi agama-agama lain. Justeru Islam tidak boleh disamakan dengan agama-agama lain dari pelbagai aspek, seperti penjagaan, keistimewaan, pengamalan dan lain-lain, YA Hakim tersebut menjelaskan agama Islam adalah agama bagi Persekutuan, bermaksud agama Islam adalah agama utama di antara agama-agama yang dianuti dalam negara Malaysia,

Islam tidak setaraf dengan agama-agama lain, Islam mesti berada di atas, jika Islam tidak diberi hak tersebut maka ianya bukanlah agama bagi Persekutuan (Mahamad Naser Desa, 2007).

Berdasarkan pernyataan dan pandangan YA Hakim di atas, kajian mendapati kedudukan Islam adalah tinggi dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun, dalam aspek pelaksanaan ianya kurang menepati maksud sebenar ajaran Islam dan Perlembagaan. Kajian ini juga mendapati, sebarang tafsiran oleh Mahkamah berkaitan Islam dan undang-undang Islam akan memberi kesan kepada kedudukan Islam sebagai agama bagi negara, sekiranya sesuatu tafsiran dan keputusan dibuat oleh mana-mana pihak itu tidak memihak kepada Islam atau Undang-Undang Islam, maka tafsiran yang tidak memihak kepada Islam ini akan menjadi hujah dan alasan kepada pihak-pihak yang tidak bersetuju undang-undang Islam dilaksanakan di Malaysia. Alasan perundangan merupakan alasan yang kuat digunakan oleh pihak-pihak tertentu bagi menolak pelaksanaan undang-undang Islam. Oleh itu pihak berwajib disarankan agar tafsiran baharu yang bertepatan dengan semangat Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan Islam sebagai agama negara perlu dibuat. Tafsiran yang menjurus ke arah memartabatkan agama Islam tanpa menolak hak dan keharmonian agama lain bersesuaian dengan sifat Islam sebagai *rahmatan lil'alamin* dan *Islam is Way of Life*.

Sejarah negara menunjukkan mahkamah Syariah telah pun wujud semenjak zaman Kesultanan Melaka lagi. Buktinya, Undang-undang Melaka yang menggunakan undang-undang Islam telah dilaksanakan di Melaka. Kewujudan mahkamah Syariah ini telah diganggu oleh pihak penjajah dengan memperkenalkan undang-undang *Common Law*. Hak orang Islam untuk mengamalkan undang-undang syariah sepenuhnya telah lama dinafikan oleh penjajah. Penafian ini juga berterusan walaupun negara telah mendapat kemerdekaan.

Kewujudan perkara 121 (1A) dalam Perlembagaan Persekutuan telah mengembalikan sedikit hak orang Islam untuk memartabatkan mahkamah syariah walaupun tidak sepenuhnya. Perkara 121 (1A) ini telah memberikan sedikit ruang kepada mahkamah syariah untuk kembali bertapak dalam negara walaupun tidak setaraf dengan Mahkamah Sivil. Ia juga telah mengembalikan hak orang Islam yang telah lama dihapuskan oleh penjajah, padahal undang-undang Islam merupakan undang-undang asal Tanah Melayu.

4.2.8 Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Klausa Tidak Menyentuh Hukum Hudud)

Menurut Ketua Kluster Governans Perundangan dan Pengurusan Awam (MPN), sekiranya hukuman bagi kesalahan jenayah Syariah ditingkatkan, fungsi mahkamah Syariah tidak akan dilihat sebagai undang-undang kelas kedua. Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (*Bidang Kuasa Jenayah*) Pindaan 2016 ini hanya terpakai kepada orang Islam sahaja dan tidak menyentuh berkaitan hudud. Justeru, tidak wajar berlaku salah faham terhadap undang-undang Syariah. Usul yang dibentangkan itu hanya membabitkan pindaan mengenai hukuman yang dikenakan berkaitan dengan kesalahan jenayah syariah. Tidak ada langsung disebut mengenai pelaksanaan hudud yang mencetuskan kebimbangan terutamanya dalam kalangan masyarakat bukan Islam di Negara ini. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan kaitan usul ini dengan hasrat pelaksanaan KJS II (1993) 2015 menimbulkan persepsi yang salah dimainkan oleh pihak tertentu untuk mewujudkan kebimbangan apabila RUU ini dibentangkan (Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood, 2016).

Merujuk kepada Warta Kerajaan Kelantan KJS II (1993) 2015, nama enakmen ialah '*Undang-undang Negeri Kelantan, Enakmen 13 Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015*. Jika diteliti kandungan enakmen tersebut terdapat perkataan '*hudud'* yang digunakan seperti di Bahagian (I) (Kesalahan-Kesalahan Hudud) Seksyen 5; jenis-jenis

kesalahan hudud. Kajian ini melihat enakmen ini sebagai Undang-undang Hudud, walaupun terdapat ketidaksempurnaan dari segi penggubalannya. Panel Hudud Kelantan, Dr. Mohd Azhar Abdullah (2014) juga menyatakan bahawa KJS II (1993) 2015 merupakan hukum hudud. Namun begitu, beliau menyatakan Rang Undang-Undang (RUU) Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) *Pindaan* 2016 yang dibentangkan di parlimen bukanlah Undang-undang Hudud, sebaliknya bertujuan untuk memartabatkan mahkamah syariah. Jika tidak dilaksanakan pindaan Akta 355, kedudukan mahkamah Syariah akan terus lebih rendah daripada Mahkamah Majistret. Kenyataan beliau ini menurut pandangan penyelidik adalah bersifat 'politik' dan bertujuan untuk meredakan situasi sesetengah pihak yang menolak pelaksanaan hukum hudud.

Kajian ini melihat pindaan Akta 355 bagi meningkatkan kuasa hukuman mahkamah syariah tidak perlu dipersoalkan kerana ia berteraskan konsep kesamarataan dalam pelaksanaan kepercayaan agama masing-masing mengikut perkara 8 (5) (a) Perlembagaan Persekutuan. Shamrahayu A. Aziz (2016) menegaskan mengikut perkara 8 (5) (a) Perlembagaan Persekutuan, konsep kesamarataan tidak boleh melarang apa-apa peruntukan yang mengawal selia undang-undang diri, iaitu merujuk kepada peruntukan agama untuk kepentingan orang Islam di Negara ini. Perlembagaan Persekutuan harus difahami dalam bentuk keseluruhan kerangka perundangannya, tanpa mengetepikan mana-mana peruntukan. Jika semua pihak meneliti dan memahami Perlembagaan Persekutuan, peruntukan undang-undang diri yang digariskan dalam Perkara 8(5) (a) jelas membenarkan pelaksanaan pindaan kuasa mahkamah syariah demi kepentingan umat Islam.

Ekoran daripada kritikan, pandangan dan desakan pelbagai pihak terhadap usul pindaan RUU 355, Presiden PAS dengan tegas menyatakan bahawa PAS tidak akan

berganjak dan akan memastikan pindaan Akta Mahkamah Syariah (1965) 1984 (*Bidang Kuasa Jenayah*) dilakukan segera bagi membolehkan sebahagian Undang-undang Hudud dapat dilaksanakan di Kelantan (Abdul Hadi Awang, 2015).

Walau bagaimanapun, penyelidik berpendapat perjuangan atau pendekatan PAS dalam menegakkan hudud ketika menjadi pembangkang berbeza ketika menjadi kerajaan Persekutuan. Tatkala menjadi parti pembangkang, PAS agak keras dan bersifat mendesak untuk pelaksanaan hudud. Namun ketika menjadi kerajaan bersama UMNO, BERSATU, MIC, MCA dan beberapa parti politik daripada Sabah dan Sarawak, pendekatan PAS agak lembut dan 'berseni' dengan mengambil kira banyak faktor dan keadaan. PAS mengambil sikap berhati-hati dalam menyuarakan isu hudud ketika menjadi kerajaan di peringkat Persekutuan. Pendekatan baharu ini bertujuan untuk menjaga hubungan di antara parti-parti dalam kerajaan bagi mengelakkan isu-isu yang agak sensitif dan boleh menggugat kerajaan yang dibina atas kesepakatan yang agak rapuh, bak kata pepatah "Pecah menanti sebab, retak menanti belah".

4.2.9 Kekangan Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam Atas Nama Hudud

Pakar Perlembagaan Malaysia, Shamrahayu A. Aziz (2018) menjelaskan sekiranya pelaksanaan hukuman hudud diletakkan di bawah kuasa negeri, isu penguatkuasaan akan menjadi masalah kerana bidangkuasa negeri adalah terhad. Ini melibatkan isu pengendalian tertuduh, isu penyampaian saman kepada pihak-pihak yang terlibat dan saman mestilah melalui proses perintah bersaling iaitu mendapat kebenaran daripada mahkamah negeri-negeri berkenaan untuk dikuatkuasakan. Dalam hal ini jika Kelantan menggunakan KJS II (1993) 2015, negeri-negeri lain pula menggunakan Kanun Jenayah Syariah yang berbeza menyebabkab timbul persoalan apakah negeri lain menerima perintah daripada negeri Kelantan. Walau bagaimana pun, perkara-perakara

tersebut adalah disifatkan sebagai perkara-perkara teknikal yang boleh diselesaikan melalui meja rundingan dan kesepakan antara pihak-pihak yang terlibat.

Shamrahayu A. Aziz (2018) juga mencadangkan supaya kesalahan-kesalahan jenayah yang berada di bawah undang-undang jenayah syariah seperti kesalahan mencuri, membunuh dan merompak kekal sebagai kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan (senarai persekutuan). Walau bagaimanapun ia menggunakan hukuman seperti diperuntukkan dalam perundangan Islam seperti hukuman potong tangan, hukuman bunuh balas atau ada peruntukan *kaffārah*, ganti rugi atau diat tanpa menamakannya sebagai undang-undang jenayah Islam. Manakala kesalahan-kesalahan sedia ada dalam enakmen kanun jenayah syariah seperti khalwat, minum arak, judi, zina dikekalkan di bawah Kanun Jenayah Syariah. Ia perlu dibuat pindaan dengan meningkatkan kadar hukuman melalui kaedah yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Pendekatan ini adalah melalui pindaan Akta Mahkamah Syariah (1965) 1984 yang membolehkan hukuman kesalahan minum arak ditambah kepada 40 kali sebatan, kesalahan zina dengan 100 kali sebatan dan tuduhan berzina atau *qazaf* sebanyak 80 kali sebatan. Tindakan menaikkan kadar hukuman terhadap kesalahan sedia ada dalam Kanun Jenayah Syariah tanpa mengambil alih atau 'merampas' kesalahan-kesalahan yang ada dalam Kanun Keseksaan sebagai kaedah mengurangkan tekanan atau bantahan daripada mana-mana pihak. Pada hakikatnya kesalahan mencuri, merompak, membunuh, meliwat dan minum minuman memabukkan merupakan undang-undang Islam sebelum wujudnya Kanun Keseksaan dan undang-undang sivil.

Pelaksanaan Kanun Keseksaan semasa yang diambil daripada *Penal Code* India[49] dan bukannya daripada perundangan Islam telah diterima oleh masyarakat

[49] Kanun Keseksaan (AKTA 574) Undang-undang utama dalam perundangan jenayah di Malaysia. Kanun Keseksaan berasal daripada Kanun Keseksaan negeri India. Walau bagaimanapun Kanun Keseksaaan ini telah

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

muslim dan bukan muslim di Malaysia. Perkara ini sukar digantikan dengan perundangan lain dalam konteks negara Malaysia yang berbilang kaum dan bangsa. Justeru, pengharmonian di antara undang-undang sivil dan syariah perlu dilaksanakan secara berhemah dan bijaksana. Mewujudkan Jawatankuasa Teknikal Penghormonian Sivil dan Syariah serta Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-undang Pejabat Peguam Negara bagi menangani isu berkaitan undang-undang syariah di peringkat Persekutuan, negeri dan antarabangsa amat perlu dan dinanti-natikan. (Naim Mokhtar, 2021) (Bernama, 8 Jun Jabatan Peguam Negara, 2018).

Langkah pengharmonian juga wajar merujuk kepada latar sejarah negara iaitu undang-undang Islam merupakan undang-undang asal Tanah Melayu dan kemudiannya diambil alih oleh undang-undang sivil sebagai perundangan Negara. Demi mencari keadilan dan situasi menang-menang kenapa tidak perundangan syariah ini diserapkan ke dalam perundangan Negara iaitu Kanun Keseksaan[50] tanpa memerlukan kepada nama undang-undang syariah. Apa yang lebih penting adalah dari segi pelaksanaan yang memerlukan strategi dan penyesuaian dengan realiti serta cabaran semasa.

4.2.10 Ancaman Doktrin Struktur Asas (BSD) dan Campur Tangan Mahkamah Sivil ke atas Mahkamah Syariah

Doktrin struktur asas atau *Basic Structure Doctrin (BSD)* merupakan suatu pegangan dan prinsip asas yang berpaksikan sejarah perundangan (Jurisprudens Watan[51]) dalam

diubah suai dan dipinda atau pun dimansuhkan bahagian-bahagian yang tidak bersangkutan mengikut kesesuaian penduduk Malaysia (Nota Kelas Undang-Undang SUKSIS) UIAM 1/2013.

[50] Kanun Keseksaan menekankan tentang hukuman kepada pesalah seperti pembunuhan, rogol, kecurian, penyeludupan dan lain-lain. Sivil memberikan penekanan untuk menyelesaikan masalah pertikaian seperti pertikaian berkaitan keluarga, perkara-perkara sewa, pertikaian yang berkaitan dengan penjualan dan sebagainya. Rujuk pautan laman sesawang: *https://ms.weblogographic.com*

[51] Jurisprudens watan ialah metod atau kajian yang berlandaskan kepada sejarah perundangan tempatan, iaitu melalui penyelidikan yang mendalam serta pemerhatian tentang fakta-fakta sejarah yang berkaitan. Selain itu, turut diketengahkan ialah dokumen-dokumen perundangan sebelum dan pasca Hari Merdeka.

membuat keputusan kehakiman di negara-negara berkenaan. Struktur asas ini seharusnya melihat kepada pembinaan sesebuah negara atau latar sejarah pembentukan dan pembinaan sebuah negara. Perlembagaan Persekutuan Malaysia memelihara unsur tempatan yang mendasari struktur asas kenegaraan dan kedaulatan. Struktur asas Perlembagaan Persekutuan yang sebenar ialah prinsip kedaulatan berpaksikan sumpah Yang di-Pertuan Agong, sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan;

Perkara 38(4):

> *Tiada undang-undang yang secara langsung menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja.*

Perkara 159(5)

> *Sesuatu undang-undang yang membuat sesuatu pindaan kepada Fasal (4) Perkara 10, apa-apa undang-undang yang diluluskan di bawahnya, peruntukan Bahagian III, Perkara 38, 63(4), 70, 71(1), 72(4), 152, atau 153 atau kepada Fasal ini tidaklah boleh diluluskan tanpa persetujuan majlis Raja-Raja.*

Lantaran itu keputusan mahkamah mestilah berpaksikan kepada struktur asas pembinaan sesebuah negara dan pelaksanaan undang-undang juga perlu diadaptasi dengan kesesuaian negara berkenaan.

Kewujudan negara Malaysia merupakan hasil persetujuan negeri-negeri di Tanah Melayu dan dari sudut sejarahnya berasaskan kepada undang-undang Islam seperti mana berlaku di zaman Kesultanan Melaka. Justeru, pembentukan dan penafsiran perundangan negara Malaysia seharusnya berteraskan undang-undang asal negeri-negeri di Tanah Melayu atau disebut sebagai jurisprudens watan. Namun kini apa yang berlaku ialah keputusan-keputusan mahkamah sivil yang tidak merujuk

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

kepada Doktrin Struktur Asas (BSD) perundangan negara yang berlatar belakang jurisprudens watan. Malah sesetengah penghakiman merujuk kepada Doktrin Struktur Asas (BSD) dari negara India, seperti dalam kes *Indra Gandhi A,. P. Mutho* lawan *Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & dll* (2018). Mahkamah Persekutuan telah menerima pakai Doktrin Struktur Asas perlembagaan yang diputuskan dalam kes *Kesavananda Bharti vs State of Kerala AIR 1973 SC 1461*. Keputusan kes *Indra Gandhi A,. P. Mutho* lawan *Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & dan lain-lain* telah dikritik hebat kerana menerima pakai Doktrin Struktur Asas (BSD) perlembagaan ciptaan Mahkamah Agung India. Doktrin Struktur Asas (BSD) ini juga pernah ditolak oleh dua keputusan mahkamah tertinggi negara terdahulu kerana prinsipnya bercanggah dengan Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan dan melampaui bidang kuasa mahkamah (Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, 2021).

Campur tangan mahkamah sivil telah membatalkan keputusan mahkamah syariah negeri-negeri dengan merujuk kepada beberapa keputusan kes (*precedent case*) mahkamah negara luar, terutamanya daripada Mahkamah Agong India. Dalam kes M. Indra Gandhi, keputusan mahkamah Sivil yang telah membatalkan pengislaman tiga orang anak guru tadika yang dibuat di Jabatan Agama Islam Perak 10 tahun dahulu dan tidak sah di sisi undang-undang. Mahkamah Sivil memutuskan bahawa persetujuan kedua-dua ibu bapa diperlukan bagi kes penukaran agama anak sebelum Sijil Perakuan Memeluk Islam dikeluarkan oleh pendaftar muallaf. Mahkamah Sivil memutuskan bahawa sijil perakuan yang dikeluarkan tanpa persetujuan perayu melanggar Perkara 12 (4) Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 5 dan 11 Akta Penjagaan kanak-Kanak 1961(GIA) menyebabkan sijil tersebut tidak sah (Irwan Shafrizan Ismail, 2018).

Manakala kes pada tahun 2014 apabila Mahkamah Rayuan Sivil menerima rayuan Muhamad Julaizi dan rakan-rakannya yang disabitkan kesalahan kecelaruan

jantina atau pondan. Keputusan berdasarkan Seksyen 66 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan dikatakan ultra vires (melebihi kuasa) Perlembagaan Persekutuan dan tidak sah kerana tidak mengambil kira penyakit yang dihadapi oleh perayu yang mengidap *Gender Identity Disoder* (GID) atau kecelaruan identiti dalam menentukan gender mereka. Mahkamah Rayuan Sivil telah mengguna pakai keputusan Mahkamah Tinggi India berkenaan dengan transgender menurut *Article 19 (1)(a) and Transgender dalam kes National Legal Authority V Union of India & Others, Writ Petition (civil) no 400 of 2012*. Ia merujuk kepada setiap individu diberikan hak untuk bebas bersuara dan melahirkan rasa yang merangkumi hak untuk mengekspresi jantina sendiri (Abdul Hamid Mohamad, 2014).

Kes-kes di atas membuktikan campur tangan Mahkamah Sivil dalam urusan Mahkamah Syariah menggunakan kuasa Perlembagaan Persekutuan dengan merujuk kes-kes dari negara India. Perkara ini telah mengenepikan nilai-nilai perundangan dan sejarah tanah air yang berteraskan Islam sejak dahulu. Kajian ini melihat fenomena ini akan berterusan dengan pihak-pihak tertentu terus mencabar apa jua keputusan mahkamah syariah yang disifatkan sebagai bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan di Mahkamah Sivil. Antara kes yang berjaya mencabar dan membatalkan keputusan mahkamah syariah ialah Nik Elin Zurina bt. Nik Abdul Rashid dan anaknya Tengku Yasmin Nastasha binti Tengku Abdul Rahman yang membuat permohonan mencabar 20 peruntukan dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 Kelantan. Mahkamah Persekutuan memutuskan 16 peruntukan enakmen itu tidak sah dan batal kerana intipati peruntukan-peruntukan tersebut adalah di bawah Senarai Persekutuan dan kuasa parlimen.

Situasi ini juga akan terus berlaku bagi mana-mana peruntukan dalam enakmen kanun jenayah syariah negeri-negeri termasuk KJS II (1993) 2015 Kelantan yang

dianggap bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Juga timbul persoalan apakah pihak-pihak tertentu akan mencabar kewujudan Mahkamah Syariah dan Perkara 121 (1A) dilihat bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan?

4.3 Isu Politik dalam Pelaksanaan KJS II (1993) 2015

Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 tidak dapat terlepas daripada pengaruh dan tekanan politik. Kejayaan Kerajaan Negeri Kelantan mengubal dan meluluskan KJS II (1993) 2015 juga adalah kerana pengaruh dan kuasa politik. Isu politik adalah merupakan isu besar dan penentu kepada keberhasilan untuk pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Dalam hal ini, isu politik adalah isu besar yang perlu diselesaikan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Kerajaan Persekutuan tidak menyokong malah mengugut untuk mengambil tindakan sekiranya undang-undang ini dilaksanakan di Kelantan (Mahathir Mohamad, 1994).

Malah dalam suatu Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan Parti Gerakan yang ke 10 pada 29 September 2001, Tun Mahathir Mohamad menyatakan bahawa Malaysia adalah merupakan sebuah negara Islam, ini berdasarkan pandangan para ulamak yang menjelaskan mengenai sifat sebuah negara Islam, jika Malaysia bukan sebuah negara Islam kerana tidak melaksanakan hudud, maka tidak ada negara Islam di dunia ini (Mahathir Mohamad, 2001). Begitu juga penentangan Kerajaan Persekutuan terhadap Kelantan telah terbukti dengan surat yang telah dihantar oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad kepada YAB Menteri Besar Kelantan ekoran surat permohonan yang dihantar oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan KJS II (1993) (Mohd Azhar Abdullah, 2017). Kajian mendapati pertembungan ini merupakan isu lama sewaktu era pemerintahan Tun Dr. Mahathir bin Mohammed sebagai Perdana Menteri Malaysia ke 4 dan ketika Kelantan di bawah YAB Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, sebagai Menteri Besar Kelantan. Begitu juga sewaktu Dato' Seri Mohd Najib

bin Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri beliau turut menegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak akan melaksanakan Undang-undang Hudud di Malaysia walaupun hukum tersebut adalah hukum Allah, pelaksanaanya hendaklah berasaskan realiti semasa (Najib Abdul Razak, 2011).

Namun begitu pada akhir era pemerintahan Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia dan Dato' Ahmad Yaakob sebagai Menteri Besar Kelantan, berlaku perubahan lanskap politik tanahair apabila kerajaan Persekutuan membuka sedikit ruang kepada kerajaan negeri Kelantan (PAS) membawa hasrat ini ke parlimen melalui rang undang-undang persendirian. Walaupun terpaksa menempuh cabaran dan halangan berliku untuk merealisasikan hasrat tersebut, PAS secara tidak langsung dapat memberikan sedikit 'tekanan' kepada kerajaan Persekutuan apabila menjadi sebahagian kerajaan yang memerintah di peringkat Persekutuan setelah kejatuhan kerajaan Pakatan Harapan.

Pengaruh dan peranan politik turut memainkan peranan penting yang menyebabkan masyarakat berminat untuk mengetahui dan membahaskan persoalan mengenai hudud dan undang-undang Islam di Malaysia. Ahli-ahli parti politik bertegas dengan pendirian masing-masing sama ada bersetuju ataupun tidak terhadap pelaksanaan KJS II (1993) 2015. PAS dalam perjuangan politiknya tidak pernah goyah untuk melaksanakan undang-undang Islam di Malaysia. Penglibatan PAS dalam pilihanraya merupakan langkah terbaik bagi meraih kuasa politik bagi tujuan tersebut. Pendekatan ini bersesuaian dan apatah lagi ajaran Islam tidak dapat dilaksana dan diamalkan dengan meluas tanpa kewujudan negara dan kuasa politik (Abu 'ala al-Maududi, 2005).

Penyertaan PAS dalam arus politik perdana menimbulkan pelbagai istilah antaranya "Politik Islam" atau "Islam Politik" dalam negara. Persepsi masyarakat

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

mengenai pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah di Malaysia juga banyak dipengaruhi oleh sentimen dan kenyataan ahli-ahli politik. Hasrat untuk pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah di Kelantan khususnya dan Malaysia amnya telah mengundang perbahasan politik dan juga akademi tentang status negara sekular atau Islam. Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi negara tetapi tidak jelas tentang undang-undang Islam ialah undang-undang negara dan undang-undang bagi negeri-negeri. Justeru, isu perundangan ini sentiasa hangat dibicarakan oleh banyak pihak terutamanya parti-parti politik. Perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan mencatatkan bahawa undang-undang negara seperti berikut:

> *"Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan"*

Kajian ini mendapati isu pelaksanaan KJS II (1993) 2015 yang banyak mengundang perdebatan dalam kalangan masyarakat sering kali tersasar daripada realiti perundangan dan hakikat sebenar undang-undang jenayah Islam. Terdapat juga pandangan dan pendapat bersifat emosional dan kecenderungan parti politik masing-masing. Secara umumnya boleh dikatakan rakyat Malaysia menganggap bahawa hudud merupakan satu jenama yang dimiliki oleh satu parti iaitu PAS.

4.4 Agensi-Agensi Terlibat Dalam Pelaksanaan KJS II (1993) 2015

Agenda KJS II (1993) 2015 tidak dapat dipisahkan dengan aspek pengurusan dan persediaan pihak yang ingin melaksanakannya. Merealisasikan hasrat ini bukanlah suatu perkara yang mudah malah banyak halangan yang perlu ditempuhi. Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan akan melibatkan beberapa jabatan dan agensi sama ada di bawah Kerajaan Negeri Kelantan atau di bawah Kerajaan Persekutuan. Isu kesediaan agensi-agensi yang terlibat wajar menjadi keutamaan dalam pelaksanaan KJS II (1993)

2015. Berdasarkan penelitian yang dibuat, penyelidik mendapati antara aspek yang penting ialah keupayaan pegawai penyiasat, pendakwa syarie, anggota penguatkuasa syariah dan hakim-hakim syarie dalam hal ehwal tangkapan, siasatan, dakwaan dan pembicaraan kes KJS II (1993) 2015. Realitinya pengalaman dan apa yang berlaku hanya melibatkan kes jenayah seperti khalwat, minuman memabukkan, judi, perbuatan tidak sopan, bersubahat, tidak berpuasa dan lain-lain. Namun apabila KJS II (1993) 2015 dilaksanakan, mereka perlu menangani kes-kes yang lebih rumit dan berat termasuk jenayah yang menyebabkan kematian, kecederaan dan seumpamanya.

Hakim-hakim syariah yang berkhidmat ketika ini tidak membicarakan kes-kes sebagaimana terkandung dalam KJS II (1993) 2015 dan memerlukan pelantikan hakim baharu. Ini menimbulkan persoalan apakah hakim-hakim baharu yang akan dilantik terdiri daripada mereka yang berpengalaman daripada latar belakang kelulusan syariah atau yang berpengalaman daripada Mahkamah Sivil. Situasi ini menjadi cabaran besar dalam mewujudkan sistem kehakiman yang kompeten dan efisyen bagi menguruskan perbicaraan kes KJS II (1993) 2015? Malah menurut IN8 dan IN18 pernah berlaku isu penggantian Ketua Hakim Syarie di Kelantan selepas kematian YAA Dato'Haji Daud Mohammad pada tahun 2019 yang berlanjutan sehingga tiga tahun. Timbul persoalan adakah tiada atau sukar mencari calon yang layak bagi mengisi jawatan tersebut di Kelantan? Kelewatan melantik Ketua Hakim Syarie ini telah menimbulkan kerumitan dalam pentadbiran kehakiman syariah pada ketika itu apabila para peguam syarie tidak dapat berperanan kerana tauliah pelantikan mereka tidak dapat diperbaharui. Tauliah pembaharuan dan pelantikan peguam syarie hanya boleh ditandatangani oleh Ketua Hakim Syarie Kelantan sahaja sebagaimana termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 Kelantan. Seksyen 18 (3) Rentetan daripada keadaan tersebut akhirnya Ketua Hakim Syarie baharu dilantik iaitu Dato' Abu Bakar Kutty bin Abdullah

pada tahun 2022. Walau bagaimanapun pelantikan ini adalah secara kontrak bagi tempoh tiga bulan ke tiga bulan bertujuan untuk menjalankan tugas-tugas pentadbiran di Mahkamah Syariah Kelantan yang sekian lama tertangguh.

Pengurusan dan persediaan terhadap pelaksanaan KJS II (1993) 2015 turut melibatkan beberapa jabatan atau agensi berkaitan seperti Jabatan Pendakwaan Syariah, Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK), Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan (JKSK), Kementerian Kesihatan Malaysia (Hospital), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Penjara Malaysia.

4.4.1 Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan

Pada peringkat awalnya Bahagian Pendakwaan Syariah merupakan satu entiti dalam Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) sehinggalah berlaku perubahan pada tahun 2015. Pada ketika itu Bahagian Pendakwaan Syariah dikeluarkan daripada JAHEAIK bertujuan untuk menjadikannya sebuah jabatan dengan nama Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan. Perubahan ini sejajar dengan hasrat dan persediaan kerajaan negeri untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 di samping menguatkuasakan enakmen baharu iaitu Kanun Jenayah Syariah (1) 2019[52] supaya lebih bebas dalam menentukan sebarang keputusan.

Kelantan merupakan negeri "pertama"[53] yang mengasingkan Bahagian Pendakwaaan Syariah daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Menurut IN10 pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) masih belum mengesahkan dan mengeluarkan

[52] Enakmen baharu yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan, hasil daripada pindaan dan semakan terhadap Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1985). Ia mengandungi beberapa peruntukan baharu, namun masih lagi berada di bawah bidang kuasa Jenayah Syariah seperti yang diperuntukkan dalam AKTA 355 (Bidang Kuasa Jenayah) 1984 pindaan 1965. Enakmen ini tidak berbeza dengan KJS II (1993) 2015.

[53] Timbul isu mengenai penyelarasan di peringkat JAKIM seperti isu *'pertama'* yang digunakan di Kelantan sahaja tanpa pengesahan rasmi di peringkat Persekutuan JAKIM dan JPA

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

waran penjawatan bagi Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan sehingga ke hari ini. Jabatan Pendakwaan Syariah ini diketuai oleh seorang Ketua Pendakwa /Pengarah Pendakwaan Syariah Kelantan (Gred L48), seorang Timbalan Pendakwa Syariah (S44) dan beberapa penolong pendakwa serta kakitangan sokongan. Pada hemat pengkaji kewujudan Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan secara terpisah ini menjadi strategi kerajaan negeri untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 namun 'tidak sah' di sisi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kerana masih belum mendapat kelulusan dan waran JPA sehingga 1 Januari 2024. Pengasingan ini sebenarnya berlaku hanya melalui keputusan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Kelantan (Minit Mesyuarat Exco Kelantan, 2015)[54]. Ketiadaan waran dan kelulusan perjawatan rasmi oleh JPA sebagaimana disebut oleh IN10 menunjukkan tindakan terburu-buru kerajaan negeri dalam membuat persiapan ke arah pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Hal ini juga telah menimbulkan kekeliruan di peringkat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan dibangkitkan dalam mesyuarat bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Islam) mengenai kedudukan Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan.

Dalam persiapan ke arah pelaksanaan KJS II (1993) 2015, IN10 juga mengatakan banyak perkara yang masih perlu dilakukan seperti pelaksanaan undang-undang substantif perlulah ada tatacara dan undang-undang keterangan dan berkait rapat dengan beberapa jabatan lain seperti Pejabat Penguatkuasa Agama Islam (JAHEAIK), Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan (JPSK), Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan (JKSK), Jabatan Penjara Malaysia (JPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan Kelantan (KKM), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan lain-lain. Beliau mengatakan:

[54] M.M.K KALI YANG Ke 17/2015 Pada: 19/ Ogos 2015. Di Bawah Kertas Persidangan (3) - Kertas Bilangan 17/2015/D 3 (3). Kertas Cadangan pengasingan Bahagian Pendakwaan Syariah untuk dinaik taraf kepada Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan -[SUK. D.200 (01) 758/2 (08)]

"Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan mungkin tidak menjadi masalah untuk melakukan pendakwaan terhadap kesalahan di bawah KJS II (1993) 2015. Namun, isu kesediaan Kerajaan Negeri Kelantan dari sudut undang-undang, sumber manusia, latihan dan kemudahan infrastruktur. Itu belum lagi pembabitan pelbagai agensi termasuk kerajaan Persekutuan seperti jabatan penjara, PDRM, Hospital dan lain-lain."

Selain itu, aspek ketidakcekapan dan kurang pendedahan dalam aspek pengurusan pendakwaan juga wujud sebagaimana disebut oleh IN18 yang juga Pengerusi Persatuan Peguam Syarie Kelantan (PPSK). Sering kali berlaku dalam kes tangkapan khalwat, minum arak, tidak berpuasa dan lain-lain apabila orang kena tuduh (OKT) tidak mengaku bersalah dan memohon untuk dibicarakan di mahkamah. Terdapat kes-kes yang telah ditolak dan dibuang kes oleh mahkamah bicara akibat kegagalan pihak pendakwa dalam perbicaraan tersebut. Kegagalan pihak pendakwa dalam perbicaraan tersebut adalah disebabkan perkara-perkara asas dalam kes-kes pendakwaan[55] seperti tidak dapat mengemukakan bahan bukti kepada mahkamah bicara. Hal ini berlaku kerana pihak penguatkuasaan dan pendakwaan mengambil mudah tanpa membuat persiapan rapi untuk menghadapi perbicaraan. Dikhuatiri apabila KJS II (1993) 2015 dilaksanakan kelak, sikap dan budaya seperti ini akan memberikan kesan buruk terhadap keadilan dan syiar Islam secara keseluruhannya.

IN9 merupakan seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu Kelantan menjelaskan kebiasaannya orang kena tuduh (OKT) akan mengaku bersalah bagi kes jenayah syariah seperti khalwat, judi, minum arak, mukadimah zina dan seumpamanya di mahkamah bicara. Pengakuan bersalah ini dibuat memandangkan mereka tidak mahu melanjutkan tempoh bicara kerana dikhuatiri tersebar dengan liputan media. Pada kebiasaannya orang kena tuduh (OKT) akan dijatuhkan hukuman

[55] Contoh Kes No: (03000-139-0001-2015) Antara *Jamal bin Juhai* dan *Jamil bin Sarakawi* (Perayu) LAWAN *Pendakwa Syarie Kelantan* (Responden).

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

oleh mahkamah dengan hukuman denda tidak melebihi RM 5,000.00 sahaja tanpa penjara. Sekiranya mahkamah menjatuhkan hukuman penjara, pada kebiasaannya orang kena tuduh (OKT) akan membuat rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah dan seterusnya di Mahkamah Rayuan Syariah. Sering kali berlaku sewaktu perbicaraan ialah pihak pendakwa tidak mempunyai keberanian untuk menghadapi peguam yang mewakili orang kena tuduh (OKT), apatah lagi sekiranya kes-kes jenayah di bawah KJS II (1993) 2015 yang melibatkan hukuman seperti potong tangan, sebatan sehingga seratus kali dan denda sehingga RM100,000.00. Kes seperti ini pastinya akan mendapat liputan media dengan lebih meluas dan orang kena tuduh (OKT) akan diwakili oleh peguam-peguam yang mempunyai reputasi dan disegani.

Menceritakan pengalaman pihak penguatkuasa sewaktu perbicaraan di mahkamah sebagai saksi kes, IN25 iaitu Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Penguatkuasa) menjelaskan bagaimana pendakwa syarie yang "menekan" dan "menyerang" saksi atau anggota penguatkuasa seolah-olah pendakwa syarie merupakan peguambela kepada orang kena tuduh (OKT). Keadaan ini menimbulkan kegelisahan dan ketakutan kepada saksi atau anggota penguatkuasa. Temu bual bersama IN26 Pembantu Penguatkuasa Agama juga mendapati pihak penguatkuasa tidak memberi penekanan tentang latihan atau kursus mengenai perbicaraan seperti "*moot court*"[56] atau "*moot trail*" kepada anggota penguatkuasa agama bagi menghadapi perbicaraan di mahkamah.

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian mendapati tahap kesediaan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan masih lemah dalam pelbagai aspek seperti perjawatan, kecekapan, pengalaman dan juga jalinan kerjasama di antara agensi yang terlibat. Justeru, IN32 menyatakan kerajaan negeri melalui Suruhanjaya Perkhidmatan

[56] *Moot Trail* terakhir dilakukan di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu pada tahun 2017.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Negeri (SPN) dan Pejabat Sumber Manusia (PSM) perlu memberikan perhatian bagi meningkatkan mutu pentadbiran dan kecekapan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan. Kerajaan negeri mesti memberikan perhatian kepada Jabatan Pendakwaan Syariah Kelantan sebagai bukti kesediaan dan kesungguhan dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Kompetensi dan kredibiliti pendakwa syarie perlu dipertingkatkan melalui latihan di Jabatan Peguam Negera dan sebagainya.

4.4.2 Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)

Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah (JAHEAIK) merupakan salah satu agensi yang penting dan bertanggungjawab dalam menangkap, menyiasat dan hadir perbicaraan di Mahkamah Syariah dalam kes-kes di bawah KJS (1985)[57]. Sejarah penubuhan Bahagian Penguatkusaan Syariah bermula pada 1hb. Disember 1950 dan diletakkan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dengan nama Pejabat Penyelia Agama atau Pencegah Maksiat. Pada 1hb. Januari 1980, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) telah ditubuhkan secara rasmi dengan tujuan untuk membantu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Penubuhan JAHEAIK ini telah menyebabkan pejabat pencegah maksiat diletakkan di bawah JAHEAIK dengan nama Pejabat Penyelia Ugama. Manakala di peringkat jajahan seluruh negeri Kelantan diletakkan di bawah Pejabat Qahdi Jajahan[58]. Pada tahun 1998 Pejabat Penyelia Ugama sekali lagi telah ditukar nama kepada Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah, sejajar dengan pentadbiran di peringkat

[57] KJS (1985) bukan KJS II (1993) 2015 @ Hudud. KJS (1985) merupakan enakmen lama yang sedang dikuatkuasakan sekarang

[58] Pejabat Qadhi Jajahan merupakan nama lama semenjak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan ditubuhkan. Sekarang Pejabat Qadhi Jajahan telah ditukar kepada Pejabat Agama Jajahan.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan juga jabatan agama Islam negeri (JAIN) seluruh Malaysia.

Struktur organisasi pentadbiran Bahagian Penguatkuasa Undang-undang Syariah (JAHEAIK) diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah (Gred S48), dibantu oleh seorang Penolong Pengarah Unit Operasi (S41/S44), seorang Penolong Pengarah Unit Pencegahan (S41/S44), seorang Penolong Pengarah Unit Siasatan (S41/S44) dan kakitangan sokongan yang lain. Manakala di peringkat pejabat agama jajahan seluruh negeri pula diketuai oleh seorang Pegawai Agama Jajahan (Gred S48) atau (Gred S44). Berdasarkan temu bual oleh penyelidik dengan beberapa informan iaitu, IN20, IN21 dan IN22 mereka menjelaskan kesulitan yang timbul akibat gred jawatan tersebut:

> *Kedudukan gred jawatan yang sama di antara Ketua Bahagian Penguatkuasaan Syariah di peringkat negeri dengan pegawai penguatkuasaan syariah di peringkat jajahan telah menimbulkan kesukaran dalam aspek pengarahan, pembahagian tugas dan heirarki pegawai.*

Dalam hal berkaitan, bilangan penguatkuasa syariah dan anggota Polis juga perlu dilihat seimbang. Kajian ini melalui dapatan temu bual mendapati jurang perbezaan yang ketara kerana bilangan penguatkuasa syariah di negeri Kelantan amat kecil berbanding bilangan anggota Polis. Menurut IN3 iaitu Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam apabila diajukan persoalan ini mengatakan:

> *"Anggota penguatkuasa kita tak cukup, kalu nok bbanding denge polis, demo tu ramai, kita ni tak dok ore, kalu di jajahe tu gat, 2,3 ore, nok wak kijo pun payah…pah kalu hudud buat, nok wak kijo guano, tok cukup ore nih...."*

Mengulas mengenai bilangan anggota penguatkuasa JAHEAIK, IN27 merupakan Pegawai Polis di Pejabat Kontijen IPK Kelantan turut menyatakan bilangan

anggota penguatkuasa JAHEAIK amat sedikit berbanding bilangan anggota polis. Beliau dengan reaksi sinis sambil ketawa mengatakan:

> *" ....Tak cukup sheikhhh,.. kalu bo 40, 50 ore.. nok jaga sebutir negeri Kelantan, mano cukup,.. anggota polis pun .. hok ada lo ni.. lebih kure ribu-ribu ni.. pun tak cukup lagi nok wak kijo.. apa lagi pencegah maksiat, dapat ko dua tiga ore jah sebutir jajahan tu, seluruh Kelantan…tak cukup.. tak cukupp.. parokkk lagu ni sheikh.. pah nok buat hudud lagu mano ni.. ore pun tak cukup.."*

Kenyataan di atas menggambarkan kerisauan tentang kemampuan untuk melaksana dan menguatkuasakan KJS II (1993) 2015 kerana bilangan anggota penguatkuasa syariah yang amat sedikit, malah bilangan anggota Polis pun dirasakan masih kurang dan tidak mencukupi. Jadual 4.2 dan 4.3 berikut menunjukkan perbezaan bilangan anggota terbabit.

Jadual 4. 3: Jumlah Anggota Penguatkuasa Undang-Undang Syariah Kelantan (JAHEAIK) Tahun 2022

BIL	FORMASI	PEGAWAI	ANGGOTA	JUMLAH
1	Ibu Pejabat (KB)	4	28	32
2	Kota Bharu	1	3	4
3	Pasir Mas	1	4	5
4	Gua Musang	1	4	5
5	Kuala Krai	1	5	6
6	Tumpat	1	3	4
7	Machang	1	4	5
8	Pasir Puteh	1	4	5
9	Bachok	1	4	5
10	Tanah Merah	1	3	4
11	Jeli	1	4	5
JUMLAH		**14**	**66**	**80**

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK)

Jadual 4. 4: Jumlah Anggota PDRM Kelantan Tahun 2017

BIL	FORMASI	PEGAWAI	ANGGOTA	JUMLAH
1	IPK	134	625	759
2	Kota Bharu	49	717	766
3	Pasir Mas	32	403	435
4	Gua Musang	25	203	228
5	Kuala Krai	20	217	237
6	Tumpat	25	272	297
7	Machang	20	189	209
8	Pasir Puteh	23	192	215
9	Bachok	17	196	213
10	Tanah Merah	19	263	282
11	Jeli	16	164	180
	JUMLAH	**380**	**3441**	**3821**

Sumber: Ibu pejabat Polis Kontinjen Negeri Kelantan (ACP Sukria bin Mokhtar)

Jadual di atas menunjukkan perbezaan bilangan anggota penguatkuasa syariah dengan anggota Polis yang amat ketara. Keadaan ini akan memberikan kesan yang besar dalam usaha kerajaan Kelantan membendung kesalahan-kesalahan di bawah KJS (1985) dan juga kesalahan-kesalahan di bawah KJS II (1993) 2015. Menurut IN3 walaupun hal ini disedari dan dibincang oleh pihak pengurusan sumber manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK), namun usaha untuk menambahkan anggota penguatkuasa syariah tidak begitu menampakkan hasil. Mengulas lanjut mengenai bilangan penguatkuasa syariah (JAHEAIK), IN28 iaitu Penolong Pengarah Operasi Bahagian Penguatkuasa menyatakan:

> *"Bilangan anggota penguatkuasa syariah di Kelantan adalah amat rendah kiranya dibandingkan dengan bilangan anggota PDRM di Kelantan, apatah lagi jika dipecahkan bilangan anggota mengikut jajahan dan daerah. Jumlah anggota PDRM yang seramai itu pun masih belum mampu untuk*

membendung kadar jenayah yang berlaku, inikan pula anggota penguatkuasaan Syariah yang amat kurang bilangannya".

"Kekurangan anggota penguatkuasaan syariah di Kelantan akan menjejaskan pelaksanaan KJS II (1993) 2015, ini kerana melibatkan kesaksian, prosedur tangkapan, siasatan, kepakaran dan lain-lain. Oleh itu Kerajaan Kelantan hendaklah menambahkan bilangan anggota penguatkuasa Syariah Kelantan, setanding dengan pihak PDRM…."

Justeru, pihak kerajaan negeri perlu bersedia untuk menambah bilangan anggota penguatkuasa kerana kekangan ini akan menjejaskan pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Dalam usaha untuk menangani isu kekurangan anggota penguatkuasa ini, IN3 mengatakan tentang cadangan tindakan jangka pendek dengan melantik para imam masjid mukim yang memiliki tauliah MAIK, penghulu, penggawa[59] di seluruh Kelantan untuk membantu pegawai penguatkuasa syariah bagi menahan dan menangkap orang yang disyaki melakukan kesalahan di bawah KJS II (1993) 2015. Komen beliau;

"Pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dalam proses untuk memberi kuasa dan tauliah menangkap kepada para imam, para penghulu, para penggawa, guru agama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sebagai anggota penguatkuasa (tambahan) yang mempunyai kad kuasa bagi menjalankan kerja-kerja membantu dan menahan orang-orang yang disyaki melakukan Jenayah di bawah KJS II (1993) 2015 bersama dengan anggota penguatkuasa JAHEAIK… dengan ini bilangan anggota penguatkuasa akan bertambah"

Walau bagaimanapun cadangan ini dirasakan tidak begitu berkesan dan tidak mampu menyelesaikan masalah. Pelantikan para imam, penggawa dan penghulu sebagai anggota penguatkuasaan syariah dikhuatiri akan mendatangkan masalah kerana mereka tidak mempunyai kepakaran untuk menjalankan kerja-kerja tangkapan, siasatan dan perbicaraan di mahkamah. Hal ini boleh mendatangkan kecacatan dan fitnah, malah mereka juga sering bertukar ganti dari semasa ke semasa. Sebahagian daripada mereka

[59] Penggawa juga dikenali di Kelantan sebagai Tok Gawo, iaitu penolong pegawai tadbir Gred NP29 ditempatkan di setiap pejabat tanah dan jajahan.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

juga dilantik atas platform politik seperti penghulu atau ketua kampung. IN19 merupakan seorang peguam apabila diajukan persoalan ini mengatakan:

> *"Cadangan ini dibimbangi tidak menepati kehendak dan maqasid syariah dalam pelaksanaan KJS II 1993 (2015) & Hudud, iaitu mencapai keadilan dan kemakmuran. Pelantikan ini adalah lebih bermotifkan kepada matlamat untuk meramaikan anggota penguatkuasa syariah tanpa melihat dari sudut kecekapan, kepakaran, pengetahuan. Umum mengetahui mereka ini tidak mempunyai pengalaman dan ilmu yang cukup sebagai penguatkuasa syariah, malah sesetengahnya telah berusia dan tidak mampu untuk melaksanakan tugas tersebut. Ini juga dilihat sebagai "helah" untuk menutup ruang-ruang dan kelemahan terhadap cabaran politik dan persoalan yang dikemukakan oleh awam dan pihak-pihak tertentu yang mempersoalkan persediaan Kerajaan Kelantan dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015".*

Bilangan anggota Polis di seluruh negeri pun menghadapi masalah untuk mengurus kes-kes yang dilaporkan, apatah lagi dengan bilangan anggota penguatkuasa syariah yang jauh lebih kecil berbanding dengan anggota PDRM. Persoalannya, apakah anggota penguatkuasa syariah mampu memikul tugas ini bagi melaksanakan KJS II (1993) 2015 yang memerlukan ketelitian dan kecekapan dalam pelaksanaannya. Hal yang sama diutarakan oleh IN29 merupakan Penolong Pengarah (Unit Siasatan Undang-undang Syariah JAHEAIK) berkaitan kekurangan anggota dengan berkata;

> *"Kemudahan dan bare-bare,… tak mencukupi..supo kete, air cond, bilik barang bukti, … anggota jate tak ramai, kalu bertukar dan berhenti gat…tak ganti dohh.. anggota tino lagi laa tak cukup.. KB pun tak cukup…soh ko jajehe, ore tino di jajehe tak dok langsung nah..... entah laaa… kalu kita kecek dan cerita keea..ore kata kita.. tak pandai nok urus.. nok urus guano.. kalu dang ore tak cukup gat..lemas tauu..benda ini boleh jejaskan kecekapan dan keselesaan anggota tau.. kita ni keno bertugas..shift. (24 Jam)"….sorry dehhh.. saya tino.. anak buah jate.. payah saya nok tubit sekali...haaa..haaa"*

Mengikut IN26 selain itu terdapat juga isu di Bahagian Penguatkuasa Syariah (JAHEAIK) tentang kekurangan pengawai penyiasat yang menyebabkan banyak kes tertunggak. Terdapat juga kakitangan berstatus kontrak dan sambilan yang

mendatangkan banyak masalah kerana mereka akan berhenti kerja apabila mendapat tawaran lain yang bertaraf tetap. Begitu juga isu jawatan kakitangan sebagai penolong pegawai atau pembantu pegawai yang tidak setimpal dengan kelulusan mereka yang lebih tinggi.

Selain itu, jika dirujuk mengenai status lokap tahanan di Bahagian Penguatkuasa Syariah (JAHEAIK) ternyata masih belum memenuhi piawaian pihak polis dan masih menunggu kelulusan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Berkaitan kelemahan di pihak Jabatan Pendakwaan Syarie Kelantan, IN5 iaitu Ketua Penolong Pengarah Penguatkuasa Undang-Undang Syariah JAHEAIK menjelaskan ketidakmampuan Jabatan Pendakwaan Syarie Kelantan untuk menguatkuasakan KJS II (1993) 2015 disebabkan kekurangan pengalaman dalam mengendalikan kes-kes berprofil tinggi.

Mengulas mengenai tahap persediaan ke arah pelaksanaan KJS II (1993) 2015, IN21 Pegawai Agama / Pegawai Penguatkuasaan Undang-undang Syariah Jajahan Tumpat Kelantan, melahirkan kerisauan terhadap persediaan pihak JAHEAIK ke arah pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Anggota penguatkuasa di peringkat jajahan Tumpat hanya seramai tiga orang sahaja, manakala jumlah penduduk jajahan Tumpat ialah 100,538.00 orang. Bilangan anggota penguatkuasa agama ini tidak mampu untuk melaksanakan tugas dengan berkesan.

Menurut IN20 Pegawai Agama / Pegawai Penguatkuasa Jajahan Bachok, jumlah anggota penguatkuasa agama Islam hanya seramai tiga orang, tidak mampu untuk menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah sedangkan penduduk di jajahan tersebut seramai 150,000.00 orang. Manakala IN22 Pegawai Agama / Pegawai Penguatkuasa jajahan Kuala Krai menjelaskan bilangan anggota penguatkuasa agama Islam juga seramai tiga orang dan tidak mencukupi dengan jumlah penduduk seramai

132,600.00 orang. Manakala IN30 merupakan Penolong Pegawai Tadbir Pejabat Tanah Jajahan Pasir Mas menyatakan, Jajahan Pasir Mas merupakan jajahan yang padat penduduknya selepas jajahan Kota Bharu juga hanya mempunyai seramai tiga anggota penguatkuasa sahaja, beliau menyatakan;

> *"Jumlah penduduk di jajahan Pasir Mas ialah 241,100.00, adalah tidak masuk akal, jika dinisbahkan bilangan penduduk dengan jumlah anggota penguatkuasa agama, malah Pasir Mas juga adalah jajahan yang agak panas kerana bersempadan dengan negara jiran Thailand. Terdapat juga kes-kes yang melibatkan warga Thailand,sama ada lelaki dan perempuan. Kekurangan anggota ini boleh juga membahayakan diri anggota yang bertugas..."*

Berikutan masalah kekurangan anggota penguatkuasa yang agak kritikal sama ada di peringkat negeri atau jajahan, YB Dato' Mohd Amar Abdullah[60], Timbalan Menteri Besar Kelantan telah mencadangkan supaya seluruh imam tua atau penolong pendaftar nikah, cerai dan rujuk lantikan MAIK, penghulu[61], penggawa dan guru-guru agama yang mempunyai tauliah mengajar daripada MAIK diberikan kuasa atau tauliah untuk menangkap orang yang disyaki (OYDS). Mengulas mengenai cadangan tersebut, IN4 iaitu Timbalan Pengarah Operasi (JAHEAIK) setelah merujuk kepada Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan mengatakan perkara tersebut perlu dikaji dengan teliti dari segi perundangan dan pentadbiran. Antara isu-isu yang akan berbangkit perihal kuasa dan tauliah untuk menangkap ini seperti ilmu atau kefahaman kerja, kepakaran, latihan, kerahsiaan, salah guna kuasa dan lain-lain.

Berdasarkan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Kelantan No. 8 Tahun 2002 ada memperuntukkan dalam Seksyen 20 (orang yang ditangkap oleh guru agama bertauliah, penggawa, penghulu atau pegawai masjid iaitu:

---

[60] Saranan ini telah diutarakan sewaktu Seminar Undang-Undang Syariah yang diadakan di Dewan Besar Balai Islam Lundang pada tahun 2015.

[61] Penghulu @ Tok Ngulu atau ketua kampung, lantikan politik (ahli PAS). Sekiranya bukan ahli PAS, tidak akan dilantik sebagai penghulu di bawah kerajaan negeri Kelantan.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

"Seseorang pegawai masjid, guru agama bertauliah, penggawa, penghulu yang membuat suatu penangkapan tanpa waran hendaklah tanpa kelengahan yang tak perlu menyerahkan orang yang ditangkap sedemikian kepada Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis yang terdekat atau, jika pegawai itu tidak ada, membawa orang itu ke balai polis yang terdekat, dan seseorang Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis hendaklah menangkap semula tiap-tiap orang yang ditangkap sedemikian"

Cadangan melantik pihak-pihak tersebut untuk diberi kuasa menahan pesalah atau yang disyaki adalah tidak sesuai, menurut IN13 tugas untuk menahan orang yang disyaki memerlukan kepakaran, kecekapan dan pengetahuan. Isu pelaksanaan KJS II (1993) 2015 merupakan isu besar yang akan membuka ruang kritikan dan tekanan daripada masyarakat dan pihak-pihak tertentu sekiranya terdapat banyak kelemahan dan kecacatan, KJS II (1993) 2015 suatu agenda besar dan bagus. Tapi sekiranya dilaksanakan dalam kerangka sempit akan menimbulkan masalah dan merosakkan kehebatan Islam itu sendiri. Jika ini berlaku ia akan mengambil masa yang terlalu lama untuk diperbaiki semula.

Dalam hal berkaitan, *Standard Operating Prosedure* (SOP) segi penguatkusaan melibatkan tatacara menahan pesalah, tahanan pesalah di lokap sementara, siasatan kes, pengendalian barang kes dan tatacara membawa pesalah ke penjara kadang-kadang tidak dipatuhi dengan sempurna, hal ini dinyatakan oleh IN26. Menurut IN26 juga umpamanya terdapat kes orang kena tahan (OKT) dikasari, soal siasat OKT wanita dilakukan oleh pegawai lelaki dan tidak ada persediaan untuk proses kesaksian untuk perbicaraan mahkamah. Malah pernah berlaku kes pesalah yang dijatuhkan hukuman oleh mahkaman syariah berjaya melepaskan diri apabila berjaya terjun keluar daripada kenderaan penguatkuasa agama yang hendak menghantarnya ke penjara. Perkara ini sedikit sebanyak menunjukkan kelemahan tatacara pengurusan Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Syariah (JAHEAIK). Manakala berkaitan dalam kes siasatan di bawah Kanun Jenayah Syariah (1984) wujud kekangan atau kelemahan seperti bilangan

pegawai siasatan seramai dua orang sahaja menyebabkan banyak fail siasatan tertunggak. Malah dari sudut kemudahan infrastruktur juga pernah berlaku situasi apabila pegawai yang sedang melakukan siasatan terpaksa menunggang motosikal sendiri daripada Kota Bharu ke Kuala Krai.

Merujuk isu kekurangan anggota penguatkuasa dan kemudahan infrastruktur ini IN21 Pegawai Penguatkuasa/ Pegawai Agama Jajahan Tumpat menjelaskan jumlah kenderaan bahagian penguatkuasa tidak mencukupi malah sering rosak dan tidak dapat digunakan menyebabkan kerumitan terhadap operasi pencegahan dan penangkapan. Kekangan ini menyebabkan pejabat agama jajahan seluruh Kelantan terpaksa memohon bantuan daripada jabatan-jabatan lain seperti polis, majlis daerah (PBT), MPKB, RELA dan lain-lain.

Tahap kecekapan dan kesediaan anggota penguatkuasa syariah juga masih pada peringkat tidak memuaskan. Mengikut IN10 iaitu Ketua Pendakwa/ Pengarah Jabatan Pendakwa Syarie Kelantan anggota penguatkuasa syariah yang menjadi saksi kes perbicaraan di mahkamah seringkali agak ketakutan dan kurang bersedia. Begitu juga dalam aspek pembuktian barang kes apabila sering kali pihak penguatkuasa gagal mengemukakan bahan bukti yang diperlukan. Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah (JAHEAIK) sehingga kajian ini dibuat masih belum mempunyai bilik simpanan barang kes atau barang bukti. Sekiranya diwujudkan bilik khusus untuk menyimpan barang kes, proses penyimpanan atau tatacara simpanan barang kes juga perlu dibuat dengan teliti[62].

Menurut IN8 iaitu Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi / Rayuan Syariah Kelantan kebanyakan berlaku kes jenayah syariah di bawah KJS (1985) ialah pesalah

[62] Barang rampasan dari tempat kejadian atau *"crime scene"* merupakan bahan bukti semasa perbicaraan seperti kondom, botol arak atau arak, daun terup, makanan (kes tidak puasa) dan lain-lain. Pengurusan barang kes untuk tujuan perbicaraan.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

membuat pengakuan bersalah terhadap pertuduhan dan membayar denda memandangkan kadarnya yang mampu dibayar. Ini bertujuan untuk mengelakkan kes berlarutan dan diketahui umum. Namun apabila KJS II (1993) 2015 dilaksanakan nanti, hukuman denda sehingga RM 100,000.00 sebat sehingga seratus kali, potong anggota badan, penjara dan lain-lain. Perkara ini pasti mendorong tertuduh untuk dibicarakan dan menggunakan khidmat peguam terbaik serta mendapat liputan media. Hal ini akan menimbulkan kekhuatiran dan ketakutan kepada anggota penguatkuasa undang-undang syariah dan pendakwa syarie.

Pelaksanaan dan pentadbiran bagi kes-kes jenayah di bawah KJS (1985) masih lagi berdepan dengan pelbagai kelemahan dan perlu diperbaiki. Berdasarkan pengalaman mengendalikan kes-kes tersebut, IN9 merupakan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kelantan menyatakan antara cabaran ialah segi pengurusan kes, isu pemahaman undang-undang, keyakinan diri sebagai anggota penguatkuasa dan kemahiran komunikasi anggota penguatkuasa. Keadaan ini memerlukan usaha penambahbaikan melibatkan aspek latihan berkaitan kompetensi dan keyakinan diri anggota yang perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Berdasarkan semakan dokumen dan temu bual di Bahagian Pengurusan JAHEAIK, kajian ini juga mendapati isu anggota penguatkuasa wanita yang diperlukan apabila menguatkuasakan undang-undang berkaitan. Apa yang berlaku realitinya ketiadaan penempatan anggota penguatkuasa wanita di semua jajahan. Ini menimbulkan kesulitan apabila melibatkan tangkapan pesalah wanita merujuk kepada Seksyen 14, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (2002) ada dinyatakan secara jelas iaitu;

> *"Bila mana perlu untuk menyebabkan seseorang itu diperiksa, pemeriksaan itu hendaklah dibuat oleh seorang yang sama jantinanya dengan orang yang diperiksa itu dengan memberi perhatian tegas tentang kesopanan".*

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Antara langkah persediaan melaksanakan KJS II (1993) 2015 juga, kerajaan negeri telah memutuskan untuk menubuh sebuah galeri KJS II (1993) 2015 di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK). Antara matlamat penubuhan galeri tersebut ialah untuk menempatkan bahan-bahan pameran atau maklumat yang berkaitan dengan pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Penubuhan ini juga sebagai salah satu medium pendidikan kepada semua lapisan masyarakat termasuk bukan Islam. Galeri tersebut juga akan mengadakan demonstrasi pelaksanaan sebat syariah. Namun sehingga kajian ini dibaut cadangan tersebut masih belum terlaksana[63]. Situasi ini seolah-olah menggambarkan ketidaksediaan agensi yang terlibat dalam persiapan untuk pelaksanaan KJS II (1993) 2015.

Berdasarkan perbincangan pelbagai isu berkaitan, kajian ini mendapati masih banyak perkara yang belum selesai di peringkat Penguatkuasaan Undang-undang Syariah (JAHEAIK) dan perlu diberikan perhatian serius oleh pihak kerajaan negeri Kelantan dalam usaha memperkasakan agensi-agensi yang akan terlibat untuk menguatkuasakan KJS II (1993) 2015. Kelemahan dalam hal ini boleh menyebabkan kegagalan dan mengudang kritikan terhadap pelaksanaan undang-undang jenayah Islam. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan perlu membuat persediaan yang secukupnya atau berdepan dengan kegagalan dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015.

4.4.3 Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan (JKSK)

Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan (JKSK) merupakan sebuah jabatan yang penting dan perlu bersedia dalam usaha untuk merealisasikan pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Sewaktu Seminar KJS II (1993) 2015 di Kota Bharu, Abu Bakar bin Abdulah Kutty[64]

[63] Pembinaan Galeri Hudud ini telah dicatat dalam buku Hala Tuju Portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan melangkah ke hadapan (2018-2023).

[64] Abu Bakar Abdullah Kutty merupakan salah seorang panel jemputan di Seminar *Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 & Hudud* Anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan pada Tahun 2013 bertempat di salah sebuah hotel di Kota Bharu.

yang merupakan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah negeri ketika itu berkata;

> *"..Sekiranya Kerajaan Negeri Kelantan mengarahkan Mahkamah Syariah untuk melaksanakan KJS II (1993) & Hudud… hari ini kerajaan arah,..kelmarin mahkamah telah pun bersedia untuk laksanakan enakmen tersebut".*

Kenyataan tersebut jelas memberi gambaran tentang keyakinan beliau terhadap kemampuan Mahkamah Syariah Kelantan yang telah bersedia untuk pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Penyelidik yang turut hadir dalam majlis tersebut ingin mendapat penjelasan lanjut mengenai perkara ini dan telah menemu bual IN24 Ketua Hakim Syarie Kelantan. Beliau menyatakan bahawa;

> *"Mahkamah telah pun bersiap sedia sepenuhnya, sudah lama…., menunggu masa sahaja untuk dilaksanakan undang-undang yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri, telah bersiap sedia, bila-bila masa sahaja."*

Pihak Mahkamah Syariah Kelantan dilihat begitu yakin dan bersedia sepenuhnya untuk pelaksanaan KJS II (1993) 2015 pada bila-bila masa sahaja. Walau bagaimanapun kajian ini mendapati keadaan adalah sebaliknya dan perlu ditambah baik. IN8 Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan menjelaskan hakim mahkamah rendah syariah dan hakim mahkamah tinggi tidak mencukupi terutamanya di jajahan yang mempunyai penduduk padat dan kes yang banyak seperti Kota Bharu dan Pasir Mas. Selain itu jajahan yang agak terpencil seperti Kuala Krai dan Gua Musang perlu diwujudkan mahkamah tinggi syariah memandangkan semua kes berkaitan dibicarakan di Kota Bharu sahaja, tambahan pula di seluruh negeri Kelantan terdapat hanya seorang sahaja hakim mahkamah tinggi.

Presiden Persatuan Peguam Syarie Kelantan merupakan IN18, menyatakan

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

bahawa jumlah pembahagian kes untuk perbicaraan di hadapan hakim mahkamah tinggi syariah dilihat tidak seimbang. Seorang hakim mahkamah tinggi syariah terpaksa mengendalikan banyak kes, ini menyebabkan lambakan kes dan mengambil tempoh yang lama untuk diselesaikan. Beliau juga menyatakan bilangan pegawai sulh juga perlu ditambah kerana ketika ini nisbah adalah dua jajahan berkongsi seorang pegawai *sulh*, termasuklah kekurangan kakitangan sokongan sedia ada tidak mencukupi dengan nisbah kes yang kian bertambah. Infrastruktur mahkamah juga perlu ditingkatkan terutamanya keperluan terhadap bangunan sendiri di seluruh jajahan dan berasingan. Menurut IN11 pengasingan ini penting kerana Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan (JKSK), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan (JMK), Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan (JPSK) dan Pejabat Agama Jajahan (PAJ) merupakan entiti dan bidang tugas yang berbeza.

Menurut Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah, pelaksanaan KJS II (1993) 2015 juga memerlukan kepada penubuhan mahkamah khas syariah sebagaimana bagi membicarakan kes-kes di bawah KJS II (1993) 2015 iaitu Mahkamah Bicara Syariah Khas dan Mahkamah Rayuan Syariah Khas. Sejajar dengan penubuhan mahkamah hal ini juga menuntut kepada pelantikan Hakim Bicara Khas. Ketika kajian ini dibuat kedua-dua mahkamah dan hakim tersebut masih belum diwujudkan sedangkan ia perlu dipersiapkan sebelum KJS II (1993) 2015 dilaksanakan. Jika persiapan atau penubuhan mahkamah khas dan pelantikan hakim bicara khas dibuat terlebih dahulu akan membuktikan pihak kerajaan negeri serius dan dapat memberi keyakinan kepada banyak pihak. Dalam hal ini IN8 menjelaskan isu pelantikan hakim, kemudahan infrastruktur, kakitangan dan sebarang kemudahan sedia ada boleh diguna

pakai dan Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi atau Rayuan Syariah Kelantan akan bertanggungjawab sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Bicara Syariah Khas KJS II (1993) 2015 tersebut.

Secara rumusannya kajian mendapati kerajaan negeri wajar memberi tumpuan penuh ke arah penambahbaikan agens-agensi di bawah kuasa negeri yang terlibat dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Persiapan ini penting bagi kesediaan pelbagai aspek di samping memberi keyakinan masyarakat terhadap keupayaan kerajaan negeri mengalas tanggungjawab ini demi kedaulatan undang-undang Islam.

4.4.4 Kementerian Kesihatan Malaysia (Hospital)

Salah satu jabatan yang terlibat dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ialah hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Peranan pihak hospital dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ialah untuk melaksanakan hukuman yang telah diperintah oleh Mahkamah Bicara Khas Syariah (Seksyen 7) seperti hukuman potong tangan bagi kesalahan mencuri (*sariqah*). Pelaksanaan hukuman ini menurut pandangan ulama kontemporari boleh dilaksanakan oleh doktor pakar bedah dengan panduan dari segi kaedah *syarak* seperti kadar pemotongan dan sebagainya. Tugas melaksanakan potong tangan ini tidak semestinya menggunakan *algojo*[65] seperti mana amalan di Arab Saudi.

Pengerusi Jawatankuasa Teknikal KJS II (1993) 2015, Mohd. Amar Abdullah (2018) menyatakan bahawa kerajaan negeri telah bersedia dari sudut pelaksanaan hukuman tersebut. IN16 merupakan Pengarah Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan Pahang / mantan Timbalan Pengarah Hospital Kelantan sewaktu diajukan

[65] Algojo ialah orang yang dtugaskan untuk menjalankan hukuman mati kepada pesalah yang telah disabitkan hukuman mati. Algojo berasal daripada perkataan Portugis, iaitu "*algoz"*.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

persoalan ini mengatakan;

> *"Secara general opinion….so far, tak dok lagi, apa-apa arahan berkaitan hukuman itu, kita kena develop guideline dulu, satu lagi etika perubatan, kita tidak diberi kuasa untuk potong tangan, kita lebih kepada perubatan, untuk menjalankan hukuman berkaitan undang-undang, kita kena ada penurunan kuasa lain dulu. Pada mula awal dulu, pernah ada perbincangan mengenai hal ni, kita juga pernah berbincang pro and kon, kod etika ini, kita kena perhalusi dulu, lesen kita untuk perubatan bukan untuk potong tangan. Punca kuasa kena mari dari federal government, ini pelaksanana undang-undang, kita ni dari pelaksanaan perubatan, arahan pelaksanaan undang-undang ini, tidak sama dengan pelaksanaan arahan perubatan, kena ada punca kuasa lain dari pihak berwajib"*

Berdasarkan komen beliau menunjukkan bahawa pelaksanaan hukuman tersebut oleh pihak hospital memerlukan punca kuasa yang jelas, melibatkan persoalan etika, bidang tugas dan juga panduan yang rapi. Kajian ini mendapati belum ada apa-apa perbincangan dan persefahaman konkrit dalam aspek pelaksanaan di antara pihak kerajaan negeri dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara ini perlu diperhalusi terutamanya punca kuasa bidang perubatan dan kelulusan Kerajaan Persekutuan bagi membolehkan pelaksanaan hukuman ini dilaksanakan.

4.4.5 Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Menurut IN7 Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan pihak berkuasa keselamatan yang berada dalam Senarai 1 (Persekutuan), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Menurut Ketua Polis Negeri Kelantan, pihaknya ada menerima jemputan untuk menghadiri beberapa siri penerangan, mesyuarat dan seminar berkaitan pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ini namun lebih kepada sesi perkongsian hal-hal kepolisan berkaitan jenayah dan tatacara penguatkuasaan Kanun Keseksaan dalam bidang kuasa yang diperuntukkan. Pandangan beliau adalah jelas dari sudut perundangan yang melibatkan negeri dan persekutuan serta bidang kuasa PDRM itu

sendiri terhadap pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Pihak PDRM tidak mempunyai halangan untuk melaksanakan penguatkuasaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1985) semasa yang berkuatkuasa kerana enakmen tersebut diperakui dan sah di peringkat negeri mahu pun persekutuan. Namun pihak PDRM bersedia untuk menerima apa-apa arahan daripada pihak persekutuan jika diarahkan untuk menguatkuasakan KJS II (1993) 2015.

4.4.6 Jabatan Penjara Malaysia

Jabatan Penjara Kelantan merupakan sebuah agensi seperti mana PDRM yang tertakluk kepada bidang kuasa persekutuan. Dalam konteks KJS II (1993) 2015, Jabatan Penjara turut berperanan untuk melaksnakan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Bicara Syariah Khas. Pihak penjara melalui temu bual bersama IN17 Penolong Kanan Komisioner Pengarah Penjara Negeri juga memberi ulasan sama seperti yang diutarakan oleh pihak PDRM bahawa mereka tiada halangan untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 jika diberi arahan oleh pihak kerajaan persekutuan. Kajian ini juga mendapati tiada perbincangan di antara pihak kerajaan negeri dengan pihak penjara berhubung pelaksanaan hukuman penjara atau sebatan di bawah KJS II (1993) 2015.

4.5 Program Ke Arah Pelaksanaan KJS II (1993) 2015[66]

Kerajaan Negeri Kelantan telah melaksanakan pelbagai program sebagai persediaan ke arah merealisasikan KJS II (1993) 2015 melalui agensi tertentu seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan, Urus Setia Penerangan Negeri Kelantan, Dakwah Halaqat Negeri dan lain-lain dalam melaksanakan program pendidikan dan penerangan

[66] Sumber daripada Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (2018).

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

kepada masyarakat. Berikut adalah beberapa program yang telah dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan;

(1) Seminar Undang-Undang Syariah Peringkat Kebangsaan sempena sambutan Hari *Hududullah* Negeri Kelantan pertama kali diadakan pada 4 Oktober 2012 yang dihadiri seramai 600 peserta terdiri daripada badan perundangan, jabatan agama dan mufti termasuk institusi pengajian tinggi serta agensi penguatkuasaan. Program Sambutan Hari *Hududullah* ini telah menjadi program tahunan dan dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan.

(2) Majlis Pelancaran Promosi Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 dan Himpunan Belia Kelantan sempena Majlis Sambutan Hududullah pada 21 Oktober 2015 di Perkarangan Stadium Sultan Muhamad IV, Kota Bharu Kelantan. Peserta terdiri daripada belia-belia Kelantan, pegawai-pegawai kerajaan dan orang awam.

(3) Bengkel Teknikal Dalam Pelaksanaan Hudud: Pelaksanaan Undang- Undang Islam Di Brunei Darussalam Dan Acheh pada 11 Oktober 2015 bertempat di Dewan Bunga Teratai Kota Darul Naim Kelantan. Di antara kertas kerja yang dibentangkan ialah: *Pengaruh Institusi Raja Dan Peranan Agensi Agama Dalam Melestarikan Praktis Undang-Undang Syariah: Realiti Dan Keberkesanannya di Negara Brunei Darussalam* oleh Tuan Mohammad Yusree bin Haji Junaidi, Penolong Peguamcara Negara dan Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Peguam Negara Brunei Darussalam. *Maqasid al-Syariah Dalam Sistem Perundangan Rumpun Melayu* oleh Prof. Dr. Syahrizal bin Abbas, Pensyarah Universiti Islam Aceh dan sesi forum

bertajuk *Pelaksanaan Syariah Islam di Malaysia: Impian, Realiti dan Cabaran*.

(4) Seminar Penguatkuasaan Undang-undang Syariah Negeri Kelantan Dan Program Penyampaian Kad Kuasa pada 6 Oktober 2015 di Dewan Balai Islam Lundang Kota Bharu Kelantan. Antara kertas kerja yang dibentangkan ialah: *Kod Etika Penguatkuasa Syariah* oleh Pegawai Syariah Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan. *Persediaan Saksi Jenayah 8/2003* oleh Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (IPK) Negeri Kelantan, Ketua Penolong Pengarah Bhg. Penguatkuasaan Undang-undang Syariah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan, wakil peguam cara, peguam bela dan syarie. *Kes Jenayah* oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kelantan dan forum *Prosedur Tangkapan dan Pengeledahan Mengikut Enakmen Tatacara Jenayah 8/2003*.

(5) Program "BICARA AKTA 355 Bersama Pegawai Kerajaan Negeri Kelantan" pada 28 Ogos 2016 di Dewan Bunga Teratai SUK Kota Darul Naim. Perbincangan topik bertajuk *Taklimat Penerangan Akta 355* oleh peguam cara & peguam bela dan *Hal Ehwal RUU (Rang Undang- Undang 355)* oleh YB Ahli Parlimen Kota Bharu.

(6) "R" Bantu Sebar Penerangan RUU 355" (Pertubuhan Royalti Kelantan (R) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan mengadakan program untuk memberikan penerangan kepada orang ramai berkaitan Rang Undang-undang (RUU) Akta 355.

(7) Program Munajat Perdana Rakyat Kelantan Menyokong RUU 355 pada 16 September 2016 di Dataran Stadium Sultan Muhammad IV. Peserta terdiri

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

daripada pelbagai lapisan masyarakat dalam kalangan rakyat Kelantan. Program ini melibatkan ceramah oleh Presiden PAS dan wakil masyarakat non-Muslim.

(8) Program Berjalan NGO Sokong RUU 355 pada 16 September 2016 bertempat di Kota Sultan Ismail Petra dan Stadium Sultan Muhamad IV.

(9) Penerangan RUU 355 pada 26 Oktober 2016 di Kg. Gong Datok oleh Ahmad Jailani bin Abd. Ghani (Peguam bela, Peguam cara dan Peguam Syarie) / Ketua Lajnah Undang-Undang PAS Pulau Pinang/AJK Teknikal Undang-Undang Syariah Peringkat Persekutuan.

(10) Penjelasan & Dialog Berkenaan RUU 355 kepada Pemimpin & NGO Non-Muslim di Dewan Perniagaan Cina Kelantan pada bulan Ogos 2016 dihadiri oleh pemimpin dan penduduk Cina Kota Bharu.

(11) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan memperkenalkan "Modul Pengenalan Undang-Undang Jenayah Syariah" kepada peserta Kursus Pra Perkahwinan di seluruh jajahan.

(12) Muzakarah Penyediaan Kaedah-kaedah Hukuman Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 pada 19-21 Oktober 2014 bertempat di Kota Bharu Kelantan. Melibatkan penyertaan daripada pengamal undang-undang (Peguam), Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan, Hakim Mahkamah Syariah Kelantan, Pejabat Pendakwa Syarie Kelantan, Pensyarah Undang-undang Universiti di Malaysia dan individu yang pakar dalam undang-undang sivil dan syariah.

(13) Kerajaan Negeri Kelantan pada 18 Disember 2013 telah mengadakan lawatan Brunei yang terdiri daripada Menteri Besar, Pengarah Jabatan Hal Ehwal

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Agama Islam Negeri, Ketua Hakim Syarie, Ketua Dewan Ulamak PAS Negeri, Mufti Kerajaan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan wakil exco kerajaan negeri. Tujuan lawatan ini adalah untuk membuat tinjauan mengenai pelaksanaan hukum hudud.

(14) Penganjuran seminar Konsep dan Amalan Keadilan Restoratif dan Retributif di Mahkamah dan Sivil di Malaysia, sempena Hari Hududullah di Hotel Perdana pada tahun 2017.

(15) Taklimat KJS II (1993) 2015 di masjid seluruh Kelantan.

(16) Sesi soal jawab berkaitan KJS II (1993) 2015 dan diedarkan kepada masyarakat Kelantan.

(17) Menerbitkan artikal, penulisan, majalah dan lain-lain untuk tatapan masyarakat.

(18) Mengadakan penerangan, ceramah, seminar dan forum berkaitan KJS II (1993) 2015 di Dataran Ilmu, Pejabat PAS Kelantan sempena kulliyah mingguan secara berterusan.

(19) Mengadakan kerjasama pintar dengan agensi-agensi lain dalam melaksanakan penguatkuasaan KJS (1985) yang sedang berkuatkuasa sekarang. Ini merupakan sebahagian daripada program jangka panjang bagi mewujudkan jalinan kerjasama di masa akan datang. Antara agensi yang terlibat ialah, PDRM, RELA, PBT, JPJ, NGO, MAIK, KPDNHEP, JBS dan lain-lain. Manual Pelaksanaan Prinsip UMI (2020) Kerajaan Negeri Kelantan, melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam telah memperkenalkan Pelaksanaan UMI, iaitu *Ubudiyyah*, *Masuliyyah* dan *Itqan*. Ia merupakan program keagamaan yang dirangka bagi meningkatkan pengetahuan ilmu

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

dalam kalangan penjawat awam Negeri Kelantan. Program ini dilaksanakan setiap hari Khamis bermula pada 27 Januari 2017. Antara kitab yang digunakan ialah modul Fiqh Jinayah, Undang-undang Jenayah Islam untuk memberikan kefahaman berkaitan Undang-undang Jenayah Islam kepada penjawat awam Negeri Kelantan, terutamanya berkaitan KJS II (1993) 2015.

(20) Cadangan Pembentangan *Private Member Bill*/ - Rang Undang- Undang Persendirian (RUU 355).

Dalam menjayakan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015, YB Ahli Parlimen Marang, iaitu Presiden PAS telah membawa *Private Member Bill* ke parlimen bagi tujuan mencadangkan pindaan AKTA 355 untuk memperkasakan bidang kuasa mahkamah syariah. Pada 3 Mac 2017, parlimen telah menyenaraikan RUU 355 dalam aturan usul pada turutan ke 7 di persidangan Dewan Rakyat. Timbalan Menteri Hal Ehwal Islam. Meskipun KJS II (1993) 2015 masih belum dilaksanakan namun kerajaan negeri tetap meneruskan usaha bagi mengadakan program penerangan kepada masyarakat agar dapat memahami tentang undang- undang jenayah Islam.

4.6 Isu dan Persoalan berkaitan KJS II (1993) 2015 dalam Kalangan Masyarakat

Dalam membahaskan isu KJS II (1993) 2015 ini, terdapat pelbagai pandangan dan persoalan daripada masyarakat, penyelidik telah mengenalpasti beberapa isu dan persoalan yang berlegar dalam kalangan masyarakat, antaranya:

4.6.1 Benarkah Hukuman KJS II (1993) 2015 & Hudud Zalim?

Ada pihak sama ada dalam kalangan orang Islam sendiri mahu pun bukan Islam yang menganggap hukuman dalam KJS II (1993) adalah zalim dan kejam. Hukuman seperti

potong tangan, sebatan, rejam dan bunuh tidak mencerminkan kerahmatan dan kedamaian. Dr. Mahathir bin Mohammad mantan Perdana Menteri Malaysia berpandangan bahawa hukuman ini tidak adil terhadap orang Islam sedangkan orang bukan Islam terlepas[67]. Sesetengah pihak yang tidak bersetuju mengatakan hukuman ini ketinggalan zaman, bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, melanggar hak asasi, menimbulkan diskriminasi antara gender dan zalim. Penentangan dan prasangka ini lahir dalam kalangan umat Islam sendiri malah ada yang sampai ke tahap menghina dan mencela hukum hudud. Penentangan terhadap hudud ini sebenarnya berpunca daripada kefahaman terhadap sistem perundangan Islam yang tidak tepat. Justeru, boleh dikatakan bahawa proses islamisasi oleh kerajaan Malaysia untuk memberikan kefahaman kepada semua lapisan masyarakat mengenai undang-undang Islam tidak berjaya, sama ada orang Islam atau bukan Islam.

Proses islamisasi ini merujuk kepada proses memasukkan nilai-nilai Islam yang suci yang terdapat dalam ajaran Islam. Dalam konteks Malaysia, islamisasi diertikan sebagai proses menerapkan nilai-nilai Islam dalam segenap aspek yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia (Ahmad Fadhli Shaari, 2001). Penyelidik berpandangan, proses islamisasi juga termasuk dalam mengislamisasikan perundangan negara, bagi mengantikan undang-undang warisan penjajah dengan undang-undang Islam. Kerajaan perlu memperbanyakkan usaha untuk mengislamisasikan undang-undang komersial, undang-undang perniagaan dan menekankan supaya undang-undang negara yang tidak selari dengan hukum syarak disesuaikan dengan ajaran Islam dari masa ke semasa (Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim, 2016).

[67] Kenyataan Dr. Mahathir Mohammad ketika disoal oleh wartawan. Rujuk pautan laman sesawang https://youty.be/EmQAg5y15YM

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.6.2 Benarkah Hukuman Sebat Melanggar Hak Asasi Manusia?

Hukuman sebat dalam Islam bersifat mendidik sama ada kepada pesalah atau kepada masyarakat dan ia merupakan satu hukuman yang telah ditetapkan dalam perundangan Islam. Dalam perundangan Islam hukuman sebat terbahagi kepada dua. Pertama: Sebat dalam masalah hudud, iaitu seksaan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak dan perintah Allah. Kedua: Sebat dalam masalah takzir, iaitu denda yang bertujuan untuk memberikan pengajaran meliputi seksaan bagi kesalahan-kesalahan selain daripada keseksaan hudud, qisas, diyat dan kaffarah (Fitri Nizam, 2018).

Merujuk kepada sistem perundangan Islam di Malaysia, sebatan telah ditakrifkan sebagai pukulan dengan rotan oleh pegawai yang ditugaskan secara khusus oleh pihak berkuasa penjara[68]. Hukuman sebat telah diperuntukkan dalam semua Enakmen Tatacara Jenayah Syariah seluruh Malaysia. Manakala Kelantan dan Terengganu telah memperuntukkan kaedah hukuman sebat yang khusus termaktub dalam Kanun Jenayah Syariah (1985) Kelantan dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002.

Hukuman sebat di Malaysia boleh dilihat dalam kes Kartika Sari Dewi Shukarnor yang telah dijatuhi hukuman sebat sebanyak enam kali dan denda sebanyak RM 5,000.00 oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan atas kesalahan meminum arak di sebuah pusat peranginan di Cherating, Pahang pada 11 Julai 2008. Namun, hukuman sebat tersebut tidak dilaksanakan setelah mendapat 'pengampunan' daripada KDYMM Sultan Pahang yang menggantikan kerja khidmat kemasyarakatan di rumah kanak-

[68] Kaedah-Kaedah Hukuman Sebat (1987) Negeri Kelantan

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

kanak Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan selama tiga minggu mulai 2 April 2010 (https://www.malaysiakini.com)[69].

Islam telah mengariskan beberapa panduan dalam melaksanakan hukuman sebat terhadap pesalah. Ia bermula dengan alat sebatan yang digunakan mestilah bukan rotan yang basah supaya tidak melukakan dan rotan tersebut mestilah bukan rotan yang bercabang atau pecah. Alatan sebatan yang boleh digunakan ialah seperti kayu, rotan atau alat-alat yang lain yang sederhana di mana ia tidak terlalu keras dan terlaku lembut. Sekiranya ia bercabang atau pecah, sebatan itu tidak dikira sebagai satu sebatan, tetapi akan dikira mengikut bilangan cabang-cabang yang terdapat pada alatan sebatan tersebut.

Manakala cara sebatan pula penyebat mestilah hanya mengangkat siku dan tidak melukakan pesalah. Pesalah juga tidak boleh disebat di tempat yang sama berulang kali dan tidak juga disebat pada anggota penting dan sensitif seperti di bahagian kepala, muka atau kemaluan. Ini merupakan pendapat dan pandangan Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad. Manakala Imam Malik pula berpandangan, tempat yang boleh disebat hanyalah di bahagian belakang sahaja. Hukuman sebat juga mestilah dijalankan ke atas pesalah dalam keadaan cuaca sederhana dan tidak boleh dijalankan ketika cuaca terlalu panas atau pun terlalu sejuk. Aurat amat dititikberatkan ketika hukuman dijalankan. Hukuman sebat terhadap pesalah yang hamil perlu ditangguhkan sehingga kelahiran anak. Bagi pesalah yang menyusukan anak, hukuman sebat hendaklah ditangguhkan ke

[69] https://www.malaysiakini.com *"Sultan Pahang Arah Kartika Tak Disebat"* Kajian secara ilmiah tentang konsep pengampunan oleh pemerintah boleh dijalankan oleh pelbagai pihak, sama ada menepati hukum syarak ataupun tidak. Berlaku kerisauan dalam kalangan sebahagian masyarakat sebagaimana yang pernah dinyatakan oleh Mufti Perlis, iaitu Dr. Mohd Asri Bin Zainal Abidin. Ia tentang hukuman pilih kasih yang melibatkan golongan kayangan.

PHD THESIS

atasnya sehingga anaknya berhenti menyusu supaya tidak memudaratkan anaknya (Ibnu Qudamah, 1985).

Pada 9 Februari 2010, satu hukuman sebat dilaksanakan di negara ini dalam keadaan harmoni di Penjara Kajang. Tiga pesalah wanita disabitkan hukuman sebat sebanyak enam sebatan mengikut *Seksyen 23 (2) Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan (1997)* di atas kesalahan persetubuhan luar nikah oleh Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selain itu, terdapat empat pesalah lelaki turut menjalani enam kali sebatan pada hari berkenaan atas kesalahan yang sama. Wakil daripada Kementerian Dalam Negeri Malaysia turut hadir semasa pelaksanaan hukuman dibuat bersama 13 orang lagi antaranya Pengarah Jabatan Agama Wilayah dan wakil daripada Bahagian Syariah Jabatan Peguam Negara serta wakil daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (Hishammuddin Hussein, 2010).

Berdasarkan temu bual dengan tiga pesalah wanita itu, wanita tersebut menyatakan bahawa mereka insaf, reda dan bertaubat dengan hukuman yang diterima walaupun sebatan tersebut tidak mendatangkan kesan luka (Malaysiakini, 2010). Berikutan hukuman tersebut beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wanita membantah pelaksanaan hukuman sebat tersebut, walaupun ia mengikut Undang-undang Jenayah Syariah kerana dianggap melanggar hak asasi manusia terutamnya terhadap wanita. Golongan ini juga mendakwa hukuman tersebut bertentangan dengan Undang-Undang Sivil *Seksyen 289 Kanun Tatacara Jenayah* yang menghalang hukuman sebat dijalankan terhadap wanita. Kaedah pelaksanaan hukuman sebat mengikut Undang-Undang Syariah perlu dijelaskan kepada umum kerana ia amat berbeza dengan cara hukuman sebat yang dilaksanakan di bawah undang-undang Sivil (Jenayah). Kekeliruan ini timbul kerana masyarakat Islam dan bukan Islam masih kabur dengan kaedah pelaksanaan hukuman sebat mengikut Undang-undang Syariah.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Sekiranya diteliti secara mendalam, hukuman sebat secara Islam lebih bersifat kemanusiaan serta menepati tuntutan *human right*, pelaksanaannya juga menjaga adab, maruah dan kebajikan pesalah. Hukuman dalam Islam dilihat sebagai satu proses pendidikan kepada pesalah dan pencegahan kepada masyarakat awam untuk tidak melakukan kesalahan yang sama. Contohnya kenapa hukuman sebat mengikut Syariah lebih bersifat rasa kemanusiaan? Jawapannya, tatacara pelaksanaan hukuman sebat itu mestilah dengan kekuatan pukulan yang sederhana, tidak boleh mengangkat tangan melepasi kepala bagi memastikan kulit pesalah tidak tercabut (Ibnu Taimiyyah, (1992). Jika sebatan syariah dibandingkan dengan sebatan sivil, hukuman sebat sivil lebih ekstrem, kulit pesalah akan tercabut dan luka. Kadar hayunan rotan juga amat kuat berbanding dengan sebatan syariah. Pesalah akan terdedah aurat dan menampakkan punggung. Perbezaan antara undang-undang Islam dengan undang-undang jenayah sivil dilihat ketara. Undang-undang Jenayah Syariah tetap menjaga kebajikan dan keaiban pesalah walaupun mereka pesalah atau penjenayah (Luqman Tarmizi Bayan Li Nas, 2018)

Berita Harian pada 12 Ogos 2018 telah melaporkan, dua wanita dihukum RM3,300.00 dan enam kali sebatan kerana cuba melakukan hubungan seks di dalam sebuah kereta di Dataran Arena Squre, Dungun Terengganu. Hukuman itu dijalankan di bilik Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu dan ini adalah yang pertamakali berlaku di Malaysia membabitkan kesalahan seumpamanya dan disaksikan oleh lebih 100 orang termasuk pengamal media, keluarga dan peguam syarie. Mereka didakwa mengikut Seksyen 30 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 yang dibaca bersama Seksyen 59 (1) enakmen yang sama kerana *musāḥaqah*. Kedua-dua tertuduh telah diberikan peluang untuk membuat rayuan ke atas hukuman sebat tersebut dalam tempoh 14 hari. Namun, mereka tidak berbuat demikian sehinggalah tempoh

tamat (Zatul Iffah Zolkiply, 2018). Walaupun banyak menerima kritikan, Menteri Besar Terengganu menyatakan bahawa hukuman itu adalah untuk mendidik pesalah (Ahmad Samsuri Mokhtar, 2018).

Ada pihak yang mempertikaikan mengapa perlunya hukuman sebat dilaksanakan di khalayak ramai, Qadhi Jajahan Bachok Kelantan iaitu IN23, menjelaskan bahawa sebatan di khalayak ramai telah pun dilaksanakan pada zaman Rasullulah ﷺ dan ia bertujuan untuk menimbulkan rasa malu diri pesalah untuk tidak mengulangi perbuatan tersebut, juga menimbulkan rasa takut dan gerun kepada orang awam untuk tidak melakukan perbuatan tersebut.

Seorang peguam cara, peguam bela dan peguam syarie iaitu IN18, menjelaskan bahawa Mahkamah Sesyen di Ampang, Selangor pernah menjatuhkan hukuman rotan sebanyak 8 kali terhadap pesalah bawah umur bagi kes rogol, hukuman ini dijalankan di hadapan galeri awam pada Jun 2014. Hukuman tersebut dilakukan secara terbuka yang disaksikan oleh ibu bapa pesalah tersebut di bawah Seksyen 293(1)(c) (Kanun Tatacara Jenayah). Isu pelaksanaan sebatan Syariah dipertikaikan oleh sesetengah pihak, ini berlaku kerana masyarakat mendapat gambaran yang salah mengenai pelaksanaan hukuman tersebut.

Pada tanggapan mereka sebatan dalam Islam amat menyiksa dan menyakitkan, sebagaimana yang telah digambarkan hukuman sebat ke atas pasangan yang berzina dalam filem Semerah Padi. Gambaran pelaksanaan hukum sebat dalam filem tersebut didapati salah dan menyimpang daripada pelaksanaan hukuman sebat dalam undang-undang Islam yang sebenar. Jika dibandingkan hukuman sebat dalam Kanun Keseksaan, sebat dalam Kanun Keseksaan lebih menyakitkan pesalah berbanding

hukuman sebat dalam Undang-undang Jenayah Islam yang tidak bermatlamat menyiksa dan menyakitkan[70].

Mantan Ketua Polis Negara juga merupakan Presiden Pertubuhan Keprihatinan Jenayah Komuniti Malaysia (MCCC) menjelaskan, hukuman kepada pesalah boleh dilaksanakan dalam bentuk hukuman yang boleh memalukan pesalah sebagai pengajaran kepada orang awam, memalukan pesalah juga adalah merupakan satu bentuk pencegahan, hal ini bertepatan dengan matlamat undang-undang jenayah dalam Islam bagi kesalahan-kesalahan tertentu, penilaian semula terhadap hukuman-hukuman berkaitan termasuk dengan melihat kepada kaedah alternatif yang terdapat dalam undang-undang Islam merupakan satu langkah yang perlu (Musa Hassan, 2022).

Manakala mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) menjelaskan kerajaan sedang mengkaji hukuman alternatif bagi menggantikan hukuman sebat yang dilihat terlalu kejam. Beliau juga berpandangan bahawa kaedah sebatan mengikut undang-undang Islam dilihat sesuai untuk dijadikan sebagai kaedah hukuman alternatif (Wan Junaidi Tuanku Jaafar, 2022).

Berdasarkan apa yang dinyatakan oleh dua tokoh di atas, jelas menunjukkan bahawa undang-undang jenayah Islam sesuai dilaksanakan di Malaysia bagi menggantikan undang-undang jenayah sivil yang lebih keras berbanding dengan undang-undang syariah yang penuh dengan kelembutan dan boleh menimbulkan rasa gerun kepada masyarakat serta bersifat mendidik, sama ada kepada pesalah dan masyarakat.

4.6.3 Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 dalam Negara Berbilang Bangsa dan Agama

[70] Boleh rujuk tatacara sebatan Kanun Jenayah Syariah.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Persoalan yang timbul dalam kalangan masyarakat hari ini, wajarkah KJS II (1993) 2015 dilaksanakan di dalam negara yang berbilang bangsa, agama dan adat resam? Wajarkah juga undang-undang Islam dikenakan ke atas orang yang bukan Islam? Pada dasarnya orang bukan Islam tidak memahami undang-undang Islam dan maksud *maqāṣid shar'īyah* yang merangkumi pemuliharaan terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Krishnan Loganathan, 2010)

Sekiranya hudud dilaksanakan dalam sebuah negara yang keseluruhan penduduknya beragama Islam, ia mungkin tidak menjadi masalah. Ini kerana umat Islam sudah terbiasa dengan didikan berteraskan nilai-nilai Islam dan undang-undang Islam, ditambah lagi dengan suasana sekeliling, seperti pendidikan, budaya, adat istiadat banyak yang berteras dan berlandaskan Islam. Berbeza dengan sebuah negara yang mempunyai latar belakang yang berbilang kaum, budaya dan agama, pastinya akan ada pertikaian, perselisihan dan bangkangan daripada mereka yang bukan beragama Islam, sama ada secara terbuka atau tertutup untuk mereka menolak dan menentang hudud ini. Sebagaimana yang berlaku sebuah parti politik, iaitu Parti Tindakan Demokratik (DAP) yang secara jelas tidak bersetuju hudud itu dilaksanakan di Malaysia (Zulkifli Hasan, 2019).

Kajian mendapati isu kepelbagaian kaum tidak seharusnya dijadikan alasan. Pelaksanaan hudud ini terhad kepada orang Islam yang *mukallaf* sahaja, tidak termasuk orang bukan Islam kecuali orang bukan Islam memohon untuk diadili dengan undang-undang Islam. Hal ini dinyatakan dengan jelas dalam Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015. Justeru, tidak timbul isu mencabuli hak orang yang bukan Islam. Namun, bagi orang Islam mereka terikat dengan undang-undang Islam secara menyeluruh atas sifat keislaman mereka. Orang Islam tidak boleh membuat pilihan untuk tidak diadili dengan undang-undang Islam, walaupun mereka cuba mengistiharkan diri mereka bukan Islam

atau keluar Islam. Perbuatan orang Islam untuk keluar daripada agama Islam kerana tidak mahu dibicarakan mengikut undang-undang Islam pun dikira suatu kesalahan di bawah undang-undang Islam.

Agama Islam jelas memberikan jaminan hak semua kaum tanpa mengira agama dan bangsa, tiada diskriminasi kepada bukan Islam sekiranya ajaran Islam ini diamalkan secara keseluruhan dan sebaiknya. Penolakan daripada bukan Islam ini kerana salah faham orang bukan Islam terhadap kebaikan undang-undang Islam, hal ini mungkin kerana usaha-usaha penerangan berkaitan undang-undang Islam belum mencukupi kepada orang-orang bukan Islam.

4.6.4 Pendirian Pelbagai Pihak Terhadap Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan

Hasrat Kerajaan Kelantan untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 di Kelantan telah membuka mata banyak pihak di dalam negara Malaysia untuk mengenali dan mengkaji undang-undang jenayah Syariah. Ada pihak yang menyokong dan yang tidak menyokong, sama ada orang Islam atau pun bukan Islam. Keterujaan masyarakat daripada pelbagai lapisan untuk mengetahui tentang undang-undang jenayah Islam ini merupakan suatu perkara yang positif. Justeru, Kerajaan Kelantan, pertubuhan-pertubuhan Islam dan ahli-ahli akademik perlu mengambil peluang ini untuk menerangkan mengenai kecantikan undang-undang jenayah Islam. Di saat masyarakat begitu teruja ingin mengetahui tentang undang-undang jenayah Islam, penerangan dan pendidikan kepada masyarakat harus dilakukan secara berhemah.

Kajian ini mendapati usaha Kerajaan Kelantan untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 telah mendapat ‘tentangan’ daripada pelbagai pihak. Penentangan ini termasuklah dalam kalangan orang Islam sendiri, terdapat beberapa tindakan yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu sebagai ketandaan mereka tidak bersetuju terhadap

pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Sebagai contoh, seorang Peguam dan Mantan Menteri Undang-Undang Malaysia, iaitu Datuk Zaid bin Ibrahim[71] telah menyaman Kerajaan Kelantan bertujuan untuk menghalang hasrat kerajaan Kelantan daripada melaksanakan KJS II (1993). Beliau menjelaskan kerajaan Kelantan dan Terengganu tidak mempunyai kuasa perundangan untuk meluluskan apa-apa undang-undang jenayah. Oleh itu undang-undang jenayah yang diluluskan di Dewan Undangan Negeri Kelantan dan Terengganu adalah tidak sah. Tindakan menghalang Kerajaan Negeri Terengganu daripada membentangkan Rang Undang-undang Hudud pada persidangan Dewan Undangan Negeri mulai 7 Julai 2002 adalah bertujuan untuk memohon suatu peristiharan kerana khuatir kerajaan negeri bebas untuk mencabar kerajaan Persekutuan jika isu itu tidak diputuskan oleh mahkamah. Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu seolah-olah mencabar kerajaan pusat apabila meluluskan Kanun Jenayah Syariah pada tahun 1993. Sebarang undang-undang jenayah walau apa pun gelarannya, sepatutnya dibuat oleh parlimen seperti yang termaktub di bawah bidang kuasa Perlembagaan Persekutuan. Tindakan untuk menghalang kerajaan Terengganu daripada membentangkan Rang Undang-undang Hudud itu bertujuan untuk menjaga kebebasan asasi dirinya sebagai rakyat Malaysia di bawah Perlembagaan Persekutuan dan sebagai rakyat Kelantan, undang-undang yang di luluskan itu adalah tidak sempurna (Zaid Ibrahim, 2004).

Manakala Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak menjelaskan bahawa pindaan RUU 355 dilihat bercanggah dengan elemen keadilan untuk semua rakyat kerana ia bercanggah dengan semangat Perlembagaan Persekutuan. Perkara 8 (1) dan (2) menekankan kepada elemen keadilan kepada semua rakyat negara ini tanpa mengira agama, terutamanya membabitkan penguatkuasaan undang-undang. Rang Undang-

[71] Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu era Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Undang (RUU) Persendirian Pindaan Kuasa Mahkamah Syariah itu boleh ditolak kerana bercanggah dengan Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan (Mohamad Asfia Awang Nassar 2016). Apa yang dapat difahami daripada kenyataan ini ialah sesebuah negeri tidak mempunyai kuasa untuk menggubal dan meluluskan undang-undang jenayah. Hal ini demikian kerana kuasa penggubalan undang-undang jenayah adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan kecuali takat kuasa yang diperuntukkan. Sekiranya mana-mana negeri meluluskan apa-apa undang-undang yang melangkaui bidang kuasa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, maka ia tidak sah.

Terdapat usaha daripada sesetengah pihak untuk mencabar kesahihan KJS II (1993) 2015 Kelantan di mahkamah. Namun demikian, Mahkamah Persekutuan telah menolak permohonan tiga individu daripada Parti Gerakan, iaitu Tuan Mat Tuan Will, Soh Hoon Lee dan Chung Mon Sie untuk memulakan petisyen bagi mencabar kesahihan KJS II (1993) 2015 dan juga mencabar pelaksanaan enakmen tersebut di Kelantan (Siti Azielah Wahi, 2015). Hakim yang mengendalikan kes tersebut dalam penghakimannya menyatakan bahawa tidak ada alasan yang mencukupi untuk ketiga-tiga pemohon memulakan tindakan itu, serta mahkamah mendapati tiada sebarang perkara dalam enakmen itu yang boleh menjejaskan pemohon. Hakim tersebut juga menyatakan tiada kenyataan dalam mana-mana afidavit pemohon mengenai cara dan bagaimana undang-undang ini memberikan kesan dalam hak asasi pemohon. Undang-undang yang sedang dicabar pemohon hanya terpakai kepada orang Islam. Tiada suatu pernyataan dalam afidavit berkenaan menunjukkan pemohon beragama Islam dan akan tertakluk kepada undang-undang yang sedang dicabar (Hakim Zaharah Ibrahim, 2015).

PHD THESIS
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KJS II (1993)2015 merupakan undang-undang yang sah namun belum boleh dilaksanakan di Kelantan (Takiyuddin Hassan, 2015)[72].

Perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Islam, termasuklah undang-undang jenayah Islam sepatutnya berada di bawah bidang kuasa negeri, sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Namun, tafsiran Perlembagaan yang berbeza telah menimbulkan kekeliruan banyak pihak. Kajian ini juga mendapati kewujudan KJS II (1993) 2015 itu sendiri merupakan natijah daripada kepelbagaian tafsiran Perlembagaan yang dilakukan oleh banyak pihak. KJS II (1993) 2015 merupakan sebuah undang-undang yang sah dan telah memenuhi tatacara penggubalan undang-undang berdasarkan aturan badan perundangan negeri, sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri Kelantan. Namun, dalam kes Nik Elin Zurina Bt. Nik Abdul Rashid yang telah mencabar kompetensi Badan Perundangan Negeri Kelantan menggubal Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) 2015[73], antaranya terdapat 20 kesalahan yang dibuat dan diluluskan di Dewan Undangan Negeri Kelantan yang mana kesalahan tersebut telahpun diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa 16 kesalahan dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 Kelantan sebagai batal dan tidak sah kerana bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Rentetan daripada keputusan ini, penyelidik menjangkakan bahawa akan ada pihak-pihak yang akan mencabar KJS II (1993) 2015 di Mahkamah Sivil bagi mendapatkan suatu peristiharan yang mana KJS II (1993) 2015 didapati tidak sah kerana bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

[72] Peguam bela & Peguam cara / Setiausaha Agong PAS / Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang) Kerajaan Pakatan Nasional (PN)

[73] Enakmen ini merupakan enakmen baharu yang diluluskan bagi menggantikan EKJS 1985, Enakmen ini dicabar oleh Nik Elin Zurina Bt. Nik Abdul Rashid di Mahkamah Persekutuan. Nik Elin Zurina Bt. Nik Abdul Rashid & ANOR v. Kerajaan Negeri Kelantan [2024] 3 MLRA 1-https://www.elaw.my / Nik Elin Zurina & Tengku Yasmin Natasha Lwn Kerajaan Negeri Kelantan [2024] CLJU 232.

Jika ditelusuri sejarah pembentukan Kanun Jenayah Syariah (II) 1993, ketika PAS mula-mula memerintah Kelantan pada tahun 1990. Kerajaan Kelantan telah membentuk satu jawatankuasa untuk mengkaji dan menyediakan draf Undang- undang Kanun Jenayah Syariah atau Hudud. Antara ahli atau pakar yang terlibat dalam jawatankuasa tersebut ialah Tan Sri Prof. Ahmad bin Ibrahim (UIA), Dato' Paduka Prof. Dr. Mahmud Saedon bin Awang Othman (UIA), YAA Dato' Haji Daud bin Mohammad (Ketua Hakim Syarie Kelantan). Persoalan yang timbul di sini ialah, apakah tokoh-tokoh ini tidak arif dan tidak mengerti tentang tatacara pembentukan dan penggubalan undang-undang negeri dan kaitan dengan Perlembagaan Persekutuan? Malah seorang pakar Perlembagaan, iaitu Prof. Dr. Abdul Aziz bin Bari juga merupakan antara rujukan Kerajaan Negeri Kelantan berkaitan dengan Kanun Jenayah Syariah Kelantan pada suatu ketika dahulu. Penyelidik mengira penyertaan mereka dalam membantu dan memandu Kerajaan Negeri Kelantan untuk membentuk Kanun Jenayah Syariah merupakan suatu pengiktirafan bahawa Kanun Jenayah Syariah Kelantan itu tidak bertentangan dengan Perlembagaan Negara.

Bantahan pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ini melibatkan sama ada orang perseorangan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), parti-parti politik dan lain-lain. Sebuah parti politik yang bertunjangkan kaum cina, iaitu DAP secara jelas menyatakan pendirian mereka tentang hudud dan pendirian kepada Presiden PAS, iaitu Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang. Pada 23 Mac 2015, Jawatankuasa Tertinggi Pusat DAP telah dengan sebulat suara menetapkan bahawa; (Lim Guang Eng, 2015).

i. DAP menegaskan semula komitmen kepada Pakatan Rakyat sebagai gabungan pentadbiran yang mewakili aspirasi semua rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum, agama atau kepercayaan yang berhasrat untuk membina Malaysia Baharu berdasarkan nilai-nilai asas seperti kebebasan, keadilan,

demokrasi, integriti dan martabat manusia. DAP juga mengulangi pendirian bahawa semua parti komponen Pakatan Rakyat harus berpegang kepada semangat dasar bersama melalui muafakat yang berkisar pada amanah dan sifat saling menghormati dalam Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat.

ii. DAP menolak pelaksanaan Undang-undang Hudud kerana ia bercanggah dengan Perlembagaan. Tambahan pula, rakyat Malaysia yang menyokong PAS dalam Pilihan Raya Umum yang lalu tidak mengundi untuk pelaksanaan hudud tetapi untuk dasar bersama. Justeru, setiap Ahli Parlimen DAP akan menolak Rang Undang-undang Persendirian berkenaan dengan hudud yang dibentangkan oleh Presiden PAS Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang.

iii. DAP berasa kesal atas tindakan tidak jujur dan tidak bermaruah Presiden PAS, Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang yang bekerjasama dengan UMNO untuk melanggari semangat konsensus serta dasar bersama yang lantas meletakkan Pakatan Rakyat dalam bahaya, yakni:

(a) Pengkhianatan Hadi terhadap keputusan bersama yang dibuat dalam Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat atas pencalonan Datuk Seri Wan Azizah bin Wan Ismail sebagai calon tunggal Pakatan Rakyat untuk jawatan Menteri Besar Selangor, sehingga mengakibatkan krisis besar yang berlarutan dan hampir menjatuhkan Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor.

(b) Kegagalan Hadi untuk menepati kata-kata sendiri semasa Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat pada 8 Februari 2015, bahawa Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 akan dibincangkan pada Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat pada masa depan;

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

(c) Pembentangan Rang Undang-Undang Persendirian oleh Hadi pada 18 Mac 2016 tanpa terlebih dahulu membentangkan kepada Jawatankuasa Pusat PAS serta Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat.

(d) DAP tidak boleh bekerjasama dengan Presiden PAS seperti Hadi Awang yang tetap bertindak secara tidak jujur dan tidak bermaruah. DAP hilang kepercayaan dan keyakinan pada Hadi sebagai pemimpin Pakatan Rakyat dan akan memutuskan hubungan serta menghentikan kerjasama dengan beliau.

(e) UMNO telah menghasut PAS untuk melaksanakan Undang- undang Hudud di Kelantan pada 27 Mac 2014 semasa sidang parlimen dengan menjanjikan sokongan Kerajaan Persekutuan (Lim Guan Eng, 2015).

Pendirian DAP tidak bersetuju dengan sebarang pindaan undang-undang yang menyalahi Perlembagaan, ia tidak selari dengan perlembagaan dan tidak wajar dibentangkan. Walaupun undang-undang itu hanya untuk orang Islam, Negara tidak boleh mempunyai dua sistem undang-undang yang berbeza untuk rakyatnya, iaitu untuk orang Islam dan bukan Islam. Tindakan tidak bersetuju oleh DAP ini adalah berdasarkan prinsip untuk mempertahankan Perlembagaan, bukan kerana anti Islam dan anti undang-undang Islam (Lim Guan Eng, 2016).

Manakala Parti Keadilan, sebuah parti yang dianggotai oleh pelbagai kaum dan agama menyatakan bahawa ia terikat dan menghormati keputusan bersama mengenai pelaksanaan hudud yang dicapai dalam Pakatan Rakyat (PR) dalam tahun 2011 iaitu pelaksanaan hudud bukan agenda bersama Pakatan Rakyat. Namun, parti-parti Pakatan Rakyat menghormati pelaksanaan hudud telah menjadi dasar perjuangan PAS dan KJS

II (1992) diluluskan sebelum Pakatan Rakyat ditubuhkan. Justeru, mustahil untuk PAS menggugurkan perjuangan untuk menegakkan hukum hudud (Selangor Kini, 2015).

Parti Keadilan juga menjelaskan bahawa mereka tidak menolak ketetapan Allah SWT dalam enam kesalahan mengikut hudud seperti yang sering dipolitikkan. Parti Keadilan berpendapat yang penekanan perlu diberikan untuk meningkatkan kefahaman rakyat kepada matlamat undang-undang Islam dilaksanakan seperti yang dituntut dalam *Maqasid Syariah*. Justeru, Parti Keadilan mengambil pendirian yang berbeza mengenai keutamaan melaksanakan hukuman hudud seperti yang dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan dan mengarahkan wakil rakyatnya daripada Parti Keadilan tidak mengundi di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Pendirian Parti Keadilan ini dibuat oleh; YB Datuk Seri Dr. Wan Azizah bt. Wan Ismail (Presiden Keadilan) YAB Azmi bin Ali (Timbalan Presiden Keadilan), YB Nurul Izzah bt. Anwar (Naib Presiden Keadilan), YB Shamsul Iskandar bin Md. Akin (Naib Presiden Keadilan), YB Rafizi bin Ramli (Naib Presiden Keadilan/Setiausaha Agung), YB Zuraida bt. Kamaruddin (Ketua Wanita Keadilan), YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Ketua Angkatan Muda Keadilan) (Selangor Kini, 2015).

Kajian ini melihat Parti Keadilan secara halus dan lembut menzahirkan 'ketidaksetujuan' terhadap pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Namun, ketidaksetujuan itu tidak dizahirkan secara jelas, serta menggunakan bahasa yang berlapik dan halus bagi menolak persepsi masyarakat Islam bahawa mereka tidak bersetuju terhadap pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Parti Keadilan memberikan alasan bahawa keutamaannya ialah memperbetulkan ketidakadilan dalam kalangan masyarakat dan membela kebajikan rakyat. Ini merupakan suatu keutamaan yang lebih tinggi daripada melaksanakan undang-undang hudud kepada enam kesalahan dalam hudud mengikut kaedah *fiqh al Awlawiyyat*.

PHD THESIS

Parti Keadilan tidak begitu berminat untuk menyokong pelaksanaan hukum hudud di Kelantan atas alasan politik dan sokongan rakyat daripada pelbagai kaum, terutamanya *non-muslim*. Parti Keadilan menyedari sekiranya mereka menyokong hasrat Kerajaan Kelantan untuk melaksanakan KJS (II) 1993 di Kelantan, mereka barangkali akan kehilangan sokongan daripada non-muslim. Justeru, hujahan beralaskan kaedah *fiqh al-awlawiyyāt* bagi melunakkan penolakan tersebut digunakan. Manakala MCA, MIC dan GERAKAN, tiga parti utama yang mewakili kaum China dan India di negara ini tidak akan berkompromi jika BN, khususnya UMNO bekerjasama dengan PAS berkaitan usul rang undang-undang persendirian. MCA menyatakan bahawa MCA tidak akan berkompromi dalam perkara berkaitan pelaksanaan KJS II (1993), mereka akan melakukan tindakan yang sewajarnya untuk menolak pelaksanaan KJS (II) melalui kerangka BN. Malah, timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Wee Ka Siong berkata pimpinan parti itu bersedia melepaskan jawatan mereka sekiranya Undang-undang Hudud dilaksanakan di negara ini.

MCA menegaskan penentangan terhadap Rang Undang-undang itu tidak kena mengena dengan agama Islam. Sebaliknya, MCA menentang hudud kerana mahu mempertahankan sistem sekular dan pada masa yang sama mahu Malaysia menjadi negara Islam contoh kepada negara lain. Pengerusi Biro Undang-undang MCA, Tay Puay Chuan menyifatkan rang undang-undang persendirian yang dibawa oleh Abdul Hadi ialah sebagai taktik licik untuk pelaksanaan hudud melalui undang-undang Persekutuan dengan meningkatkan kuasa Mahkamah Syariah (Sarawak Voice, 2016).

Manakala Presiden MCA Chua Soi Lek menjelaskan kepimpinan MCA mesti mengambil tindakan dengan membawa semua komponen parti di dalam BN untuk bertemu dengan Perdana Menteri dan menentang pelaksanaan hudud di dalam sebuah negara yang berbilang kaum dan memastikan BN memahami pendirian orang China

(Chua Soi Lek, 2014). Presiden MCA ini juga menyatakan bahawa MCA menentang hudud versi PAS (Chua Soi Lek, 2012).

Presiden Gerakan, Datuk Mah Siew Keong turut menyatakan kesediaannya untuk meletakkan jawatan dalam kabinet, sekiranya RUU Hudud diluluskan. Presiden MIC, Datuk S. Subramaniam turut akan mengambil langkah yang sama dengan rakan-rakannya daripada MCA dan GERAKAN jika hudud dilaksanakan. Bagi Datuk S. Subramaniam, rang undang-undang itu akan mewujudkan dua sistem undang- undang jenayah yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan (Peraktoday.com.my, 2016).

Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBCHST) beranggapan bahawa pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) tidak berperlembagaan dan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan boleh menimbulkan suasana tidak harmoni dalam negara, semua pihak menjunjung tinggi titah Sultan Selangor agar rakyat Malaysia khususnya mereka yang bukan beragama Islam untuk menghormati dan tidak mencampuri urusan berkaitan hal ehwal agama Islam di Malaysia (Mohd Naim bin Mokhtar, 2024).

Umum mengetahui bahawa UMNO, sebagai parti yang ditunjangi orang melayu Islam, namun masih berbelah bahagi dan bermain tarik tali terhadap pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir bin Baharom (2015) menjelaskan melalui jawapan bertulis di Dewan Rakyat, Kerajaan Persekutuan sedia maklum berkenaan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan Undang-undang Jenayah Syariah. Oleh itu, sebelum hasrat berkenaan dapat dilaksanakan, peruntukan undang-undang sedia ada perlu diteliti bagi memastikan pelaksanaan undang-undang tersebut selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa (Haider Yutim, 2015).

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Dalam persidangan Dewan Undang Negeri Kelantan pada 18 Mac 2015, semua Ahli Dewan Undangan Negeri UMNO telah menyokong untuk meluluskan KJS II (1993) dan juga KJS II (1993) 2015 dengan sebulat suara. YB Md. Alwi bin Che Ahmad (2015) menjelaskan bahawa sokongan wakil rakyat UMNO terhadap pindaan yang mengandungi hukum hudud itu ikhlas dan bukannya kerana politik semata-mata. Ahli Dewan Undangan Negeri Ketereh itu menyatakan, sokongan terhadap hudud kerana Allah bukan kerana politik, kerajaan negeri Kelantan akan menghadapi tetangan hebat daripada banyak pihak. Justeru, semua pihak perlu bersama-sama untuk menghadapi sebarang rintangan (Nurul Ain Mohd Hussain, 2015).

Namun, apa yang berlaku dan dilihat UMNO (BN) seolah-olah bermain politik terhadap hasrat Kerajaan Negeri Kelantan (PAS) untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015. Beberapa kenyataan pemimpin UMNO sendiri dilihat tidak konsisten dalam isu pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Ahli Parlimen Ketereh menyatakan, sikap yang ditujukkan oleh PAS sedikit pelik kerana bertanya kepada BN berkaitan hudud yang merupakan seteru politik bertujuan untuk menyokong hudud, sedangkan PKR yang merupakan rakan sekutu PAS tidak bersetuju dalam isu pelaksanaan hudud ini, jika hal ini dibawa ke Parlimen dan semua pihak perlu bersetuju, BN akan mempertimbangkan hal ini kelak (Annuar Musa, 2013).

Mengulas tentang kesediaan UMNO untuk menyokong pelaksanaan KJS II (1993) 2015, Hanipa Maidin (2016)[74] menyatakan sikap UMNO (BN) yang menyuruh PAS membentangkan rang undang-undang persendirian, bagi memberikan ruang pelaksanaan hudud di Kelantan ibarat menyuruh PAS menggunakan jalan sempit dan

[74] Ahli Parlimen Sepang yang juga seorang peguam cara dan peguam bela. Beliau merupakan mantan peguam PAS dan mantan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang) sewaktu Pakatan Harapan sebagai kerajaan Persekutuan, iaitu pada pilihan Raya ke-14 selama lebih dua tahun.

berliku. Proses pembentangan rang undang-undang persendirian berliku-liku jalannya. Antaranya ialah perlu mendapat persetujuan menteri dan ia juga tidak boleh mengatasi urusan Kerajaan termasuk usul-usul lain. Prosedur terperinci boleh dilihat dalam Artikel 67 Perlembagaan Persekutuan dan Aturan 49, Peraturan Mesyuarat (*Standing Orders*).

Hanipa Maidin juga menjelaskan, sekiranya UMNO berhasrat untuk benar-benar membantu dan memberikan ruang kepada PAS untuk laksanakan KJS II (1993) 2015, kenapa UMNO sendiri tidak mahu membawa rang undang-undang kerajaan (*government's bill*) sepertimana rang undang-undang lain yang biasa dibentangkan di parlimen. Ia lebih mudah dan pasti akan berjaya kerana jika undang-undang dibawa oleh kerajaan kerana ia wajib disokong oleh semua parti komponen UMNO termasuk dari Sabah dan Sarawak. Maka, jika sekalipun DAP dan PKR dikatakan tidak menyokong, ia masih akan lulus. Sekiranya kerajaan yang kemukakan rang undang-undang di parlimen, meskipun semasa dalam perbahasan rakan sekutu UMNO mengkritik rang undang-undang itu, tapi mereka akhirnya masih mengundi rang undang-undang itu. Ini kerana jika mereka menolak rang undang-undang yang dibawa oleh kerajaan, ia akan menyebabkan berlakunya undi tidak percaya dan mungkin akan terbubar parlimen. Keadaan yang sama tidak akan berlaku bagi rang undang-undang persendirian, jika PAS yang bawa rang undang-undang persendirian. UMNO tidak perlu dan tidak wajib memastikan rakan-rakan sekutunya seperti MCA, Gerakan, MIC dan ahli-ahli parlimen BN Sabah dan Sarawak menyokong rang undang-undang yang PAS akan bawa tersebut (Hanipa Maidin, 2016).

Mengulas mengenai pelaksanaan KJS II (1993) 2015 dan juga mengenai kedudukan undang-undang Islam sedia ada di dalam negara, Timbalan Menteri Hal Ehwal Islam, menjelaskan bahawa Undang-undang Syariah di Negara ini sudah

merangkumi kira-kira 40 peratus aspek perundangan yang termaktub dalam hukum hudud. Sudah wujud beberapa perundangan yang menjurus ke arah hukum hudud. Namun, ketika ini Negara masih berada pada peringkat awal sebelum perundangan Islam itu dapat dilaksanakan sepenuhnya, pendidikan kepada orang awam, meningkatkan taraf mahkamah Syariah, memperkasakan bidangkuasa mahkamah Syariah dalam aspek hukuman bertujuan untuk mewujudkan suasana yang baik bagi melaksanakan hudud. Sekiranya dikhuatiri hudud tidak dapat memberi keadilan atas beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan adalah lebih baik tidak dilaksanakan lagi. Masyarakat perlu memahami konsep *wasattiyah* yang merangkumi erti keadilan dalam pelaksanaan hudud, masalah yang timbul adalah pelaksanaan hudud ini telah menjadi isu politik yang menyebabkan timbul ketakutan dalam kalangan orang bukan Islam terhadap hudud (Asyraf, 2016).

Kajian ini melihat persoalan memberikan kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat mengenai perundangan Islam sebagai langkah persediaan untuk pelaksanaan undang-undang jenayah Islam dilihat amat wajar. Namun begitu, persoalan yang timbul ialah sampai bila proses pendidikan akan dilaksanakan tanpa menetapkan tempoh masa yang jelas bagi proses pendidikan. Apakah selama-lamanya akan berterusan dan berteraskan pendidikan? Sebagai perbandingan dalam isu pelaksanaan Kanun Keseksaan. Apakah sebelum pelaksanaan satu-satu undang-undang di bawah Kanun Keseksaan dilaksanakan dalam negara kita, pihak berwajib melaksanakan konsep pendidikan terlebih dahulu tidak cukupkah pendidikan di peringkat universiti dan sekolah mengenai undang-undang Islam dan sivil itu sebagai asas untuk pelaksanaan undang-undang tersebut. Malah, di zaman teknologi IT ini tidak bolehkah pihak kerajaan mendidik melalui media masa, seperti kempen yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia "*Denggi Membawa Maut, Jaga Kebersihan*

Persekitaran". Persoalannya, apakah langkah-langkah atau program yang telah dan sedang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam mendidik masyarakat berkaitan Undang-undang Jenayah Islam, seperti kempen dalam media arus perdana, contohnya; "*Awas! Jauhi Zina*" atau "*Mencuri Hukumnya Potong Tangan*".

Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ini perlu dilihat dan diperhalusi dalam semua aspek, jika faktor kemampuan dan kekhuatiran tidak akan berlaku keadilan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, maka lebih elok ditangguhkan dahulu pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, tempoh masa perlu ditetapkan untuk pelaksanaan. Kalaupun pelaksanaannya tidak menyeluruh, ia perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Mengulas mengenai pindaan Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (*Bidang Kuasa Jenayah*) (*Pindaan*) beberapa pemimpin UMNO telah memberikan pandangan. Antaranya Timbalan Perdana Menteri Malaysia menyatakan bahawa tindakan PAS membawa usul pindaan AKTA 355 ini adalah untuk memperkasakan undang-undang Islam di Malaysia (Ahmad Zahid Hamidi, 2016). Manakala Ketua Penerangan UMNO Malaysia menjelaskan, UMNO bersedia untuk membuktikan pendirian UMNO apabila ada perkara yang membabitkan soal agama dan kepentingan rakyat, UMNO bersedia bekerjasama (Annuar Musa, 2016). UMNO sebagai parti utama Melayu, telah lama bertapak di Malaysia sebagai parti memerintah bersama komponen parti-parti lain. UMNO dilihat sebagai sebuah parti yang memperjuangkan kepentingan Melayu dengan slogan "Hidup Melayu" dan "Ketuanan Melayu". Konsep "Hidup Melayu" dan "Ketuanan Melayu" ini merupakan suatu ideologi politik yang diperkenalkan oleh UMNO untuk kepentingan bangsa Melayu Islam. Namun, apabila berkaitan dengan pelaksanaan hukum Islam atau hudud, UMNO dilihat mengambil sikap berhati-hati dan beralasan untuk menjayakan hasrat pelaksanaan undang-undang Islam tersebut.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.6.5 RUU 355 Bukan Ancaman Terhadap Hak Bukan Muslim

Orang bukan Islam tidak begitu berpuas hati terhadap usaha untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 di Kelantan, khasnya dan di Malaysia amnya. Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Strategik, Institut Penerangan dan Penyiaran Tun Abdul Razak, iaitu Datuk M. Periasamy (2017) menjelaskan pelaksanaan Perkara 121 (1A) (Perlembagaan Persekutuan) berkaitan kedudukan mahkamah syariah telah menimbulkan perasaan tidak puas hati warga bukan Islam, terutamanya kes yang membabitkan penukaran agama oleh kanak-kanak tanpa persetujuan ibu bapa, sekiranya seorang daripada ibu bapanya sudah memeluk agama Islam. Mereka beranggapan keputusan yang dibuat mahkamah syariah kononnya tidak adil malah bertentangan dengan beberapa perkara dalam Perlembagaan Persekutuan. Beliau juga menyatakan umumnya undang-undang perlu ditambah baik mengikut keperluan zaman, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi dan ledakan media sosial, apabila rakyat terdedah dengan pelbagai idea dan pembaharuan. Justeru, RUU 355 juga wajar mengikut keperluan peredaran zaman. Pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) yang mewakili non-muslim dan ahli akademik yang fasih perundangan perlu membantu menyampaikan penjelasan terhadap pindaan agar warga *non-muslim* yakin RUU 355 hanya membabitkan warga Islam dan tidak berkait pelaksanaan hudud. Warga bukan Islam harus yakin kerajaan tidak dipengaruhi mana-mana pihak untuk melaksanakan undang-undang yang akan mengancam kebebasan agama mereka yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan (M. Periasamy, 2017).

Penerimaan *non-muslim* terhadap Islam di Malaysia dilihat rendah berdasarkan pandangan-pandangan umum yang diberikan berkaitan dengan proses islamisasi di Malaysia. Non-muslim tidak begitu memahami mengenai undang-undang Islam yang sebenar. Hal ini mungkin akibat daripada salah faham mereka terhadap Islam (Abdul

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Rahman Mahmood, 2009). Penjelasan dan penerangan berkenaan Islam tidak banyak diberikan kepada *non-muslim*. Perkara yang sampai kepada mereka hanyalah secara umum seperti minum arak tidak dibolehkan dan daging babi haram kepada muslim. Terdapat juga sesetengah pihak yang terlalu hendak menjaga sensitiviti *non-muslim*, sehinggakan terlalu berhati-hati untuk berbicara mengenai Islam kepada *non-muslim*. Contohnya, perkataan babi seringkali ditukarkan kepada khinzir. Justeru, lama-kelamaan orang bukan Islam akan bertambah jauh daripada Islam (Khoo Kay Kim, 2008).

Sekiranya *non-muslim* benar-benar memahami Islam secara menyeluruh berdasarkan sumber yang tepat dan benar. Non-muslim boleh menerima hal-hal yang berkaitan Islam untuk kebaikan bersama. Sejarah membuktikan yang apabila umat Islam menguasai dunia, orang bukan Islam dijaga dan dilindungi oleh penguasa Islam. Namun, sejarah juga membuktikan bahawa apabila umat Islam menjadi minoriti, umat Islam akan ditindas dan dianiaya.

4.6.6 Tekanan Antarabangsa (Brunei)

Negara Brunei merupakan negara yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja secara mutlak. Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengumumkan undang-undang syariah akan dilaksanakan dalam tiga fasa. Fasa pertama yang akan dilaksanakan pada Mei 2014, umat Islam yang melakukan kesalahan hamil luar nikah, tidak solat Jumaat dan mempromosikan kepercayaan lain selain Islam boleh dikenakan denda atau penjara. Manakalan Fasa kedua dan ketiga undang-undang syariah itu membolehkan pesalah disebat atau direjam dengan batu sampai mati terhadap umat Islam yang melakukan kesalahan zina, liwat dan rogol serta kesalahan lain seperti minum arak dan mencuri.

Brunei menangguhkan pelaksanaan dua fasa terakhir berikutan bantahan masyarakat antarabangsa pada 2014. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyuarakan kebimbangannya terhadap pelaksanaan pindaan undang-undang jenayah negeri Brunei Darussalam. Ia termasuk hukuman rejam sampai mati terhadap penjenayah bersifat seksual termasuk mereka yang melakukan hubungan sejenis dan liwat. Menurut jurucakap bagi Pejabat Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Hak Asasi Manusia (OHCHR) Rupert Colville, penggunaan hukuman mati bagi pelbagai kesalahan merupakan satu tindakan yang melanggar undang-undang antarabangsa, mengikut undang-undang antarabangsa hukuman rejam sampai mati adalah suatu kezaliman yang tidak berperikemanusiaan dan ianya dilarang. Beberapa kajian dijalankan PBB menunjukkan wanita lebih cenderung dijatuhi hukuman rejam kerana diskriminasi yang bersifat stereotaip terhadap mereka, termasuk dikalangan penguatkuasa undang-undang dan pegawai- pegawai kehakiman (Azyyati Ahmad, 2014).

Brunei turut menetapkan hukuman mati untuk pelbagai kesalahan termasuk merompak, menghina atau memfitnah Nabi Muhammad ﷺ, menghina al-Quran dan hadis, kufur, mengisytihar diri seorang Nabi atau keluar agama Islam serta membunuh. Menurut pengasas pertubuhan hak asasi manusia The Brunei Project, iaitu Matthew Woolfe, Negara Brunei mahu melaksanakan kedua-duanya mulai 3 April 2014. Banyak pertubuhan bukan kerajaan dan hak asasi manusia membantah pelaksanaan undang-undang Syariah itu. Matthew Woolfe menjelaskan pertubuhan tersebut sedang berusaha untuk memberi tekanan kepada Kerajaan Brunei untuk tidak melaksanakan undang-undang Syariah tersebut. Matthew Woolfe juga mendesak kerajaan lain mengenakan tekanan diplomatik. Brunei merupakan bekas tanah jajahan British dan mempunyai 400,000 orang penduduk dengan 67 peratus beragama Islam. Pertubuhan Bangsa

Bangsa Bersatu (PBB) meminta negara Brunei menangguh hukuman rejam terhadap pengamal seks songsang. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga menyuarakan kebimbangannya terhadap pelaksanaan pindaan Undang-undang Jenayah Negara Brunei Darussalam yang akan dikuatkuasakan 22 April 2014 ini. Pelaksanaan hukuman perlu ditangguhkan, kerajaan Brunei perlu menjalankan satu kajian bagi memastikan ia bertepatan dengan piawaian antarabangsa (Azyyati Ahmad, 2014).

Mantan Ketua Hakim Negara Tun Abdul Hamid Mohamad (2014) menjelaskan bahawa ramai orang menyangka bahawa negara Brunei telah melaksanakan Undang-undang hudud. Pada hakikatnya negara Brunei masih belum menguatkuasakan bahagian Perintah Kanun Hukuman Syariah 2013 yang mengandungi hukuman hudud. Negara Brunei telah mewartakan undang-undang tersebut tapi tarikh berkuatkuasa belum ditetapkan. Maklumat paling akhir diterima daripada Penolong Peguamcara Negara Brunei pada 15 Disember 2014 juga mengesahkan bahawa bahagian hudud undang-undang itu belum dikuatkuasakan.

Isu berkaitan dengan KJS II (1993) 2015 ini mendapat perhatian mendalam banyak pihak yang berkepentingan, antaranya ialah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), sebagai pemegang taruh kepada hal ehwal Islam di Kelantan. Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan merupakan sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh para ulama yang dilantik oleh MAIK. Jawatankuasa ini bertanggungjawab berkaitan aspek hukum dan hal ehwal Islam di negeri Kelantan. Mufti Kerajaan Negeri merupakan pengerusi jawatankuasa ini dan beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa KJS II (1993) 2015 dan Ahli Jawatankuasa Cadangan Pindaan atau Penambahbaikan Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Negeri Kelantan tahun 2014. Mengikut pandangan Mufti Kelantan, KJS II (1993) 2015 dirujuk berdasarkan kitab-kitab fiqh yang ditulis oleh ulama muktabar dan

memenuhi ciri-ciri mujtahid. Beliau juga menyatakan penggubalan KJS II (1993) 2015 melibatkan hukuman kategori hudud dan takzir.

Pelaksanaan hukum hudud turut melibatkan aspek "الوسائل وسائل" seperti pelantikan hakim, penubuhan mahkamah untuk mendengar kes-kes hudud dan aspek siasatan syariah[75]. Walau bagaimanapun banyak aspek وسيلة tidak dimasukkan dalam Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 yang boleh membawa kepada kecacatan terhadap pelaksanaannya seperti prosedur tangkapan tidak lengkap dan sebagainya. KJS II (1993) 2015 telah digubal mengikut tatacara badan perundangan negeri (DUN) yang sah walaupun ia ada kelemahan. Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah mengesahkan ia adalah hukum hudud (Mohamad Shukri Mohamad, 2019). Berkaitan isu pelaksanaan hudud ini jika dirujuk dalam Al-Quran jelas menyebut kewajipan melaksanakan hukum Allah SWT seperti yang dinyatakan dalam surah al-Maidah ayat 48:

> *"Maka putuskanlah hukum dalam perkara yang dipertikaikan antara mereka menurut apa yang Allah SWT turunkan dan janganlah kamu mengikut hawa nafsu...".*

Surah al-Mā'idah ayat seterusnya menjelaskan bahawa Allah SWT menghukum ahli kitab sebagai melakukan kekufuran, kezaliman dan kefasikan kerana tidak melaksanakan hukum sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT. Masyarakat dan umat Islam memerlukan undang-undang bersifat ketuhanan atau *Rabbani*, iaitu bersih daripada sebarang kekurangan dan tidak mengikut hawa nafsu. Undang-undang bersumberkan al-Quran dan hadis mampu menghindarkan manusia daripada jenayah

[75] Kuasa penyiasatan termasuk kuasa memanggil saksi atau menangkap orang yang disyaki terhad kepada persempadanan negeri-negeri sahaja.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

dan kesesatan. Apabila diajukan persoalan sama ada negeri Kelantan sesuai untuk melaksanakan hukum hudud, Mufti Kelantan menjelaskan;

> *"Negeri Kelantan dan negara Malaysia keseluruhannya boleh mempertimbangkan untuk melaksanakan hukum hudud sekiranya telah mempunyai kemampuan dalam bidang berkaitan dan dapat mengatasi sebarang faktor penghalang dan hambatan yang menjadi sebab ketidakbolehan dilaksanakan".*

Menurut beliau lagi, pelaksanaan hukum Islam mestilah bersifat *Rahmatan Lil-ʿĀlamīn.* Manusia yang tidak melaksanakan hukum Allah SWT adalah mereka yang zalim. Sesiapa yang melihat hukum hudud sebagai keras, kejam dan zalim merupakan mereka yang menghadapi krisis nilai dan terlepas daripada sentuhan rahmat yang lembut. Mereka berada dalam kegelisahan, kebingungan dan terpukau dengan kehidupan kebendaan serta ketandusan sifat kerohanian. Unsur tauhid itulah unsur *rahmatan lil-ʿĀlamīn*. Unsur tauhid dapat menyelamatkan manusia daripada kepercayaan *jahiliyyah*. Sebenarnya undang-undang jahiliyyahlah keras, zalim dan ketinggalan. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 229 yang bermaksud:

> *"(……itulah hudud Allah SWT (aturan-aturan hukum Allah), maka janganlah kamu melanggarnya, dan sesiapa yang melanggar hudud Allah SWT (aturan- aturan hukum Allah) mereka itulah orang-orang yang zalim"*

Ada pihak yang mengatakan kerajaan Kelantan menjadikan pelaksanaan hukum hudud sebagai isu politik untuk meraih sokongan rakyat Kelantan. Perspektif ini menimbulkan persoalan mengenai KJS II (1993) 2015 adakah isu agama ataupun isu politik. Dalam hal ini IN11 iaitu Mufti Kelantan berpandangan perkara ini timbul rentetan pengaruh pemikiran barat yang memisahkan agama daripada kehidupan yang melahirkan pertentangan berterusan sesama Islam. Dalam isu pelaksanaan KJS II (1993) 2015 masyarakat perlu diberi kefahaman yang betul tentang politik Islam supaya tidak keliru di antara politik dengan parti politik. Justeru, semua pihak perlu melihat

KJS II (1993) 2015 dari sudut kepentingan dan syiar Islam, bukan untuk kepentingan parti politik dan seumpamanya.

Orang Islam tidak boleh mempersoalkan hukum hudud tetapi boleh mempertikaikan cara pelaksanaannya dengan niat untuk memperbaiki supaya lebih sempurna. Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 yang dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan secara umumnya ialah hukum hudud tetapi tidak pasti mengenai cara pelaksanaannya (Harussani Zakaria, 2015). Persoalan sama ada Kelantan bersedia untuk melaksanakan hukum hudud ini menurut IN14 adalah sesuatu yang sukar dijelaskan dengan spesifik kerana ia berkaitan aspek politik, realiti negara dan keutamaan nasional;

> *"Tiada jawapan yang hitam putih tuu... kita bukan perintah Malaysia, lo ni kerajaan kompromi. masalahnya. Dulu idealisme perjuangan PAS tu, nak laksanakan hudud. Mako oleh kerana rakyat tidak bagi autonomi kepada PAS seratus peratus. Makonyo., kata perjuangan itu tak berapa berjaya laa, maka terpaksa kita kompromi dengan UMNO yang tidak begitu berminat dengan hudud, jadi bila kompromi. kita duduk atas kompromi laa,. jadi jangan dok blaim PAS tak laksana hudud lo ni. Hudud tetap duduk situ menjadi satu idealisme. Kebijaksanaan kita tidak terletak pada kemampuan kita membentuk idealisme yang tinggi. Kebijaksanaan itu terletok kepada kemampuan kita merealisasikan idealisme itu dalam realiti yang ado. Sekarang ini yang lebih utama adalah mengenai perpaduan ummah, persaudaraan Islam. Bilo kita dah tumpukan pada benda tu, kenapa kita nak pecahkan tumpuan kepada bendo-bendo yang lain. Begitu pun dari segi undang-undang jenayah yang sedia ado, sebahagian tu sudah ado, tapi kito tidak namakan dengan undang- undang Islam, itu je laaa".*

Kajian ini melihat bagaimana kerajaan negeri tidak merujuk atau menggunakan khidmat pandangan pakar-pakar berkaitan khususnya dalam aspek perundangan Islam untuk memperkasakan agenda pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ini. Individu seperti Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Abdul Majid (UM), Prof. Datuk Dr. Shamrahayu

bin A. Aziz (UIA), Prof. Adjung Dato' Setia Dr. Mohd Naim bin Mokhtar (JKSM)[76] dan beberapa tokoh tersohor yang pakar dalam undang-undang jenayah Islam tidak dilibatkan secara pintar bagi menyumbangkan buah fikiran pelaksanaan undang-undang Islam. Persoalan ini apabila diajukan kepada IN14 beliau mengatakan permasalahannya ialah minda yang terlalu berpolitik. Komen beliau;

> *"Orang Melayu ini terlampau berpolitik",.. tidak serupa cina, terlampau berpolitik sangat, jadi... terutama Kelantan, Terengganu beza dah, tapi bila terlampau politik kita melihat orang dari perspektif politik, hok tu kena ubah laa.., dari semasa ke semasa. Kita bukan menentang hudud, sebab hudud tu,.. siapa menentang hudud, adalah kafir. Benda dalam Quran dan Sunnah. tetapi kita berbincang bagaimana nak merialisasikan idealisme itu, itu saja laa".*

Kajian ini melihat antara tokoh yang layak memberikan idea dan pandangan berkaitan pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ialah Dato' Sri Paduka Raja Haji Daud bin Muhammad, Ketua Hakim Syarie Kelantan merangkap Ahli Jawatankuasa Kanun KJS II (1993) 2015. Beliau merupakan orang yang bertanggungjawab menghidupkan dan memberikan nyawa baharu kepada hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015. Menurut pengamatan penyelidik, kesungguhan dan semangat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 agak sunyi ketika era YAB Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad bin Yakob sebagai Menteri Besar. Namun ketika Majlis Perasmian Bangunan Mahkamah Syariah Kelantan, Ketua Hakim Syarie Kelantan dengan tegasnya telah menyatakan dalam ucapannya[77] bahawa Mahkamah Syariah Kelantan telah bersedia untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015. Rentetan tersebut isu ini telah dihangatkan oleh banyak pihak terutamanya media di

[76] Tokoh-tokoh ini pernah dijemput oleh Kerajaan Brunei untuk memberikan pandangan terhadap pembentukan Kanun Jenayah Syariah Brunei. Namun demikian, mereka ni yang merupakan rakyat Kelantan tidak dilibatkan.

[77] Teks ucapan Ketua Hakim Syarie Kelantan yang dipersembahkan di hadapan Sultan Kelantan semasa perasmian bangunan Mahkamah Syariah Kelantan, tidak dirujuk dan diangkat terlebih dahulu kepada pihak kerajaan negeri Kelantan iaitu Menteri Besar Kelantan.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

seluruh negara. Sewaktu ditemu bual oleh penyelidik, IN24 mengulas mengenai penambahan atau penurunan statistik kesalahan jenayah syariah berdasarkan peruntukan Kanun Jenayah Syariah (1985) yang sedia ada iaitu tiga tahun penjara, RM5000.00 dan enam kali sebatan (3,5,6) bergantung kepada tindakan penguatkuasaan Bahagian Penguatkuasa JAHEAIK;

> *"Kalau penguatkuasa aktif menjalankan tugas dengan sepenuh masa, mungkin akan meningkat tapi kalau penguatkuasa tidak begitu aktif, mungkin akan menurun,. menurun meningkat statistik Jenayah Syariah Kelantan ini bergantung kepada kerja-kerja penguatkuasaan"*

Kenyataan beliau ini kurang dipersetujui oleh Pengarah JAHEAIK. Penyelidik juga beranggapan bahawa jumlah kes jenayah syariah bukan semata-mata bergantung kepada kekerapan operasi tetapi juga maklumat yang dilaporkan oleh orang awam kepada pihak berkuasa. IN24 juga menyatakan bahawa KJS II (1993) 2015 tidak boleh dilaksanakan kerana terhalang oleh Perlembagaan Persekutuan. Senarai 2 (senarai negeri) ialah kesalahan-kesalahan yang tidak boleh dilaksanakan kecuali dibenarkan oleh Perlembagaan[78]. Walau bagaimanapun menurutnya ia tetap dibawa dan diluluskan di Dewan Undangan Negeri dengan harapan akan mendapat kelulusan daripada pihak persekutuan sebagaimana kes pindaan hukuman KJS (1985). Katanya;

> *"Dari dulu lagi kita tahu bahawa sekatan itu ada, tapi kita lulus juga dan warta juga dengan harapan supaya Kerajaan Persekutuan lulus dan beri kebenaran kepada negeri Kelantan. 3,5,6 dulu pun, kita buat dulu jugak., sebelum Persekutuan lulus. sudah buat lama dah. baru Persekutuan lulus, 3,5,6 baru diluluskan oleh Persekutuan".*

[78] Pandangan ini mempunyai perbezaan dengan pandangan awal beliau ketika KJS II (1993) diluluskan dan diwartakan di peringkat awal. Ketua Hakim Syarie Kelantan pada peringkat awal berpandangan bahawa KJS II (1993) boleh dilaksanakan walaupun tidak mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan kerana ia merupakan bidang kuasa kerajaan negeri (Hal Ehwal Agama Islam).

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Berdasarkan dapatan kajian termasuklah penyertaan penyelidik dalam beberapa program yang dianjurkan oleh JAHEAIK dan kerajaan negeri, terdapat beberapa isu yang belum selesai dalam persediaan untuk pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Antaranya isu pindaan AKTA 355 (Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah). Pindaan AKTA 355 ini merupakan perkara asas menentukan kebolehlaksanaan KJS II (1993) 2015. Selain itu kajian ini melihat isu-isu lain mengenai persediaan kerajaan negeri Kelantan ialah seperti berikut;

i. Undang-undang Keterangan Tatacara Jenayah masih dalam draf perbincangan dan masih belum lengkap.
ii. Pelantikan hakim sebagaimana yang diperuntukkan dalam Warta Kerajaan Negeri Kelantan pada 28 Oktober 1993 belum dibuat, penubuhan Mahkamah Bicara Syariah Khas dan Mahkamah Rayuan Syariah Khas juga masih belum ditubuhkan.
iii. Anggota penguatkuasa agama masih belum mencukupi untuk melaksanakan dan menguatkuasakan KJS II (1993) 2015. Nisbah bilangan anggota penguatkuasa sama ada di peringkat ibu pejabat atau di jajahan belum mencukupi.
iv. Keutuhan integriti pegawai penguatkuasa dan kakitangan JAHEAIK dalam melaksanakan amanah perlu diberi penekanan sebelum pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Ini bagi membendung penglibatan anggota penguatkuasa agama dan kakitangan JAHEAIK sebagai orang tengah dalam kes perkahwinan sindiket yang melanggar Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2002.
v. Kerjasama antara agensi pelaksana seperti polis, hospital dan penjara masih belum diperhalusi dan termeterai secara kukuh. Tidak ada sebarang arahan

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

daripada Kerajaan Persekutuan untuk memberikan kerjasama yang sepenuhnya dalam urusan pelaksanaan KJS II (1993) 2015.

vi. Kurang persefahaman dan kerjasama agensi-agensi pelaksana seperti Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan, Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah (JAHEAIK) dan Jabatan Pendakwaan Syarie Kelantan. Isu perkahwinan tanpa kebenaran atau nikah sindiket masih belum dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana wujudnya ketidaksefahaman antara agensi yang terbabit. Begitu juga dalam isu nikah sindiket yang masih belum ada penyelesaian antara agensi terlibat.

vii. Kompetensi pegawai di jabatan yang akan terlibat dalam kes KJS II (1993) 2015 masih berada di tahap yang tidak meyakinkan. Terdapat hakim yang membuat kesilapan terhadap keputusan dalam perbicaraan kes-kes berkaitan perkahwinan di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (No.6/2002). Perkara ini mengundang kekeliruan dalam kalangan masyarakat dan pengamal undang-undang seperti kes kes tuntutan harta sepencarian yang diwakili oleh Peguam cara, Peguam bela & Peguam Syarie Che Hartini Che Omar (Tetuan Nora, Noreha & Hartini).

Isu pelaksanaan KJS II (1993) 2015 dari sudut pandang Institusi Kehakiman Syariah Malaysia menurut IN2 Ketua Hakim Syarie Malaysia, Mahkamah Syariah Kelantan berada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan sepenuhnya dan bukan di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). JKSM tidak boleh melantik mana-mana individu untuk menjadi hakim atau Ketua Hakim Syarie Kelantan kecuali jika dimohon oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan telah mendapat perkenan daripada Sultan Kelantan. KJS II (1993) 2015 Kelantan telah mengikuti proses yang betul dalam penggubalan dan kelulusan sesuatu undang-undang iaitu melalui Dewan

Undangan Negeri Kelantan (DUN) dan juga telah mendapat perkenan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke V (Sultan Kelantan). Sehingga ke hari ini undang-undang tersebut sah kerana belum ada sebarang perintah mahkamah yang menyatakan sebaliknya. Rajah 4.1 dan 4.2 berikut menunjukkan kedudukan sturktur mahkamah semasa dan apabila pelaksanaan KJS II (1993) 2015;

Rajah 4. 1: Struktur Semasa Mahkamah Syariah Kelantan KJS (1985)

Rajah 4.1 menunjukkan hierarki semasa mahkamah sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 8 dalam Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan No. 3 Tahun 1982 (Pindaan) 2009. Bidangkuasa Mahkamah Rendah Syariah di setiap jajahan diketuai oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Seksyen 10 (1) dalam bidangkuasa jenayahnya membicarakan mana-mana kesalahan oleh orang Islam yang boleh dihukum di bawah enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis dengan hukuman maksimum tidak lebih daripada Tiga Ribu Ringgit Malaysia atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Mahkamah Tinggi Syariah, rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah Seksyen 9 (1) dalam bidangkuasa jenayahnya membicarakan dan menghukum mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam. Sesuatu rayuan dari keputusan Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah. Rayuan daripada Mahkamah Tinggi Syariah kepada Mahkamah Rayuan Syariah dalam bidang kuasa jenayah;

(a) oleh seorang yang disabitkan dan dihukum penjara atau denda, rayuan itu boleh dibuat terhadap sabitan atau hukuman atau kedua-duanya sekali.

(b) oleh seseorang yang menjalankan dakwaan rayuan itu bolehlah dibuat terhadap hukuman atau perintah pembebasan atau pembuangan kes pendakwaan atau kedua-duanya sekali.

Rajah 4. 2: Struktur Mahkamah Syariah Khas KJS II (1993) 2015

Rajah 4.2 menjelaskan mengenai hierarki mahkamah yang akan membicarakan kesalahan jenayah di bawah Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 sebagaimana diperuntukkan dalam Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 Kelantan di Bahagian VII, iaitu Seksyen 66. Mahkamah Bicara Syariah Khas hendaklah dianggotai oleh tiga orang hakim yang mana dua orang daripada mereka hendaklah terdiri daripada ulama dan perbicaraan itu hendaklah dipengerusikan oleh salah seorang daripada Hakim tersebut. Manakala Seksyen 67 (Mahkamah Rayuan Syariah Khas) mahkamah Rayuan Syariah Khas bersidang untuk mendengar sesuatu rayuan yang dibuat ke atas keputusan atau hukuman Mahkamah Bicara Syariah Khas yang dianggotai oleh lima orang hakim, tiga daripadanya hendaklah terdiri dari kalangan ulama dan dipengerusikan oleh salah seorang daripada hakim tersebut.

Shamrahayu A. Aziz (2020) berpandangan bahawa KJS II (1993) 2015 tidak sah setakat mana yang tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Antara perkara

yang tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan ialah Kerajaan Negeri Kelantan melalui Dewan Undangan Negeri (DUN) telah meluluskan kesalahan-kesalahan jenayah yang mana kesalahan-kesalahan jenayah tersebut berada dalam senarai Persekutuan iaitu Kanun Keseksaan seperti mencuri, merompak dan membunuh. Walau bagaimanapun jika dilihat dari sudut yang lebih mendalam dan difahami secara jujur, perbuatan mencuri dan merompak merupakan sebahagian daripada kesalahan jenayah syariah dalam perundangan Islam. Ia sebagaimana yang tersenarai dalam jadual kesembilan (senarai Negeri) kerana ia termasuk dalam hal ehwal Islam. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain (2021) yang merupakan Pengarah Institut Tamadun dan Kajian Strategik di Universiti Malaysia Pahang telah menjelaskan bahawa jika diteliti setiap peruntukan Perlembagaan Persekutuan, didapati tiada sekatan terhadap penggubalan undang-undang berdasarkan prinsip perundangan Islam. Jadual Sembilan Perlembagaan memperuntukkan pembahagian bidang kuasa parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Undang-undang perlembagaan membenarkan prinsip perundangan Islam boleh diperkenalkan dalam bentuk akta parlimen dan enakmen negeri mengikut pembahagian bidang kuasa masing-masing.

Peranan dan tanggungjawab dalam menafsirkan perlembagaan perlu dilihat dengan mendalam dan sebaik mungkin. Antara hal yang membentuk prinsip perlembagaan ialah sistem dualisme perundangan. Dualisme perundangan ini merujuk kepada pembahagian kuasa perundangan antara Persekutuan dengan negeri. Menurut prinsip pembahagian kuasa ini setiap badan perundangan mempunyai ruangnya yang tersendiri dan badan perundangan yang satu lagi tidak boleh melangkau pembahagian tersebut. Perlembagaan menetapkan bahawa tidak sah jika terdapat sebarang undang-undang (termasuk undang-undang negeri) yang tidak selaras dengan perlembagaan. Walaupun begitu faham *harfiah*nya, sebarang perkara yang tidak selaras antara undang-

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

undang negeri dengan Persekutuan bukan mudah untuk diputuskan. Menerusi keadaan ini, bagi menentukan sesuatu undang-undang negeri itu tidak sah atas sebab ia tidak selaras dengan perlembagaan, mahkamah perlu membuat tafsiran kepada peruntukan berkaitan yang menjadi pokok kepada sebarang persoalan (Shamrahayu A. Aziz, 2017). Persoalan sama ada KJS II (1993) 2015 yang diluluskan oleh Dewan Perundangan Negeri Kelantan sah atau tidak di sisi Perlembagaan Persekutuan perlu ditentukan oleh mahkamah yang kompeten. Menurut IN2, hal ini juga perlu dirujuk kepada Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa:

> *(1) Undang-undang ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas hari merdeka yang tidak selaras dengan perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu.*
> *(2) Manakala perkara 74, Jadual Kesembilan - agihan kuasa pusat dan negeri; Hal perkara Undang-undang Persekutuan dan Negeri.*

Pelaksanaan Undang-undang Islam atau Kanun Jenayah Syariah dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Malaysia sekarang ini turut dijelaskan oleh IN2, iaitu berasaskan kaedah fiqh:

> "ما لا يدرك كله لا يترك كله"
>
> *"Harus menggunakan kaedah fiqah "Tak boleh semua, tidak boleh tinggal semua". Pihak berwajib juga mesti memberi kefahaman kepada semua rakyat termasuk non muslim berkaitan hak muslim dan hak non muslim. Apa yang penting keadilan itu mesti ditegakkan bagi mencapai maqasid syariah, iaitu keadilan untuk semua, termasuklah membuka pintu untuk non muslim di Mahkamah Syariah".*

Berkaitan persoalan tentang kesan yang akan dihadapi oleh Malaysia, terutamanya mengenai kedudukan Islam sekiranya kerajaan bersetuju untuk

meratifikasikan ICERD[79] dan *Statute Rome*, IN2 yang merupakan Ketua Pengarah JKSM menjelaskan bahawa ICERD akan memberikan kesan kepada kedudukan Islam sekiranya tafsiran kesamarataan dan hak asasi dibuat bukan mengikut tafsiran Islam. Isu yang dibangkitkan ialah kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, kedudukan hak istimewa orang Melayu dan bumiputera serta Perlembagaan Persekutuan Perkara 153. Manakala berkaitan *Statute Rome* pula, isunya adalah tentang kedudukan raja-raja yang boleh didakwa jika melakukan jenayah. Halangan-halangan yang akan dihadapi oleh Kelantan dalam usaha melaksanakan KJS II (1993) 2015 telah dijelaskan oleh IN2 Ketua Hakim Syarie Malaysia. Antaranya;

a) Halangan utama ialah halangan politik dan halangan perundangan. Jika ada '*political will*', semua halangan lain boleh diatasi termasuklah keperluan pindaan perlembagaan dan undang-undang lain untuk pelaksanaan.

b) Kita juga perlu melihat kepada sejarah MAGERAN[80].

c) Halangan perundangan seperti pindaan Akta 355, undang-undang berkaitan keterangan dan pembuktian yang khusus dan jelas daripada perkara yang ada sekarang.

d) Seksyen 2 (Akta 355) tetapkan limitasi terhadap skop kesalahan "apa apa kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam" dan had hukuman (3,5,6).

---

[79] *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* (Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum). Rujuk laman sesawang https://www. Permohonan.my.

[80] Malaysia telah mengalami krisis perbalahan kaum iaitu *Tragedi 13 Mei*. Tragedi tersebut nenyebabkan berlakunya pertumpahan darah di Malaysia akibat ketidakpuashatian kaum yang terdapat di Malaysia. Maka, dikhuatiri pelaksanaan KJS ini akan menimbulkan ketidak puashatian dalam kalangan kaum di Malaysia. Pihak-pihak tertentu akan mengambil kesempatan menimbulkan kekecohan sekiranya tidak diurus dengan baik pelaksanan tersebut.

Kajian ini juga mendapati terdapat beberapa isu dan kekeliruan mengenai pelaksanaan KJS II (1993) 2015 yang dibangkitkan oleh banyak pihak sama ada parti politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik, pengamal undang-undang dan lain-lain seperti berikut;

1. Akta 355 dan Rang Undang-Undang (RUU) 355.
2. Permohonan Kerajaan Negeri Kelantan berkaitan cadangan pelaksanaan KJS II (1993) kepada Kerajaan Persekutuan.
3. Dakwaan KJS II (1993) 2015 merupakan hudud PAS dan berbeza dengan hudud Allah SWT.
4. Percanggahan dalam kalangan ulama
5. Isu pemakaian hukum hudud
6. Pertikaian umur mukallaf menurut Islam
7. Syarat pelantikan hakim

i. Akta 355 dan Rang Undang-Undang (RUU) 355

Akta 355 dibuat dengan punca kuasa yang datangnya daripada Perlembagaan Persekutuan, iaitu jadual kesembilan, Senarai Negeri, Butiran 1 sebagaimana yang dinyatakan dalam hansard parlimen 3 Mac 1965. Menerusi ucapan permulaan Bacaan Kedua Rang Undang-Undang pada tahun 1965, Menteri Tanah dan Galian ketika itu iaitu YB Encik Abdul Rahman Yaakob telah memetik bahagian yang penting daripada peruntukan Butiran 1 dengan menyatakan bahawa:

> *"...tetapi (Mahkamah Syariah) tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh Undang-undang Persekutuan"*

Akta 355 merupakan sebuah akta sah yang telah dibuat mengikut peruntukan perlembagaan. Seksyen 2 Akta 355 yang mempunyai tajuk Bidang Kuasa Mahkamah Syariah, sebagaimana yang ada sekarang berbunyi seperti berikut:

"Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang- orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu per satu dalam senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi bidang kuasa berkenaan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi RM5000 atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut".

Sebelum semakan semula pada tahun 1984 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, akta ini mulanya dikenali sebagai *Muslim Courts* (*Criminal Jurisdiction*) Act atau Akta Mahkamah Orang-Orang Islam (*Bidang Kuasa Jenayah*). Akta ini mengandungi tajuk panjang dan pembukaan. Ia terbahagi kepada tiga bahagian. Tajuk panjang dan pembukaan akta menyatakan bahawa fungsi akta ini adalah untuk memberikan bidang kuasa kepada mahkamah yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang negeri bagi tujuan berurusan dengan kesalahan di bawah undang-undang Islam. Hukuman yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Syariah mengikut Akta 1995 seperti yang dibuat pada mulanya ialah enam bulan penjara atau denda RM1000 atau kedua-duanya sekali[81].

Hasrat asal diwujudkan Akta Mahkamah Syariah (*Bidang Kuasa Jenayah*) 1965 sebagaimana dapat dilihat daripada hansard semasa perbahasannya dalam parlimen adalah untuk mengesahkan bidang kuasa Mahkamah Syariah berkaitan kesalahan dan hukuman serta memperakukan Mahkamah Syariah. Tujuan ini jelas dalam tajuk dan Mukadimah Akta 355 ini sebagaimana yang dipetik di atas. Di samping itu ia juga untuk memastikan keseragaman hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah.

[81] Seksyen 2 Akta Mahkamah Orang-Orang Islam (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.

Sewaktu perbahasan Rang Undang-Undang Akta 355 pada tahun 1965, antara perkara yang dibangkitkan oleh ahli dewan rakyat ialah hukuman yang di bawah rang undang-undang itu didapati tidak mutlak. Maksudnya ia boleh dipinda dan ditambah. Ini kerana terdapat kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah tidak bersesuaian hukumannya atau tidak memadai. Perkara yang diperkenalkan pada tahun 1965 itu hanya permulaan dan ia merupakan sebuah proses ke arah kesempurnaan[82]. Ketika itu juga ada dicadangkan supaya orang bukan Islam juga boleh dituduh di Mahkamah Sivil sekiranya didapati bersubahat atau terlibat dengan orang Islam yang melakukan kesalahan yang dibicarakan di Mahkamah Syariah. Ada ahli parlimen yang menyatakan pengenalan akta tersebut akan membuka ruang kepada wujudnya satu lagi mahkamah bagi menangani kesalahan yang dilakukan secara bersama oleh orang Islam dan orang bukan Islam[83].

Pada tahun 1984, Akta Mahkamah Orang-Orang Islam (*Bidang Kuasa Jenayah*) (*Pindaan*) 1984 (Akta A612) telah diperkenalkan untuk memperluas bidang kuasa Mahkamah Syariah mengenai hukuman. Hasil daripada pindaan ini, bidang kuasa berkaitan hukuman di Mahkamah Syariah telah ditingkatkan kepada hukuman maksima tiga tahun penjara atau denda RM 5,000.00 atau enam kali sebatan atau kombinasi mana-mana hukuman itu. Pindaan ini telah dilakukan sejajar dengan dasar penerapan nilai Islam yang dilaksanakan oleh kerajaan pada ketika itu. Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Nor, semasa menjawab soalan berkaitan pindaan tersebut telah menyatakan tentang beberapa hasrat penambahbaikan yang akan dilakukan terhadap pentadbiran Mahkamah Syariah, termasuklah mewujudkan Mahkamah Tinggi Syariah di negeri-negeri dan Mahkamah Rayuan Syariah di peringkat Persekutuan. Terdapat juga cadangan daripada ahli parlimen supaya diwujudkan skim perkhidmatan pasukan

[82] Hansard Parlimen 3 Mac 1965, H. 6524, 6536, 6546 & 6549.
[83] Hansard Parlimen 3 Mac 1965.H. 6526, 6530 & 6541

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

polis bagi membantu perjalanan Mahkamah Syariah. Timbalan menteri juga telah menyatakan tentang perancangan kerajaan untuk memantapkan kemampuan Mahkamah Syariah[84].

Mahkamah Syariah merupakan mahkamah yang sah dan ditubuhkan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan yang mempunyai bidang kuasanya tersendiri dan tidak harus dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Justeru, hal- hal yang melibatkan penambahbaikan dan pemerkasaan Mahkamah Syariah didapati selari dengan perlembagaan dan perkembangan semasa. Mahkamah Sivil dan perundangan Sivil sudah acap kali mengalami perubahan dan pembaharuan mengikut kesesuaian zaman dan negara. Undang-undang sivil merupakan undang-undang baharu yang diperkenalkan oleh penjajah semasa mereka menjajah tanah Melayu, manakala Undang-undang Islam lebih awal bertapak dan telah dilaksanakan di Tanah Melayu sebelum merdeka lagi.

ii. Permohonan Kerajaan Negeri Kelantan berkaitan Cadangan Pelaksanaan KJS II (1993) kepada Kerajaan Persekutuan

Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 1993 telah membuat permohonan rasmi kepada Perdana Menteri Dr. Mahathir bin Mohammad pada ketika itu untuk melaksanakan KJS II (1993). Walau bagaimanapun permohonan tersebut telah ditolak oleh Kerajaan Persekutuan. Kronologi permohonan adalah seperti berikut:

<u>7 Mei 1992</u>

Surat Menteri Besar Kelantan kepada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Petikan surat di bawah Perkara: Ke Arah Pelaksanaan Syariah Islam di Malaysia:

[84] Hansard Parlimen 12 Oktober 1984. H. 4731- 4737

"Saya dengan segala hormatnya ingin memaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat kerajaan Kelantan telah membuat keputusan menulis kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mendapat persetujuan dan izin secara rasmi bagi kerajaan Kelantan, dengan segala kemampuan yang ada, agar dapat melaksanakan sebahagian dari syariat Islam iaitu perkara jenayah mengikut yang ditetapkan dalam al- Quran.

Adapun persetujuan dan izin dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Jemaah menteri dan Ketua Kerajaan Persekutuan sesungguhnya tidak syak lagi amat penting bagi saya dan kerajaan negeri melaksanakan syariat Islam ini".

15 Ogos 1992

Surat jawapan Perdana Menteri kepada Menteri Besar Kelantan. Petikan surat jawapan berhubung perkara surat 7 Mei 1992.

"Saya sebagai seorang muslim menerima dan menyokong semua hukum syariat. Tetapi ini tidak bermakna saya menyokong tafsiran dan andainya oleh parti dan kerajaan PAS yang kerap membuat tafsiran agama yang mencampur adukkan kepentingan politik parti dengan kehendak agama yang Islam"

"Persetujuan dan izin dari saya tidak diperlukan untuk kerajaan Kelantan di waktu ini. Hanya jika didapati tindakan kerajaan Kelantan tidak seperti kehendak ajaran Islam dan bertentangan dengan perlembagaan atau undang-undang barulah Kerajaan Persekutuan akan bertindak. Di saat ini Kerajaan Persekutuan tidak mempastikan sama ada rancangan kerajaan Kelantan benar-benar berasaskan kepada syariat Islam dan tidak bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Malaysia dan undang-undangnya. Justeru, soal persetujuan dan izin saya sebagai Perdana Menteri tidak timbul.

21 Mac 1994

Surat Menteri Besar Kelantan kepada Perdana Menteri mohon sokongan ke atas penguatkuasaan Kanun Jenayah Syariah (II) 1993. Petikan surat di bawah perkara: Penguatkuasaan Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 di Negeri Kelantan.

"Sukacita saya memaklumkan bahawa Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (selepas ini disebut sebagai "Kanun Jenayah Syariah II)" telahpun

diluluskan oleh Dewan Negeri Kelantan pada 25 haribulan November 1993 dengan sebulat suara termasuk oleh dua orang ahli Berhormat daripada UMNO. Dengan keputusan itu Kerajaan Negeri Kelantan berazam hendak menguatkuasakan Kanun Jenayah Syariah II yang mengandungi hukum hudud, qisas dan takzir.

Ini juga adalah sejajar dengan pegangan dan dasar Kerajaan Negeri Kelantan yang menjadikan Islam sebagai addin serta juga adalah untuk menemui tuntutan yang wajib ke atas pemerintahan untuk melaksanakan undang- undang Islam seperti yang termaktub dalam al-Quran dan Sunnah. Tambahan pula undang-undang Islam adalah seadil-adil hukum dan mengatasi segala undang-undang.

Kanun Jenayah Syariah II telah disiapkan oleh sebuah jawatankuasa khas kajian undang-undang syariah dan sivil negeri Kelantan. Ia digubal mengikut kehendak agama Islam dan telah diperakukan oleh sahibul Samahah Dato' Mufti Kelantan bahawa kandungan bertepatan dengan kehendak al-Quran dan sunnah.

Kerajaan Negeri Kelantan yakin sokongan diperlukan itu dapat diberikan oleh Yang Amat Berhormat dan parti pimpinan Yang Amat Berhormat, berdasarkan pengakuan Yang Amat Berhormat di Kota Kinabalu pada 30 haribulan April 1992 dan di Johor Bharu pada 16 haribulan April 1992. Saya bersyukur kepada Allah SWT di atas pendirian yang telah Yang Amat Berhormat, tunjukkan itu. Seperti yang telah dinyatakan di perenggan 4 surat ini hukum hudud, qisas dan takzir yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan adalah benar-benar mengikut kehendak agama Islam seperti yang termaktub dalam al- Quran dan sunnah serta selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan".

8 Jun 1994

Surat susulam oleh Menteri Besar Kelantan kepada Perdana Menteri bagi mendapat kelulusan serta persetujuan Kerajaan Persekutuan. Petikan Surat: Ulangan Penguatkuasaan Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 di negeri Kelantan:

"Sukacitanya saya untuk mendapat maklum balas daripada pihak Yang Amat Berhormat Dato' Seri mengenai permohonan untuk mendapat kelulusan serta persetujuan Kerajaan Persekutuan bagi menguatkuasakan Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 di negeri Kelantan kerana sehingga kini, pendirian Kerajaan Persekutuan mengenai penguatkuasaan Kanun Jenayah ini di negeri Kelantan hanya melalui akhbar-akhbar tempatan, yang tidak jelas kedudukan yang sebenarnya"

15 Julai 1994

Surat jawapan Perdana Menteri yang menyifatkan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 diluluskan oleh DUN Kelantan sebagai Undang-undang Jenayah PAS dan dituduh menyebabkan berlakunya ketidakadilan. Perdana Menteri tidak dapat membenarkan penguatkuasaan di Kelantan serta mengugut akan mengambil tindakan. Petikan surat jawapan Perdana Menteri kepada penguatkuasaan Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 di negeri Kelantan:

> *"Khusus mengenai Undang-undang Jenayah PAS di Kelantan, kajian awal menunjukkan dengan jelas bahawa undang-undang itu yang disediakan menerusi perjuangan sebuah parti politik ternyata bukan sahaja menyebabkan ketidakadilan akan berlaku tetapi, sebaliknya ia akan membawa kezaliman. Kebenaran kenyataan ini adalah berdasarkan kepada keterangan berikut:*
>
> *Dakwaan bahawa undang-undang ini akan dikuatkuasakan hanya di kalangan orang Islam sahaja dan tidak diguna pakai untuk orang bukan Islam akan menyebabkan ketidakadilan dan kezaliman yang ketara berlaku.*
>
> *Masalah kesalahan merogol wanita, berdasarkan kepada undang-undang PAS, jika seseorang wanita yang belum berkahwin melahirkan anak maka ini adalah bukti ia telah berzina dan akan dihukum mengikut undang-undang PAS, sedangkan apa yang sebenarnya berlaku ialah wanita itu adalah mangsa rogol.*
>
> *Kerajaan pusat tidak berhajat untuk bersubahat dengan PAS bagi melaksanakan ketidakadilan semata-mata untuk kepentingan politik dan sokongan oleh orang yang telah dikaburi matanya. Kerajaan Malaysia yang sentiasa dan terus mempertahankan ajaran dan nilai-nilai Islam tidak dapat membenarkan Kerajaan PAS menjalankan sesuatu yang bercanggah dengan prinsip keadilan yang ditekankan oleh Islam sendiri. Jika PAS cuba juga untuk menguatkuasakan undang-undang yang diciptanya yang sudah jelas bercanggah dengan prinsip keadilan Islam, maka Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap Kerajaan PAS demi menjaga maruah dan ketinggian martabat Islam dan penganut-penganutnya.*

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

17 November 1994

Surat jawapan panjang lebar Menteri Besar Kelantan berhubung salah faham dan tuduhan Perdana Menteri mengenai hasrat negeri Kelantan, termasuk menjawab isu hukuman zina dan rogol terhadap wanita serta kekeliruan mengenai penguatkuasaan ke atas orang Islam sahaja.

iii. Dakwaan KJS II (1993) 2015 merupakan Hudud PAS dan Berbeza Dengan Hudud Allah SWT.

Persoalan hudud PAS atau hudud Allah SWT seringkali dipersoalkan oleh ahli politik dengan pelbagai tujuan yang tersendiri. Kajian ini yang meneliti teks KJS II (1993) mendapati dalam KJS II (1993) 2015 Bahagian 1, Seksyen 4 menyebut mengenai kesalahan-kesalahan seperti mencuri, merompak, berzina, menuduh orang berzina, minum arak, murtad dan menderhaka bersumberkan dalil daripada al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Jika dilihat dari segi kesalahan-kesalahan tersebut, semuanya terdapat dalam al-Quran sebagaimana berikut:

1. Hukuman kesalahan **mencuri** disebut dalam surah al-Maidah, ayat 38
2. Hukuman bagi kesalahan **merompak** disebut dalam surah al-Maidah, ayat 33-34.
3. Hukuman bagi kesalahan **berzina** disebut dalam surah an-Nur, ayat 2.
4. Hukuman bagi kesalahan orang yang **minum arak** disebutkan dalam hadis sahih Bukhari dan Muslim.
5. Hukuman bagi kesalahan orang yang **murtad** disebutkan dalam hadis Bukhari dan Abu Daud.
6. Hukuman bagi kesalahan **memberontak** disebut dalam surah al- Hujurat, ayat 9.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Mufti Kelantan (2019) menjelaskan KJS II (1993) 2015 adalah hukum Hudud, hukum hudud ialah hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan hukuman dalam KJS II (1993) 2015 berdasarkan kitab-kitab fiqah yang muktabar dan ditulis oleh ulama muktabar yang memenuhi ciri-ciri mujtahid.

iv. Tiada Percanggahan dalam Kalangan Ulama

Isu yang dipertikaikan juga ialah ketiadaan peruntukan terhadap tertuduh untuk membela diri ke atas kes-kes zina paksa (rogol) dan menzalimi mangsa tertuduh. Perkara ini bukanlah menzalimi mangsa tertuduh dan ia tidak menjejaskan keaslian dan keadilan hukuman hudud yang diperuntukkan dalam KJS II (1993) 2015.

Pada kebiasaan dalam apa jua kes yang dibicarakan di mahkamah, IN18 menjelaskan pihak yang kena tuduh atau orang yang menuduh dikehendaki untuk membela diri masing-masing sekalipun tidak diperuntukkan secara khusus dalam undang-undang yang berkaitan. Pihak hakim sebagai asas penghakiman hendaklah mendengar hujah-hujah pembelaan daripada yang tertuduh dan yang menuduh untuk membuat pertimbangan dan keputusan. Seorang peguam syarie dan juga sivil menyatakan bahawa sudah menjadi perkara yang sedia maklum untuk setiap kes jenayah yang melibatkan perbicaraan, iaitu orang yang kena tuduh mestilah diberikan peluang untuk membela diri, sama ada melalui peguam atau diri sendiri. Ia sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah fiqh[85]:

> *Bukti ke atas orang yang mendakwa, sumpah ke atas orang yang mengingkari tuduhan ke atas dirinya.*
>
> (Riwayat Al-Baihaqi dalam Al-Sunan (10/252).

[85] Muhammad al Zuhaili (2006) *Al-Qawaid al-Fiqhiyah Wa Tatbiqotiha Fi Al-Mazhab Al-Arbaah*, Mujalid I, hlm 589, Dar al-Fikr, Dimisq.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Menurut Imam Nawawi hadis ini merujuk kepada satu kaedah fiqh yang penting bahawa tidak diterima ucapan seseorang terhadap apa yang dia dakwa hanya semata-mata dengan dakwaan tersebut. Bahkan ia (dakwaan) memerlukan kepada bukti atau pengakuan kebenaran daripada pihak orang yang didakwa. Sekiranya dituntut sumpah orang yang didakwa, maka boleh untuk dia berbuat demikian (bersumpah)[86]. Justeru, dapat difahami bahawa sekiranya seseorang itu membuat sesuatu dakwaan, maka hakim tidak boleh membuat keputusan dan menjatuhkan hukuman hanya berdasarkan dakwaan tersebut. Pihak yang mendakwa hendaklah mengemukakan bukti bagi menyokong dakwaan tersebut. Manakala orang yang didakwa perlu membela diri sama ada melalui peguam atau diri sendiri.

v. Pemakaian Hukum Hudud

Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 atau hudud ini juga tidak terlepas daripada isu melibatkan pesalah Islam dan juga bukan Islam. Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Seksyen 56 (2) memperuntukkan bahawa:

> *"Tidak ada apa-apa dalam enakmen ini yang menghalang seseorang bukan Islam daripada membuat pilihan supaya enakmen ini terpakai ke atasnya mengenai apa-apa kesalahan yang dilakukan olehnya dalam negeri Kelantan dan sekiranya seseorang bukan Islam itu membuat pilihan sedemikian, maka peruntukan enakmen ini, hendaklah mutatis mutandis183 terpakai ke atasnya seperti juga peruntukan-peruntukan tersebut terpakai ke atas seorang Islam".*

Namun, selepas dibuat pindaan KJS II (1993) 2015 hanyalah terpakai kepada orang Islam yang mukallaf sahaja. Pemakaian hudud dalam KJS II (1993) 2015, Seksyen 2 (pemakaian):

> *"Enakmen ini hendaklah terpakai ke atas tiap- tiap orang Islam yang mukallaf mengenai apa-apa kesalahan olehnya dalam negeri Kelantan."*

[86] Nawawi (1461H) *Syarḥ Al-Nawawī ʿAlā Muslim* (4/12)

Pemakaian hukuman hudud yang diperuntukkan dalam enakmen ini tidak bercanggah dengan hudud yang disebutkan dalam al-Quran dan sunnah. Mengenakan hukuman hudud hanya ke atas orang Islam dan mengecualikan orang bukan Islam dilihat tidak bercanggah dengan ajaran Islam dan juga tidak menzalimi orang Islam di Kelantan. Dalam pelaksanaan hukuman hudud, Allah SWT menjelaskan dalam surah *al-Maidah* ayat 42 yang menyebut bahawa hakim memilih sama ada hendak menghukum dengan hukuman hudud bagi orang bukan Islam yang melakukan kesalahan jenayah syariah atau mengecualikan mereka. Penggubal Rang Undang-Undang KJS II (1993) 2015 telah membuat pilihan dan memperuntukkan dalam fasal 2 dan 56 iaitu hanya terpakai kepada orang Islam yang *mukallaf*. Ketetapan ini adalah berdasarkan prinsip *siyāsah shar'iyyah* berasaskan kaedah fiqh iaitu iaitu *Maṣlaḥah al-Mursalah*, *Al-Istihsān* dan *Sadduz-Zarā'i'*. Pengecualian orang bukan Islam daripada hukum hudud ini juga membolehkan mereka membuat pilihan sama ada dilibatkan atau tidak. Ini membuktikan Islam ialah agama yang penuh dengan rahmat dan tidak memaksa mereka untuk menerima Islam apatah lagi menerima hukum Islam.

vi. Umur Mukallaf Menurut Islam

Setengah pihak berpandangan bahawa had umur mukallaf yang ditetapkan dalam Kanun Jenayah Syariah iaitu 18 tahun tidak mengikuti ketetapan Islam. Ada juga yang berpendapat bahawa had umur mukallaf menurut Islam ialah 15 tahun. Isu ini berlaku perselisihan pandangan ulama. Menurut mazhab Syafie, had umur mukallaf ialah 15 tahun hijrah manakala Abu Hanifah pula berpandangan bahawa had umur mukallaf mengikut Islam ialah 18 tahun hijrah. Berdasarkan perbahasan ulama dalam isu ini dapat disimpulkan bahawa had umur 18 tahun hijrah tidak bercanggah dengan had umur mukallaf mengikut Islam.

vii. Syarat Pelantikan Hakim

Dalam konteks KJS II (1993) 2015, Seksyen 69 (1) menjelaskan bahawa hakim hendaklah dilantik oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan yang ditandatangani dan dimeteri selepas berunding dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri dan Jemaah Ulama. Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan juga boleh berunding dengan mana-mana pihak berkuasa, badan atau sesiapa juga yang difikirkan patut dan munasabah. Pelantikan hakim merupakan perkara penting dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015, Seksyen: 68 KJS II (1993) 2015, iaitu memperuntukkan;

> *"Seseorang yang sedang atau pernah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Malaya atau Sabah dan Sarawak atau Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan atau mana-mana orang juga yang mempunyai kelayakan untuk dilantik menjadi hakim mana-mana mahkamah tersebut adalah layak untuk dilantik menjadi hakim. Seorang yang sedang atau pernah memegang jawatan Qadhi Besar atau Ketua Hakim Syarie atau Mufti Kerajaan atau mana-mana orang yang mempunyai kelayakan untuk memegang jawatan tersebut dan dikenali mempunyai kelayakan untuk memegang jawatan tersebut dan dikenali mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang hukum syarak."*

Peruntukan di atas tidak dinyatakan syarat Hakim Mahkamah Tinggi Malaya atau Sabah dan Sarawak ialah seorang Islam namun ia difahami dengan jelas bahawa hakim yang akan membicarakan kes di bawah KJS II (1993) 2015 mestilah seorang Islam. KJS II (1993) 2015, Seksyen 61(1) (Pemakaian Hukum Syarak) menjelaskan tentang[87]:

> *Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah kanun ini yang tidak konsisten dengan hukum syarak hendaklah terbatal setakat yang tidak konsisten itu. Manakala 61(2) pula menyatakan jika terdapat lacuna atau apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dengan nyata oleh kanun ini, mahkamah hendaklah memakai hukum syarak.*

[87] Para fuqaha bersepakat syarat seorang hakim syarie, iaitu: Islam, akil baligh, adil, ilmu, merdeka, sempurna anggota badan dan pancaindera.

Justeru, hukum syarak merupakan asas rujukan utama dan telah menetapkan bahawa hakim yang membicarakan kes-kes di bawah perundangan jenayah Islam hendaklah seorang Islam. Maka pelantikan hakim tersebut mestilah berlaku dengan perkenan daripada Sultan Kelantan sebagai ketua agama bagi negeri iaitu hendaklah seorang yang beragama Islam sebagaimana syarat menjadi saksi mestilah seorang lelaki Islam yang akil baligh dan adil.

4.7 Pindaan RUU 355 Selari Dengan Syarak

Ketakutan dan kejumudan menyesuaikan hukum Islam dengan perubahan tempat dan zaman boleh menjadi ancaman bagi kesinambungan dan kelangsungan hukum Islam itu sendiri. Berkaitan konsep perubahan hukum mengikut suasana dan zaman, pindaan ke atas Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (*Bidang Kuasa Jenayah*) (*Pindaan*) 2016 atau RUU 355 menjadi satu sejarah kerana mendapat tumpuan luar biasa dalam kalangan pemimpin dan rakyat Malaysia. Usul pindaan yang dibentangkan oleh Ahli Parlimen Marang, Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang merupakan satu agenda yang dinantikan banyak pihak, sama ada mereka setuju atau menentang (Muhammad Fathi Yusoff, 2017). Walaupun pembentangan usulnya selesai, rang undang-undang ini perlu melalui beberapa proses pembentangan pada sidang akan datang. Menerusi sesi berkenaan, ahli parlimen mempunyai ruang sangat luas untuk menyampaikan ucapan menyokong atau menolaknya.

Cadangan pindaan ini pada asasnya berkaitan bidang kuasa mahkamah syariah yang boleh dikategorikan kepada dua iaitu bidang kuasa jenayah dan bidang kuasa selain jenayah yang juga disebut sebagai Undang-undang Sivil atau Mal. Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa membicarakan kes bukan jenayah seperti berkaitan perkahwinan, perceraian, pusaka dan seumpamanya tanpa terikat dengan kebenaran undang-undang Persekutuan. Namun dalam bidang kuasa jenayah, Perlembagaan yang

menetapkan dalam Butiran I, Senarai II, Jadual Kesembilan, bahawa Mahkamah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini (Butiran 1). Ia tidak mempunyai kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang Persekutuan. Oleh itu, satu akta khusus diperlukan untuk memberikan kuasa kepada Mahkamah Syariah. Pada 1965, satu Undang-undang Persekutuan disebut RUU 355 Akta Mahkamah Syariah (*Bidang Kuasa Jenayah*) 1965 telah diluluskan di parlimen bagi maksud memberikan kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk membicarakan dan menjatuhkan hukuman kes jenayah.

Akta ini bukan sahaja memberikan kuasa, bahkan berfungsi menetapkan had kuasa Mahkamah Syariah dalam kes jenayah. Fungsi akta ini sesuai dengan realiti Mahkamah Syariah pada ketika itu dari sudut saiz mahkamah, tahap kemampuan hakim, undang-undang jenayah syariah sedia ada dan penerimaan orang ramai terhadap Mahkamah Syariah. Semua faktor yang disebut ini sudah jauh berubah sesuai dengan perkembangan zaman. Kaedah fiqh atau *Al-Qawāʿid Al-Fiqhiyyah* menetapkan bahawa hukum boleh berubah mengikut suasana dan masa sebagaimana disebut dalam kaedah berbunyi (Zaidan, 2001):

"لا ينكر تغير الأحكام بتغير الأزمان"

Tidak diingkari berlakunya perubahan hukum disebabkan perubahan masa dan tempat.

Perubahan struktur Mahkamah Syariah yang bertujuan untuk memperkasa institusi tersebut amat bertepatan dengan syarak dan sesuai dengan keadaan semasa. Pindaan terhadap Akta 355 tidak bertentangan dengan hukum syarak malah selari dengan tuntutan agama untuk mengangkat dan memartabatkan hukum syariah.

Perubahan hukum disebabkan perubahan masa merupakan suatu perkara yang diperakui dan merupakan sunnatullāh dalam pensyariatan kepada hamba-hamba-Nya (Mustapha al-zarqa,1998). Malah, Imam Al-Syafi'e sendiri pun mempunyai *Qawl Qadīm* (pendapat yang lama) dan *Qawl Jadīd* (pendapat yang baharu) yang terhasil daripada perbezaan tempat. Beliau mengeluarkan pandangan mengenai *Qawl Qadīm* semasa berada di Iraq, manakala *Qawl Jadīd* semasa berada di Mesir.

Kuasa untuk mentafsirkan perlembagaan terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil, khususnya Mahkamah Persekutuan yang mengakibatkan berlaku konflik berterusan di antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil. Hal ini berlaku kerana Mahkamah Sivil berhak untuk mentafsirkan perlembagaan sama ada Mahkamah Syariah di bawah negeri-negeri mempunyai bidang kuasa ataupun tidak dalam memutuskan sesuatu kes. Ditambah lagi dengan undang-undang syariah di negeri-negeri yang tidak seragam dan tafsiran yang berbeza dalam kalangan hakim-hakim Mahkamah Syariah. Keadaan yang tidak seragam ini menyebabkan masyarakat terkeliru dan menganggap bahawa undang-undang Islam ini sukar untuk disatukan. Sekiranya dapat dikurangkan masalah tidak seragam yang berlaku di antara negeri, secara tidak langsung Mahkamah Syariah dapat dimartabatkan dan menyenangkan pengurusan dan pentadbiran sistem kehakiman syariah.

Mahkamah Syariah pada realitinya dikenali sebagai mahkamah kelas kedua dan sering kali diganggu oleh Mahkamah Sivil walaupun Perkara 121 1(A) telah mengasingkan bidang kuasa Sivil dan Syariah. Pengasingan ini tidak membantu isu campur tangan atau konflik di antara Mahkamah Sivil dengan Mahkamah Syariah. Pelbagai konflik yang timbul di antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil termasuklah keputusan Mahkamah Syariah yang boleh dirujuk ke Mahkamah Sivil, sepertimana dalam kes seorang lelaki mencabar keperlembagaan seksyen 28 Enakmen

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 berkaitan persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii, persoalan yang timbul ialah kenapa lelaki tersebut tidak mencabar terhadap peruntukan dalam Kanun Keseksaan yang membawa hukuman lebih berat berbanding dengan Enakmen Jenayah Syariah (Zainul Rijal Abu Bakar, 2020) Dalam hal ini, pindaan Akta 355 dilihat akan mengangkat martabat Mahkamah Syariah setanding dengan Mahkamah Sivil dari segi hukuman dan peruntukan. Ini juga menunjukkan bahawa Islam merupakan agama yang sesuai pada setiap zaman dan tempat.

4.8 Pindaan RUU 355 Sejajar Dengan Waktu

Undang-undang dan apa jua peraturan akan sentiasa berubah mengikut keperluan, masa dan tempat. Undang-undang Syariah yang dilaksanakan di Malaysia merupakan undang-undang takzir yang diputuskan oleh pemerintah berdasarkan kesesuaian semasa dan ia boleh berubah dari semasa ke semasa. Pindaan RUU 355 bertujuan untuk menyesuaikan perundangan syariah dengan suasana sekarang, iaitu untuk meningkatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah selari dengan perundangan sivil yang sering mengalami pindaan dan perubahan. Ketika RUU 355 mula diperkenalkan, bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam hukuman jenayah ialah denda tidak lebih RM 1,000.00 dan enam bulan penjara. Pada tahun 1984, pindaan dibuat bagi menaikkan kadar maksimum hukuman kepada denda, iaitu RM5,000.00, tiga tahun penjara dan enam kali sebatan. Kuasa Mahkamah Syariah yang dianggap rendah ini menyebabkan timbul desakan hebat untuk meningkatkan bidang kuasa sejajar dengan perkembangan zaman (Muhammad Fathi Yusoff, 2019).

Cadangan pindaan yang melibatkan peningkatan kadar maksimum hukuman kepada denda RM 100,000.00, sepuluh tahun penjara dan seratus kali sebatan syarie ini penting kerana akta ini sudah lama tidak dipinda sedangkan ia membabitkan hak bidang

kuasa mahkamah yang perlu disesuaikan dengan perkembangan masa. Contohnya dari sudut denda, kadar yang dikenakan ialah RM 5,000.00 melalui pindaan 1984 dengan nilai wang dahulu dan sekarang sangat berbeza. Selain itu, had yang dikenakan dalam akta sedia ada sangat rendah jika dibandingkan dengan Mahkamah Sivil. Mahkamah Sivil menetapkan hukuman paling rendah ialah di Mahkamah majistret iaitu bidang kuasanya ialah lima tahun penjara, denda RM 100,000.00 dan dua belas kali sebatan.

IN2 menjelaskan bahawa kemudahan dan infrastruktur yang terdapat di mahkamah syariah di Malaysia juga baik dan mampu untuk memenuhi kehendak semasa. Malah, penambahbaikan terhadap sistem tadbir urus di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia sentiasa berlaku termasuklah sudut kepakaran dan kemahiran para hakim syarie. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) di peringkat Persekutuan juga merupakan sebuah badan yang berwibawa untuk memantau dan mengurus selia Mahkamah Syariah di peringkat negeri mengikut ruang kuasa yang dibolehkan.

Jika pindaan ini diluluskan, bidang kuasa mahkamah syariah hampir setara dengan bidang kuasa jenayah mahkamah seksyen (sivil). Perlu diingat juga, pindaan yang dicadangkan ini selari dengan perkembangan dan pembangunan institusi Mahkamah Syariah. Undang-undang Jenayah Syariah semakin mantap dan terdapat kesalahan jenayah yang dikemaskini. Bermula dengan Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1988, kini hampir semua negeri mempunyai undang-undang khusus untuk jenayah syariah. Cadangan pindaan ini sepatutnya dipersetujui oleh ahli parlimen bukan Islam jika mereka menghormati konsep keadilan, hak wanita, kebebasan beragama dan demokrasi. Dari aspek keadilan misalnya, masyarakat Islam sepatutnya berhak mendapat perlindungan yang setaraf dengan golongan bukan Islam dari sudut penjagaan kesucian perkahwinan.

Namun demikian realiti menunjukkan perlindungan terhadap keutuhan sistem perkahwinan umat Islam lebih lemah berbanding dengan perlindungan untuk masyarakat bukan Islam. Misalnya dalam kes penipuan pendaftaran perkahwinan dan perkahwinan sindiket, hukuman kesalahan ini dalam undang-undang untuk bukan Islam lebih tinggi iaitu sepuluh tahun penjara dan denda RM 15,000.00 berdasarkan Akta Pembaharuan Undang-Undang (Pernikahan dan Perceraian) 1976 Bahagian V (Penalti Dan Peruntukan Pelbagai Berhubung dengan Ucapan dan Pendaftaran Perkahwinan. Menerusi Seksyen 40, (Upacara yang tidak dibenarkan bagi perkahwinan).

Perlindungan terhadap kedudukan isteri dalam kalangan masyarakat Islam adalah kurang berbanding dengan isteri bukan Islam. Misalnya dalam kes membabitkan suami tidak bertanggungjawab dalam menunaikan hak kepada isteri, hukuman di bawah Mahkamah Sivil lebih tinggi memandangkan bidang kuasa Mahkamah Sivil lebih tinggi berbanding dengan Mahkamah Syariah (Muhammad Fathi Yusoff, 2019).

Kedudukan Mahkamah Syariah dalam apa jua aspek, sama ada tingkat mahkamah, hukuman, pelantikan hakim, gaji hakim, kemudahan atau prasarana dan lain-lain ketinggalan berbanding Mahkamah Sivil. Kekurangan ini menyebabkan Mahkamah Syariah dipandang rendah dan tidak begitu dihormati oleh masyarakat. Keadaan ini tidak seiring dengan kedudukan Mahkamah Syariah dengan status Islam sebagai agama negara. Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 merupakan satu langkah ke arah melaksanakan undang-undang syariah sepenuhnya di Malaysia. Pelaksanaan kanun ini bertujuan untuk memartabatkan undang-undang Islam. Namun demikian, terdapat beberapa tindakan yang perlu dilakukan di peringkat negeri dan pusat bagi tujuan merealisasikan hasrat tersebut.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

4.9 KJS II (1993) 2015: Memartabatkan Institusi Mahkamah Syariah Di Malaysia

Kedudukan mahkamah syariah dan kuasanya tidak setanding dengan mahkamah sivil. Tindakan Kerajaan Negeri Kelantan meluluskan KJS II (1993) 2015 dan berusaha untuk melaksanakannya dilihat sebagai satu usaha penting ke arah memartabatkan institusi kehakiman syariah di Malaysia. Oleh hal yang demikian, beberapa perkara perlu dilaksanakan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Kelantan dan juga secara bersama dengan Kerajaan Persekutuan, antaranya ialah:

i. Kerajaan Persekutuan dan negeri hendaklah mengubah kedudukan Mahkamah Syariah daripada tiga peringkat (Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah) kepada empat peringkat, iaitu (Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Utama Syariah). Penambahan tingkat Mahkamah Syariah ini akan menjadikan ia setaraf dengan Mahkamah Sivil.

ii. Kerajaan Negeri Kelantan perlu mewujudkan dewan bicara khas untuk kes-kes jenayah syariah. Ini bertujuan untuk mempercepat proses perbicaraan supaya berjalan dengan lancar. IN8 Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi dan Rayuan Syariah Kelantan mengulas tentang masa yang diambil untuk menyelesaikan kes-kes jenayah di bawah KJS (1984) adalah tidak menentu. Malah boleh berlarutan sehingga bertahun. Merujuk kepada *Standard Operating Prosedure* (SOP) yang ditetapkan, mana-mana kes jenayah yang didaftarkan hendaklah diberikan tarikh pertama dalam masa 21 hari bekerja. Namun begitu, kadang-kadang ia berlarutan ke satu masa yang agak lama kerana kekurangan hakim dan juga dewan bicara. Hakim-hakim yang sama terpaksa mengendalikan kes-kes MAL dan juga kes-kes jenayah. Penyelidik

PHD THESIS

mendapati negeri Terengganu telahpun melaksanakan perkara ini dengan melantik hakim-hakim khusus untuk membicarakan kes-kes jenayah.

iii. Pihak Kerajaan Negeri Kelantan dan Persekutuan haruslah mewujudkan penjara syariah khas kepada pesalah syariah seperti pesalah zina, pesalah aqidah, murtad, minum minuman yang memabukkan, tidak berpuasa dan sebagainya. Krealiti semasa ialah semua pesalah syariah yang dijatuhi hukuman penjara di Jabatan Penjara Malaysia ditempatkan bercampur dengan pesalah sivil seperti mengedar dadah, rogol, merompak dan lain-lain. Jabatan Penjara Malaysia sekarang sudah mempunyai modul kesedaran rohani untuk para banduan yang menjalani hukuman. Penjara syariah perlu menekankan aspek pendidikan agama sebagai cara memberikan kesedaran kepada pesalah untuk kembali ke pangkal jalan. Penjara Khas Syariah ini juga boleh dilihat sebagai "madrasah, sekolah atau pondok" kepada pesalah-pesalah syariah. Ia sesuai dengan konsep hukuman dalam Islam yang bertujuan untuk mendidik dan bukan hukuman semata-mata. Sekiranya penjara syariah ini tidak dapat dilaksanakan dalam waktu terdekat, mahkamah syariah juga bolehlah menimbangkan untuk menjatuhkan hukuman "*penjara terbuka tapi tidak bebas*", maksudnya mahkamah menjatuhkan hukuman terhadap pesalah dengan hukuman menempatkan pesalah tersebut di mana-mana pusat pengajian atau pemulihan dalam tempoh masa tertentu. Pesalah wajib menghadiri kelas pengajian agama dan kemahiran dengan diawasi oleh pihak yang dilantik. Ia sebagaimana yang diperuntukkan dalam Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat (MAIK) Bil 4. Tahun 1994. "*Pusat Bimbingan Islam*" merupakan sebuah pusat tahanan, pengajian dan bimbingan atau sekolah yang ditubuhkan oleh

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Konsep ini juga menepati konsep hukuman restoratif yang menekankan kepada pemulihan pesalah bukan berteraskan hukuman retributif semata-mata.

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (pindaan) 2021 bagi memperkasa inisiatif pemenjaraan di luar tembok penjara melalui pemuliharaan dalam komuniti. Rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 (Akta 461) dan menggantikan Ordinan Darurat (Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah) Pindaan 2021 (ODPKW). Peruntukan dalam Akta 461 diperkukuhkan selari dengan perubahan semasa sistem perundangan, iaitu daripada keadilan pembalasan kepada keadilan pemulihan bagi memberikan peluang kedua kepada lebih ramai pesalah dengan menjalani hukuman serta pemulihan di luar penjara. Perintah Kehadiran Wajib (PKW) merupakan hukuman alternatif di luar tembok penjara yang dijatuhkan oleh mahkamah kepada pesalah yang melakukan kesalahan tertentu dan pesalah ini dikehendaki menjalankan kerja wajib bersifat untuk kepentingan masyarakat.

Program pemulihan diberikan secara berterusan oleh Jabatan Penjara bagi menerapkan nilai positif dan melahirkan insan yang berguna kepada masyarakat dan negara serta mencegah perlakuan semula sesuatu jenayah. Menerusi kewujudan PKW ini, pesalah boleh meneruskan kehidupan harian tanpa menjejaskan kebajikan mereka dan keluarga ketika menjalani PKW tersebut. Selain itu ia juga dapat mengurangkan kesesakan dalam penjara dan mengelak penularan penyakit berjangkit di dalam penjara. Pindaan Seksyen 5 Akta 461 memberikan budi bicara kepada hakim atau majistret untuk menentukan hukuman PKW, iaitu dengan mengambil kira latar belakang Orang Kena Tuduh (OKT) dan keadaan kesalahan yang dilakukan. Pindaan ini bertujuan untuk memberikan pilihan kepada mahkamah untuk menggunakan budi bicara kehakiman.

Budi bicara tersebut adalah untuk memberikan hukuman alternatif kepada hukuman pemenjaraan dalam kes yang mahkamah berpendapat bahawa hukuman PKW merupakan satu hukuman yang tepat dan wajar kepada seorang OKT (Ismail Mohamad Said, 2022).

Memartabatkan Mahkamah Syariah merupakan suatu yang perlu dilakukan oleh pihak kerajaan memandangkan negara telah pun merdeka selama 63 tahun namun hakikatnya mahkamah syariah masih lagi ketinggalan berbanding dengan mahkamah sivil. Dua sistem kehakiman yang berjalan di Malaysia memperlihatkan sedikit gangguan bidang kuasa oleh mahkamah sivil terhadap mahkamah syariah. Terdapat beberapa kes di bawah kuasa mahkamah syariah tetapi telah dibicarakan dan didengari di mahkamah sivil. Sistem kehakiman Mahkamah Syariah masih baharu jika dibandingkan dengan sistem kehakiman Mahkamah Sivil dan perlu kepada penambahbaikan. Kedudukan undang-undang Islam di bawah kuasa negeri dan ketidak seragaman antara negeri menjadi cabaran besar terhadap usaha memperkasakannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Islam), Dato' Mujahid bin Yusoff Rawa (2019) menjelaskan bahawa pelaksanaan dan hukuman undang-undang jenayah syariah berbeza di setiap negeri. Perkara ini menimbulkan kekeliruan dalam kalangan orang Islam dan ia perlu diselaraskan. Penyeragaman ini penting kerana beberapa sebab;

Pertama : Keperluan demi kepentingan dan keadilan agama Islam.

Kedua : Penyeragaman Undang- undang Jenayah Syariah sebagai undang undang Islam dan tidak berlaku interpretasi yang berlainan di antara negeri.

Menurut beliau lagi, memandangkan undang-undang Islam di bawah bidang

kuasa kerajaan negeri maka langkah penyeragaman tersebut tidak mudah bagi Kerajaan Persekutuan tetapi pendekatannya akan menjadi mudah dengan menyediakan *Road Map*. Melalui *Road Map*, kerajaan boleh membuat libat urus bermula dengan pihak negeri menyatakan hasrat dan kemudiannya usaha perundingan dengan pemegang taruh di negeri-negeri termasuklah majlis agama Islam setiap negeri. Penerimaan dan persetujuan semua adalah pra syarat ke arah merealisasikan proses penyeragaman undang-undang tersebut. Apabila penyeragaman dibuat di peringkat akta, iaitu di Wilayah Persekutuan, maka usaha persetujuan itu diharapkan boleh diterima oleh setiap negeri. Beliau juga menjelaskan bahawa lebih kurang 40 peratus *Road Map* sudah dijalankan ke arah kerja-kerja pemerkasaan Mahkamah Syariah. Pertama, penglibatan Jawatankuasa Sivil dan Syarak bagi tujuan meneliti dan mencadangkan kandungan pemerkasaan tersebut. Kedua, penglibatan tadbir urus negeri-negeri di peringkat pegawai, termasuklah pertemuan antara Menteri Agama dengan Exco-exco Agama Kerajaan Negeri. Manakala 60 peratus lagi akan melibatkan isu rundingan selanjutnya seperti turun ke setiap negeri dan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI). Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Pakatan Harapan (PH) akan cuba mengikuti Road Map untuk sampai ke penghujung tahun 2020 atau mungkin lebih awal untuk dibentangkan di parlimen. Diharapkan apabila dibentangkan akan mendapat sokongan di parlimen dan negeri-negeri lain akan mengikutinya (Mujahid Yusoff Rawa, 2019).

4.10 Perbezaan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Dengan Mahkamah Majistret - Kadar Hukuman

Mahkamah Syariah merupakan mahkamah yang terikat dengan kuasa negeri di bawah Sultan sebagai ketua agama. Hukuman bagi sesetengah kesalahan jenayah berbeza di antara setiap negeri. Tidak ada keseragaman bagi kesalahan jenayah syariah di negeri-

negeri di Malaysia sebagai contoh negeri Terengganu untuk kesalahan khalwat merujuk kepada (Seksyen 31) dan negeri Kelantan merujuk kepada (Seksyen 9)[88]. Peruntukan hukuman bagi kesalahan jenayah di Mahkamah Syariah juga lebih rendah berbanding dengan peruntukan hukuman bagi kesalahan jenayah di bawah Undang-undang Sivil. Begitu juga peruntukan hukuman kesalahan bagi Mahkamah Majistret lebih tinggi berbanding dengan Mahkamah Tinggi Syariah. Mahkamah Syariah (Rendah, Tinggi dan Rayuan) mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman mengikut Akta Mahkamah Syariah (1965) 1984 (*Bidang kuasa Jenayah Syariah*) dengan had hukuman RM 5,000.00, tiga tahun penjara dan enam kali sebatan.

Bidang kuasa jenayah Mahkamah Majistret Sivil (kelas pertama) boleh mendengar kes sivil dengan jumlah tuntutan tidak melebihi RM100,000.00. Mahkamah Majistret Jenayah (kelas pertama) boleh mendengar kes jenayah di mana hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang ialah denda sahaja (termasuk kesalahan trafik) dan kes jenayah di mana tempoh penjara yang ditetapkan oleh undang-undang tidak melebihi 10 tahun. Majistret kelas pertama tidak boleh menjatuhkan hukuman penjara melebihi lima tahun penjara dan tidak boleh menjatuhkan hukuman sebat melebihi 12 kali sebatan.

Kajian ini mendapati bahawa kadar hukuman bagi kesalahan memiliki dan membunuh binatang liar tanpa kebenaran di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (2010) Seksyen 68 (2)(c), Seksyen 68 (1) (b) dan Seksyen 60 (1) (b), kadar denda bagi kesalahan memiliki binatang liar lebih tinggi berbanding dengan kesalahan zina, liwat, khalwat dan lain-lain. Contoh kes iaitu pada 15 April 2019 Mahkamah Seksyen Kuala Terengganu telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1.56 juta setiap seorang

[88] Negeri Terengganu Enakmen 7 Tahun 2001 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (*Ta'azir*) (Terengganu) 2001 dan Kelantan (Khalwat Seksyen 9) Enakmen Jenayah Syariah Kelantan 1965.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

terhadap tertuduh, iaitu warganegara Veitnam yang bernama Hong Van Viet (29 tahun) dan Nguyen Van Thiet (26 tahun). Mereka turut berdepan hukuman penjara 16 tahun sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

4.11 Pindaan KJS II (1993) kepada KJS II (1993) 2015

Kerajaan negeri Kelantan melalui Dewan Undangan Negeri Kelantan telah meminda beberapa seksyen dalam KJS II (1993) bertujuan untuk penambahbaikan dan mengurangkan kontroversi dalam kalangan masyarakat. Setelah mendapat pandangan daripada pakar dan pejabat penasihat undang-undang kerajaan negeri, antara seksyen yang dipinda ialah;

a. KJS II (1993) sebelum ini terpakai kepada orang Islam dan orang bukan Islam diberi pilihan pemakaian undang-undang ke atas mereka. Manakala KJS II (1993) 2015 hanya terpakai kepada orang Islam yang *mukallaf* yang melakukan kesalahan di Kelantan sahaja.
b. KJS II (1993) juga dipinda membabitkan seksyen 46 iaitu membuang peruntukan 46(2) mengenai qarinah atau sebab zina bagi perempuan hamil tanpa suami.

Pindaan juga melibatkan kelayakan, pemberhentian, gaji dan elaun hakim. Begitu juga struktur mahkamah daripada Mahkamah Agung kepada Mahkamah Persekutuan. Pindaan ini juga turut melibatkan struktur ayat untuk disesuaikan dengan undang-undang sedia ada[89].

4.12 Analisis Dapatan

[89] Kanun Jenayah Syariah II (1993) dan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 https://www.google.com/url?sa=t&source=web&rct=j&opi=8997849&url=https://www.bharian.com.my/node/41784&ved=2ahUKEwjQ0L8IuSNAxV2V2aw1zSdA9YQRV4fG_7LP7rNz4

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahagian ini menganalisis dapatan yang diperoleh berdasarkan temu bual dan juga rujukan kepustakaan. Kedudukan penyelidik sebagai Pegawai Kanan di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) banyak membantu dan memberi kelebihan kepada penyelidik dari segi capaian maklumat dan juga kerjasama daripada mana-mana pihak sama ada negeri atau Persekutuan. Antara isu penting berkaitan pelaksana KJS II (1993) 2015 ialah kesediaan agensi-agensi terbabit melibatkan jumlah anggota penguatkuasa, kefahaman peruntukan undang-undang berkaitan, kemudahan infrastruktur, jalinan kerjasama antara agensi pelaksana di bawah kerajaan negeri dan lain-lain.

Dapatan dan hasil kajian ini merangkumi aspek politik, perundangan dan kesediaan kerajaan negeri untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 di Kelantan. Perjuangan ini berasaskan kepada kesedaran dan kemahuan untuk memenuhi tuntutan agama dengan memartabatkan hukum Islam di Malaysia. Hasrat ini dimulakan apabila kejayaan parti PAS memerintah Kelantan yang meletakkan dasarnya berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Kejayaan PAS memerintah Kelantan dan Terengganu telah menggerakkan kedua-dua kerajaan negeri itu untuk menggubal dan meluluskan Kanun Jenayah Syariah.

Kuasa politik yang diperoleh telah menggerakkan PAS melalui kerajaan negeri untuk menggubal dan meluluskan KJS II (1993) 2015 yang mengandungi hudud, qisas dan ta'zir berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan Perkara 74, Jadual ke Sembilan, Senarai I (Hal Ehwal Islam). Keupayaan PAS memerintah Kelantan lebih kurang 30 tahun telah memberi ruang besar kepada Kerajaan Kelantan untuk melakukan apa-apa tindakan sebagai memenuhi janji-janji politik dan juga memenuhi inspirasi perjuangan sebuah fahaman politik. Namun begitu kemahuan politik di peringkat negeri perlu mendapat persetujuan Persekutuan yang memainkan peranan

besar dalam menjayakan agenda tersebut. Pada peringkat awal usaha untuk melaksanakan KJS (II) 1993 menemui jalan buntu kerana tidak mendapat kerjasama dengan pihak Persekutuan. Keadaan menjadi lebih sukar apabila persepsi masyarakat terutamanya yang bukan Islam sukar menerima perkara ini. Mereka menganggap bahawa pelaksanaan undang-undang Islam akan menggugat keharmonian mereka. Parti-parti politik bukan Islam turut memberi gambaran tidak tepat mengenai KJS II (1993) 2015 demi kepentingan politik. KJS II (1993) 2015 menjadi suatu polemik yang berterusan oleh pelbagai pihak sama ada yang menentang atau pun yang menyokong.

Perlembagaan Persekutuan pada asasnya tidak menghalang mana-mana negeri menggubal dan meluluskan apa-apa perundangan berkaitan Islam di peringkat negeri-negeri. Tindakan Kerajaan Kelantan meluluskan KJS II (1993) 2015 adalah bertunjangkan Perkara 74 (Hal Ehwal Negeri Dan Persekutuan) yang mana senarai II berkaitan Islam adalah di bawah kuasa negeri. Namun begitu Akta Mahkamah Syariah (1993) 1984 (Bidang Kuasa Jenayah) menghadkan hukuman tiga tahun penjara, lima ribu ringgit denda dan enam kali sebatan. Kepelbagaian tafsiran perlembagaan telah mengundang pelbagai reaksi dan natijah daripada pihak-pihak berkuasa sama ada negeri atau Persekutuan. KJS II (1993) 2015 tidak dapat dilaksanakan walaupun telah diluluskan hampir 30 tahun kerana terhalang oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) (1965)1984. Timbul persoalan adakah akta tersebut yang berkaitan dengan hal ehwal Islam iaitu Mahkamah Syariah yang diluluskan oleh Parlimen itu sah atau tidak? Penyelidik melihat bahawa isu ini perlu diperhalusi dalam bidangkuasa perundangan dan dibawa ke Mahkamah untuk diputuskan. Undang-undang Jenayah Syariah adalah sebahagian daripada hal ehwal Islam dan sepatutnya ia adalah urusan serta bidang kuasa negeri.

Kegagalan pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ini juga sering kali dikaitkan dengan alasan perundangan, bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, hak kesamarataan, diskriminasi, hak asasi dan lain-lain. Ini antara alasan dan satu cara untuk menolak pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan oleh pihak yang sememangnya tidak mahu melihat syiar Islam dijulang dengan ungkapan yang sesuai ialah "*How To Say No Without Saying No*". KJS II (1993) 2015 adalah hukum hudud meskipun tidak sempurna berdasarkan perakuan oleh Jawatankuasa Ulama, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Masih terdapat banyak kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki dan inisiatif pihak kerajaan negeri menambahbaik aspek infrastruktur, sumber manusia, jalinan kerjasama antara agensi pelaksana di bawah negeri dan Persekutuan dan seumpamanya. Tindakan ini perlu dilakukan sebagai bukti kesungguhan dan kesediaan kerajaan negeri untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 nanti. Kewajipan menegakkan undang-undang Islam merupakan suatu tuntutan umat Islam sebagaimana disebut dalam satu kaedah fiqah yang bermaksud;

> *"Sesuatu kewajipan yang tidak sempurna melainkan dengannya maka ia juga wajib".*

Justeru, tindakan Kerajaan Kelantan yang berusaha untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 adalah suatu usaha penting ke arah memenuhi tuntutan dan kehendak agama Islam. Kejayaan atau kegagalan dalam perjuangan ini ditentukan oleh Allah SWT.

4.13 Penutup

Hal-hal berkaitan dengan agama Islam merupakan hak dan bidang kuasa negeri sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Penambahbaikan Kanun Jenayah Syariah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dengan

meminda dan mewujudkan beberapa perkara dalam KJS II (1993) 2015 sebagai usaha yang baik dan memenuhi tuntutan agama. Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi mengikut peruntukan Perlembagaan bagi memastikan kebolehlaksanaannya. Perlembagaan Persekutuan tidak meletakkan halangan yang jelas terhadap pelaksanaan KJS II (1993) 2015 kerana ketiadaan peruntukan khusus yang menafikan ruang penggubalan dan pelaksanaan undang-udang tersebut. Pihak-pihak berwajib terutamanya Mahkamah Sivil seharusnya memberikan tafsiran baharu mengenai kedudukan Islam sebagai agama negara, sesuai dengan roh Perlembagaan yang mengiktiraf ketinggian agama Islam mengatasi agama-agama lain. Perkara ini penting bagi menangkis tanggapan salah masyarakat terhadap kedudukan Islam dalam negera.

Bab ini juga mengupas dan menganalisis halangan yang perlu diatasi sebelum pelaksanaan KJS II (1993) 2015 sama ada di peringkat negeri, di peringkat Persekutuan dan juga secara bersama. Persediaan kerajaan negeri Kelantan untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 ialah pada tahap tidak begitu memuaskan. Masih banyak usaha yang perlu dilakukan sama ada secara drastik atau secara beransur-ansur dan memerlukan penglibatan semua pihak. Penyelidik dapat merumuskan bahawa kerajaan negeri Kelantan perlu meningkatkan lagi tahap persediaan dalam semua aspek seperti infrastruktur, kemahiran kakitangan penguatkuasaan, jalinan kerjasama antara agensi, kemahiran dan kepakaran para hakim dan lain-lain.

Perbincangan mendalam untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 dalam kerangka negara Malaysia akan menghasilkan gambaran sebenar mengenai realiti dan cabaran yang perlu dihadapi. Perjuangan untuk menegakkan syariah bukanlah sesuatu yang mampu dilakukan dalam masa yang singkat dan bersendirian, malah ia perlu memerlukan usaha dan perancangan yang teliti serta melibatkan perancangan jangka masa pendek dan panjang. Hasrat untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 secara

berhikmah dan bijaksana merupakan perjuangan mendaulatkan syariah. Tanggapan negatif terhadap undang-undang syariah harus ditangani dengan ilmu pengetahuan, memberikan kefahaman secara berhemah, bijaksana dan terbuka menerima pandangan yang membantu ke arah yang lebih baik.

PHD THESIS

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab terakhir ini menumpukan perbincangan mengenai rumusan kajian, implikasi dan cadangan ke arah pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Bab ini akan merumuskan objektif kajian tentang pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 dari sudut Perlembagaan Persekutuan, kemampuan, halangan dan lain-lain. Bab ini merumuskan tentang isu dan persoalan kajian serta cadangan penyelidikan lanjutan. Bab ini juga menjelaskan sumbangan kajian kepada pihak-pihak berkaitan dengan usaha merealisasikan pelaksanaan KJS II (1993) 2015.

5.2 Rumusan Kajian

Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 ialah suatu enakmen yang sah dari segi hukum syarak dan perundangan negara kerana ia telah melalui proses yang betul mengikut badan perundangan negeri. Penggubalannya dibuat mengikut pandangan para ulama yang *muʿtabar* dan telah disahkan selari dengan al-Quran dan hadis, bukan dicipta berasaskan kepentingan politik. Namun tidak dapat dinafikan wujud kelemahan dan memerlukan penambahbaikan bagi melengkapkan kanun tersebut. Dalam hal ini terdapat juga pakar perundangan yang menyifatkannya tidak sah kerana melampaui bidang kuasa yang telah diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Kajian ini mendapati bahawa KJS II (1993) 2015 telah melalui satu proses yang betul mengikut peruntukan yang sedia ada sehinggalah wujud keputusan daripada mana-mana mahkamah yang memutuskan sebaliknya.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Semua pihak berhak untuk memberikan pandangan dan mengkritik ke arah kebaikan terhadap pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Masyarakat beragama Islam perlu akur bahawa hukum hudud merupakan ketetapan daripada Allah SWT. Pendirian yang menolak dan menentang pelaksanaan KJS II (1993) 2015 dilihat tidak wajar. Sebagaimana isu yang berlaku apabila masyarakat bukan Islam mencadangkan supaya orang bukan Islam menyertai jawatankuasa kajian mengenai undang-undang Islam. Ini menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan masyarakat Islam. Hal ehwal Islam merupakan hak mutlak orang Islam yang perlu dihormati bersama sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia.

Pada zaman penjajah, undang-undang jenayah Islam yang merupakan undang-undang asal dan telah dipraktikan telah diketepikan dan digantikan dengan kanun keseksaan sehingga sekarang. Undang-undang jenayah Islam yang berteraskan al-Quran dan hadis tidak lagi diguna pakai malah terdapat peruntukan yang menghadkan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam. Undang-undang jenayah Islam yang sedang dilaksanakan di setiap negeri merupakan hukuman takzir dan bukan hukuman hudud. Contohnya, hukum hudud memperuntukkan hukuman seratus kali sebatan bagi kesalahan zina sedangkan Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan (1985) hanya memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM 5,000.00 atau sebatan sebanyak enam kali. Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) 2019 juga menetapkan denda tidak melebihi RM 5,000.00 atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun dan sebatan tidak melebihi enam sebatan. Hukuman ini menunjukkan bahawa ia bukanlah hukum hudud yang ditetapkan oleh Islam.

Islam sebagai agama negara mempunyai kedudukan yang istimewa dan tinggi iaitu pada Bahagian 1 dan susunan Perkara 3 dalam Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun dari segi pelaksanaan undang-undang jenayah Islam ia masih belum

mampu untuk dilaksanakan sepenuhnya. Perlembagaan Persekutuan juga secara jelas memperuntukkan bahawa hal ehwal Islam merupakan bidang kuasa negeri di bawah kuasa Sultan. Pihak Legislatif (perundangan), Eksekutif (pemerintah), Kehakiman (judisiari) dan juga ahli akademik perlu memainkan peranan meletakkan Islam pada kedudukan yang sesuai sebagai agama negara. Kepelbagaian tafsir yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu telah banyak menghakis kedudukan Islam sebagai agama negara. Sebarang tafsiran tanpa mengambil kira latar sejarah negeri-negeri yang menjadikan undang-undang Islam sebagai undang-undang negeri semenjak sebelum merdeka lagi perlu disemak kembali. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan dalam Perkara 6 (2), iaitu:

> *"Tiada undang-undang boleh dibuat menurut perenggan (a) Fasal (10 mengenai apa-apa perkara mengenai hukum syarak atau adat orang Melayu atau mengenai apa-apa perkara tentang undang-undang atau adat anak negeri di negeri Sabah dan Sarawak dan tiada Rang Undang-Undang bagi suatu undang- undang di bawah perenggan itu boleh dibawa di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen sehingga kerajaan mana-mana negeri yang berkenaan telah dirundingi"*

Peruntukan di atas menjelaskan bahawa Persekutuan tidak boleh mencampuri dan mengganggu urusan hal ehwal Islam negeri. Namun hakikatnya berlaku campur tangan urusan Islam negeri dalam banyak keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Sivil. Perkara 121 (1A) memperuntukkan bahawa Mahkamah Sivil tidak boleh mencampuri urusan Mahkamah Syariah. Kajian ini mendapati bahawa Akta Mahkamah Syariah (1965) 1984 yang dibuat dan diluluskan di Parlimen telah memperuntukkan mengenai had kuasa Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman kepada orang Islam. Persoalannya mengenai kewujudan akta ini, sama ada telah mencabuli Perlembagaan Persekutuan kerana agama Islam merupakan urusan negeri, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan, Senarai 2 (A).

Kepelbagian bangsa dan agama di Malaysia tidak wajar dijadikan alasan untuk menolak undang-undang Islam. Orang bukan Islam perlu memahami dan menghormati asas pembinaan negara Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu. Wujudnya negara Malaysia di atas tanah negeri-negeri yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi, kemudiannya dipindahkan menjadi agama bagi negara Malaysia. Terdapat segelintir pihak yang mewakili kaum bukan Islam tidak dapat menerima pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia dengan pelbagai alasan. Antaranya ialah bertentangan dengan Perlembagaan, mempertahankan hak asasi, masyarakat berbilang kaum, undang-undang Islam ketinggalan zaman dan lain-lain.

Hasrat Kerajaan Negeri Kelantan yang ingin melaksanakan KJS II (1993) 2015 telah mendapat kritikan daripada parti-parti politik yang mewakili masyarakat bukan muslim di Malaysia. Malah, kritikan ini juga berlaku dalam kalangan orang Islam sehingga ada yang membawa ke peringkat mahkamah dengan pelbagai alasan seperti hak asasi manusia, alasan perlembangaan, kompetensi badan perundangan negeri untuk menggubal undang-undang jenayah dan lain-lain. Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 telah menjadi bahan politik sama ada PAS, UMNO, PKR, DAP dan lain-lain. Parti politik yang mewakili masyarakat bukan Islam akan menggunakan isu pelaksanaan KJS II (1993) ini untuk meraih sokongan dalam kalangan bukan muslim untuk menyokong mereka. UMNO mengambil sikap berhati-hati dalam menyatakan pendirian mengenai pelaksanaan KJS II (1993) ini. Manakala PAS pula sebagai parti yang mencetuskan idea pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ini terus konsisten dalam perjuangannya walaupun cara atau tindakan berbeza mengikut masa dan keadaan. Pendekatan PAS agak tegas dan mendesak untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 sewaktu menjadi pembangkang namun berubah dan kendur apabila mereka menjadi sebahagian daripada kerajaan di peringkat Persekutuan (Kerajaan Perikatan Nasional). Sedangkan beberapa ahli

parlimen PAS antaranya dilantik sebagai Menteri Hal Ehwal Parlimen dan Undang-undang[90], Menteri Hal Ehwal Agama[91] dan juga Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama[92].

Kerajaan Negeri Kelantan berpegang kepada tafsiran bahawa Perlembagaan Persekutuan boleh membenarkan pelaksanakan KJS II (1993) 2015 kerana hal ehwal agama merupakan bidang kuasa negeri. Namun sehingga hari ini KJS II (1993) 2015 tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat kekangan perundangan termasuk halangan daripada Perlembagaan Persekutuan sendiri. Justeru, keperluan untuk mendapat kebenaran Kerajaan Persekutuan melalui parlimen merupakan pendekatan seterusnya dalam usaha merealisasikan hasrat tersebut. PAS melalui Ahli Parlimen Marang iaitu Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang telah membawa Rang Undang-Undang 355 ke parlimen untuk dipinda bagi tujuan mendapat kelulusan pelaksanaan KJS II (1993) 2015 pada masa akan datang.

Kajian ini melihat bagi merealisasikan KJS II (1993) 2015, pihak berwajib seperti badan kehakiman hendaklah memberikan tafsiran baharu mengenai kedudukan Islam sebagai agama negara. Ia melibatkan semua aspek termasuk agama Islam dalam konteks pelaksanaan undang-undang jenayah Islam dan Islam itu merangkumi semua cara hidup. Akta 355 juga perlu dipinda di parlimen dan perlu disokong oleh ahli parlimen, terutamanya ahli parlimen yang beragama Islam. Selain itu kerajaan negeri pada hakikatnya belum cukup bersedia untuk pelaksanaan KJS II (1993) 2015 dari sudut bilangan kakitangan yang tidak mencukupi sama ada di peringkat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan, Jabatan Pendakwaan Syarie Kelantan malah anggota penguatkuasa wanita juga tidak mencukupi di semua pejabat agama jajahan. Keperluan membangunkan *road map*

[90] YB Dato' Seri Taqiyuddin bin Hassan, Ahli Parlimen Kota Bharu merangkap Setiausaha Agong PAS Malaysia.
[91] YB Senator Datuk Haji Idris bin Ahmad, Ahli Dewan Negara PAS, merangkap Naib Presiden PAS.
[92] YB Datuk Marzuk bin Sya'ari, Ahli Parlimen Pengkalan Chepa, Kelantan.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

pelaksanaan KJS II (1993) 2015 merupakan suatu yang amat penting bagi memandu pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Kerajaan negeri perlu menetapkan beberapa pelan tindakan dan peringkat pelaksanaan KJS II (1993) 2015 seperti program kefahaman dan kesedaran yang berkesan kepada masyarakat. Ini tidak memadai dengan melaksanakan Hari *Hududullah*.

Langkah seterusnya ialah mewujudkan prasarana yang lengkap dan kondusif seperti kemudahan kenderaan, kemudahan lokap yang diwartakan, bilik barang kes dan seumpamanya. Selain itu kajian yang holistik mengenai pelaksanaan KJS II (1993) 2015 perlu dilakukan bersama pihak kerajaan Persekutuan, ahli akademik dan pengamal undang-undang. Begitu juga perundingan dengan pihak-pihak yang terlibat seperti Majlis Raja-Raja, pemimpin- pemimpin parti politik, agensi-agensi pelaksana dan lain-lain. Aspek terakhir ialah pelaksanaan, pematuhan dan pemantauan bagi mencapai *Maqasid Syar'iyah* supaya pelaksanaan hukum Islam ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Pemantauan ketika penguatkuasaan dan perbicaraan kes di bawah KJS II (1993) 2015 perlu dilakukan dengan teliti. Kerajaan negeri perlu menubuhkan jawatankuasa hisbah atau jawatankuasa pemantauan yang berperanan bagi tujuan tersebut dengan melantik ahli yang berwibawa dan mampu berperanan.

5.3 Implikasi Kajian

Implikasi terhadap usaha Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 adalah seperti berikut;

i. Hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 merupakan satu idealisme dan matlamat PAS sebagaimana tercatat dan termaktub dalam perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). PAS akan terus berjuang walaupun berlaku perubahan pendekatan dalam menjayakan hasrat tersebut.

ii. Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 telah dijadikan isu politik kepada parti seperti UMNO, PAS, PKR dan lain-lain. Perkara ini akan terus berlarutan dan sentiasa ada pihak yang akan mengambil manfaat demi kepentingan politik. Pihak media pula secara sengaja atau tidak sengaja telah memberikan gambaran yang salah dan salah anggapan dalam kalangan masyarakat terhadap KJS II (1993) 2015.

iii. Masyarakat bukan muslim telah mendapat gambaran yang salah tentang pelaksanaan KJS II (1993) 2015 kerana diubah-ubah oleh pihak-pihak tertentu demi kepentingan politik.

iv. Kefahaman mengenai KJS II (1993) 2015 dalam kalangan agensi pelaksana, orang politik dan pegawai kerajaan di negeri Kelantan berada pada tahap yang tidak memuaskan.

v. Persediaan Kerajaan Negeri Kelantan dalam usaha pelaksanaan KJS II (1993) 2015 adalah pada tahap tidak memuaskan seperti sumber manusia, kepakaran, infrastruktur, kecekapan dan lain-lain.

vi. Masyarakat masih keliru terhadap tatacara dan perjalanan untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015 seperti jenis-jenis hukuman terhadap kesalahan yang berada di bawah KJS II (1993) 2015. Contohnya tanggapan bahawa kesalahan khalwat juga akan disebat seperti kesalahan zina, iaitu 100 kali sebatan. Orang awam kurang pengetahuan mengenai hukuman dan kesalahan yang berada di bawah KJS II (1993) 2015. Hal ini menimbulkan ketakutan dan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

vii. Situasi di antara Kerajaan Negeri Kelantan dan Negara Brunei dalam isu pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah & Hudud amat berbeza. Ia tidak boleh dijadikan contoh mutlak memandangkan Brunei merupakan sebuah negara di

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

bawah sistem pemerintahan beraja (monarki). Kelantan merupakan sebuah negeri di bawah Persekutuan Malaysia yang terikat dan terbatas pada bidang kuasa negeri dan Persekutuan. Raja bagi negeri-negeri di Malaysia tertakluk di bawah Perlembagaan dan undang-undang. Raja atau Sultan negeri-negeri merupakan Ketua Agama Islam bagi setiap negeri yang tertakluk dalam Perlembagaan Persekutuan. Acheh (Indonesia) pula merupakan sebuah negeri yang diberikan kuasa autonomi oleh Kerajaan Indonesia untuk melaksanakan pemerintahan sendiri, termasuk pelaksanaan undang-undang Islam di bumi Acheh.

viii. Perlembagaan Persekutuan tidak menyekat Dewan Undangan Negeri menggubal Undang-Undang KJS II (1993) 2015 di bawah klausa "kesalahan-kesalahan terhadap perintah Islam". Fasa ini begitu luas sehingga merangkumi semua perkara yang dikatakan sebagai jenayah menurut perspektif hukum syarak termasuklah hudud. Namun begitu, kajian ini mendapati undang-undang yang diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) turut berkait di bawah Perlembagaan Persekutuan, sebagaimana di bawah Akta 355 (*Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah*). Dewan Undangan Negeri (DUN) menghadapi kesukaran kerana pada Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual kesembilan, Perlembagaan Persekutuan meletakkan tiga syarat utama terhadap kuasa dan bidang kuasa negeri:

Pertama: Dalam kes-kes jenayah, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa terhadap orang-orang Islam sahaja.

Kedua : Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa terhadap perkara yang tiada dalam senarai persekutuan.

Ketiga : Perlembagaan membenarkan parlimen untuk menggubal undang-undang berkaitan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

ix. Kajian ini menjelaskan dari segi perundangan, iaitu kes kesalahan hudud seperti bunuh, merompak, rogol atau zina yang dibicarakan di Mahkamah Syariah kepada orang Islam sahaja. Sekiranya hudud dilaksanakan juga kepada orang bukan Islam, ia merupakan perkara di luar bidang kuasa Mahkamah Syariah. Maka ia memerlukan pindaan perlembagaan.

x. Terdapat penafian dalam kalangan pimpinan Kerajaan Negeri Kelantan dan juga pimpinan PAS bahawa KJS II (1993) 2015 bukan hukum hudud. Namun begitu, kajian melihat bahawa ia merupakan hukum hudud sebagaimana yang terdapat dalam perundangan Islam. Terma-terma yang digunakan dalam KJS II (1993) 2015 ialah terma hudud seperti perkataan "hudud" sendiri yang digunakan dalam matan undang-undang tersebut. Contohnya dalam Susunan Fasal, muka surat 3 , Bahagian 1, ditulis "*Kesalahan-Kesalahan Hudud*". Ia disahkan oleh Mufti Kelantan bahawa KJS II (1993) 2015 ialah hukum hudud.

xi. Penafian KJS II (1993) 2015 sebagai hukuman hudud adalah bertujuan untuk meredakan masyarakat, terutamanya bukan muslim yang takut dengan pelaksanaan hukum hudud. Hal ini berlaku kerana wujudnya salah faham dan masyarakat tidak mendapat maklumat sebenar mengenai tatacara pelaksanaan dan keharmonian hudud. Oleh hal yang demikian, terdapat ilmuan Islam Malaysia yang mengutarakan pendapat supaya diperkenalkan perkara- perkara yang dirasakan boleh diterima oleh semua masyarakat terlebih dahulu, iaitu kaffārah atau diat.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

xii. Program penerangan dan penjelasan belum mencukupi untuk menyampaikan maklumat mengenai KJS II (1993) 2015 kepada masyarakat. Malah kakitangan di Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah JAHEAIK sendiri pun ada yang tidak memahami KJS II (1993) 2015.

xiii. Kerajaan Negeri Kelantan melalui Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) tidak mewujudkan modul yang lengkap berkaitan dengan KJS II (1993) 2015. Sewajarnya kerajaan negeri menjadikan subjek khusus mengenai Kanun Jenayah Islam terutamanya KJS II (1993) 2015 untuk didedahkan kepada golongan belia remaja di sekolah-sekolah YIK.

xiv. Berlaku banyak pertelingkahan dan perbezaan pandangan dalam kalangan agamawan dan ahli akademik mengenai kewajaran dan tuntutan pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Hal ini telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

5.4 Cadangan Pelaksanaan KJS II (1993) 2015 Di Kelantan

Berikut adalah beberapa cadangan dan tindakan boleh dilakukan ke arah merealisasikan pelaksanaan KJS II (1993) 2015 di Kelantan:

i. Satu kajian teliti perlu dibuat mengenai agenda pelaksanaan KJS II (1993) 2015 ini melibatkan banyak pihak seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Peguam Negara (AG), pakar-pakar perundangan dan semua pihak yang berkaitan.

ii. Pihak Kerajaan Negeri Kelantan perlu ada strategi dengan meminda beberapa kesalahan jenayah dalam KJS II (1993) 2015 agar dapat dilaksanakan secara

berperingkat dan kurang kontroversi. Hukuman seperti potong tangan, bunuh, rejam mungkin tidak perlu diutamakan sehinggalah benar-benar bersedia dari segenap aspek. Kaedah fiqh ada menyebut:

ما لا يدرك كله لا يترك كله

Maksudnya: Barang yang tidak dapat dilaksanakan keseluruhan, jangan ditinggalkan keseluruhan.

iii. Kerajaan Negeri Kelantan hendaklah memperkasa semua jabatan yang terlibat dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015 iaitu Mahkamah Syariah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Jabatan Pendakwa Syarie, Pejabat-Pejabat Agama Jajahan, Pejabat Halaqat, Jabatan Mufti Kelantan, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), unit agama di Majlis Daerah, dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam semua aspek.

iv. Membina kompleks baharu Mahkamah Syariah dan Jabatan Agama Islam di semua jajahan. Mahkamah Syariah dan Jabatan Agama Islam di setengah jajahan amat uzur seperti Mahkamah Syariah Jeli, Mahkamah Syariah Bachok dan Mahkamah Syariah Kuala Krai. Mahkamah-mahkamah Syariah di jajahan ini dilihat tidak melambangkan keupayaan dan kehebatan institusi agama Islam yang akan mengendalikan kes-kes jenayah syariah. Melengkapkan kemudahan seperti keadaan lokap dan bilik tahanan yang tidak sesuai, keadaan pejabat yang tidak mesra pengguna, perkongsian bangunan dan ruang pejabat antara pelbagai agensi dan seumpamanya.

v. Kerajaan Negeri Kelantan juga harus memberikan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk mengendalikan program, kursus atau latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan kepakaran hakim, anggota penguatkuasa agama Islam, kakitangan pendakwaan dan lain-lain. Sekiranya ada lawatan ke

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

negara-negara yang melaksanakan undang-undang Islam atau hudud, para hakim Syarie dan Pegawai Tadbir Ugama (PTU) hendaklah dilibatkan bersama sebagai pendedahan dan pengetahuan. Lawatan tersebut bukan disertai oleh pemimpin kerajaan negeri, orang politik dan seorang Ketua Hakim Syarie Kelantan sahaja[93].

vi. Para hakim syarie perlu mengikuti kursus dan latihan beserta kajian lapangan (perbandingan) di negara-negara yang telah melaksanakan hukum hudud seperti Arab Saudi, Qatar, Pakistan, Sudan, Brunei dan Acheh.

vii. Kerajaan Negeri Kelantan mesti bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam usaha melaksanakan KJS II (1993) 2015 seperti mewujudkan Suruhanjaya Kehakiman Syariah Malaysia bagi menguruskan hal ehwal kehakiman syariah. Menaik taraf perjawatan kehakiman syariah agar setaraf dengan kehakiman sivil dalam semua aspek dan mewujudkan Akta Profesion Guaman Syarie Malaysia[94].

viii. Mendedahkan para hakim syariah dengan kemahiran perbicaraan Mahkamah Sivil dan Undang-undang Sivil, terutamannya dalam undang-undang jenayah, tatacara pengurusan kes serta perbicaraan mahkamah sivil dan sebaliknya.

ix. Kerajaan Negeri Kelantan boleh mewujudkan jawatankuasa penasihat dan pemantau para hakim bagi menguruskan tatacara perbicaraan berkaitan etika dan adab sebagai seorang hakim.

[93] Lawatan penanda aras seperti ke Acheh dan Brunei hanyalah disertai oleh pimpinan kerajaan negeri sahaja tanpa melibatkan pegawai-pegawai, seperti hakim-hakim mahkamah syariah.

[94] Akta Profesyen Guaman Syarie Malaysia ditubuhkan bertujuan untuk menjaga profesionalisme Guaman Syarie dan mengawal selia para peguam Syarie.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

x. Mengadakan kelas dan pengajian secara berkala dengan menekuni dan mengkaji kitab-kitab *thurāth* (kitab-kitab tua), buku-buku perundangan sivil dan syariah, mengkaji Perlembagaan Persekutuan, akta-akta dan isu-isu secara berkala. Pihak berkaitan boleh menjemput dan melantik pakar-pakar yang berkelayakan termasuk daripada mahkamah sivil.

xi. Meminda Perlembagaan Persekutuan dengan memberikan kuasa kepada negeri-negeri untuk membuat atau meluluskan undang-undang jenayah syariah termasuk undang-undang hudud di peringkat negeri. Pindaan ini melibatkan sokongan ahli parlimen, terutamanya ahli perlimen beragama Islam. Tanpa sokongan daripada ahli parlimen agak mustahil untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dalam sistem parlimen dan demokrasi yang diamalkan di Malaysia.

xii. Anggota penguatkuasa agama Islam (polis syariah) perlu juga menjalani latihan di pejabat PDRM, pejabat Peguam Negara dan lain-lain berkaitan tugas seperti operasi, siasatan dan pengurusan kes.

xiii. Pendakwa Syarie juga boleh dihantar untuk menjalani latihan di pejabat Peguam Negara Malaysia, pejabat penasihat undang-undang atau mana-mana jabatan yang bersesuaian untuk menimba pengetahuan.

xiv. Penubuhan Pusat Latihan Anggota Penguatkuasa Agama (PULAPA) setaraf dengan Pusat Latihan Polis (PULAPOL) juga perlu dilihat secara serius. Pusat latihan yang sesuai dan khusus kepada anggota penguatkuasan syariah atau polis syariah dengan modul kursus yang mengambil kira keperluan dan perkembangan semasa.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

xv. Mewajibkan setiap calon Pegawai Tadbir Ugama atau Pegawai Hal Ehwal Islam memiliki Diploma Undang-undang dan Kehakiman (DAIJ) dari universiti tempatan untuk dilantik sebagai pegawai agama di Kelantan.

xvi. Pengasingan Bahagian Penguatkuasa Undang-undang Syariah daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan perlu disegerakan. Keberadaan Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Syariah di bawah JAHEAIK menyebabkan anggota dan pegawai penguatkuasa sering kali bertukar ke bahagian-bahagian lain. Pertukaran ini akan menyebabkan anggota yang berpengalaman dan mahir akan sentiasa bertukar. Kehadiran pegawai baharu akan mengambil masa yang lama untuk mendalami tugas-tugas berkaitan penguatkuasaan. Pengasingan ini akan menjadikan anggota Penguatkuasa Undang-undang Syariah kekal berada di bawah pengurusan Jabatan Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah (JAPUUS).

xvii. Melalui kerjasama dengan PDRM, Kerajaan Negeri Kelantan boleh mempertimbangkan untuk penempatan anggota polis di Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Syariah JAHEAIK.

xviii. Pengambilan Pegawai Tadbir Ugama (PTU) dan anggota penguatkuasa yang bukan sahaja dalam kalangan berkelulusan agama tetapi daripada latar bidang berbeza seperti Undang-undang Sivil, Informasi dan Teknologi Maklumat, Forensik, Sains Kriminal dan lain-lain, sesuai dengan perkembangan semasa.

xix. KJS II (1993) 2015, harus dijadikan sebagai satu subjek atau modul pembelajaran di sekolah-sekolah bawah penyeliaan kerajaan negeri Kelantan, iaitu Yayasan Islam Kelantan (YIK). Ia bertindak sebagai proses pendidikan dan hebahan makluman kepada para belia dan masyarakat.

xx. Menghapuskan jawatan bertaraf sambilan dan kontrak sekaligus melantik kakitangan yang bertaraf tetap dengan kelayakan yang bersesuaian.

xxi. Kerajaan Negeri Kelantan dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan harus mempertimbangkan untuk menubuhkan penjara syariah atau penjara bagi banduan yang telah melakukan kesalahan syariah. Penjara dalam konteks Islam bertujuan untuk pemulihan dan bukan untuk menyeksa. Amalan semasa ialah pesalah jenayah Sivil dan Syariah ditempatkan di dalam penjara yang sama. Selain itu, modul pendidikan dan tarbiah berasaskan agama hendaklah diterapkan. Jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Agama Negeri, JAKIM, Jabatan Mufti Negeri, Majlis Agama Islam negeri, institut pengajian tinggi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan NGO Islam boleh dilibatkan sama dalam proses dakwah dan tarbiah terhadap pesalah-pesalah syariah ini.

xxii. Kerajaan Persekutuan dan negeri Kelantan perlu merapatkan jurang perbezaan dengan pihak-pihak berkaitan dalam pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Enam peringkat pelaksanaan dalam usaha membolehkan undang-undang jenayah Islam dilaksanakan di Malaysia perlu dilakukan sekurang-kurangnya kepada orang Islam sahaja. Enam peringkat tersebut ialah: (1) Pemahaman, penyedaran dan penghayatan. (2) Persekitaran dan fasiliti yang kondusif. (3) Kajian yang holistik. (4) Pra-pelaksanaan . (5) Perundangan . (6) Pelaksanaan dan pemantauan berterusan.

5.5 Cadangan Penyelidikan Lanjutan

Cadangan penyelidikan lanjutan dengan memfokuskan kepada aspek berikut:

- Kajian mengenai pelaksanaan Qanun Aceh nombor 7 Tahun 2013 tentang Hukum Aceh Jinayat.

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

- Kajian mengenai Perlembagaan Negara Brunei Darussalam - Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013.
- Kajian mengenai sejauhmana hukuman jenayah dalam Kanun Keseksaan menepati hukum syarak (Undang-undang Jenayah Islam).
- Kajian mengenai Undang-Undang Jenayah Syariah dijadikan undang-undang negara melalui Undang-undang Sivil.
- Kajian mengenai pelaksanaan diat, kaffarah atau ganti rugi dalam kes-kes pembunuhan, kemalangan dan kecederaan dalam sistem undang-undang negara bertujuan untuk menunjukan kecantikan dan keharmonian agama Islam.

5.6 Sumbangan Kajian

(1) Kajian ini memberikan sumbangan yang bermanfaat kepada Karajaan Negeri Kelantan dan pihak-pihak yang berkaitan dengan pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Membantu menjelaskan kesan yang positif terhadap perancangan Kerajaan Negeri Kelantan untuk mengatur gerak kerja yang lebih tersusun dan teliti dalam usaha untuk melaksanakan KJS II (1993) 2015.

(2) Kajian ini memberi gambaran dan dapatan yang jelas tentang kebolehlaksanaan KJS II (1993) 2015 dan isu-isu yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Kelantan berkaitan pelaksanaan KJS II (1993) 2015. Dapatan daripada kajian ini juga menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan begitu bersungguh-sungguh untuk melaksanakan Undang-undang Islam di negeri Kelantan walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan.

(3) Kajian ini menjadi panduan dan rujukan oleh agensi-agensi terlibat untuk meningkatkan tatakerja dan perancangan sekaligus menambah baik semua perkara yang berkaitan dalam KJS II (1993) 2015.

PHD THESIS

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim, *Tafsir Pimpinan Ar-rahman Kepada Pergertian Al-quran*. Dar al-Kitab-Malaysia (12th ed.) (2001). Kuala Lumpur. Percetakan Yayasan Terengganu Sdn. Bhd.

Abdul Aziz Bari. (2005). *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.

Abdul Aziz Bari. (2007). *Islam dari Sudut Undang-Undang Dan Perlembagaan Malaysia* (Isu Murtad). Kota Bharu: Dian Darul Naim Sdn. Bhd.

Abdul Hadi Awang. (2011). *Qazaf dalam Isu Fitnah Zina Dan Liwat*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.

Abdul Hadi Awang. (2016, Nov. 11) *Bukan Islam Tidak Wajar Menentang RUU355, Politik Matang dan Sejahtera*. https://www.facebook.com/share/p/R2zpNqf9jitMAC13/

Abdul Hadi Awang. (2011, Disember 15). *PAS Tidak Paksa Bukan Islam Terima Hudud,* Blog Tok Guru, http:www.pas.org.my/index.php?option+com_content&view+article&id=482. (akses 14/2/2011)

Abdul Hadi Awang. (2011, Oktober 1). *Hadi Jamin Pas Tak Paksa Hudud Atas Bukan Islam.* 1 Oktober 2011 https:m.malaysiakini.com/news/177416

Abdul Halim Ahmad, Khoo Kay Kim (Penyelenggara). (1984). *Pendidikan Islam di Kelantan* S*ejarah Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.

Abdul Halim El-Muhammady. (1998). *Undang-Undang Jenayah dalam Islam dan Enakmen Negeri-Negeri*. Bangi: Jawatankuasa Penerbitan Fakulti Undang-Undang UKM Malaysia.

Abdul Halim El-Muhammady. (1998). *Undang-Undang Jenayah Dalam Islam dan Enakmen Negeri-Negeri*. Kajang Selangor: True Times Sdn. Bhd.

Abdul Halim Ahmad. (1984). *Pendidikan Islam di Kelantan*. Dlm Khoo Kay Kim (Penyelenggara). *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.

Abdul Hamid Mohamad. (2013, Februari 19). *Malaysia: Kemelut Negara Islam Negara Sekular Islam Dan Tafsiran Keperlembagaan Oleh* Mahkamah. Web. file:///C:/Users/User/Downloads/134._ISLAM_DAN_TAFSIRAN_KEPERLEMBAGAAN_OLEH_MAHKAMAH_DI_MALAYSIA_IKIM%20(1).pdf

Abdul Hamid Mohamad. (2014). *Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Hamid Mohamad. (2014, 11 November) *Ulasan Penghakiman Kes Muhamad Julaizi.* Web, https://www.tunabdulhamid.my/index.php/speech-papers-lectures/item/738- ulasan-penghakiman-kes-muhamad-juzaili

Abdul Hamid Mohamed. (2015). *Seminar Pelaksanaan Hudud Di Malaysia - Sejarah Dan Masa Depan*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia & Masjid Tuanku Mizam Zainal Abidin, Putrajaya.

Abdul Kadir 'Audah. (n.d). *At-Tasyri' Al Jinaiy Al-Islamy*, Juz 1, Beirut: Dar Al- Kitab Al 'Arabi.

Abdul Karim Ali & Mohd Roslan Mohd Nor. (2013). *Undang-Undang Syariah di Malaysia.* Shah Alam: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.

Abdul Karim Al-Zaidan. (2019/1522). *Al-Wajiz Fi Al-Qawaid Al-Fikhiyah*. Beirut: Muassasah Al-Risalah

Abdul Qadir Audah. (2009). *Al-Tasyrik Al-Jinai Al-Islami Muqaran Bil Qanun Al-Wad'i*. Mesir: Darul Hadis.

Abdul Rahman Al-Hariri. (1989). *Al-Fiqh Ala Al-Mazhab Al-Arba'ah*. Damsyik: Darul Fikr.

Abdul Latif Saud Al-Sarami (2008) *Qaidah Ma la Yadrukukuluh, la yatruku kuluh, taksilal wa tatbiqa*. Jilid I. hlm 11. Majalah Jamiah Al Imam Muhammad bin Saud Al-Islamiyah. Riyadh.

Abdul Razak Mahmud. (2015). *Ikhtisar Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Abdullah Alwi Hassan. (1996). *The Administration of Islamic Law in Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Abi Bakr Ibni Al-Sayed Muhammad Shata Al-Dimyati. (1415/1995). *I'nah Al-Tholibin*. Beyrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

Abu Bakar Abdullah, Awang Farizan Haji Judin & Dato' Hassan Mahmood. (2014). *Syariat Islam Rahmat Untuk Semua*. Kuala Terengganu: Pustaka Damai MTT.

Abu Bakar Abdullah. (2014). *Pelaksanaan Undang-Undang Islam Malaysia: Masalah dan Penyelesaian*. Kuala Terengganu. Pustaka Damai MTT.

Abu Zahar, Muhammad. (1995). *Al 'Alaqah Al-Duwaliyah Fi Al-Islam*. Syria: Dar al-Fikr. Dimasq.

Ahmad Ibrahim. (1997). *Al-ahkam: Undang-undang Malaysia Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Ahmad Ibrahim. (1987). *Prosiding daripada Persidangan The Malaysia after 30 Years.* Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Selangor.

Ahmad Ibrahim. (1975). *Prosiding daripada Persatuan Mahasiswa Universiti*

PHD THESIS

Kebangsaan Malaysia, Selangor.

Al-Sharkasi & Muhammad Ahmad. (1998). *Al-Mabsut*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.

Ali Ahmad al-Jarjawi. (1997). *Hikmah Al-Tasyri Wa Falsafatuhu.* Beirut: Darul el-Fikri.

Ahmad Fadhli Saari. (2001). *Islamisasi di Malaysia: Satu Sorotan Pencapaia*n. Dilayari pada Februari 14, 2008 menerusi http://www.geocties.com/alfadhlis/politik2.htm

Aminurrasyid Yatiban. (2012). *Hudud Terbukti Mampu Selesai Jenayah di Saudi*. Dilayari pada Jun, 2014 menerusi http://www.ibnuhasyim.com/2012/08/Hudud-terbukti- mampu-selesai- jenayah-di.html

Al-Tariqi. Abdullah Ibrahim Ali. (1993). *Al-Isti'anah bi Ghair al-Mualimin Fi al-Fiqh al- Islami*. (3rd ed.). Arab Saudi: Mua'ssasah al-Risalah

Al-Nabhani, Taqi al-Din. (1980). *Al-Shakhsiyyah Al-Islamiyyah*. Bayrut: Dar al- Mashriqiyyah.

Al-Khatib al-Sharbini. (1994). *Al-Mughni Al-Muhtaj Fi Sharh Al-Faz Al-Minhaji*. Mesir: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.

Al-Qaradawi, Yusuf. (2002). *Fiqah Al-Dawlah Fi Al-Islam.* Bayrut: Dar al-Qalam Al-Syiekh Muhammad Al-Khatib Al-Syarbini. (1978). Mughni Al-Muhtaj.Damsyik: Darul Fikr.

Al-Zuhayli, Wahbah. (1998). *Tafsir al-Munir*. Dimashq: Dar al-Fikr.

Anuar Al Sadat Haji Noor. (2014). *Fenomena Perkahwinan Sindiket Di Kelantan* (Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Terengganu, 2014).

Arfaeza A. Aziz. (2008, Januari 29). *Rang Undang-Undang Hudud, Kerajaan Negeri Kena Saman*. Malaysia Kini. https://www.malaysiakini.com/en/author/Arfaeza%20A%20Aziz

Ariffuddin Ishak. (2015, Mac 19). *PKR Kesal Kelantan Lulus Hudud*. Mstar, https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2015/03/19/pkr-kesal-hudud-kelantan-lulus

Ar-Risalah. (2011). *Berita Politik: Ke Arah Berfikir, Menginsafi Dan Bertindak. Sisters In Islam kata Hukum Hudud Zalim Terhadap Wanita.* KL: pos.com. Dilayari pada Oktober 8, 2011 menerusi risalah-elbi.blogspot.com

Asyraf Wajdi Dusuki. (2016). *Undang-Undang Syariah Merangkumi 40 Peratus.* Persidangan Kepemimpinan dan Aspirasi National 2016. Berita Harian: 15.2.2016 (Isnin)

Asyraf Wajdi Dusuki. (2014). *Prosiding daripada Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan Sempena Program Dakwah Negara 2014.* Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Astro Awani. (2016, Mei 27). (MCA) *Bantah Apa Jua RUU Berkaitan Hudud Di Malaysia.* astroawani.com/berita-malaysia/berita-terkini-mca-bantah-apa-jua-ruu-berkaitan- hudud-di-malaysia-liow-106497

PHD THESIS

Astro Awani. (2015, Mac 18). *UMNO Kelantan Sokong Hudud Kerana Allah.* https://www.astroawani.com/berita-politik/umno-kelantan-sokong-hudud-kerana- allah-alwi-55900#:~:text=Ahli%20Dewan%20Undangan%20Negeri%20(Adun)%20UMNO% 20Kelantan%20yang%20memberi%20sokongan

Bernama. (2010, Ogos 13). *Tiga Pesalah Syariah Wanita Telah Disebat.* Malaysia Kini. https://www.malaysiakini.com/news/124537

Bernama. (2013, Disember 6). *Proses Meningkatkan Taraf Mahkamah Syariah Di Peringkat Akhir* – Jamil Khir. Mstar. https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2012/06/09/proses-meningkatkan-taraf-mahkamah-syariah-di-peringkat-akhir--jamil-khir

Bernama. (2022, September 15). *Kastam Rampas Dadah RM40.56 Juta Disembunyi Dalam Mesin Acuan Industri*. Selangor Kini. https://selangorkini.my/2022/09/kastam- rampas-dadah-rm40-56-juta-disembunyi-dalam-mesin-acuan-industri/

Bicara Minda Profesor Negara. (2021, Januari 19). *Bicara Negarawan Masa Depan Malaysia:* Ke Mana Kita? Facebook. https://www.facebook.com/MajlisProfesorNegara/videos/minda-profesor-negara/480101206482911/

Buletin Darulnaim. (2013, 1-31 Disember). *Lensa Kamera. Sembah Mengadap KDYMM Al-Sultan Brunei* (Bil.157). Web, https://perpustakaan.e-maik.my/cgi-bin/koha/opac-ISBDdetail.pl?biblionumber=7729

Catillo-Monttaya. M. (2016). *Preparing for interview research: The interview protocol Refinement Framework.* Qualitative Report, 21(5), 811-831.

Chua Ming Zuan. (2010). *The Appropriateness between the Death penalty and Murder Offence under the Malaysian Penal Code*. The Malayan Law Journal Articles. 1-12.

Chua Soi Lek. (2014, November 4). *Kami Hanya Tentang Hudud Versi PAS Tapi Terima Hudud Sebenar?* Kelab Greenboc. https://greenboc.blogspot.com/2012/11/soi-lek-hanya- tentang-hudud-pas-tapi.html

Creswell, J.W. (2013). *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing Among Five Approaches*. Thousand Oaks CA: Sage Publication.

Creswell, John W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative And Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks CA: Sage Publication.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (1989). *Kamus Dewan (edisi keempat)*. Kuala Lumpur: Percetakan Dawama Sdn. Bhd.

Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2008). *Pedoman Transliterasi Perkataan Arab Ke Ejaan Rumi.* Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd.

Dezin, NK., & Lincoln, YS. (1994) *Introduction: Entering The Field of Qualitative Research*. Thousand Oaks: Sage Publication.

Dinsman. (2000). *Kelantan Di Bawah Kepimpinan Ulamak*. Kota Bharu: Dian Darul Naim Sdn. Bhd.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Seksyen 44), Percetakan Nasional Berhad.

Farid Mat Zain. (2007). *Islam Di Tanah Melayu Abad Ke-19*. Kuala Lumpur: Karisma Publications.

Fitri Nizam. (2018, September 5). *Hukuman Sebat Bersifat Mendidik*- Exco. BH Online. https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/09/469359/hukuman-sebat-bersifat- mendidik-exco-negeri

Guion. L.A., Diehl, D.C., & McDonald, D. (2015). *Conducting An In-Depth Interview*.

Dilayari pada: 27.5 2019, laman web https://www.betterevaluation.org/sites/default/files/FY39300.pdf

Hafizan Taib. (2022, September 15). *Kastam Rampas Dadah Rm40.56 Juta Disembunyikan dalam mesin acuan industri*. Selangorkini. https://selangorkini.my/2022/09/kastam- rampas-dadah-rm40-56-juta-disembunyi-dalam-mesin-acuan-industri/#:~:text=NILAI,%2015%20SEPT:%20Jabatan%20Kastam%20Diraja%20 Malaysia%20(JKDM)%20merekodkan%20rampasan

Hairulazim Mahmud. (2015) *Bantu Perkasa Syariah, Jawatankuasa Teknikal Untuk Pastikan Pelaksanaan Hudud di Kelantan Lancar dan Teratur*, (April 12, 2015) temu bual Metro Ahad bersama Dr. Shamrahayu A. Aziz:

Haider Yutim. (2015). *Kerajaan Berusaha Pastikan Undang-Undang Jenayah Syariah dilaksanakan*. Astro Awani. (2015, April 10)

Https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-berusaha-pastikan- undangundang-jenayah-syariah-dilaksanakan-57478

Hamdan Muhammad. (2013). *Memartabatkan hudud.* Kuala Terengganu: Pustaka Damai MTT.

Hansard Parlimen 3 Mac 1965. H. 6536, 6546, & 6549

Hansard Parlimen 12 Oktober 1984. H.4731- 4737

Hansard Dewan Undangan Negeri Kelantan. (2014). *MB letak Jawatan*. Bersidang pada: 13hb. Mac 2014. (Ucapan Menteri Besar Kelantan)

Harian Metro. (2016, Mei 27). *Kerajaan Beri PAS Laluan: DAP, Amanah Bantah.* Nurulnadiah's.blogspot.com. https://nurulnadiahs.blogspot.com/2016/05/kerajaan- beri-pas-laluan-dap-amanah.html

Harun Din. (1978). Hukuman Hudud Dalam Perundangan Islam. Kuala Lumpur: Pakar Print.

Hashim Mehat & Jasri Bin Jamal. (n.d). *Kajian Terhadap Kanun Jenayah Syariah Di*

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Semenanjung. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hassan Mat Salleh. (n.d). *Kanun Syariah Islam (Syariah II) Dan Pelaksanaannya*. Kota Bharu: Penerbitan At-Taqwa.

Herbert J. Rubin., & Irene S. Rubin. (2005). *Qualitative Interviewing The Art Of Hearing Data* (Third Edition). Northen Illinois University USA: Sage Publication.

Helen Ang. (2012). *Hudud Negara Islam Manakah Yang Mahu Dicontohi.* Dilayari pada Jun 14, 2014 menerusi http://helenang.Wordpress.com/2012/08/31/Hudud-negara-Islam- manakah- yang-mahu-dicontohi/.

Hudood Ordinance. (2010, Jun 14). Dalam Wikipedia, http://en.wikipedia.org/wiki/Hudood-Ordinance

http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/7108-Hudud-mca-dap-sekadar-beza pandangan. (akses 15/12/2011) http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1998&dt=1204&pub=Utusan_Malaysia&sec=Khas&pg=kh_01.htm

http://www.wluml.org/news/sudan-ethiopian-woman-gang-raped-seven-sudanese-men-denied-making-formal-complaint-rape-and-ins

https://www.gemilangdaily.com/keputusan-seks-luar-tabii-pas-gesa-jangan- cabar-undang- undang-negeri-lagi/.Takiyuddin Hassan.(2022). *Keputusan Seks Luar Tabii: PAS gesa Jangan Cabar Undang-Undang Negeri lagi*

https://harakahdaily.net/index.php/2022/10/27/. *ruu355-tinggal selangkah-ke-parlimen*/. YB Datuk Marzuk bin Saari (2022)

https://www.samudera.my/undang-undang-jenayah-syariah-kelantan-bakal-dicabar-dimahkamah-persekutuan

https://www.elaw.my/Nik Elin Zurina & Tengku Yasmin Natsha Lwn Kerajaan Negeri Kelantan [2024] CLJU 232

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah & Muhammad Abi Bakr. (1401H/1980). *Ahkam Ahl al-Dhimmah*.Thahqiq. Salah. Subhi. Al-Qahirah: Dar al-'Ilm li al- Malayin

Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad Ali. (t.th). *Fath Al-Bari Bi Sharh Sahih Al- Bukhari*. Al-Qahirah: Maktabat al-Misr.

Ibnor Azli Ibrahim & Md. Yazid Ahmad. (2005). *Hakim Syarie: Pemilihan, Pelantikan Dan Bidangkuasa (Kajian Syariah Dan Undang-Undang Siri 2/2005)*. Selangor: Universiti Sains Islam Malaysia.

Ibnu Taimiyyah. (1998). *Al Rasail Min Sijni*. Mesir: Dar Ibnu Hazam. El-Farouq.Org.

Ibnu Taimiyyah. (1992). *Al-Siyasah Al-Shar'iyyah Fi Islahi Al-Ra'iwa Al- Ra'iyyah*. Hl.101. Al- Lubnani: Dar Al-Fikr

Ibnu Qudamah. (1985/1405). *Al-Mughni*. Darul lhyari Al thuras Al-Arabi. International Law Book Services. (2012). Kanun keseksaan (Akta 574).

PHD THESIS

Irwan Shafrizan Ismail. (2018, Januari 29). *Penukaran Agama Islam Tiga Kanak-Kanak terbatal.* https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/01/381955/penukaran-agama- islam-tiga-kanak-kanak-terbatal

Isamuddin Al-Shabathi. (2004). *Ilamu Al-Muwaqi'in, 'An Rabbul 'Alamin Li Ibni Al-Qayim Al- Jauziyah.* Al-Qahiroh: Darul Hadis.

Ismail Mohamed Said. (2022, Julai 20). *Dua Rang Undang-Undang Dilulus*. Berita Harian.

Izmil Amri. (2017, Februari 7). *Zaid Ibrahim dari UMNO, PKR, KITA akhirnya DAP*. Roketkini.com. https://www.roketkini.com/2017/02/07/zaid-ibrahim-dari-umno-pkr- kita-akhirnya-dap/

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan. (2020). *Manual Pelaksanaan Prinsip UMI (Ubudiyyah, Masuliyyah, Itqan)*. Kota Bharu: JAHEAIK.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan. (2015). *Islam Dari Sudut Undang-Undang Dan Perlembagaan Malaysia (Isu Murtad)*. JAHEAIK. Kota Bharu: Dian Darul Naim.

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Putrajaya. (2004). *Jurnal hukum bil 38*. Bahagian 1. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2013). *Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan sivil Jilid 1*. Putrajaya: Omr Press Sdn. Bhd.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2013). *Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan sivil Jilid 2*. Putrajaya: Omr Press Sdn. Bhd.

Jawatankuasa Pembanguanan Insan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi Kelantan & Ahmad Ibrahim Kulliyah Of Laws IIUM (2016) *Keadilan Restoratif dan Retributif Dalam* I*slam dan Di Mahkamah Syariah Di Malaysia.* Seminar Hotel Perdana Kota Bharu: SUK.

Kamaruzaman Mohammad. (2020, Jun 24). *Program Bicara Harakah: 100 Hari Perikatan Nasional*. Facebook. https://www.facebook.com/HarakahTV/videos/bicara-harakah- 100-hari-perikatan-nasionalbicara-harakah/649047332358597/

Kamus Dewan. (4th ed.). (2018). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kamus Undang-Undang. (2004). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Kerlingger F.N. (1986). *Foundations Of Behavioul Research*. New York: Subject Publications.

Kertas Kerja (1996) *Konsep Membangun Bersama Islam,* hlm. 54, Unit Perancangan Ekonomi Islam Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, pada 24 April 1996.

Krueger, R.A. (1994). *Focus Group: A Practikal Guide For Applied Research* (2nd ed). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Ku Li. (2017). *Ku Li Tidak Sokong Ruu 355 Kerana Bertentangan Perlembagaan*.

Sarawak Voice. Bernama Feb 13, 2017. https://www.mynewshub.tv/2017/02/ku-li-tentnag- ruu-355-bertentangan-perlembagaan/

LA Sheriden & Groves, H. E. (1987). Malayan Law Jurnal (4th ed). Dlm Mohamed Suffian Hashim. *The Relation Between Islam And The State In Malaysia*. Singapura.

LA Sheriden & Groves, H.E. (1987). *The Constitution of Malaya*. (4th ed). Singapore: Malayan Law Jurnal (pte) Ltd.

Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. (2015). *Perlembagaan Persekutuan*. Bandar Damansara Perdana: International Law Book Services.

Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. (2011). *Akta pertubuhan 1966 (Akta 335) & Peraturan-Peraturan*. Petaling Jaya: Golden Books Centre Sdn. Bhd.

Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. (2012). *Kanun Keseksaan*. Bandar Damansara Perdana: International Law Book Services.

Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. (2012). *Kanun Prosedur Jenayah (AKTA 593)*. Bandar Damansara Perdana: International Law Book Services.

Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. (2012). *Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593).* Petaling Jaya: SS Graphic Printers (M) Sdn. Bhd.

Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. (2014). *Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) Dan Peraturan-Peraturan* (Domestic violence act 1994 (Act 521) and regulation). Petaling Jaya: Golden Books Centre Sdn. Bhd.

Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. (2015). *Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) & Perundangan Subsidiari Terpilih*. Petaling Jaya: SS Graphic Printers (M) Sdn. Bhd.

Linehan, W. (1936). A history of Pahang. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 14(2 (125)), 1–257. http://www.jstor.org/stable/41585562

Liaw Yock Fang. (1997). *Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan Kuala Lumpur.

Lim Guan Eng. (2015, Mac 24). *Pendirian DAP Tentang Isu Hudud, Presiden PAS Dan Pakatan Harapan*. RoketKini. https://www.roketkini.com/2015/03/24/pendirian-dap-tentang- isu-hudud-presiden-pas-dan-pakatan-rakyat/

Loganathan Krishnan. (2010). *The Antithesis Between Civil Law And Islamic Law In A Pluralistic Society*. Jurnal Shariah,18 (2).

Luqman Tarmizi. (2018). *Polemik Sebatan Syariah Di Terengganu*. Web. https://muftiwp.gov.my/ar/artikel/bayan-linnas/2616-bayan-linnas-148-polemik- sebatan-syariah-di-terengganu

M. Periasamy. (2017, Mac 23). *RUU 355 Tak Ancam Hak Bukan Islam*. Berita Harian. https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian

malaysia/20170323/281603830290153

Mat Saad Abd. Rahman. (1993). *Undang-Undang Keluarga Islam Aturan Perkahwinan*. Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd.

Mat Saad Abd. Rahman. (1993). *Undang-Undang Jenayah Islam*. Shah Alam: Al-Rahmaniah Badan Dakwah Dan Kebajikan Islam Malaysia.

Mahamad Nasir Disa. (2015). *Daulatkan Islam Agama Negara*. Putrajaya: Institut Kajian Strategik Malaysia.

Mahmood Zuhdi Abd. Majid, Abdul Razak Mahmud & Nik Safiah Karim. (2012). *PURI KENCANA: Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu* kelantan. Kuala Lumpur: BS. Print Sdn.Bhd.

Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (1997). *Pengantar Undang-Undang Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (2015). Prosiding Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan Sempena Program Dakwah Negara 2014. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (1992). *Undang-Undang Jenayah Islam Konsep Dan Asas Pelaksanaannya*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Majalah Qiadah Edisi 17 Muharam. (1439H). *Realiti Pemerkasaan Undang- Undang Jenayah Syariah Negeri Kelantan*. Kota Bharu: Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. (1990). *Raja-Raja Penegak Agama.* Kota Bharu: Dian Sdn. Bhd.

Malaysia Kini & Ismaweb. (2020, Julai 23). *Pindaan Undang-Undang Perlu Selaras Perlembagaan Persekutuan*. https://www.malaysiakini.com/news/535804

Malaysia Kini. (2002, September 17). *Malaysia Sememangnya Negara Islam*, kata Dr Mahathir. https://www.malaysiakini.com/news/12991

Malaysiakini.com bertarikh 24 September 2011 bertajuk "PM: Hudud tidak akan dilaksanakan di Malaysia" menerusi pautan laman sesawang http;//www.malaysiakini.com/news/176760, 20 November 2013

Marques. J. F., & McCall. C. (2005). *The Application Of Interreter Realiability As A solidification Instrument In A Phenomenological Study*. The Qualitative Report, 10 (3), 439-462.

Meriam, S. B. (2001). *Qualitative Research And Case Study Application In Education.* San Francisco: Jossey-Bass Publisher.

Metro Harian. (2019, Mac 28) New Strait Times Press (M).https://www.dw.com//en/bruneri- shariah-law-applies-death-sentence-for-homesexuality/a-48076114

Mexwell, J. A. (1996). *Qualitative Research Design: An Interactive Approach.* Thousand Oaks: Sage Publications.

Mile, M.B., & Huberman, A.M. (1985). *Qualitative Data Analysis*. California.Beverley Hills: Sage Publications.

Mingguan Malaysia. (2012, November 4). Kenyataan Akhbar Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Presiden MCA). *https://theedgemalaysia.com/article/soi-lek-mca-should-take-lead- meet-pm-and-discuss-hudud*

Minit Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan. (2015). Kertas Cadangan Pengasingan Bahagaian Pendakwaan Syariah Daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan untuk dinaik Taraf Kepada Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan. (No. FAIL. SUK. D. 200 (01) 758/2 (08) Kertas Bilangan: 17/2015/D 3 (3).

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). 2015. *Hudud Satu Penjelasan*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia

Mexwell. J.A. (1996). *Qualitative Research Design: An Interactive Approach*.Thousand Oaks, CA: Sage Publication, Inc.

Mohd Sabree Nasri.(2018) *Akta 355 Dan Perkembangan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Dalam Perkara Jenayah di Malaysia* (Journal of Law & Governance) Volume 1 (No.1) 2018:77-90 (mohdsabree@kuim.edu.my)

Mstar. (2013, November 18) Pelaksanaan hudud: PAS perlu dapatkan persetujuan PKR terlebih dahulu – Annuar Musa. https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2013/11/18/pelaksanaan-hudud-pas-perlu- dapatkan-persetujuan-pkr-terlebih-dahulu--annuar-musa

Mohamad Shariff Abu Samah & Asidah Mohd Ali. (2018). *Undang-Undang Jenayah Di Malaysia*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

Mohamad Zamri Mohamed Shapik (n.d). *Undang-Undang Jenayah Syariah Di Alam Siber.* Shah Alam: Imtiyaz Multimedia & Publication.

Mohamed Azam Mohamed Adil. (2014, Mei 4). *Pelaksanaan Hukum Hudud di Malaysia.* Mingguan Malaysia. https://www.utusan.cpm.my

Mohamed Hanipa Maidin. (2016). *Yang Arif, Saya Bantah !, Prima Facie II*. *Komentar Undang-Undang Dan Politik Malaysia*. Petaling Jaya: Ilham Books.

Mohd Fadli Ghani. (2011). *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*. Kota Bharu: Pustarek Enterprise.

Mohd Fadli Ghani. (2011). *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.

Mohd Fadli Ghani. (2020). *Hukum Hudud: Hak Allah Yang Diperjuangkan PAS. Ensiklopedia Harian PAS 2020*. (https://m.facebook.com/mohdfadlighani).

Mohd Shukri Hanapi & Mohd Tajul Sabki Abdul Latib. (2003). *Kamus Istilah Undang-Undang Jenayah Syari'ah (Hudud, Qisas Dan Ta'zir).* Pulau Pinang: Percetakan

PHD THESIS

Strikeway Sdn. Bhd.

Mohd Zainuddin Mohamed. (n.d). *Undang-Undang Negeri Kelantan Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994* (Enakmen No.4 tahun 1994). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Mohd. Azhar Abdullah & Penulis-Penulis Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). (2014). *Soal Jawab Hudud Undang-Undang Allah S.W.T. Yang Adil.* Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Mohd. Azhar Abdullah & Empat Penulis. (2015). *Kanun Jenayah Syariah (II) [1993] 2015 Pengenalan & Hala Tuju "Menjamin Agama, Nyawa, Akal, Keturunan Dan Harta".* Cheras: Percetakan Mesbah Sdn. Bhd.

Mohd. Azhar Abdullah. (1439/2018). *Realiti Pemerkasaan Undang-Undang Jenayah Syariah Negeri Kelantan*. Majalah Korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (Qiadah) Edisi 17. Kota Bharu: Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. (PKINK).

Mohd Fadhli Mohd Sulaiman. (2021, Januari 21). *Agong Isytihar Darurat Hingga 1 Ogos.*Utusan Malaysia. https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/01/12/agong-isytihar- darurat/

Mohd. Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mohamad Salim el-Awa. (1985). *Punishment In Islamic Law: A Comparative Study*. American: Trust Publications.

Mohamad Shukri Mohamad. (2019). *Kanun Jenayah Syariah KJS II (1993) 2015*. Kota Bharu: Pejabat Mufti Kelantan. (Soalan / jawapan bertulis) Mufti Kerajaan Negeri Kelantan

Muhamad Fathi Yusoff. (2017) April 10). *Ruu 355: Menepati Syarak*. Shah Alam: Print Towers Sdn.Bhd. Berita Harian. https://people.utm.my/faathi/pindaan-ruu355-selari- kehendak-al-quran-sejajar-perkembangan-mas/

Muhammad Al-Amin Al Syanqaiti. (1989/1410). *Maselihul Mursalah*. Al Jamiatul Al- Islamiyah Madinatul Al-Munawarah: Darul Al-Nasyr.

Muhammad Bin 'Ali Bin Muhammad Al-Shaukani. (t.t). *Nail Al-Autar Syarah Mumtaqa Al- Akhbar Min Ahadis Sayid Al Akhyar*: Damsyik: Darul Fikr.

Muhammad Al-Zuhaili. (2006). *Al- Qawaid wa tathbiqatuha fi al- mazhab al-arbah*. Jilid I. hlm 589. Damsyik: Dar al Fikr

Muhammad Soleh Al-Usaimin Khafarahu Allah. (1435 H). *Al Syarhu Al-Mumta'*. Al- Mamlakatu Al-Arabiah: Dar Ibnu Jawazi.

Muhammad Firdaus Nurul Huda. (2002). *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam.* Selangor Darul Ehsan: Percetakan Putrajaya Sdn.Bhd.

Muhammad Hussein Khal'ie Awang. (1970). *Kelantan Dari Zaman Ke Zaman*. Kota Bharu: Dian Sdn. Bhd.

PHD THESIS

Muhammad Ibn Mukarram ibn ‘Ali ibn Ahmad ibn Manzur al-Ansari al-Khazraji (1290).

Lisan al-Arab. Beirut: Darul Sadar Al Matba’a al-Kubra al-Amiriya.

Muhammad Ibrahim Al-Turkey. (2015). *Dirasah Ta’shiliyah Tatbiqiyah*. Al- Islamiyah Al- Mamlakatu Al-Arabiyah Al-Saudiyah: Al Jamiatul al-Imam Muhamad Saud.

Muhammad Najhan Abdul Halim. (2016). *Islam Menanggani Kepelbagaian*. Darul Ehsan: Pertubuhan Pendakwah Malaysia.

Muhd Kamil Ibrahim. (2004). *Phd Kecil Tapi Significan*. Shah Alam: Ampang Press Sdn. Bhd.

Mujahid Yusoff Rawa. (2019) *Wawancara Seragamkan Undang-Undang Jenayah Syariah*, Julai 14, (2019).

Musa Awang. (2016, Mei 28). *Petanda Baik Penyatuan Ummah*. Berita Harian. https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/05/158317/petanda-baik-penyatuan-ummah

Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha & Ali Al-Syarbaji. (2009). *Al-Fiqh Al-Manhaji Mazhab Al-Syafie*. Kuala Lumpur: Darul Shakir.

Mustapha Al-Khin & Mustafa Al-Bugha & Ali al-Syarbanji. (2009). *Al-Fiqh Al-Manhaji*, *Mazhab Al-Syafie*, juz 6. Damsyik: Darul Qalam.

Mustafa az-Zarqa. (1420). *Fatawa Mustafa Az-Zarqa*. Damsyik: Dar al- Qalam.

Nazura Ngah. (2011, Jun 5). *Konsep Berbeza Komunis, Sosialis, Wakil Kelantan Sokong* PAS *Utama Negara Berkebajikan Daripada Islam*. Berita Minggu. Ngah-nazura@bharian.com.my

Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad. (2003). *Gerakan Tajdid Timur Tengah (Mesir Dan Hijaz): Sejarah Dan Pengaruhnya Kepada Pemikiran Politik Dan Sosio - Budaya Masyarakat Melayu Di Malaysia 1940-1990.* Kuala Lumpur: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.

Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan.* Kuala Lumpur: MC Graw-Hill Education.

Norliah Md. Zain & Haniza Abdul Latif. (2013 Mei 6). *Menggungguli Undang-Undang Syariah*. Pelita Brunei. Pelita.brunei@information.gov.bn

Nurul Ain Mohd Hussain. (2015, Mac 18). *Umno Sokong Hudud Kerana Allah Bukan Politik* – Alwi. Mstar. https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2015/03/18/umno-sokong- hudud-kerana-hukum-allah

Othman Lebar. (2012). *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada Teori Dan Method.* Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim.

Paizah Ismail. (2004). *Status Wanita Dalam Undang-Undang Jenayah Islam*. Batu Cave: Laris Resources Sdn. Bhd.

Paizah Ismail. (2008). *Hudud Hukum & Pelaksanaan*. Shah Alam: Dasar Cetak (M) Sdn. Bhd.

PAS. (2010, Ogos 28). Kenyataan media yang dikeluarkan oleh Presiden PAS. *PAS Tidak Paksa Bukan Islam Terima Hudud*. Blog PAS Islam adalah penyelesaian. http:www.pas.org.my/index.php?option+com_content&view+article&id=482.

Patton, M.Q. (2001). *Qualitative Research And Evaluation Methods*. 3rd Ed. California: Thousand Oaks. SAGE Publications.

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz Bin Juned. (2013). *Qanun Jenayah Syar'iah Satu Pengenalan*. Brunei: Ezy Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd.

Pejabat Agung Pas. (2011). *Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (Pas) (Pindaan 2011)*. Taman Malawati. Kuala Lumpur: Pejabat Agung Pas.

Pendakwa Syarie Lwn Jamal bin Juhai & Jamil bin Sarakawi (perayu). (2015). Dalam Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan di Kota Bharu Dalam Negeri Kelantan Darul Naim Kes Rayuan Jenayah No. 03000-139- 0001-2015-*Minum Minumam Memabukkan* - (Kes tidak dilaporkan) Pada: 13 Disember 2015. (Fail Mahkamah)

Penerbitan Akta (M) Sdn. Bhd. (2012). *Perlembagaan Persekutuan*. Selangor: Percetakan Adiwarna Utama Sdn. Bhd.

Percetakan Nasional Berhad. (2006). *Akta Mahkamah Syariah* (1965) 1984.

Percetakan Nasional Berhad (2020) *Kanun Jenayah Syariah 1993*

Percetakan Nasianal Berhad ( ) *Kanun Jenayah Syariah (1993) 2015*

Percetakan Nasional Berhad (t.t) *Enakmen Kanun Jenayah Syariah No. 2 (1985)*

Perbadanan Menteri Besar Kelantan (Qiadah). (1439H). *Realiti Pemerkasaan Undang-Undang Jenayah Syariah Negeri Kelantan.* Kota Bharu: Kelantan ICT Gateway.

Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. (2013). Warta kerajaan. Perintah Kanun *Jenayah Syariah*. Bandar Seri Bagawan: Cetakan Pangiran Haji Zainal Abidin Pangiran Seri Wijaya.

Persatuan Peguam Syarie Kelantan. (2015). *RUU 355 Dan Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 Realiti & Cabaran, Diskusi Eksklusif*. Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia, Kelantan. (Kertas kerja)

Peter, R. (2006). *The Re-Islamization Of Criminal Law In Nothen Nigeria And Judiciary: The Safiyyatu Hussaini Case*. Leiden & Boston: Brill

Peters, R., & Weiss, B. (2006), *Qadis And Their Judgments*. Dlm Muhammad Khalid Masud, Peters, R., & Powers, D. S. (Eds.), Dispensing Justice in Islam (219-241). Leiden - Boston: Brill.

Ramizah Wan Muhamad, Muhammad Naim Omar & Zaini Sulaiman. (2017). *Konsep Dan Amalan Keadilan Restoratif Dan Retributif Di Mahkamah Syariah Dan Sivil Di Malaysia*. Bandar Baru Bangi: Darul Syakir Enterprise.

PHD THESIS

Ratna Osman. (2011). *Sister In Islam Remain Firmly Opposed To The Implementioan Of Hudud Law For Malaysia.* Dilayari pada September 20, 2014 menerusi www.sisterinislam.org.my. @ Kg. Chichal Kubang Kerian Kota Bharu Kelantan.

Riduan Tee. (2008). *Persepsi Belia Cina Terhadap Gerakan Politik UMNO.* (Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan). Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Robert K. Yin. (2014). *Case Study Research: Design And Methods*. Los Angeles: Sage Publication.

Roketkini.com. (2015, Mac 24). *Pendirian DAP Tentang Isu Hudud, Presiden PAS, Dan Pakatan Rakyat.* Roketkini. https://www.roketkini.com/2015/03/24/pendirian-dap- tentang-isu-hudud-presiden-pas-dan-pakatan-rakyat/

Rosli Mokhtar & Mohd Fikri Che Hussain. (2008). *Undang Undang Jenayah Islam.* Johor Bahru: Percetakan Imtian Sdn. Bhd.

Rasm Muhammad Abdul Karim. (1971). *Al-Istihsan Fi Al Syariah Al-Islamiyyah.* Lubnan Beirut: Darul Kotob Al-Ilmiyah

Sa'di, Abu Jayb. (1968). *Al-Qamus Al-Fiqahillughatan Wa Al-Istilahan*. Dimashq: Dar al- Fikr.

Saad Shukri. (1972). *Detik-Detik Sejarah Kelantan.* Kota Bharu: Pustaka Sri Aman.

Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Penerbit Prentice / Pearson Malaysia.

Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan Sains Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves Selangor: Publisher Edusystem.

Salleh Abas. (1986). *Traditional Element Of Malaysia: It's Development (1957- 1977).* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Salleh Abbas. (1986). *Traditional Element Of Malaysia Constitutions: Its Development 1957- 1977*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Salleh Buang. (2007). *Perlembagaan Dan Pentadbiran Isu Kritikal.* Ampang Hulu Klang: Dawana Sdn. Bhd.

Salleh Mohd Akib. (2016). *Sejarah Jajahan Negeri Kelantan*. Kuala Lumpur: Percetakan Seasons Sdn. Bhd.

Sarawak Voice @ News-May 30. Malaysiakini (2016, Mei. 29). *RUU HUDUD: Presiden MCA, MIC, GERAKAN Sedia Lepaskan Jawatan Menteri*. https://m.malaysiakini.com/news/343375

Shah Rul Anuar Nordin. (2008). *Isu-Isu Dalam Pengajian Islam Siri 1.* Parit Raja Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Shamrahayu A. Aziz. (2011). *Issues On Enforcement Of Islamic Criminal Law In Malaysia*. Islamic University Malaysia: Perniagaan Normahs.

Shamrahayu A. Aziz. (2016). *Diskusi Eksklusif, RUU 355 Dan Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) 2015 Realiti Dan Cabaran*. Kota Bharu: Persatuan Peguam Syarie

PHD THESIS

Negeri Kelantan (PPSK).

Shamrahayu A. Aziz. (2018). *Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM Press.

Shamrahayu Ab. Aziz. (2014). *Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan Hudud Dari Perspektif Perlembagaan Dan Undang-Undang.* Kuala Lumpur: UKM.

Shamsul Kamal Amarudin. (2015, Mac 29). *Hudud Tak Boleh Dipertikai-Mufti Perak.* Berita Harian. https://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/05/polemik-Hudud-di- malaysia- satu-tinjauan-ringkas.pdf

Shukeri Mohamad. (2009). *Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah Di Negeri Kelantan*: *Kajian Dari Perspektif Hukum*. Universiti Malaya: Akademik Pengajian Islam.

Siti Fatimah Awang. (2020, Mac 11). *Mudahkan Pembayaran Royalti*. Sinar Harian Negeri Kelantan.

Siti Fatimah Salleh. (2015). *Pengeluaran Hukum Fiqah Semasa Berasaskan Perubahan Sosial*. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.

Siti Zubaidah Ismail. (2014). *Pemerkasaan Mahkamah Syariah Dalam Pengurusan Kes Jenayah Islam*. Jurnal Hukum, 17-25.

Siti Zubaidah Ismail. (2016). *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah.* Petaling Jaya: A & S Cetak Sdn. Bhd.

Siti Zubaidah Ismail. (2017). *Pampasan Kecederaan Fizikal Akibat Kecuaian Menurut Perundangan Islam*. Kajang, Selangor : International Law Book Services. The Galaxy Print Sdn. Bhd.

Siti Zubaidah Ismail. (2017, Februari 21). *Tatacara Penguatkuasaan Kes Khalwat*. Berita Harian. https://www.facebook.com/share/tBbXvJhihKLUQ9iM/

Siti Zubaidah Ismail. (2017). *Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah Di Malaysia.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya (UMPrees).

Mohd Naim Mokhtar (2024, April 6). *Kenyataan MCCBCHST Mengelirukan, Boleh Timbulkan Suasana Tidak Harmoni*. Bernama. https://www.astroawani.com/berita- malaysia/kenyataan-mccbchst-mengelirukan-boleh-timbulkan-suasana-tidak- harmoni-mohd-naim-465516

Statistik Dewan Rakyat. Dilayari pada 23 Januari 2022 menerusi laman web https://www.parlimen.gov.my/statistik.html?uweb+dr&parlimen.co.my.

Stake, R. (1995). *The Art of Case Study Research*. Thousand Oaks CA: Sage. Strauss, A., & Corbin, J. (1990). *Basic Of Grounded Theory Method.* Beverly Hill CA: Sage.

Sudan Government, v. Elhgga El-Hussein (1988). *Hudud Laws And Its Implications On* Women. (n.d). Dilayari pada 14 Jun 2014 menerusi laman web http://www.violenceisnotourculture.org/sites/default/files/HududNik%20SIS.pdf

PHD THESIS

Syed Muhammad Al-Mu'thi. (t.t). *Fath Al Bari Syarah Sahih Al-Bukhari Lisyeikh Al-Islami Qadhi Al-Qudha Al-Hafiz Ibnu Muhammad Ibnu Hajar Al-Asqalani Al-Ayafie*. Al-Qahirah: Maktab Al-Kulliyah Al-Azhar.

Syeikh Muhamad Abu Syahbah. (1396). *Muhadharat Rabitah Al-Alami Islami*. Makkah Al- Mukarramah.

Tariq Ramadan. (2005). *An International Call for Moratorium on Corporal Punishment, Stoning and The Death Penalty in The Islamis World. Dilayari pada April 20, 2019 menerusi cision prweb, new center* (Ibrahim Sow) http://www.tariqramadan.com.

Tarrence Tan (2016) Nov. 2016). *Amanah, Taklimat RUU 355 Seperti Melayu Berkomplok Terhadap Bukan Melayu Islam*. Malaysia Kini. https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/23/amanah-taklimat-ruu-355-seperti-melayu-berkomplot-terhadap-bukan islam/?utm_source=whatsapp&utm_medium=share-button

Tengku Razaleigh Hamzah. (2017, Feb. 2017). *Perlembagaan: Ku Li Tak Sokong RUU355. Sejauh Mana Anda Memahami Hudud.* Forum anjuran (NGO) Angkatan Amanah Merdeka. https://www.mynewshub.tv/2017/02/ku-li-tentang-ruu-355-bertentangan- perlembagaan/.

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan. (2019). *Hala Tuju Potfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan Melangkah Ke Hadapan (2018-2023)*. Kota Bharu: Art Creation.

Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan. (2016). *Pelan Strategik Kelantan Melangkah Kehadapan, Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan (2016- 2025)*. Kota Bharu: Art Creation.

Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan. (2019). *Hala Tuju Potfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan Melangkah Ke Hadapan (2018-2023*). Kelantan: (UPEN) Kota Bharu.

Urusetia Penerangan Negeri Kelantan. (2014*).* Fajar Islam. *Hudud 2015 insyaallah*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press

Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan. Januari (2008). Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Kelantan.

Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan. (2017). Fajar Islam (Bil.60) *Amalan Syura Teras Pentadbiran Negeri.* Kota Bharu: Pustaka Aman Press

Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri (2011). *Hudud Tuntutan Umat & Tanggungjawab Pemimpin Islam*. Percetakan Puncak Barisan (M) Sdn. Bhd. Kota Bharu.

Wahbah Al-Zuhaily. (1989). *Al fiqh al-Islami*: Damsyik. Darul Fikr.

Wahbah al-Zuhaily. (2006). *Al-Fiqh Islami Wa Adilatuhu*. Syria Damascus: Dar El-Fikr. Wan Nik Wan Yussof. (1995). *Jawapan Kepada Beberapa Kekeliruan Tentang Hudud*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Wan Nik Wan Yussof. (2011). *Keadilan Asas Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah (II)*

PHD THESIS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1993 Negeri Kelantan. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Wan Zahidi Wan Teh. (2003). *Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah Dalam Pentadbiran Kerajaan.* Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Warta Kerajaan Negeri Kelantan. (2015). *Kanun Jenayah Syariah II (1993) 2015 Kelantan.* Kuala Terengganu: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Warta Kerajaan Negeri Kelantan. (1993). *Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993*. Kuala Terengganu: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Yusoff Al-Qaradawi. (2012). *Flexibility Islam.* Seri Kembangan, Selangor: Mihas Grafik Sdn. Bhd.

Yusoff Zaki (Wahbah Al-Zuhaily).(n.d). *Mengenali Hukum Hudud*. Kota Bharu: Dian Darul Naim Sdn. Bhd.

Zainul Rijal Abu Bakar. (2021, Februari 28). *Perjelas Kuasa Legislatif Persekutuan, Negeri*. Sinar Harian. . https://www.sinarharian.com.my/article/126078/KOLUMNIS/Perjelas-kuasa-legislatif-Persekutuan-negeri

Zainul Rijal (2020) *Kenapa Cabar Enakmen Jenayah Syariah, bukan Kanun Keseksaan?*. https://www.billplz.com/indahnyaislam

Zatul Iffah Zolkiply. (2019, Mei 15). *Denda RM1.56 Juta Bunuh Binatang Liar.* Harian Metro. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/05/456114/denda-rm156-juta-bunuh- binatang-liar

Zulkifli Hasan. (T.T). *Polemik Hudud Di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas*. Dilayari pada Jun14,2014 menerusi https://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/05/polemik- Hudud-di-malaysia- satu-tinjauan-ringkas.pdf

Zulkifli Hasan. (2014). *Hudud Di Malaysia Cabaran Pelaksanaan*. Angkatan Belia Islam Malaysia. Selangor: 165 Print Solutions Sdn. Bhd.

Zulkifli Hasan. (2016). *Hududisme*. Angkatan Belia Islam Malaysia. Kuala Lumpur: Ilham Books.

Zulkifli Muhamad Al-Bakri. (2011). *Hudud Satu Pencegahan Dan Pendidikan Bukan Hukuman.* (Kertas Kerja). *Seminar Hududullah*, Balai Islam Lundang Kota Bharu, Kelantan.

Zulkifli Muhamad Al-Bakri. (2016). *Bayan Linnas Isu Cadangan Pindaan Akta 355: Satu* Pendapat. Kuala Lumpur: Pustaka Cahaya Kasturi.

Zulkifly Muda. (2010). *Jenayah Hudud Dan Pembunuhan Menurut Perundangan Islam.* Kuala Terengganu. Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.